

**IMPLEMENTASI
SKIM PAMPASAN MANGSA KECEDERAAN JENAYAH
MELALUI TAKAFUL DI MALAYSIA : SATU KAJIAN PERBANDINGAN
DAN TINJAUAN PELAKSANAAN DI NEGARA-NEGARA BARAT**

MOHD SADAD BIN MAHMUD

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang

Islam telah diturunkan kepada umat manusia dengan disempurnakan al-Quran dan al-Sunnah yang meliputi aqidah, syariah dan akhlak sebagai suatu panduan yang lengkap. Ajarannya yang bersifat bersepadu, semulajadi dan menyeluruh sememangnya sesuai dilaksanakan di semua keadaan, masa dan tempat. Berdasarkan panduan tersebut manusia telah diberi amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi untuk mentadbir dan mengurusannya dengan sebaik-baik mungkin demi mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan (*al-falah* ¹) baik di dunia mahupun di akhirat.

Firman Allah swt ² yang bermaksud :

Pada hari ini telah aku sempurnakan untuk kamu agama kamu, telah aku cukupkan kepada kamu nikmatku, dan telah aku redho' Islam itu menjadi agama kamu.

¹ Kata *falah* digunakan di dalam al-Quran (*falah* dan *hayatul tayyibah*) sekurang-kurangnya empat puluh kali dalam bentuk-bentuk yang berbeza. *Falah* juga diserukan lima kali sehari melalui azan dan setiap seruan diulangi sebanyak dua kali. Menurut Islam peningkatan amalan rohani (spiritual) adalah suatu unsur yang penting bagi kesejahteraan manusia. Apapun usaha yang dilakukan demi kepentingan yang bertentangan dengannya akan menemui kegagalan. M. Umer Chapra, (1992), *Islam and the Economic Challenge*, The International Institute of Islamic Thought (IIIT), Herndon, USA, hlm. 6.

Al-falah yang terdapat di dalam al-Quran samalah dengan keredaan Allah swt. Perbezaan di antara kedua-duanya ialah bahawa keredaan Allah swt merupakan idea yang abstrak dan sukar untuk dianalisis sedangkan *falah* adalah kualiti yang boleh diamati dan difahami. Dengan itu *falah* merupakan satu-satunya kaedah atau cara yang membolehkan kita memastikan dan mengamati keredaan Allah swt. Oleh kerana keredaan merupakan perbuatan kemahuan makan pengurniaan *falah* dianggap sebagai manifestasi yang benar dari kemahuan itu. Oleh kerana kedua-dua istilah mempunyai perkaitan yang rapat maka istilah *falah* yang terdapat di dalam al-Quran bolehlah digunakan oleh bidang sains sosial sebagai norma kajian. Istilah-istilah yang berlainan sering digunakan di dalam al-Quran semasa membuat penegasan tentang objektif muktamad aktiviti manusia seperti firman Allah swt di dalam surah 29 ayat 38 dan surat 37 ayat 14 – 15. Terdapat beberapa contoh lain di dalam al-Quran yang tidak bertentangan di antara satu sama lain. Muhammad Nejatullah Siddiqi, (1998), *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, (terj.) Md Sharit Baharuddin dan Akidah Abu Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 3.

² Al-Quran, Surah *al-Maidah*, ayat 3.

Pada hakikatnya, *al-falah* ini boleh dicapai dengan sistem kehidupan Islam iaitu dengan mematuhi hukum *fitrah insaniah* yang telah ditentukan oleh Allah swt. Undang-undang, ekonomi ³ mahupun pentadbiran adalah merupakan sebahagian daripada usaha-usaha yang dikehendaki Islam untuk kepentingan manusia demi memenuhi *fitrah insaniah* tersebut. *Syariat* Islam bukan sahaja mempunyai sifat-sifat kemudahan, tidak sukar mahupun menghilangkan kesulitan ⁴ bahkan juga matlamat undang-undang itu sendiri akan membawa kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat sesuai dengan kemampuan dan batas-batas *fitrah* mereka sendiri.⁵

Firman Allah swt ⁶ yang bermaksud :

Allah swt mengkehendaki kemudahan bagi kamu dan tidak mengkehendaki kesusahan bagi kamu.

Tambahan pula, tujuan manusia hidup di dunia ini adalah untuk beribadah kepada Allah swt. Segala perbuatan dan perlakuan manusia haruslah kembali kepada *syariat* Islam. Ini berdasarkan firman Allah swt ⁷ yang bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman, rukuk serta sujudlah (mengerjakan solat) dan beribadahlah kepada Tuhanmu (dengan mentauhidkannya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan, supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).

³ Tuntutan dan amalan muamalah di dalam ekonomi Islam ialah mewujudkan keadilan bagi semua pihak. Sekiranya sesuatu aktiviti muamalah itu boleh menghasilkan kezaliman maka ia adalah dilarang. Misalnya Rasulullah saw melarang riba, penipuan dan lain-lain. Larangan-larangan ini menunjukkan bahawa pertukaran itu hendaklah dilakukan dengan harga yang adil berdasarkan penawaran dan permintaan, semua maklumat mesti diketahui, monopoli dan menyembunyikan barang adalah tidak dibenarkan. Syed Othman al-Habshi, (1989), *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*, Hizbi, Shah Alam, hlm 51 – 52. Lihat juga ulasan konsep keadilan dalam pembahagian kekayaan oleh Afzalur Rahman. Afzalur Rahman, (1995), *Doktrin Ekonomi Islam*, (terj.) PT Dana Bhakti Wakaf, Yogyakarta, jilid 1, hlm. 35 – 43.

⁴ Perlu diteliti bahawa prinsip ini tidak boleh digunakan sebagai *wasilah* (cara) untuk menggugurkan pelbagai kewajipan tanpa ada alasan yang dibolehkan oleh syarak seperti meninggalkan sembahyang kerana beban tugas yang banyak dan berdalih bahawa agama Islam itu mudah dan tidak ada kesulitan. Ini adalah suatu kesalahan yang berdosa besar kerana maksud daripada agama itu bukanlah bererti sengaja mempermudah-mudahkan dan meringan-ringankan perintah yang disyariatkan tetapi ia bermaksud apa yang disyariatkan oleh agama itu sendiri adalah mudah. Para fuqaha' telah menggariskan sebab-sebab yang meringankan *taklif* kewajipan agama disebabkan perkara-perkara berikut iaitu bermusafir (perjalanan), sakit, paksaan, lupa, jahil dan tiada kelayakan. Abdullah Nasih Ulwan, (1989), *Pengenalan Syariah Islamiyyah : Fiqh dan Sumber-sumbernya*, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, hlm. 33.

⁵ Hailani Muji Tahir, (1991), *Sistem Ekonomi Islam dan Dasar Belanjawan*, al-Rahmaniah, hlm. 7.

⁶ Al-Quran, Surah *al-Hijr*, ayat 9.

⁷ Al-Quran, Surah *al-Hajj*, ayat 77.

Justeru itu, Islam telah merumuskan suatu sistem undang-undang, ekonomi ⁸ dan pentadbiran yang berbeza daripada sistem-sistem yang digunapakai oleh orang-orang barat ⁹ yang menguasai dunia pada hari ini. Ianya memiliki *akar* di dalam *syariah* yang seharusnya menjadi sumber pandangan dunia.¹⁰ Tujuan *syariah* (*Maqasid syar'iah*)¹¹ bukanlah bersifat hukuman atau kebendaan semata-mata tetapi adalah untuk mencapai kesejahteraan umat manusia. Ia akan memberikan suatu nilai kehidupan yang baik bagi persaudaraan dan keadilan,¹² sosio-ekonomi serta menuntut suatu kepuasan seimbang baik di dalam keperluan material dan spiritual, rohani dan jasmani umat manusia.

⁸ Ada yang menganggap ekonomi Islam sebagai suatu sistem dan ada yang menganggapnya sebagai pengkhususan suatu ilmu. Sistem bererti suatu kehidupan yang kompleks : suatu susunan hal atau bahagian yang paling berhubungan. Sementara ilmu pula ialah pengetahuan yang dirumuskan secara sistematik. Daripada pengertian sistem itu dapat difahami bahawa ekonomi Islam merupakan satu bahagian daripada suatu cara hidup yang lengkap berdasarkan kepada empat bahagian pengetahuan yang nyata iaitu pengetahuan yang diwahyukan iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijma' ulamak (kesepakatan para ulamak) dan *qiyas*. M.A. Mannan, (1994), *Islamic Economics, Theory and Practice*, Singapore, hlm. 15.

⁹ Akibat penjajahan oleh kekuatan imperialisme, baik kapitalisme mahupun sosialisme, Islam tidak lagi menjadi pegangan yang menyeluruh di nagara-negara Islam, bahkan mengambil sekularisme dengan suatu campuran feodalisme, kapitalisme dan sosialisme untuk mengatasi masalah-masalah ekonominya. Sistem ekonomi Islam tidak dipraktikan di mana-manapun dalam negara-negara Islam. M. Umer Chapra, (1992), *Islam and the Economic Challenge*, The International Institute of Islamic Thought (IIIT), USA, hlm. 12.

¹⁰ Ramai ilmuwan barat telah mengakui bahawa syariah mempunyai sifat-sifat asli yang tetap serta keabadian yang kekal dalam nas dan sumber-sumbernya tanpa mengalami penyelewengan dan perubahan. Al-Quran yang merupakan sumber utama perundangan Islam telah dijamin oleh Allah swt terpelihara sehingga hari kiamat daripada sebarang penyelewengan dan perubahan berbanding agama-agama lain. Prof Reynold Nicholson menyebutkan : *Al-Quran merupakan dokumen kemanusiaan yang tinggi menerangkan secara terperinci rahsia kelakuan Nabi Muhammad saw pada setiap peristiwa hidupnya, sehingga kita benar-benar menemui di dalam suatu unsur yang unik yang tidak boleh diragui dan diperdebatkan*. Reynold Nicholson, (1987), *The History of Arabic Culture*, Oxford University Press, hlm 77.

¹¹ Konsep *Maqasid Syar'iah* telah diterangkan oleh Dr Ahmad Raisuni iaitu perbahasan di dalam *masalah illah* mengenai perkara *masalah* dan *mafsadah* merupakan bahasan mengenai intipati *maqasid*. Kita telah melihat bahawa *Maqasid Syar'iah* adalah kesimpulan dan gabungan daripada *Jalbi al-Maqasid wa Dar al-Maqasid* (mendapatkan apa-apa yang membawa kebaikan dan menolak segala yang boleh membawa kepada keburukan). Dr. Ahmad Raisuni, (1995), *Nazariyyah al-Maqasid Inda Imam al-Syatibi*, Virginia, USA, Ma'had al-Alami al-Fikri al-Islami, hlm. 17.

Kedua-dua konsep tersebut telah disepakati oleh ulamak sebagai merangkumi *masalah* dunia dan akhirat. Sesungguhnya ketetapan *syariat* adalah untuk kemaslahatan hamba di dunia dan akhirat sekaligus. Al-Syatibi, (t.t.), *al-Muwafaqat*, Dar al-Makrifah, Juz II, hlm. 7. Al-Ghazali menyebutkan bahawa tujuan utama syariah adalah untuk meningkatkan kesejahteraan umat manusia yang terletak kepada perlindungan iman, hidup, akal, keturunan dan harta. Apa saja yang memantapkan lagi perlindungan yang lima ini merupakan *masalah* umum yang diperlukan. al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, (1937), *al-Mustashfa mim Ilmi al-Usul*, Maktabah al-Tijariyah, Kaherah, bab 1, hlm. 139 – 140.

¹² Untuk mencapai keadilan ekonomi, sesebuah masyarakat mestilah mematuhi prinsip *kesamaan* dan *kesaksamaan*. Prinsip kesamaan adalah ketidaksamaan yang sederhana dan bukan ketidaksamaan yang berlembhan. Sebuah masyarakat tidak dianggap bersifat Islam jika membiarkan segelintir anggotanya hidup mewah sedangkan yang lain hidup dalam kemiskinan. Sementara prinsip kesaksamaan menyebutkan bahawa keuntungan dan kerugian ekonomi haruslah yang *sewajarnya*. Jomo K.S., (1996), *Alternatif Ekonomi Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 50.

Oleh yang demikian, umat manusia amat memerlukan di antara satu sama lain untuk menempuh dan meneruskan kehidupan serta memenuhi keperluan masing-masing. Hidup bermasyarakat ini merupakan suatu keperluan¹³ yang memerlukan pengawalan dan pengatur cara hidup demi memelihara kestabilan, keamanan dan kesejahteraan umat manusia.¹⁴ Kehadiran Islam telah membawa suatu sistem undang-undang sivil yang menyusun hubungan manusia sesama manusia, manusia dengan pemerintah dan memelihara hak-hak mereka di atas muka bumi ini.¹⁵

Firman Allah swt¹⁶ yang bermaksud :

Untuk setiap umat antara kamu, Kami telah berikan aturan (syariah) dan sistem-sistem tertentu.

Undang-undang diadakan supaya manusia mematuhi, baik di hadapan pihak berkuasa undang-undang atau sebaliknya. Dalam erti kata lain, manusia dikehendaki bertindak dan beramal mengikut undang-undang. Apabila manusia mengikut undang-undang, hak diri sendiri dan hak orang lain akan terpelihara. Namun kadang kala di dalam kehidupan, ada sebahagian manusia bertindak menyalahi undang-undang dan ada sebahagian di kalangan manusia yang lain dengan kemahuan sendiri akan bertindak menegakkan undang-undang. Ini akan menyebabkan mereka akan sentiasa terdedah kepada risiko kecederaan mahupun kematian yang akhirnya akan membawa musibah kepada diri, keluarga dan masyarakat.

¹³ Mahmassani, S. (1961), *Falsafat al-Tashri fi al-Islam*, Beirut, hlm. 14.

¹⁴ Kajian sejarah dan arkeologi membuktikan bahawa masyarakat manusia dari kumpulan-kumpulan manusia yang kecil dan sederhana hingga kepada masyarakat manusia yang moden dan serba kompleks memiliki batas-batas kaedah atau peraturan yang menjamin kelangsungan hidup mereka. Geogfrey Sawer, (1965), *Law of Society*, OUP, hlm 27 – 28.

¹⁵ Walaupun terdapat persamaan di antara undang-undang sivil dengan syariah Islam dalam memelihara masalah umum, menjaga peraturan umum serta mewujudkan keamanan, ketenteraman dan kebahagiaan untuk rakyat sama ada individu atau masyarakat namun terdapat banyak perbezaan antara syariah dengan undang-undang sivil yang membuatkan syariah lebih tinggi darjatnya dan mengatasi semua sistem dan undang-undang yang dicipta oleh manusia. Antara perbezaan tersebut meliputi aspek *Rabbaniyah* (ketuhanan) dan *Tarbiyah* pada akhlak serta *Aqidah Rabbaniyah*. Abd Jalil Borhan, (2002), *Pengantar Perundangan Islam*, Penerbit UTM, Skudai, hlm 34 – 39.

¹⁶ Al-Quran, Surah *al-Maidah*, ayat 48.

Di dalam Islam, mangsa kecederaan jenayah seperti ini sememangnya telah mendapat pembelaan yang sewajarnya melalui kaedah-kaedah seperti *qisas*, *diyat*¹⁷ dan *aqilah*.¹⁸ Melalui prinsip-prinsip tersebut, Islam telah menyediakan suatu sistem undang-undang sivil yang menyusun hubungan manusia sesama manusia dan sebagainya.¹⁹

Firman Allah swt²⁰ yang bermaksud :

Tidak boleh seorang mukmin membunuh orang mukmin yang lain kecuali jika tersalah. Barangsiapa membunuh orang mukmin dengan tersalah, hendaklah memerdekakan seorang hamba sahaya, serta dibayarkan diyat kepada keluarga yang terbunuh itu, kecuali mereka sedekahkan.

Oleh yang demikian, pampasan mangsa kecederaan jenayah merupakan suatu skim yang bukan sahaja telah diiktiraf oleh Islam malahan telahpun dilaksanakan oleh negara-negara barat pada hari ini. Konsep cadangan pelaksanaan pampasan ini telah dikemukakan oleh seorang Majistret British iaitu Margery Fry pada akhir tahun 1950an. Pelaksanaan skim pampasan ini telah dimulakan di New Zealand melalui *Victims of Offencer Act / Victims of Offences Amendment Act* pada tahun 1963, United Kingdom melalui *Criminal Injuries Compensation Scheme* pada tahun 1964, Australia Selatan melalui *Criminal Injuries Compensation Act* pada tahun 1969,²¹ Germany melalui *The Federal Act on State*

¹⁷ Berdasarkan Surah An-Nisa ayat 92, *diyat* adalah harta benda yang wajib ditunaikan oleh sebab tindakan jenayah, kemudian diberikan kepada mangsa jenayah atau kepada walinya. *Diyat* meliputi denda sebagai pengganti *qisas* dan denda selain *qisas*. *Diyat* disebut juga dengan nama *Al-Aql*. Sayyid Sabiq, (1978), *Fiqh Sunnah*, Dar al-Fikr, Beirut. Wahbah al-Zuhaili, (1996), *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dar al-Fikr, Beirut.

¹⁸ Kata terbitan bagi *aqilah* pula ialah '*aql*' yang bererti *diyat*. Perbuatan *diyat* ini akan dapat mengelakan terjadinya pertumpahan darah daripada berlaku, dimana ia dibayar kepada keluarga mangsa sama ada akibat perbuatan pembunuhan atau kecederaan. Sayyid Sabiq, (1983), *Fiqh Sunnah*, Dar al-Fikr, Beirut, jld 2, hlm 470. Abd Kadir Audah, (t.t.), *Tasyrik al-Jinai al-Islami*, Dar al-Turath, Kaherah, jld 1, hlm 301.

¹⁹ Walaupun terdapat persamaan di antara undang-undang sivil dengan syariah Islam dalam memelihara masalah umum serta mewujudkan keamanan, ketenteraman dan kebahagiaan untuk rakyat namun terdapat banyak perbezaan antara syariah dengan undang-undang sivil. Di antara perbezaan tersebut adalah meliputi aspek *Rabbaniyah*(ketuhanan) dan *Tarbiyah* pada akhlak serta *Aqidah Rabbaniyah*. Abd Jalil Borhan, (2002), *Pengantar Perundangan Islam*, Penerbit UTM, Skudai, hlm 34 – 39.

²⁰ Al-Quran, Surah *al-Nisa*, ayat 92.

²¹ Di Australia, terdapat pelbagai unit ditubuhkan meliputi negeri-negeri seperti Victims Referral and Assistance Service (Victoria), Victims of Crime Bureau (New South Wales), Victim Support (South Australia) dan Victim Support Services (Western Australia). Home Office, Procedures and Victims Unit, Victim Support Agency di United Kingdom, Department of Justice, Office for Victims of Crime, National Justice Information Center, National Center for Victims of Crime di Amerika Syarikat.

Compensation for Victims of Violent Crime, tahun 1976, Amerika Syarikat melalui *State Specific Crime Victim Compensation*, tahun 1981 dan negara-negara Eropah lain seperti Perancis, Norway, Austria, Denmark, Sweden dan Ireland sekitar tahun 1980-an.²²

Ini jelas menunjukkan bahawa skim ini amatlah penting untuk dilaksanakan dan ianya memberi kesan yang amat besar terhadap kesejahteraan dan keamanan rakyat di sesebuah negara.²³ Hal ini adalah selaras dengan teori *viktimologi*²⁴ dan Deklarasi 40 / 34²⁵ pada Persidangan Ke-VII Kongres Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pencegahan Jenayah dan Penyalahgunaan Kuasa. Di antara lain ianya menyatakan bahawa :

The declaration recommends measures to be taken at the international and regional levels to improve justice and fair treatment, restitution, compensation and social assistance for victims of crime and it outlines the main steps to be taken to prevent victimization linked to abuse of power and to provide remedies for victims of such treatment.

Dalam konteks Malaysia, statistik menunjukkan bahawa kes-kes jenayah yang dilaporkan pada tahun 1999 sahaja berjumlah 21157 kes dan ianya terus meningkat kepada 40738 kes pada tahun 2009. Sementara bagi kes-kes yang melibatkan kecederaan atau kematian mangsa jenayah termasuk juga kes-kes rogol telah meningkat daripada 7355 kes (1999) kepada 11096 kes (2009).²⁶ Keadaan ini amat membimbangkan kita.

²² David Blunkett, (2004), *Compensation and Support for Victims of Crime*, Home Office, Criminal Justice System, UK. David Beatty etc, (1999), *New Directions from the Field : Victims Rights and Services for the 21st Century*, US Department of Justice, New York.

²³ R Elias, (1986), *The Politics of Victimization : Victims, Victimology and Human Rights*, Oxford University Press, New York. Ian Freckelton, (2003), *Compensation for Victims of Crime*, XIth International Symposium on Victimology, South Africa.

²⁴ Viktimologi adalah kajian sains mengenai pemangsaan. Di dalam konteks sistem keadilan jenayah pada masa kini viktimologi di lihat dari segi kedudukan dan peranan mangsa di dalam sesuatu kejadian jenayah. Zvonimir Paul Separovic, (1985), *Victimology : Studies of Victims*, Zagreb Samobor, Yugoslavia. Mike Maguire and John Pointing, (1988), *Victims of Crime*, A New Deal, Open University Press.

²⁵ *Guide for Policymakers on the Implementation of the United Nations Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, United Nations Declaration pada 26 Ogos hingga 02 Sept. 1985, New York. *Handbook on Justice for Victims on the Use and Application of the United Nations Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, (1998), New York.

²⁶ Polis Diraja Malaysia, (2010), *Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia 2009*, Bukit Aman, hlm 93-104.

Justeru itu, skim pampasan mangsa kecederaan jenayah harus diadakan segera untuk membela dan melindungi mangsa kecederaan jenayah. Skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini telahpun lama dilaksanakan di negara-negara barat. Malangnya, negara-negara Islam seperti Malaysia telah ketinggalan dalam usaha untuk melaksanakan skim pampasan ini walaupun ianya dituntut oleh Islam. Malahan Islam sememangnya menyediakan konsep-konsep seperti *qisas*, *diyat* dan *aqilah* supaya suatu skim pampasan dapat diberikan kepada mangsa kecederaan jenayah. Apa yang berlaku selama ini adalah apabila berlakunya sesuatu kejadian jenayah, maka barulah masyarakat yang sentiasa peka dan prihatin akan menghulurkan bantuan kepada mangsa jenayah sama ada yang mengalami kecederaan mahupun kematian. Kerajaan juga pada masa yang sama akan mengambil langkah-langkah segera membantu mangsa melalui agensi-agensi kerajaan yang tertentu. Namun demikian, tindakan sebegini hanyalah bersifat *ad hoc* sahaja.²⁷

Di antara lain, matlamat utama skim pampasan sebegini adalah untuk memberi jaminan pembelaan kepada ahli masyarakat, sama ada mereka yang terlibat secara langsung dengan kejadian jenayah atau mereka yang sentiasa peka dengan kejadian-kejadian jenayah dan ingin membantu menghalang kejadian jenayah yang berlaku.²⁸ Di dalam usaha memainkan peranan tersebut, golongan ini senantiasanya terdedah kepada risiko kemalangan seperti kecederaan atau kematian yang akhirnya membawa kepada musibah dan kesengsaraan kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling.

Walaupun begitu, adalah tidak dapat dinafikan bahawa peranan mereka yang turut membantu pihak yang berwajib demi mencegah jenayah yang berlaku adalah lebih merupakan tanggungjawab sosial yang tidak mengharapkan balasan apa-apa daripada pelaku jenayah mahupun kerajaan ataupun sesiapa saja. Apatah lagi sekiranya pelaku jenayah adalah daripada kalangan yang tidak mampu untuk membayar pampasan kewangan. Justeru itu, di manakah keadilan bagi mangsa jenayah yang tidak berdosa ini ?

²⁷ Hal ini dapat dilihat di dalam kes Saudara Rosli Mohamad Saad yang telah meninggal dunia akibat ditikam oleh peragut apabila cuba membantu seorang wanita yang diragut di tepi jalan di Ampang Jaya, Selangor pada 29 Jun 2004. *Utusan Malaysia*, hlm 1, 30 Jun 2004, Kuala Lumpur.

²⁸ Steven Hope, (2006), *Scottish Crime and Victimisation Survey 2004 – Calibration Exercise*, Crime and Criminal Justice Research Program, No. 86. Reid-Howie Associates, (2006), *Provision of Support to Victims and Witnesses of Crime in Scotland*, Crime and Criminal Justice Research Program, No. 88.

Keberanian ahli masyarakat sebegini seharusnya mendapat pembelaan yang sewajarnya terutamanya daripada pihak kerajaan mahupun masyarakat sama ada dalam bentuk perkhidmatan perubatan sehinggalah kepada pemberian pampasan kewangan.

Oleh yang demikian, sudah sampai masanya suatu badan rasmi yang tertentu perlu ditubuhkan segera untuk membela dan melindungi mangsa kecederaan jenayah. Peruntukan undang-undang yang sedia ada lebih memfokuskan kepada aspek menjatuhkan hukuman kepada pesalah jenayah sedangkan mangsa kecederaan jenayah hanya menjadi rujukan untuk mendapatkan pembuktian kes jenayah semata-mata. Setelah itu, mereka dibiarkan sendirian menanggung beban kewangan, penderitaan fizikal dan mental akibat daripada perbuatan jenayah. Situasi ini akan bertambah serius jika mangsa kecederaan jenayah pada masa yang sama mempunyai beban tanggungan kewangan bagi menyara ahli keluarganya. Penambahbaikan undang-undang seperti seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah, pemberian pampasan melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, bantuan kebajikan melalui Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara dan program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (1Malaysia) harus dilihat kembali agar ianya memberikan ruang keadilan kepada mangsa dan ahli keluarga mangsa untuk meneruskan kehidupan selayaknya seperti sebelum berlaku sesuatu kejadian jenayah.

Pemilihan *takaful* sebagai suatu kaedah pemberian pampasan sama ada di dalam bentuk pembayaran kewangan atau perkhidmatan kepada mangsa kecederaan jenayah akan merancakan lagi perkembangan industri kewangan Islam bukan sahaja di Malaysia malah di rantau ini. Sehingga hari ini belum ada lagi suatu caruman pampasan yang diberikan kepada mangsa kecederaan jenayah yang ditawarkan melalui *takaful*. Perkhidmatan yang ditawarkan di Malaysia lebih menumpukan kepada skim *takaful* am dan skim *takaful* keluarga sahaja. Justeru itu, penyelidikan ini akan melihat kepentingan dan keperluan *takaful* sebagai cadangan kepada pihak kerajaan supaya mengambil peranan dan tanggungjawab di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini. Hal ini adalah selaras dengan hasrat dan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa di rantau ini pada masa hadapan.

1.2 Bidang Penyelidikan

Bidang penyelidikan yang akan dikaji secara khusus adalah berkaitan dengan aspek undang-undang jenayah, pentadbiran pemerintahan dan kewangan Islam.

Kajian ini akan mengupas dengan lebih mendalam berkaitan mengenai ruang lingkup skim pampasan mangsa kecederaan jenayah yang terdapat di dalam Islam dan pelaksanaan di negara-negara barat khususnya di United Kingdom, Australia, Canada dan Amerika Syarikat. Kajian ini akan membuat perbandingan di antara kedua-duanya.

Kajian ini akan mengulas dengan lebih lanjut mengenai sejarah perundangan negara sejak zaman kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan dan pasca selepas kemerdekaan. Kajian ini juga akan melihat pelaksanaan undang-undang pampasan mangsa kecederaan jenayah dan undang-undang kewangan Islam khususnya *takaful*.

Kajian ini akan melihat mengenai keperluan dan kepentingan kerajaan Malaysia untuk mengambil peranan dan tanggungjawab sebagaimana konsep-konsep yang terdapat di dalam Islam melalui *qisas*, *diyat* dan *aqilah* dan pelaksanaan di negara-negara barat melalui teori *viktimologi* ²⁹ dan Deklarasi 40/34, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini melalui saluran-saluran yang berkaitan seperti menerusi seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara dan program Kebajikan Rakyat Malaysia (Karisma).

Akhirnya kajian ini akan menganalisa kemampuan dan fleksibiliti instrumen kewangan Islam iaitu *takaful* sebagai cadangan kepada kerajaan untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia.

²⁹ Sebagaimana amalan yang telah dilaksanakan di negara-negara barat yang berasaskan kepada *welfare* atau kebajikan maka kerajaan yang memerintah adalah bertanggungjawab ke atas kebajikan rakyat. Jika tidak dilakukan sesuatu maka rakyat akan terbiar dan melarat. Situasi ini akan memberikan suatu kesulitan dan yang akhirnya boleh menggugat kestabilan terhadap pemerintahan negara. Justeru, di dalam proses mengawal keadaan tersebut, kerajaan perlulah mengambil inisiatif melaksanakan skim pampasan ini memandangkan polisi awam yang kuat menyokong sikap prihatin dan penyayang kerajaan. Ini termasuklah memberi bantuan kepada mangsa jenayah yang tidak berdosa apabila ditimpa sesuatu musibah berkaitan jenayah. Abdul Halim Sidek, (2004), *Persidangan Meja Bulat : Peranan Masyarakat Membasmi Jenayah Ragut*, Kuala Lumpur. D Miers, (2003), *Responses to Victimization : A Comparative Study of Compensation for Criminal Violence in Great Britain and Ontario*, Professional Books, Oxford. Siti Hajar Abu Bakar AH, (2011), *Kebajikan Sosial Teori & Praktis*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1.3 Permasalahan Kajian

Terdapat beberapa permasalahan yang ingin dikupas di dalam kajian ini. Permasalahan tersebut dapatlah disimpulkan berdasarkan kepada persoalan-persoalan berikut :

- 1.3.1 Malaysia belum lagi mempunyai suatu skim pampasan yang diadakan untuk membela dan melindungi mangsa kecederaan jenayah sedangkan ianya telah lama dilaksanakan di negara-negara barat. Negara-negara Islam termasuklah Malaysia telah ketinggalan di dalam usaha ini walaupun Islam telah menggariskan konsep-konsep pampasan mangsa kecederaan jenayah menurut al-Quran dan al-Sunnah. Contohnya, *diyat*. Apabila berlakunya sesuatu kejadian jenayah, barulah kerajaan dan masyarakat akan mengambil tindakan segera untuk membantu mangsa kecederaan jenayah. Namun, tindakan sebegini hanyalah bersifat *ad hoc* sahaja.
- 1.3.2 Malaysia belum lagi mempunyai suatu badan rasmi tertentu yang ditubuhkan untuk membela dan melindungi mangsa kecederaan jenayah sedangkan kerajaan mempunyai beberapa saluran untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini. Contohnya, menerusi seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah. Undang-undang yang sedia ada ini lebih memfokuskan aspek hukuman kepada pelaku jenayah sedangkan mangsa kecederaan jenayah telah dibiarkan sendirian untuk menanggung beban kewangan, penderitaan fizikal dan mental. Undang-undang ini harus dilihat kembali agar ianya memberikan ruang keadilan kepada mangsa dan ahli keluarganya untuk meneruskan kehidupan selayaknya.
- 1.3.3 Pengendali *takaful* di Malaysia belum ada lagi yang menawarkan kaedah caruman pampasan melalui *takaful* kepada mangsa kecederaan jenayah. Perkhidmatan yang ditawarkan lebih menumpukan kepada skim *takaful* am dan skim *takaful* keluarga sahaja. Justeru itu, penyelidikan ini akan melihat keperluan dan kepentingan *takaful* sebagai pilihan yang tepat dan cadangan kepada pihak kerajaan supaya mengambil peranan dan tanggungjawab di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini di Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang dikemukakan untuk memperkembang ilmu pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam dan pelaksanaan skim pampasan ini di negara-negara barat. Di antara objektif-objektif tersebut ialah :

- 1.4.1 Melihat sejauh mana ruang yang telah diberikan oleh Islam kepada manusia untuk berurusan sesama manusia berdasarkan konsep, struktur dan prinsip pampasan mangsa kecederaan jenayah menurut al-Quran dan al-Sunnah serta meneliti dasar, struktur dan operasi pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat berdasarkan peruntukan undang-undang negara berkenaan.
- 1.4.2 Memperhalusi persamaan dan perbezaan yang wujud di antara skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam dengan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat berdasarkan data-data dan fakta-fakta yang berkaitan untuk pembuktian kajian yang dilakukan.
- 1.4.3 Mengkaji perkembangan perundangan negara sejak zaman kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan dan pasca selepas kemerdekaan serta melihat pelaksanaan undang-undang pampasan mangsa kecederaan jenayah dan undang-undang kewangan Islam khususnya *takaful* di Malaysia.
- 1.4.4 Mengenal pasti sejauh mana keperluan dan kepentingan di dalam usaha-usaha mengemukakan cadangan kepada kerajaan supaya mengambil peranan dan tanggungjawab untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini melalui saluran-saluran yang sedia ada dan kaedah-kaedah yang bersesuaian.
- 1.4.5 Mengukur dan menilai kemampuan serta fleksibiliti instrumen kewangan Islam khususnya *takaful* sebagai cadangan kepada kerajaan di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah tersebut.

1.5 Kepentingan Kajian

Umumnya kepentingan kajian ini dijalankan adalah meliputi beberapa aspek yang dapat mempertingkatkan lagi perkembangan terhadap undang-undang jenayah, pentadbiran pemerintahan dan kewangan Islam. Di antara lain ianya meliputi :

- 1.5.1 Kajian yang dijalankan akan dapat memperhalusi persamaan dan perbezaan yang wujud di antara skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam khususnya *qisas*, *diyat* dan *aqilah* dengan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat. Islam mempunyai kaedah *qisas* yang merujuk kepada tekstual undang-undang jenayah itu sendiri. Kaedah *diyat* merupakan manifestasi kepada pampasan yang diberikan kepada mangsa kecederaan jenayah. *Aqilah* pula adalah merujuk kepada suatu kaedah yang digunakan di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah.
- 1.5.2 Kajian yang dijalankan akan dapat memberikan perlindungan dan pembelaan yang secukupnya kepada mangsa kecederaan jenayah berdasarkan kaedah-kaedah yang wujud di dalam Islam. Ianya telah diperkukuhkan lagi dengan Deklarasi 40/34 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menyarankan kepada negara-negara anggota supaya memberi pembelaan kepada mangsa kecederaan jenayah. Hal ini adalah selaras dengan teori *viktimologi* di mana kerajaan sesuatu negara perlu mengambil tanggungjawab untuk melindungi dan membela nasib rakyatnya yang mendapat kecederaan akibat daripada perbuatan jenayah dengan memberikan pampasan kewangan kepada mangsa dan ahli keluarganya.
- 1.5.3 Kajian ini akan dapat memperluaskan kefahaman mengenai sejarah perundangan negara yang mengalami perubahan sejak zaman pemerintahan kesultanan Melayu Melaka sehingga ke hari ini. Perubahan ini amat penting kerana ia menunjukkan bahawa pihak kerajaan senantiasa memberi ruang kepada perubahan undang-undang berdasarkan kepada perkembangan semasa. Di samping itu, fakta-fakta dan data-data perkembangan undang-undang kewangan juga akan dihuraikan.

Kajian ini amat penting kerana ruang yang telah diberikan oleh kerajaan telah membuka peluang kepada pelaksanaan undang-undang kewangan Islam melalui perundangan yang sedia ada. Yang diperlukan adalah kajian yang berterusan oleh umat Islam agar cadangan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* dapat dijalankan dengan jayanya di Malaysia.

- 1.5.4 Kajian yang dijalankan ini dapat mengenal pasti keperluan dan kepentingan usaha-usaha yang dijalankan di dalam proses mengemukakan cadangan kepada kerajaan Malaysia supaya dapat mengambil tanggungjawab bagi melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini melalui suatu badan rasmi tertentu. Penyelidikan ini mendapati bahawa kerajaan mempunyai saluran-saluran tertentu untuk menjayakan cadangan ini seperti penambahbaikan undang-undang berkaitan dengan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah di dalam seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, penambahan skop penerima bantuan kebajikan melalui Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara dan Program Kebajikan 1Malaysia (Karlisma).
- 1.5.5 Kajian yang dijalankan ini akan dapat mengukur dan menilai kemampuan instrumen kewangan Islam iaitu *takaful* sebagai pilihan yang tepat di dalam cadangan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah tersebut. Kajian ini mendapati bahawa perkhidmatan yang ditawarkan di Malaysia lebih menumpukan kepada skim *takaful* am dan skim *takaful* keluarga sahaja. Namun, ianya boleh dikembangkan kepada skim *takaful* jenayah bagi melindungi mangsa-mangsa yang cedera atau meninggal dunia akibat daripada perbuatan jenayah. Undang-undang yang sedia ada hanya mengenakan hukuman kepada pelaku jenayah sedangkan mangsa kecederaan jenayah telah dibiarkan sendirian untuk menanggung beban kewangan, penderitaan fizikal dan mental. Justeru, *takaful* dapat dijadikan pilihan yang tepat sebagai cadangan kepada pihak kerajaan di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia.

1.6 Metodologi Kajian

Di dalam usaha untuk menyelesaikan penulisan ini beberapa kaedah dan analisis data telah digunakan bagi mengumpul maklumat yang berkaitan dan ianya amatlah penting untuk menentukan kesahihannya.³⁰ Data dan maklumat yang digunakan ini meliputi :

1.6.1 Data Primer

Data ini diperolehi daripada kajian temubual. Ia merupakan suatu bentuk pertanyaan sosial iaitu temubual yang memfokuskan kepada cara interpretasi manusia dan logikal terhadap pengalaman serta persekitaran individu-individu yang terbabit dalam perkembangan undang-undang jenayah iaitu pampasan mangsa jenayah dan juga kewangan Islam iaitu *takaful* di dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul daripada penyelidikan tersebut.³¹

Data ini amat diperlukan bagi melengkapkan maklumat secara langsung dari pihak-pihak yang arif sama ada pihak pembuat dasar, pihak industri insurans dan *takaful*, ahli-ahli akademik dan pengamal undang-undang yang berkaitan dengan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan di Malaysia.

1.6.2 Data Sekunder

Data ini diperolehi daripada kajian perpustakaan yang dilakukan dengan mengumpulkan maklumat melalui dokumen-dokumen yang berkaitan seperti media cetak meliputi buku, akta, akhbar, jurnal, kertas kerja seminar, latihan ilmiah dan lain-lain atau media elektronik seperti internet, email dan lain-lain. Bahan-bahan sejarah daripada arkib akan dikumpul, disusun dan dianalisa untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang tepat, terkini dan menyeluruh.

³⁰ Mouly, G.J., (t.t.) *The Science of Educational Research*, D.Van Nostrand, New York, hlm 111.

³¹ Glesne, C. & Peshkin, P., (1992), *Becoming Qualitative Researches : An Introduction*, Longman, New York. Lihat juga Newman, W.L., (2000), *Social Research Methods : Qualitative And Quantitative Approaches*, Allyn & Bacon, Boston. Juga Rubin, A. & Babbie, E., (2001), *Research Methods For Social Work*, Ed. Ke-4, Wadsworth/Thomson Learning, Belmont, CA.

1.6.3 Kaedah Analisis Data

a) Analisis Perbandingan

Data dan maklumat yang diperolehi daripada konsep dan struktur pampasan mangsa kecederaan jenayah akan dijadikan asas untuk membina skema perbandingan di antara skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam dengan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat. Kajian ini akan menganalisa secara progresif untuk menghasilkan rumusan yang tepat. Maklumat ini amatlah penting untuk menyokong data-data yang sedia ada bagi membuat rumusan perbandingan.

b) Analisis Deskriptif

Data dan maklumat yang didapati daripada sejarah perundangan negara, pentadbiran pemerintahan dan undang-undang kewangan Islam akan diteliti untuk menghasilkan rumusan penyelidikan yang akurat. Perbahasan ini akan menjadi infrastruktur dan polisi yang penting di dalam menghasilkan saluran-saluran pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia. Maklumat ini adalah penting supaya cadangan yang dikemukakan kepada pihak kerajaan mengandungi data-data yang terkini dan menyeluruh.

c) Analisis SWOT

Berpandukan kepada data-data dan maklumat yang diperolehi, ianya akan dianalisa untuk sampai kepada sesuatu kesimpulan. Analisa ini akan diteliti melalui kaedah SWOT (*strengths, weaknesses, opportunity, threats*). Faktor *strengths* adalah faktor kekuatan dalaman yang menyokong pelaksanaan *takaful* manakala faktor *weaknesses* adalah faktor kelemahan dalaman yang perlu diatasi. Faktor *opportunity* dan *threats* pula ialah peluang dan ancaman luaran yang perlu diambilkira dalam menganalisis kemampuan *takaful* sebagai kaedah melaksanakan pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia. Data dan maklumat yang terhasil akan memberikan gambaran yang tepat, terkini dan menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan ini.

1.7 Ulasan Kajian Lepas

Penyelidikan yang dilakukan adalah didapati bahawa tidak ada kajian lepas memberikan tumpuan yang serius kepada pelaksanaan pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful*. Kebanyakan kajian sarjana Islam lebih memfokuskan kepada pendapat ahli fiqh yang lalu iaitu lebih bersifat konseptual dan tekstual. Kajian-kajian yang dilakukan amat kurang memfokuskan kepada arus perkembangan semasa yang berkaitan dengan aplikasi prinsip kewangan Islam dalam isu pampasan mangsa kecederaan jenayah. Apatah lagi perkembangan *takaful* di Malaysia masih baru di mana ianya hanya bermula sekitar tahun 1980-an seiring dengan perkembangan sistem perbankan Islam negara. Perkhidmatan *takaful* pula adalah lebih tertumpu kepada skim *takaful* am dan *takaful* keluarga sahaja.

Terdapat juga beberapa kajian yang dilakukan di Malaysia yang hanya membincangkan pelaksanaan pampasan ini sebagai ulasan ringkas yang berbentuk cadangan sahaja dan kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada hukum-hukum fiqh, contohnya Mahfodz Mohamed dalam bukunya *Undang-Undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas Bunuh*. Beliau telah menjelaskan bahawa prinsip hukuman pembunuhan iaitu *qisas* dan pampasan kepada pembunuhan itu adalah melalui prinsip *diyat* berdasarkan tekstual yang dibahaskan oleh ulama terdahulu.³² Begitu juga penulisan *Undang-Undang Jenayah Islam* oleh Paizah Hj Ismail³³ juga lebih banyak menekankan konsep pampasan undang-undang jenayah khasnya *diyat*³⁴ berdasarkan pendapat ahli-ahli fiqh yang sebelumnya.

Sementara itu, ada para ilmuan Islam yang membahaskan hukum-hukum fiqh Islam dengan membuat perbandingan secara langsung berdasarkan kepada arus perkembangan semasa. Iwad Ahmad Idris di dalam bukunya *al-Diyah Bayn al-Uqubah Wa al-Tawid Fi al-Fiqh al-Islami al-Muqaran* telah menghuraikan persoalan mengenai *diyat* dalam Islam

³² Mahfodz Mohamed, (1983), *Undang-Undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas & Bunuh*, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur.

³³ Paizah Hj Ismail, (1991), *Undang-Undang Jenayah Islam*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Lihat juga Mat Saad Abd Rahman, (1989), *Undang-Undang Jenayah Islam - Jenayah Qisas*, al-Rahmaniah, Selangor.

³⁴ Lihat juga pembahasan tekstual mengenai *diyat* melalui buku Ahmad Fathi Bahnasi iaitu *al-Diyah Fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Abdul Kadir Audah, *Tasyri al-Jinaai al-Islami*, Ibn Qadamah, *al-Mughni Wa al-Sharh al-Kabir*, Ibn Abidin, *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar* dan kitab-kitab Arab yang lain.

dan pelaksanaan serta perkembangan *diyat* yang berlaku di Sudan. Isu yang dibahasakan adalah persoalan *diyat* sama ada ianya sebagai satu hukuman atau pampasan. Begitu juga Najibah Mohd Zin di dalam penulisan *The Law of Personal Injuries And Assessment in Islamic Law : Ibn Qadamah and The Pakistan Panel Code of 1860* telah menghuraikan perkembangan *qisas* dan *diyat* khususnya dengan merujuk kepada buku karangan Ibn Qadamah iaitu al-Mughni dengan membandingkannya dengan *Panel Code Pakistan 1860* dan *Qisas and Diyat Ordinance 1992*. Beliau telah membuat perbandingan mengenai pampasan di dalam Islam mengenai peruntukan statut *qisas* dan *diyat* di dalam undang-undang jenayah Islam melalui *Panel Code Pakistan* tahun 1860 dengan *Qisas and Diyat Ordinance* tahun 1992. Beliau telah melakukan kajian ini ke atas pendapat Ibn Qadamah iaitu tekstual asal *Panel Code Pakistan 1860* yang bermazhab Hanbali dengan pendapat mazhab-mazhab selain Hanbali sebagai tanda aras mengikuti perkembangan semasa dan terkini mengenai pengkajian di dalam hukum-hukum fiqah Islam.³⁵

Satu lagi prinsip yang dikaitkan dengan bayaran pampasan dalam Islam adalah prinsip *aqilah*. Prinsip ini telah menjadi tanda aras kepada tanggungjawab dan peranan besar yang harus dimainkan oleh sebuah kerajaan untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah. Hal ini ditegaskan oleh Anwarullah melalui bukunya *The Criminal Law Of Islam* yang menegaskan bahawa penglibatan kerajaan di dalam pembayaran *diyat* kepada mangsa kecederaan jenayah adalah selaras dengan prinsip-prinsip *aqilah*. Malahan institusi *aqilah* harus segera mewujudkan bagi menunaikan tanggungjawab dan peranan serta sikap perihatin dan penyayang kerajaan terhadap rakyat dapat ditunaikan. Hal ini adalah berasaskan pendapat-pendapat yang diutarakan oleh Ibnu Abidin, Abdul Kadir Audah mahupun Wahbah al-Zuhaili yang akhirnya tanggungjawab dan peranan kerajaan adalah diperlukan bagi membela nasib mangsa kecederaan jenayah.³⁶

³⁵ Iwad Ahmad Idris, (t.t.), *al-Diyah Bayn al-Uqubah Wa al-Tawid Fi al-Fiqh al-Islami al-Muqaran*. Najibah Mohd Zin, (1997), *The Law of Personal Injuries And Assessment in Islamic Law : Ibn Qadamah and The Pakistan Panel Code of 1860*, tesis PhD, Glasgow Caledonian University, Scotland.

³⁶ Anwarullah, (2008), *The Criminal Law Of Islam*, A.S.Noordeen, Kuala Lumpur, hlm. 92 - 100. Lihat juga pembahasan Abdul Kadir Audah, *Tasyri al-Jinaai al-Islami*, jilid 1, hlm. 677 - 679, Wahbah al-Zuhaili, *al-Fiqh Islami Wa Adillatuhu*, jilid 7, hlm. 322 – 326, Ibn Abidin, *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar*, jilid 5, hlm. 456 dan al-Shaukani, *Nailul al-Autar*, jilid 6, hlm. 369.

Para sarjana juga seringkali memasukkan bersama-sama persoalan *aqilah* apabila mereka membahaskan kaedah dan konsep *diyat*. Sayed Sikandar Shah Haneef di dalam bukunya *Homicide In Islam Legal Structure and The Evidence Requirements* telah menghuraikan persoalan *aqilah* dengan membincangkan bersama-sama kaedah-kaedah pembuktian dan hukuman yang boleh dikenakan *qisas*, *diyat*, *kafarrah* dan *takzir*.³⁷

Begitu juga Syed Ahmad al-Sagoff di dalam bukunya *al-Diyat As Compensation For Homicide And Wounding in Malaysia* telah menghuraikan isu *diyat* dan *aqilah* secara bersama-sama sebagai persoalan mengenai pampasan dan hukuman kepada mangsa kecederaan dan pembunuhan jenayah. Beliau telah membuat perbandingan mengenai undang-undang pampasan mangsa kecederaan jenayah Islam yang berlaku di negara-negara Islam yang lain. Maklumat tersebut telah dijadikan sumber dan asas penting di atas cadangan yang beliau kemukakan terhadap pindaan-pindaan Kanun Keseksan di Malaysia agar selari dengan prinsip *diyat* dan hukuman jenayah Islam.³⁸

Pendapat Lukman Abdul Mutalib pula di dalam penulisannya yang bertajuk *Diyat Mengikut Realiti Kehartaan Dan Kekeluargaan Di Malaysia* juga telah memperincikan tentang masalah *diyat* sebagai konsep utama di dalam pengkajian realiti pada masa kini mengenai kedudukan semasa harta kekayaan dan budaya kehidupan keluarga sebagai asas kepada jumlah bayaran pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia.³⁹

Sementara itu, Zainal Azam Abdul Rahman melalui penulisannya iaitu *The Concept of Daman And Compensation in the Islamic Law of Jinayah* juga membincangkan persoalan pampasan ini di bawah undang-undang jenayah Islam. Beliau telah merumuskan bahawa konsep sebenar istilah jinayah dalam Islam ialah *tort* yang berkaitan dengan prinsip *daman*. Menurut beliau takrif *daman* adalah merujuk hanya kepada maksud liabiliti sivil sahaja walaupun *daman* menurut istilah syarak adalah merujuk kepada *pampasan* atau *gantirugi*. Hal ini adalah disebabkan bahawa perbuatan jenayah dalam Islam adalah

³⁷ Sayed Sikandar Shah Haneef, (2000), *Homicide In Islam Legal Structure and The Evidence Requirements*, AS Noordeen, Kuala Lumpur.

³⁸ Syed Ahmad al-Sagoff, (2006), *al-Diyat As Compensation For Homicide And Wounding in Malaysia*, International Islamic University, Kuala Lumpur.

³⁹ Lukman Abdul Mutalib, (2004), *Diyat Mengikut Realiti Kehartaan Dan Kekeluargaan Di Malaysia*, Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

berbeza dengan perbuatan jenayah menurut barat. Hal ini adalah merujuk kepada pembahagian hak Allah dan hak manusia di mana pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam adalah termasuk dalam kes-kes harta pusaka yang sememangnya boleh dibicarakan dan diputuskan oleh mahkamah syariah di Malaysia.⁴⁰

Penulisan Siti Zubaidah Ismail bertajuk *Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-Undang Tort Islam* pula menumpukan kepada aspek kecuaiian dan pampasan terhadap liabiliti pihak-pihak yang menyebabkan kecederaan fizikal terhadap pihak lain. Kajian tersebut telah merumuskan pendapat bahawa pihak-pihak tertentu seperti mereka yang terlibat di dalam bidang perubatan, pekerjaan dan pengguna jalan raya, telah membolehkan mangsa yang mengalami kecederaan akibat kecuaiian pihak tersebut berhak menerima pampasan. Hal ini adalah berdasarkan kepada konsep *diyat* dan *arsy* sebagaimana peruntukan di dalam perundangan Islam. Pengiraan jumlah pampasan pula adalah berdasarkan kadar *diyat* berbanding nilai emas semasa.⁴¹

Dapatlah dirumuskan bahawa walaupun pada umumnya perbahasan para sarjana berkisar dengan prinsip *diyat* dan *aqilah* namun mereka tidak membahaskan persoalan mengenai pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *diyat* dan *aqilah* bersama instrumen kewangan Islam iaitu *takaful*. Malahan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui institusi *aqilah* yang merujuk kepada tanggungjawab dan peranan sebuah kerajaan juga tidak diuraikan. Apatah lagi penyelidikan ini akan menghubungkan dengan cara-cara pelaksanaan yang boleh dilakukan oleh kerajaan Malaysia pada masa kini. Kajian seperti ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana penyelidik sebelum daripada ini dan terdapat jurang penyelidikan yang perlu diisi untuk menimbangkan sama ada kredibiliti *takaful* yang berteraskan konsep *qisas*, *diyat* dan *aqilah* boleh dikembangkan bagi pembayaran pampasan mangsa kecederaan jenayah.

⁴⁰ Zainal Azam Abdul Rahman, (2003), *Pendakwaan Dan Penyiasatan Konsep Dan Amalan : Konsep Pampasan Di Dalam Undang-Undang Jenayah Islam dan Prospek Perlaksanaannya Di Malaysia*, IKIM, Kuala Lumpur. Zainal Azam Abdul Rahman, (1997), *The Concept of Daman And Compensation in the Islamic Law of Jinayah*, Tesis PhD, The University of Birmingham, England.

⁴¹ Siti Zubaidah bt Ismail, (2005), *Kecuaian dan Pampasan Terhadap Kecederaan Fizikal Menurut Undang-Undang Tort Islam*, Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Penyelidikan ini akan menghubungkan teori dan pratikaliti di dalam undang-undang jenayah, pentadbiran pemerintahan negara dan undang-undang kewangan Islam yang sentiasa berkembang ke hadapan. Apatah lagi kajian ini dibuat dengan mengadakan suatu perbandingan dan tinjauan pelaksanaan skim pampasan di negara-negara barat yang telah membela dan melindungi mangsa kecederaan jenayah melalui sistem pemerintahan dan perundangan masing-masing. Sumbangan penting penyelidikan ini adalah melakukan penilaian sama ada konsep *takaful* dapat dijalankan secara komprehensif dan teratur melalui sistem pemerintahan negara di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah kepada masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama.

Perkara ini adalah merupakan suatu persoalan yang perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan Malaysia untuk membela dan melindungi mangsa kecederaan jenayah yang sering kali dilupakan. Usaha-usaha untuk mencegah dan memerangi perbuatan jenayah haruslah diperluaskan dengan menggunakan pelbagai mekanisme yang boleh membantu bagi melindungi keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Justeru itu, kemurnian dan kesucian syiar Islam melalui undang-undang jenayah dan kewangan akan dapat diterapkan dengan secara sistematik, berhemah dan diterima baik oleh semua pihak.

1.8 Susunan Kajian

1.8.1 Bab 1

Bab ini akan menghuraikan keperluan kajian skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini dengan lebih lanjut demi kelancaran penulisan. Ia akan menerangkan perihal latar belakang kajian, bidang penyelidikan, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan susunan kajian.

1.8.2 Bab 2

Bab ini merupakan pengkajian lanjut mengenai skim pampasan mangsa kecederaan jenayah menurut Islam. Antara lain ianya akan menerangkan sejarah pampasan mangsa jenayah yang meliputi kes undang-undang jenayah sebelum kedatangan Islam khususnya *qisas*, *diyat* dan *aqilah* serta konsep-konsep yang berkaitan. Cara-cara pampasan juga akan dihuraikan secara mendalam melalui kaedah yang diterapkan semasa zaman tersebut. Skim pampasan mangsa kecederaan jenayah juga akan dijelaskan selepas kedatangan Islam dan perkembangannya sehingga zaman pemerintahan Islam yang muktahir.

1.8.3 Bab 3

Bab ini adalah huraian kajian yang penting untuk menentukan sejauh mana pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah yang telah dan sedang dilaksanakan di negara-negara barat. Penulisan ini akan menumpukan kajian secara mendalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah yang berlaku di United Kingdom. Di samping itu, kajian perpustakaan melalui buku-buku, bahan-bahan bercetak, internet dan lain-lain akan cuba dihuraikan melalui pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini di negara-negara barat yang lain seperti Australia, Amerika Syarikat dan Kanada.

1.8.4 Bab 4

Bab ini akan menghuraikan perihal sejarah perundangan di Malaysia meliputi zaman pemerintahan kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan dan pasca selepas kemerdekaan. Di samping itu, fakta-fakta dan data-data perkembangan undang-undang kewangan juga akan dihuraikan. Pada masa yang sama juga, kajian ini akan melihat undang-undang sedia ada dan instrumen-instrumen kewangan Islam yang telah dilaksanakan di Malaysia khususnya *takaful* di dalam usaha mencadangkan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah.

1.8.5 Bab 5

Bab ini akan menganalisa dan membuat perbandingan di antara skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam dan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat. Instrumen kewangan Islam iaitu *takaful* akan dikaji untuk meninjau kemampuan dan kebolehannya di dalam usaha untuk mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan supaya mengambil peranan dan tanggungjawab untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia melalui saluran undang-undang sedia ada atau lain-lain kaedah yang bersesuaian sebagaimana teori *viktimologi* dan juga saranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Deklarasi 40/34. Malahan Islam juga telah menggariskan konsep-konsep seperti *qisas*, *diyat* dan *aqilah* sebagai panduan di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah.

1.8.6 Bab 6

Bab ini merupakan kesimpulan kajian. Kajian ini akan mengemukakan cadangan-cadangan dan saranan-saranan kepada pihak berwajib agar dapat dilaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* di Malaysia.

BAB 2

PAMPASAN MANGSA KECEDERAAN JENAYAH MENURUT ISLAM

2.1 Pendahuluan

Penulisan pada bab ini merupakan pengkajian lanjut mengenai skim pampasan mangsa kecederaan jenayah menurut Islam. Antaranya ia akan menerangkan sejarah pampasan mangsa jenayah yang meliputi kes undang-undang jenayah sebelum dan semasa pengembangan Islam khususnya *qisas*, *diyat* dan *aqilah*. Cara-cara pampasan juga akan diuraikan secara mendalam melalui kaedah yang diterapkan semasa zaman tersebut. Skim pampasan mangsa kecederaan jenayah juga akan dijelaskan selepas kedatangan Islam dan perkembangannya sehingga zaman pemerintahan Islam yang muktahir.

Berdasarkan peristiwa pembunuhan Saudara Rosli Mohamad Saad pada 29 Jun 2004, seharusnya pihak kerajaan dan masyarakat menyedari betapa pentingnya skim pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah dilaksanakan. Saudara Rosli Mohamad Saad yang hanya bekerja sebagai pemandu van telah sanggup membantu seorang wanita yang telah diragut begnya ketika sedang menunggu bas untuk ke tempat kerja tetapi akhirnya beliau telah terbunuh. Kejadian tersebut telah menggemparkan seluruh rakyat Malaysia. Suatu tindakan segera harus dilaksanakan dan individu-individu ‘ *wira* ’ seperti Saudara Rosli Mohamad Saad seharusnya dibela sebagaimana yang telah digariskan melalui konsep pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam iaitu *qisas*, *diyat* dan *aqilah*.⁴²

⁴² Saudara Rosli Mohamad Saad telah meninggal dunia akibat ditikam oleh peragut apabila cuba membantu seorang wanita yang diragut ketika menunggu bas untuk ke tempat kerja di Ampang Jaya, Selangor pada 29 Jun 2004. *Utusan Malaysia*, hlm 1, 30 Jun 2004, Kuala Lumpur.

2.2 Pampasan

2.2.1 Pengertian Pampasan

Pampasan berasal dari perkataan *al-Daman* yang membawa pengertian sebagai jaminan iaitu *kafalah* atau juga bererti *iltizam*. Ianya juga memberi erti sabagai bertanggung iaitu *mas'ulliyah*. Disamping itu, pampasan juga merujuk kepada perkataan *ta'wid* iaitu penggantian atau *gharamah* iaitu denda. Pampasan juga sering digunakan dalam konteks *uqubah* iaitu pembalasan atau hukuman terhadap pesalah.⁴³

Pampasan merupakan suatu pemberian barang yang serupa, jika ada yang serupa dan memberi harga jika tidak ada yang serupa.⁴⁴ Pampasan ini merujuk kepada pampasan harta benda dan juga ganti rugi terhadap perbuatan kecederaan kepada manusia. Ia juga merupakan suatu tanggungjawab untuk memberikan ganti rugi kepada mangsa yang mengalami kerosakan atau kehilangan pada harta benda dan kecederaan sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada anggota badan manusia.⁴⁵

a) Kafalah

Imam Shafi'i dan fuqaha di kalangan mazhab Hanafi sering kali menggunakan perkataan *daman* dan *kafalah* secara bersilih ganti kerana kedua-duanya mempunyai maksud yang sama dari segi bahasa iaitu *iltizam* atau jaminan. Dari segi istilah *kafalah* bermaksud mengesahkan hak yang sabit pada tanggungan orang atau menghadirkan orang yang mempunyai hak terhadap orang lain atau barang yang dijamin.⁴⁶

⁴³ Lihat al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam, *Damina*. Lihat Lisan al-Arab, *Damina*.

⁴⁴ *Al-Ahkam al-Adliyah*, Perkara 416, hlm 122. Perkara 145 iaitu Mithliy merupakan barang yang diperolehi seumpamanya di pasar tanpa ada banyak perbezaan harga yang diambil kira. Perkara 146 iaitu Qimiy iaitu barang yang tidak diperolehi seumpamanya di pasar ataupun ada tetapi ada perbezaan harga yang diambil kira. Md Akhir Haji Yaacob, (1994), *Al-Ahkam al-Adliyah -Undang-undang Sivil Islam* (Terj) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 38.

⁴⁵ Wahbah al-Zuhaili, (1996), *Nazariyyah al-Daman*, Dhar al-Fikr, Damsyik, hlm 19. Al-Shaukani, *Nailul Authar*, Maktabah Dhar al-Thurat, Kaherah, hlm 296.

⁴⁶ Al-Ghazali, (1979), *Kitab al-Wajiz fi Fiqh Mazhab Imam al-Shafi'i*, Dar Makrifah, Beirut, jld 1, hlm 183-185. Al-Sharbani, (1989), *Fiqh al-Manhaji*, Dar al-Ulum al-Insaniah, Damsyik, jld.7, hlm 120.

Fuqaha mazhab Hanafi membahagikan kategori jaminan kepada dua ⁴⁷ iaitu :

i) Jaminan diri (*kafalah bi al-nafs*)

Ia merupakan satu pertangungjawaban yang dikemukakan secara sukarela oleh seorang penjamin untuk menghadirkan diri pada masa yang telah ditetapkan untuk menjamin peminjam yang terlibat di dalam sesuatu akad peminjaman.

ii) Jaminan harta (*kafalah bi al-mal*)

Ia merupakan jaminan terhadap hutang seseorang di mana penjamin memberikan jaminan untuk memulangkan hutang kepada pemiutang atau jika bersangkutan dengan kes kecurian atau rampasan ialah jaminan memulangkan barang.

Daman juga membawa maksud jaminan sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran ialah *zaim* sebagaimana firman Allah swt ⁴⁸ yang bermaksud :

Penyeru-penyeru itu berkata bahawa kami kehilangan piala raja dan sesiapa yang dapat mengembalikannya akan memperolehi bahan makanan (seberat) beban unta dan aku menjamin terhadapnya.

b) Uqubah

Daman dan *uqubah* pula sering digunakan kerana membawa maksud yang sama daripada segi kedudukannya sebagai balasan terhadap pelaku walaupun di dalam perkara yang berbeza. Namun, penggunaan istilah *uqubah* lebih terperinci kepada balasan yang dikenakan terhadap sesuatu jenayah sebagai hukuman terhadap salah laku yang menjejaskan hak-hak peribadi dan harta orang lain. Sementara itu, al-Mawardi telah menghuraikan *uqubah* sebagai satu proses pengajaran untuk memperbaiki seseorang serta menghindari daripada mengulangi perbuatan salah tersebut. Perkara *uqubah* juga merujuk kepada bentuk-bentuk kesiksaan di dalam perkara *hudud*, *qisas* dan *takzir*.⁴⁹

⁴⁷ Al-Jaziri, (t.t), *Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arba'ah*, Dar al-Irshad, Kaherah, jld 3, hlm 193. Al-Nawawi, (1995), *Kitab al-Majmu'*, Dar Ihya al-Turath al-Arabi, Jeddah, jld 13, hlm 144. Muhammad Sahlat al-Jundi, (1990), *Daman al-Aqd aw al-Masulliyah al-Aqdiyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, Kaherah, hlm 17-20.

⁴⁸ Al-Quran, Surah al-Yusuf, ayat 72.

⁴⁹ Al-Mawardi, (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyah wa Wilayat al-Diniyyah*, Kuwait, hlm 204 - 205.

Uqubah juga mempunyai perkataan yang hampir sama maknanya iaitu *iqab*. Namun, kedua-dua mempunyai perbezaan di mana perkataan *uqubah* adalah merujuk kepada hukuman yang dikenakan di dunia sementara *iqab* pula merujuk pada hukuman dan pembalasan yang dikenakan di akhirat kelak.⁵⁰

c) Ta'wid

Daman juga istilah yang sinonim dengan perkataan *ta'wid* yang berasal dari perkataan *'iwad* iaitu ganti. *Ta'wid* merupakan perkataan yang merujuk kepada perkara kerugian atau kehilangan yang dialami.⁵¹ Istilah bagi maksud *ta'wid* ini banyak digunakan dalam perkara-perkara harta apabila timbul pelanggaran terhadap kontrak (*aqad*), milikan (*yad*), gangguan (*haylulah*), kerosakan harta (*ifsad*), kemusnahan (*itlaf*), rampasan (*ghasb*) dan penipuan (*ghurur*).⁵² *Ta'wid* juga merujuk kepada perkara gantirugi terhadap harga belian dalam kontrak jualbeli dan gaji dalam kontrak sewaan (*ijarah*).

Al-Ghazali pula telah menjelaskan bahawa *ta'wid* ini merujuk kepada suatu kewajipan untuk memulangkan suatu barang yang serupa atau senilai dengannya.⁵³ Namun, kata *ta'wid* ini jarang digunakan di dalam kitab-kitab fiqh berbanding perkataan *daman* yang digunakan untuk merujuk kepada gantirugi terhadap kerosakan yang dilakukan.

Pembahasan di atas menunjukkan bahawa pampasan merupakan suatu bentuk ganti rugi dalam bentuk kewangan atau harta benda sebagai pembalasan terhadap kerosakan atau menghilangkan manfaat harta benda dan kecederaan atau kecacatan tubuh manusia. Ianya amat diperlukan sebagai sumber pendapatan yang boleh membantu meringankan beban kewangan mangsa kecederaan jenayah bagi meneruskan kehidupannya.

⁵⁰ Al-Bahnasi, (1989), *al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Shuruq, Kaherah, hlm 14.

⁵¹ Muhammad Rawwas Qal'aji, (1988), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*, Dar al-Nafis, Beirut, hlm 139.

⁵² Muhammad Fawzi Faydullah, (1986), *Nazariyat al-Daman fi al-Fiqh al-Islami*, Maktabah Dar al-Shuruq, Kuwait, hlm 85-87.

⁵³ Al-Ghazali, (1979), *Kitab al-Wajiz fi Fiqh Mazhab Imam al-Shafi'i*, Dar Makrifah, Beirut, jld 1, hlm 208.

2.2.2 Dalil Pampasan

Falsafah ke atas penetapan hukuman kepada pelaku jenayah adalah keadilan yang berasaskan kepada balasan yang saksama dikenakan terhadap perbuatan jenayah yang dilakukan. Ini jelas difahami menerusi firman Allah swt ⁵⁴ yang bermaksud :

Pencuri lelaki dan wanita maka potonglah tangan kedua-duanya sebagai balasan perbuatannya dan hukuman daripada Allah swt dan sesungguhnya Allah itu maha perkasa lagi maha bijaksana.

Asas kepada kewujudan pampasan ini sama ada meliputi kecederaan mahupun kerosakan adalah berdasarkan firman Allah swt ⁵⁵ yang bermaksud :

Dan jika kamu dikenakan dikenakan siksaan maka hendaklah kamu membalas dengan balasan yang sama dengan siksaan yang dikenakan ke atas kamu. Tetapi jika kamu bersabar maka sesungguhnya itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang bersabar.

Perbuatan-perbuatan yang melanggar hak manusia di dunia sentiasa memerlukan suatu pengawasan dan pengimbangan hukuman yang *fleksibel* agar keadilan akan dapat diterapkan. Konsep pampasan ini bukanlah menjurus kepada sikap materialistik semata-mata walaupun ia dikenakan di dalam bentuk kewangan ataupun harta benda. Namun, pampasan yang dianjurkan adalah lebih bersifat pilihan kepada peristiwa yang dihadapi biarpun keadaan mangsa tidak mampu dikembalikan kepada sifat kejadian asal. Sumber pampasan ini sedikit sebanyak akan dapat membantu dan meringan beban kewangan dan psikologi mangsa kecederaan jenayah bagi meneruskan kehidupan seadanya.

Di samping itu, konsep pampasan juga sebenarnya mendidik masyarakat agar saling membantu di antara satu sama yang lain agar kehidupan sekeliling lebih tenteram dan aman. Apatah lagi suasana kehidupan pada masa kini sentiasa berubah dengan pantas dan ianya memerlukan sikap ambil tahu dan ikatan persaudaraan yang lebih erat.

⁵⁴ Al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 38.

⁵⁵ Al-Quran, Surah al-Nahl, ayat 126.

2.3.1 Jenayah

2.3.1 Pengertian Jenayah

Jenayah yang terdapat di dalam bahasa Arab ialah *jarimah* atau *jinayah*. Perkataan *jarimah* berasal daripada kata kerja iaitu *jarama*, *yajrimu* yang bererti berdosa, memperoleh dan memotong. Perkataan *jinayah* pula berasal daripada kata kerja *jana*, *yajni* yang bererti berdosa ataupun tindakan jahat yang dilakukan oleh seseorang.⁵⁶

Apabila fuqaha Islam membicarakan tentang pengertian jenayah maka pembahasannya adalah tidak dapat lari daripada pengertian *jinayah* atau *jarimah*. Seperti yang dinyatakan oleh Abdul Qadir Audah bahawa terdapat beberapa pengertian tentang *jinayah* dan *jarimah* menurut syarak. *Jinayah* menurut syarak ialah nama perbuatan yang diharamkan oleh syarak sama ada perbuatan itu dilakukan pada jiwa, harta atau sebagainya. Ada yang beranggapan perbuatan yang dilakukan pada jiwa manusia atau anggotanya dan ada pula yang menyatakan perbuatan yang dikenakan hukuman *hudud* dan *qisas*.⁵⁷

Jarimah menurut syarak pula ialah tegahan-tegahan syarak yang jika dilakukan dikenakan hukuman *hadd* dan *ta'zir*. Ini bermakna dengan melakukan sesuatu yang dilarang oleh syarak dan adakalanya meninggalkan sesuatu yang diperintahkan oleh syarak. Ini menunjukkan bahawa sesuatu perbuatan tidak dianggap *jarimah* jika pelakunya tidak dikenakan hukuman keseksaan yang sepatutnya dikenakan kepada penjenayah.⁵⁸ Justeru itu, pelanggaran batas-batas yang ditetapkan oleh syariat Islam adalah meliputi sesuatu larangan secara positif (*al-'ijabiyyah* atau *act*) dan juga tidak melakukan sesuatu perintah dengan secara negatif (*al-salbiyyah* atau *omission*).⁵⁹

⁵⁶ Dr Wahbah Az-Zuhaili, (1996), *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*, Darul al-Fikr, Beirut, Jilid 6, hlm. 215.

⁵⁷ Abdul Qadir Audah, (1968), *Tasyri al-Jinaai al-Islami*, Dar al-Maktabah, Beirut, hlm 17.

⁵⁸ Al-Mawardi, (1989) *Ahkamul Sultaniyyah*, Kuwait, hlm 219-319. Perkataan *jinayah* dan *jarimah* telah digunakan secara berbeza-beza oleh sesetengah fuqaha. Al-Mawardi (mazhab Syafi'i) membincangkan semua jenis jenayah di bawah tajuk "*al-Ahkam al-Jaraim*". Ia menyatakan bahawa perkataan itu adalah dua perkataan yang sama. Justeru, perkataan itu digunakan bagi semua jenayah meliputi *hudud*, *qisas* dan *takzir*. Wahbah Az-Zuhaili, (1996), *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*, Darul al-Fikr, Beirut, Jilid 6, hlm. 215.

⁵⁹ Ahmad al-Husari, (1973), *al-Qisas, al-Diyat, al-Isiyan al-Musallih fi al-Fiqh al-Islami*, Maktabah al-Kuliyyah Al-Azhariyah, al-Azahar, Kaherah, hlm 11.

Walau bagaimanapun seperti yang ditegaskan oleh Abdul Qadir Audah jika diperhatikan dengan teliti, *jinayah* dan *jarimah* adalah sama iaitu melakukan perbuatan yang ditegah atau meninggalkan perbuatan yang disuruh oleh syarak.⁶⁰ Penggunaan istilah *jinayah* dan *jarimah* juga tidak memberi kesan kepada pengertian pada bahasa Melayu iaitu jenayah.⁶¹ Justeru itu, jenayah merupakan suatu perbuatan yang melanggar undang-undang, menjejaskan keamanan dan kesejahteraan masyarakat. Setiap penjenayah akan mendapat hukuman dan pembalasan yang sewajarnya di atas perbuatan yang dilakukan.

2.3.2 Hukum dan Dalil Jenayah

Sebarang jenayah terhadap tubuh adalah haram menurut syarak. Oleh itu, sebarang serangan atau tindakan terhadap tubuh yang menyebabkan kesakitan kepada tubuh tidak dibenarkan. Terdapat juga ijmak para ulamak Islam yang mengharamkan perbuatan membunuh tanpa hak. Ijmak ini tidak dibantah oleh sesiapa. Ijmak ulamak ini berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah.

Firman Allah swt ⁶² yang bermaksud :

Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah swt (membunuhnya) melainkan dengan suatu yang benar. Sesiapa dibunuh secara zalim, sesungguhnya kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ia melampaui batas dalam membunuh. Sesungguhnya ia adalah orang yang mendapat pertolongan.

Sabda Rasullullah saw ⁶³ yang bermaksud :

Tidak halal darah seorang Islam yang mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan saya adalah utusan Allah, melainkan kerana salah satu daripada tiga perkara iaitu janda yang berzina, nyawa dengan nyawa serta orang yang meninggalkan agamanya dan berpisah daripada jemaah muslimin.

⁶⁰ Abdul Qadir Audah, (1968), *Tasyri al-Jinaai al-Islami*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, hlm 66 - 67.

⁶¹ Mahmood Zuhdi Abd Majid, (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*, UM, hlm 137.

⁶² Al-Quran, Surah al-Isra', ayat 33.

⁶³ Riwayat Bukhari dan Muslim, hadith no. 1828, Jilid IV, hlm. 104.

Para ulama sependapat bahawa membunuh tanpa hak adalah haram. Kesalahan ini berdosa besar selepas syirik dan ulamak bersependapat bahawa sesiapa yang melakukan dan menghalalkan kesalahan ini adalah kafir. Orang ini akan kekal di dalam neraka. Bagi orang membunuh dengan sengaja, dia akan dihukum sebagai fasik walaupun tidak kafir. Hukumannya adalah terserah kepada Allah swt. Allah berhak menghukumnya dan berhak mengampunkannya. Taubat yang dilakukan secara bersungguh-sungguh akan diterima oleh Allah swt dan orang yang bertaubat tidak akan kekal di dalam neraka.

2.3.3 Tujuan Hukuman Jenayah

Pembahasan tentang pengertian jenayah tersebut telah menjelaskan bahawa apa jua jenis kesalahan ⁶⁴ yang berkaitan dengan pencerobohan kehormatan jiwa, tubuh badan, harta benda, melanggar larangan-larangan syarak seperti mencuri, berzina, minum arak dan sebagainya, meninggalkan perintah-perintah Allah seperti sholat, zakat, puasa Ramadhan dan seterusnya adalah termasuk dalam ruang lingkup pengertian jenayah yang luas ini. Apa jua kesalahan yang membabitkan dosa atau maksiat tersebut akan diancam oleh Allah swt yang akan dikenakan hukuman *hudud*, *qisas* ataupun *ta'zir*.⁶⁵

Hukuman-hukuman yang ditentukan ini mempunyai tujuan yang khusus bagi melindungi masyarakat daripada perbuatan jahat agar tiada sesiapa yang akan dirampas hak-haknya tanpa sebarang pembelaan dan jaminan keselamatan.⁶⁶ Hakikatnya dasar hukuman Islam adalah tidak terkeluar daripada dasar am syariat Islam iaitu memelihara *maslahah* atau kepentingan dan menolak *mafsadah* atau kerusakan individu mahupun masyarakat.⁶⁷

⁶⁴ Kesalahan jenayah kerana pencabulan hak bolehlah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu a) hak Allah b) hak manusia c) hak Allah dan hak manusia tetapi hak Allah lebih menonjol d) hak Allah dan hak manusia tetapi hak manusia lebih menonjol. Bagi hak Allah lebih menonjol selain yang mendakwa ialah pihak *hisbah*, orang perseorangan juga boleh mendakwa demi menjaga kepentingan orang ramai. Bagi hak manusia lebih menonjol ialah orang yang berhak (berkepentingan) atau wakilnya yang boleh membuat dakwaan. Muhammad Salam Madkur, (t.t.), *al-Qada fi al-Islam*, Dar al-Nahdah, Mesir, hlm 17.

⁶⁵ Hashim Mehat, (1986), *Islamic Criminal Law And Criminal Behaviour*, ABIM, Kuala Lumpur, hlm 24.

⁶⁶ Secara umumnya sesuatu hukuman diperuntukan bagi sesuatu kesalahan kerana ingin mencapai dua objektif utama iaitu mengurangkan penglibatan masyarakat dengan perbuatan jenayah dan meningkatkan kepatuhan masyarakat terhadap undang-undang negara. Sir Rupert Cross, (1975), *The English Sentencing System*, 2nd Edition, London : Butterworth, hlm 108.

⁶⁷ Zayn al-Din Ibn Ibrahim, (1986), *al-Ashbah wa al-Nazair*, Dar al-Fikr, Damsyiq, hlm 99.

a) Pembalasan

Peranan utama hukuman dalam Islam ialah sebagai pembalasan terhadap perbuatan jenayah yang dilakukan oleh manusia. Ianya haruslah diberi ruang keadilan terutamanya kepada individu atau masyarakat yang dianiayai oleh perbuatan penjenayah. Aspek keadilan ini tidak boleh diukur melalui kesetimpalan mutlak di antara jenayah yang dilakukan dengan hukuman yang dikenakan. Ini kerana Islam melihat keadilan hukuman bukan hanya kepada penjenayah tetapi juga kesannya ke atas masyarakat sekeliling.⁶⁸

Adanya pembalasan ini maka keadilan dapat dijamin dan tindakan membalas dendam akan dapat dikawal serta mengelakan keadaan yang tidak aman dan tenteram sama ada kepada individu atau masyarakat yang terbabit. Firman Allah swt ⁶⁹ :

Dan pencuri lelaki dan perempuan maka potonglah tangan mereka sebagai pembalasan ke atas perbuatan mereka.

Justeru, hukuman yang dikenakan sama ada melalui hukuman *hudud*, *qisas* dan *takzir* adalah sebagai pembalasan di atas setiap perbuatan jenayah yang dilakukan melalui kawalan dan pengawasan yang ditentukan oleh pemerintah sesuatu negara.

b) Pencegahan

Tujuan hukuman dalam Islam juga adalah bertujuan untuk mencegah berlakunya sesuatu jenayah. Hukuman *hudud*, *qisas* mahupun *takzir* di dalam syariat Islam adalah sangat berat untuk mencegah manusia daripada melakukan perbuatan jenayah secara berterusan kerana masyarakat secara keseluruhannya inginkan keamanan dan kedamaian. Ini kerana asas kepada segala hukuman yang telah ditetapkan oleh Islam adalah untuk menjaga kepentingan dan masalah masyarakat awam keseluruhannya.⁷⁰

⁶⁸ Hashim Mehat, (1986), *Islamic Criminal Law And Criminal Behaviour*, ABIM, Kuala Lumpur, hlm 26.

⁶⁹ Al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 38.

⁷⁰ Hashim Mehat, (1986), *Islamic Criminal Law And Criminal Behaviour*, ABIM, Kuala Lumpur, hlm 27.

Aspek pencegahan dapatlah dibahagikan kepada dua aspek ⁷¹ iaitu :

- i) Pencegahan am iaitu unsur kesiksaan fizikal yang boleh menggerunkan manusia untuk melakukan jenayah tersebut. Ia memberi pencegahan kepada masyarakat yang terdorong untuk melakukan kesalahan itu serta menyelamatkan masyarakat daripada kesan buruk perbuatan berkenaan.
- ii) Pencegahan khas iaitu bertujuan untuk merawat penjenayah sedangkan pencegahan am ibarat mencegah sebelum berlakunya jenayah. Bagi mereka yang tidak terkesan dengan peruntukan hukuman tersebut maka kesiksaan yang dialami adalah sebagai suatu pengajaran untuk tidak mengulangnya lagi.

Justeru, tindakan pencegahan jenayah akan mewujudkan suatu suasana yang harmoni dan kestabilan di dalam sesebuah masyarakat sehingga kegiatan-kegiatan sosial masyarakat dapat dijalankan tanpa rasa adanya ketakutan berlakunya perbuatan jenayah. Ini adalah berdasarkan kepada firman Allah swt ⁷² yang bermaksud :

... dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, wahai orang-orang yang berakal supaya kamu bertaqwa.

Ibn Humam juga ada menyebutkan dalam kitabnya bahawa *hudud* itu mencegah seseorang yang belum melakukan jenayah daripada melakukannya serta mencegah orang yang tidak melakukan daripada mengulangnya lagi.⁷³ Hukuman sebat juga mengandungi unsur-unsur pencegahan kerana ianya boleh mendatangkan perasaan gerun dan takut kepada siksaan yang begitu berat.⁷⁴ Lantaran itu, kehidupan manusia di atas muka bumi ini akan dapat diteruskan dengan penuh kebaikan dan memberi manfaat sesama anggota di dalam pembinaan sesebuah masyarakat dan negara yang aman dan makmur.

⁷¹ Abu al-Muati Hafiz Abu al-Futuh, (1976), *al-Nizam al-Iqab al-Islam Dirasat al-Muqaranah*, Muassasah Dar al-Ta'awun, hlm. 125-128.

⁷² Al-Baqarah, Surah al-Baqarah, ayat 179.

⁷³ Ibn Humam, (1970), *Syarh Fath al-Kadir*, Maktabah wa Matba'ah Mustafa, Mesir, Jilid 5, hlm 212.

⁷⁴ PJ Fitzgerald, (1962), *Criminal Law And Punishment*, The Clarendon Press, London, hlm 204.

c) **Pemulihan**

Hukuman di dalam Islam bukanlah bertujuan untuk menganiayai atau menyakiti sesiapa sebaliknya adalah lebih penting sebagai langkah pemulihan atau pembetulan kepada individu-individu yang melakukan jenayah. Malahan al-Mawardi menyebutkan bahawa tujuan hukuman *hudud* dan *takzir* adalah untuk mendidik, memulih dan mencegah seseorang daripada melakukan perbuatan jenayah.⁷⁵

Menjatuhkan hukuman kepada penjenayah bukanlah suatu sifat untuk mendera tetapi lebih bersifat memahami faktor-faktor yang menjadikannya terlibat dengan perbuatan-perbuatan jenayah dan seterusnya mencari jalan penyelesaian dalam usaha pemulihan. Hukuman juga dilihat mempunyai kebaikan-kebaikan tertentu di mana yang dihukum akan mempelajari bagaimana mengelakkan diri dari hukuman tersebut. Contohnya adalah kanak-kanak yang terpegang api akan merasai kepanasan dan kesakitan. Ia merupakan sesuatu yang menyakitkan tetapi pada masa yang sama menyedarkan kanak-kanak tersebut mengenai bahaya api dan ia akan berusaha menjauhkan diri daripada menerima hukuman yang sama. Inilah yang dikatakan pemulihan dan pengajaran.⁷⁶

Hukuman yang dikenakan kepada orang yang melakukan jenayah khususnya dalam hukuman *takzir* bertujuan untuk mendorong seseorang penjenayah agar bertaubat serta menginsafi kesalahan-kesalahannya. Dengan cara ini mereka akan lebih berhati-hati dalam tindakannya pada masa-masa yang akan datang.

⁷⁵ Al-Mawardi, (1989), *Ahkamul Sultaniyyah*, Dar Ibn Qutaibah, Kuwait, hlm 236. Muhamad Salim al-Awwa, (t.t.), *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Satu Kajian Perbandingan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 78.

⁷⁶ Mahmood Nazar Mohamad, (1992), *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Tingkah Laku Manusia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 146.

2.3.4 Bahagian-bahagian Jenayah

a) Jenayah Hudud

Jenayah *hudud* merupakan kesalahan-kesalahan yang telah ditetapkan hukumannya oleh nas-nas al-Quran dan as-Sunnah sebagai hak Allah swt atau hukuman yang ditetapkan bagi kepentingan awam.⁷⁷ Maksud hak Allah swt ialah hukuman ini tidak boleh diampunkan oleh sesiapa pun sama ada mangsa jenayah itu sendiri atau keluarganya ataupun masyarakat awam. Kadar hukuman yang berkaitan *hudud* tidak boleh dipinda sama ada ditambah atau dikurangkan.⁷⁸ Demikian juga apa sahaja kesalahan *hudud*, apabila telah dilaporkan kepada pihak hakim maka tiada kemaafan bagi orang yang didapati bersalah di atas segala perbuatan jenayahnya.

Firman Allah swt ⁷⁹ yang bermaksud :

Itulah hudud Allah swt. maka janganlah kamu melanggarnya. Barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Bagaimanapun para ulamak berbeza pendapat mengenai jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman *hudud*. Sebahagian daripada mereka menyatakan bahawa jenayah *hudud* dibahagikan kepada empat perkara atau tujuh perkara atau paling banyak dibahagikan kepada tiga belas perkara. Namun, pendapat jumhur ⁸⁰ menyatakan bahawa perbuatan jenayah yang diancam hukuman *hudud* terbahagi kepada tujuh perkara iaitu :

⁷⁷ Abdul Qadir Audah, (1968), *Tasyri al-Jinaai al-Islami*, Dar al-Maktabah, Beirut, hlm 634.

⁷⁸ Walaupun Islam mengenakan hukuman yang berat kepada pesalah-pesalah jenayah namun Islam tidak pernah mengeneipkan kepentingan-kepentingan pesalah. Dalam hal ini Islam akan mengenakan hukuman hanya setelah mengkaji dan meneliti tiap-tiap pesalah dari segi status dan tanggungjawab masing-masing. Umpamanya dalam kesalahan zina, hukuman telah diasingkan di antara pesalah yang telah berkahwin dengan yang belum berkahwin. Begitu juga halnya hukuman bagi kesalahan berkenaan yang berbeza di setiap satunya. Mahfodz Mohamad, (1983), *Undang-undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas dan Bunuh*, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur, hlm 2.

⁷⁹ Al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 229.

⁸⁰ Abdul Karim Zaidan, op.cit, jld 1, hlm 327 – 336. Muhamad Salim al-Awa, op.cit, hlm 2.

i) Mencuri (Shariqah)

Curi atau *shariqah* di dalam bahasa Arab bermaksud mengambil sesuatu secara sulit. Sementara menurut syarak mencuri telah ditakrifkan⁸¹ sebagai mengambil harta benda orang lain yang tidak diamanahkan kepadanya secara sembunyi-sembunyi dan zalim⁸² atau mengambil harta orang lain yang cukup *nisab*⁸³ oleh orang telah baligh dan berakal dengan cara senyap-senyap daripada simpanannya⁸⁴ dengan tidak ada kesamaran.

Ada sebahagian ulama lain telah membahagikannya kepada jenayah mencuri yang kecil dan merompak. Apabila sabitan dibuat, penjenayah akan dihukum dengan hukuman *hudud*, iaitu memotong tangan hingga ke pergelangan tangan kanan. Sesiapa juga tidak berhak memberi keampunan atau menukar hukuman itu kepada hukuman lain atau diringankan. Firman Allah swt⁸⁵ yang bermaksud :

Pencuri lelaki dan wanita maka potonglah tangan kedua-duanya sebagai balasan perbuatannya dan hukuman daripada Allah swt dan sesungguhnya Allah itu maha perkasa lagi maha bijaksana.

⁸¹ Ibn Rush, *Bidayah Mujtahid*, op.cit, jld 2, hlm 372. Abdul Karim Zaidan, op.cit, hlm 332.

⁸² Hukuman *hudud* memotong tangan dilaksanakan apabila benar-benar seorang pencuri itu melakukan perbuatan mencuri kerana didorong oleh kejahatannya sendiri dan ini dinamakan kezaliman. Adapun perbuatan mencuri yang didorong oleh unsur-unsur yang memaksanya seperti keadaan kebuluran, tertekan kerana penindasan pihak-pihak tertentu terhadapnya sehingga ia tidak mempunyai jalan lain selain daripada mencuri dan lain-lain sebab yang seumpama itu. Di dalam keadaan ini hukuman memotong tangan tidak dikenakan kepadanya kerana perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menyelamatkan nyawanya atau keluarganya. Namun, perbuatan itu tetap satu kesalahan jenayah yang boleh dikenakan hukuman *takzir*.

⁸³ Muhammad Salim Ewa, op.cit, hlm 3. Abdul Karim Zaidan, op.cit, hlm 332. Menurut jumhur ulamak bahawa nilai harta yang dicuri itu mestilah melebihi sesuatu nilai minimum yang ditetapkan oleh undang-undang. Namun demikian, terdapat perbezaan pendapat berkenaan dengan berapa nilai minimum ini.

a) Mazhab Hanafi berpegang kepada nilai sepuluh dirham sebagai nisab dalam jenayah mencuri. Imam Malik menetapkan hukuman potong tangan hanya dilaksanakan apabila harta yang dicuri itu tidak kurang dari satu perempat dinar atau tiga dirham.

b) Ibn Qayyim menyatakan bahawa kadar satu perempat ini ditetapkan oleh Rasulullah saw kerana ini adalah nilai yang diperlukan oleh seseorang untuk menyara hidupnya dalam satu hari pada zaman itu.

Justeru, nyatalah bahawa penetapan nilai nisab bagi jenayah mencuri tertakluk kepada keadaan sosial yang dihadapi oleh sesuatu masyarakat dengan berubahnya masa dan tempat.

⁸⁴ Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 61. Hukuman *hudud* memotong tangan bagi jenayah mencuri hanya dilakukan apabila pencuri mengambil barang dari tempat simpanannya iaitu :

a) Tempat khas untuk menyimpan barang seperti rumah, gedung, peti besi dan sebagainya.

b) Orang yang menjaga, walaupun barang-barang itu terdedah, tetapi apabila ada penjaga maka ia dianggap telah disimpan.

⁸⁵ Al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 38.

Mencuri dihukum dengan hukuman yang berat lantaran pencuri ingin mengambil jalan mudah untuk mencapai kesenangan iaitu di atas titik peluh orang lain. Wang atau harta yang dicuri itu juga jika diberikan kepada orang miskin, anak yatim dan sebagainya akan menjejaskan sifat kebajikan kepada masyarakat. Sifat mencuri ini juga akan mendatangkan sifat malas berusaha dan suka mengambil jalan mudah untuk mencapai kemahuan walaupun dengan cara yang bertentangan dengan syariat Islam.

ii) Merompak (Hirabah)

Terdapat beberapa istilah yang digunakan bagi jenayah merompak dalam sistem jenayah Islam iaitu meliputi *al-Hirabah*, *Sariqah al-Kubra* dan *Qatta at-Tariq*.⁸⁶ *Hirabah* atau merompak ditakrifkan sebagai keluarnya seseorang atau sekumpulan orang⁸⁷ dengan tujuan untuk mengambil harta atau menakut-nakutkan⁸⁸ orang dengan cara kekerasan dan berjauhan daripada tempat untuk mendapat pertolongan. Ia memberikan pengertian bahawa merompak adalah suatu perbuatan untuk mengambil harta atau membunuh atau mengugut dengan menggunakan senjata demi mencapai apa yang dikehendaki.

Dalil bagi hukuman jenayah *hirabah* ini ialah berpandukan firman Allah swt⁸⁹ iaitu :

Sesungguhnya balasan bagi orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan kerosakan di muka bumi ini ialah dengan dibalas bunuh (jika mereka membunuh sahaja) atau disalib (jika mereka membunuh dan merampas) atau dipotong tangan dan kaki mereka secara silang (jika mereka merampas sahaja) atau dibuang negeri (jika mereka hanya mengganggu ketenteraman umum).

⁸⁶ Ibn Rusy, op.cit, jld. 2, hlm.493, Muhammad Salim Ewa, op.cit, hlm 7.

⁸⁷ Muhammad Abu Zahrah, op.cit, hlm 155-156. Orang perseorangan atau sekumpulan orang yang terlibat dengan *hirabah* di dalam sebuah negara Islam mestilah terdiri daripada rakyat negara itu sendiri. Sekiranya ia dilakukan oleh rakyat negara lain atau orang bukan Islam daripada kalangan kafir harbi maka itu bukannya *hirabah* tetapi adalah peperangan. Demikian juga serangan yang ditujukan untuk menggugat kerajaan yang sah bukannya *hirabah* tetapi tindakan penderhakaan (*bughah*) yang dikenakan hukuman lain.

⁸⁸ Muhammad Salim Ewa, hlm 8. Bersedia dan menanti di suatu kawasan bertujuan untuk menyerang orang-orang yang menggunakan sesuatu laluan atau jalan adalah satu tindakan yang boleh dikenakan hukuman hudud *hirabah*. Justeru, sebahagian ulamak menakrifkan *hirabah* sebagai tindakan menanti di tepi jalan dengan tujuan untuk merampas harta benda (merompak) pengguna-pengguna jalan tersebut secara paksa atau menyekat perjalanan orang di jalan tersebut. Al-Mawardi, op.cit, hlm 62.

⁸⁹ Al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 33.

Berdasarkan ayat di atas maka jenayah ini adalah dianggap sebagai jenayah mencuri yang besar kerana ia boleh berlaku dalam empat keadaan ⁹⁰ iaitu :

- a) Cuba mengambil harta dengan cara menakutkan manusia, tetapi harta itu tidak diambil dan tiada orang yang dibunuh.
- b) Cuba mengambil harta dengan cara yang sama, harta diambil tetapi tiada orang yang dibunuh.
- c) Cuba mengambil harta dengan cara yang sama, harta tidak diambil tetapi orang dibunuh.
- d) Cuba mengambil harta dengan cara yang sama, harta diambil dan pembunuhan.

Jelaslah, bahawa jenayah merompak ini berbeza dengan jenayah mencuri yang biasa kerana ancaman terhadap pencurian harta benda dilakukan secara terang-terangan dan seterusnya mengancam nyawa seseorang manusia serta meresahkan masyarakat. Jenayah merompak ini merupakan suatu perbuatan yang lebih besar akibatnya dan boleh memberi ancaman keselamatan dan keamanan di dalam sesebuah negara.

iii) Zina

Manusia terdorong untuk melakukan perbuatan yang keji ini sama ada kerana kekeliruan yang dimaafkan oleh syarak ataupun semata-mata kerana menurut hawa nafsu dan kehendak masing-masing. Perbuatan zina ditakrifkan sebagai persetubuhan haram di antara lelaki dan perempuan ⁹¹ yang dilakukan dengan sengaja dan orang-orang yang terlibat dengannya telah cukup syarat sebagai mukallaf.⁹²

⁹⁰ Fadiah Musa, (1996), *Falsafah Seksaan Di Dalam Undang-undang Jenayah Islam*, Bangi, hlm 78.

⁹¹ Persetubuhan yang dianggap zina ialah dengan memasukkan hasyafah (bahagian kepala zakar) dan menenggelamkan ke dalam faraj atau jika zakar itu tidak mempunyai hasyafah lagi maka memadai dengan dimasukkan kira-kira sama dengan kadar hasyafah yang terpotong. Persetubuhan itu dikira zina sama ada keluar air mani atau tidak, walaupun ada pengalas yang memisahkan di antara kemaluan lelaki dengan kemaluan perempuan seperti memakai sarung / kondom, asalkan ianya tidak menghalang seseorang merasai kelazatan. Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 16.

⁹² Cukup syarat sebagai mukallaf adalah merdeka, berakal (iaitu tidak gila), baligh dan Islam. Bagi mazhab Syafi'i, Hambali dan Imam Abu Yusof tidak menetapkan Islam sebagai syarat. Oleh itu sesiapa yang berzina, muslim atau tidak, maka ia boleh dikenakan hukuman hudud zina dengan kehendak sendiri bukan dipaksa. Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 21-23.

Hukuman terhadap pezina dikenakan dengan hukuman yang berat kerana jika ianya tidak dilakukan maka ia akan menjejaskan kelangsungan hidup manusia dalam bentuk yang sesuai dengan fitrah kejadiannya. Pezinaan akan menjadikan manusia kehilangan harga diri, keluarga dan masyarakat. Kesemua perkara tersebut sememangnya diatur sedemikian rupa oleh Islam melalui institusi perkahwinan dan kekeluargaan.⁹³ Ini berdasarkan firman Allah swt⁹⁴ yang bermaksud :

Perempuan dan lelaki yang berzina maka hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum agama Allah swt.

Justeru, berdasarkan firman Allah swt. tersebut dapatlah disimpulkan bahawa kesalahan zina yang disabitkan dengan buktinya terbahagi kepada dua mengikut kategori orang yang berikut iaitu :

- a) *Muhsan* iaitu orang yang telah berkahwin
Hukumannya bagi mereka ini adalah direjam sampai mati.
- b) *Ghairul Muhsan* iaitu orang yang belum berkahwin
Hukuman bagi mereka ini adalah sebat sebanyak seratus kali sebatan dan dibuang negeri selama setahun.⁹⁵

⁹³ Al-Jarjawi, al-Sheikh Ali Ahmad, (t.t.), *Hikmatul Tasyri' wa Falsafatuhu*, Beirut, jld 1, hlm 229.

⁹⁴ Al-Quran, Surah an-Nur, ayat 2.

⁹⁵ Terdapat keterangan hadist bahawa ghairul muhsan yang berzina dihukum 100 sebat dan dibuang negeri selama satu tahun. Namun demikian hadist ini tidak menerangkan adakah lelaki sahaja yang dibuang negeri atau kedua-dua lelaki dan perempuan yang berzina itu mesti dibuang negeri. Sekiranya perempuan yang dibuang negeri, maka ini pasti akan melibatkan orang lain kerana perempuan yang dibuang negeri dianggap bermusafir. Oleh kerana itu wajib bagi mahramnya menemani dia. Tetapi jika mahramnya juga mesti menemaninya ia bermakna membebankan mahram tersebut. Keadaan ini sudah tentu tidak sesuai dengan konsep hukuman di dalam Islam, di mana tidak ada sesiapa pun yang boleh dibebankan oleh kerana kesalahan orang lain. Dari sini ada ulamak menjelaskan bahawa hukum buang negeri itu adalah hukuman ta'zir, yang dikenakan kepada pihak lelaki sekiranya hakim masih merasakan perlu ia dibuang negeri selepas disebat sebanyak seratus kali dengan hukuman hudud. Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 35.

iv) Menuduh Zina (Qazaf)

Qazaf dari segi bahasa ialah melontar. Menurut syarak adalah melemparkan tuduhan⁹⁶ zina tanpa bukti⁹⁷ terhadap orang yang baik, ataupun sesuatu tuduhan yang bertujuan untuk menafikan keturunan.⁹⁸

Hukuman bagi kesalahan *Qazaf* atau menuduh orang berzina ialah sebat lapan puluh kali dan kesaksiannya ditolak selama-lamanya. Hukuman ini diperuntukan berdasarkan kepada firman Allah swt⁹⁹ yang bermaksud :

Dan orang yang melemparkan tuduhan berzina kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebatan dan janganlah kamu terima kesaksian mereka itu selama-lamanya kerana mereka adalah orang-orang yang fasik.

Pesalah dalam hukuman ini bukan sahaja dihukum kerana berdusta, tetapi disebabkan dia telah menjatuhkan kehormatan perempuan yang dituduh, menjejaskan kehidupan, pekerjaan, hubungan sosial dan sebagainya. Selain dikenakan sebatan 80 kali rotan,

⁹⁶ Hukuman hudud bagi qazaf hanya menyangkut bagi tuduhan zina sahaja. Adapun tuduhan-tuduhan lain seperti tuduhan kufur, mencuri, minum arak, bercumbu-cumbuan dan sebagainya termasuk cerca mencerca, memaki hamun yang bertujuan untuk menghina maka pesalah-pesalah tidak dikenakan hukuman hudud tetapi hanya dikenakan hukuman ta'zir. Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 41.

⁹⁷ Berdasarkan nash al-Quran, surah An-Nur ayat 4 dan 13 menunjukkan bahawa bukti yang diperlukan adalah empat orang saksi lelaki. Bilangan empat orang ini adalah bilangan minimum yang mesti dikemukakan bagi membuat aduan zina terhadap seseorang di samping perkara-perkara berikut iaitu :

- i) Saksi-saksi ini terdiri daripada orang-orang yang boleh dipercayai menurut syariat Islam, iaitu mereka yang tidak pernah didapati membuat saksi dusta, tidak jujur, tidak pernah dihukum kerana melakukan sesuatu jenayah, tidak ada dendam peribadi dengan orang yang dituduh dan sebagainya.
- ii) Saksi-saksi itu hendaklah memberi bukti yang meyakinkan bahawa mereka melihat sendiri perzinaan itu secara jelas seumpama ombok turun naik di dalam selinder atau tali masuk di dalam perigi.
- iii) Kesemua para saksi bersepakat berkenaan dengan masa, tempat dan lelaki serta perempuan yang melakukan perzinaan tersebut.

Abu A'la al-Maududi, (t.t.), *The Meaning of the al-Quran*, Lahore, jld 8, hlm 71.

⁹⁸ Melemparkan tuduhan zina itu kadang-kadang menafikan nasab sama sekali dan kadang-kadang tidak. Seumpama seorang itu dipanggil “ wahai anak zina “ di mana dengan panggilan itu bererti dia telah dinafikan nasabnya dan ibunya dilemparkan tuduhan dengan zina. Akan tetapi jika seorang itu memanggil “ wahai orang yang berzina “ bermakna orang itu sahaja yang dilemparkan tuduhan dengan zina. Mahdfodz Mohamad, op.cit, hlm 43.

⁹⁹ Al-Quran, Surah an-Nur, ayat 4.

penyaksiannya tidak diterima hinggalah ia bertaubat.¹⁰⁰ Ini memandangkan kesaksian sangat tinggi kepentingannya di dalam undang-undang Islam. Gabungan hukuman fizikal iaitu sebat dan hukuman yang bukan fizikal iaitu tidak diterima sebagai saksi akan menjadi penyeksaan dari segi mental yang lebih kuat kepada pesalah ini.¹⁰¹

v) Minum Arak

Meminum arak adalah satu perbuatan jenayah kerana arak itu tidak suci dan perbuatan meminumnya akan menjadikan manusia juga tidak suci. Dengan itu, arak diharamkan bagi melindungi masyarakat dan anggota-anggotanya daripada kesan-kesan buruk akibat perbuatan meminum arak. Firman Allah swt ¹⁰² yang bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi pemujaan bahala dan bertenung nasib dengan batang-batang anak panah, adalah semuanya daripada perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya, moga-moga kamu berjaya.

Seorang penjenayah yang *aqil baligh* dan telah disabitkan bersalah kerana kesalahan minum arak hendaklah dikenakan hukuman *hudud*. Sekiranya penjenayah itu seorang yang merdeka, maka ia hendaklah disebat dengan empat puluh rotan. Sekiranya ia hamba hukumannya ialah sebatan dengan dua puluh kali rotan.¹⁰³

¹⁰⁰ Menurut mazhab Maliki, sabit kesalahan seseorang jika dia melakukan tuduhan terhadap seseorang dengan sindiran yang boleh diertikan sebagai tuduhan zina. Tetapi mazhab Syafi'i, Hanafi dan Hanbali menetapkan sabit kesalahan seseorang itu dalam kesalahan Qazaf ialah apabila ia membuat tuduhan zina dengan menggunakan kalimah-kalimah yang jelas dan tanpa kekaburan. Justeru, pendapat jumhur bagi tuduhan zina mestilah dilakukan secara jelas dan nyata. Jika sindiran-sindiran tersebut tidak jelas dan nyata maka seseorang itu hanya boleh dikenakan hukuman ta'zir sahaja. Muhammad Salim al-Awa, ibid, hlm 21.

¹⁰¹ Al-Jarjawi, al-Sheikh Ali Ahmad, (t.t.), *Hikmatul Tasyri' wa Falsafatuhu*, Beirut, jld 1, hlm 302.

¹⁰² Al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 90.

¹⁰³ Semua mazhab menetapkan bahawa meminum arak adalah jenayah yang dikenakan hukum hudud. Walaupun mereka berbeza pendapat berkenaan bilangan sebatan yang dikenakan, kesemua mereka mendakwa bahawa kadar hukuman tersebut bersumber daripada sunnah Rasulullah saw. Menurut mazhab Hanafi bilangan sebatan adalah 80 kali. Pendapat ini didukung oleh mazhab Maliki dan sebahagian mazhab Hanbali. Sebahagian lagi dari mazhab Hanbali, mazhab Syafi'i, Zahiri dan Zaidi, hukumannya ialah 40 kali sebatan. Di atas alasan inilah terdapat dakwaan bahawa hukum hudud bagi jenayah minum arak adalah ijmak ulamak. Namun demikian, terdapat sebahagian daripada para fuqaha pula menyatakan bahawa hukuman hudud bagi meminum arak ialah 40 kali sebat dan hukuman *takzir* yang disertakan dengannya ialah 40 kali sebatan juga. Muhammad Salim al-Awa, op.cit, hlm 45-47.

Berdasarkan pendapat ulamak bahawa terdapat tujuh jenis minuman yang diharamkan oleh Islam iaitu meliputi :

- a) Arak (*khamar*) iaitu nama bagi minuman mentah (yang tidak dimasak atau tidak disentuh api) daripada air perahan anggur selepas ia mendidih menggelegak dan mengeluarkan buih, lalu apabila ia berhenti mendidih ia akan menjadi jernih.
- b) Manisan (*al-shakar*) iaitu air tamar lembab yang tidak dimasak dengan api atau air mentah tidak dimasak daripada buah kurma (rutab) apabila ia mendidih menggelegak dan mengeluarkan buih dan berhenti daripada mendidih.
- c) Arak (*al-fadikh*) iaitu air kurma muda yang kering apabila menggelegak sama ada mengeluarkan buih atau tidak dan dinamakan fadikh kerana ia dipecah-pecahkan.
- d) Air kismis iaitu nama bagi bahan mentah daripada air anggur yang dimasukkan ke dalam air dan bercampur sehingga keluar kemanisannya dengan tidak dimasak, mendidih dan menggelegak, sama ada mengeluarkan buih atau tidak.
- e) *Al-Tala'a* atau *al-Muthallath* iaitu nama air anggur yang dimasak sehingga kering dua per tiga dan tinggal satu per tiga dan ianya boleh memabukkan.
- f) *Al-Badhaq* atau *al-Munassaf* iaitu air perahan anggur yang dimasak sekejap sehingga kering tidak sampai dua per tiga sama kurang daripada satu per tiga ataupun setengah dan ianya boleh memabukkan.
- g) *Al-Jamhuri* iaitu air perahan buah anggur (*al-Tala'a*) yang telah dimasak dan dimasukkan air ke dalamnya sehingga air itu meresap masuk ke dalamnya sehingga air perahan kembali banyak seperti asal. Kemudian ianya dimasak di atas api sekejap dan ia boleh memabukkan.

Dari sudut perubatan pula, tabiat minum ini juga boleh membawa pelbagai penyakit yang berbahaya.¹⁰⁴ Justeru itu, syariah telah memerangi perbuatan meminum arak di kalangan ummat Islam adalah demi menjaga keharmunian akal dan fikiran manusia yang sepatutnya digunakan untuk kebaikan semata-mata.

¹⁰⁴ Dengan jugalah halnya dengan perbuatan menghisap dadah seperti yang dijelaskan oleh Ibn Taimiyyah di dalam kitabnya *al-Siyasah al-Syariyyah* iaitu “ Sesungguhnya menghisap dadah (seperti ganja, candu dan lain-lain) dan penghisap (penggunaannya) dikenakan hukuman hudud seperti yang dikenakan kepada peminum arak, malah ia lebih teruk daripada arak.” Abdul Rahman al-Jaziri, (t.t.), *Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arba'ah*, Dar al-Irshad, Kaherah, jld 5, hlm 36.

vi) Murtad (*Riddah*)

Murtad atau *riddah* atau *irtidad* di dalam bahasa Arab membawa maksud beralih daripada sesuatu kepada sesuatu yang lain dan orang yang melakukannya dinamakan murtad. Sementara menurut istilah pula ialah beralih daripada memeluk Islam kepada memeluk agama lain atau anutan lain. Ia merupakan suatu perbuatan jenis kufur yang paling keji yang diancam hukuman dan implikasi yang amat berat.

Firman Allah swt ¹⁰⁵ yang bermaksud :

Dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agama (agama Islam) lalu dia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian, rosak binasalah amal amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka didalamnya (selam-lamanya).

Oleh yang demikian, *riddah* adalah satu jenayah kerana ia merupakan satu pengkhianatan seseorang terhadap pensaksiannya kepada Allah swt dan Rasullullah saw melalui ucapan dua kalimah syahadah. Di samping itu sekiranya di sana wujudnya negara Islam maka tindakan *riddah* akan menjadikan seseorang itu menderhaka kepada ketua negara.¹⁰⁶

¹⁰⁵ Al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 217.

¹⁰⁶ Sekiranya orang murtad itu adalah dikalangan orang-orang di suatu kawasan di dalam negara Islam dan negara Islam telah mengisytiharkan kemurtadannya maka kawasan tersebut menjadi Darul Harb. Inilah pandangan mazhab Syafi'i dan Imam Ahmad. Menurut al-Mawardi tempat mereka dinamakan Darul Riddah dan peraturan mereka adalah seperti berikut :

- a) Tiada satu perjanjian damai boleh dilakukan terhadap mereka. Sedangkan dalam hukum Islam perjanjian damai boleh dilakukan dengan Darul Harb.
- b) Seseorang yang murtad tidak boleh berlandung di bawah Negara Islam sebagai zimmi.
- c) Selepas ditawan dalam peperangan, seseorang yang murtad tidak boleh dijadikan hamba atau dibiarkan hidup, ia cuma ada pilihan untuk bertaubat dan kembali kepada Islam atau dibunuh.
- d) Harta rampasan yang dikumpulkan daripada ahlul riddah selepas peperangan tidak boleh dibahagi-bahagikan di kalangan tentera tetapi harta itu mestilah diserahkan semuanya kepada Baitul Maal.

Dalam keadaan yang dijelaskan oleh al-Mawardi di atas orang-orang yang terlibat di atas melakukan kesalahan riddah dan kesalahan bughah sekaligus. T.M.Hasbi as-Siddiqi, (1993), *Hukum-hukum Fiqh Islam*, Jakarta, hlm 540. Al-Mawardi, op.cit, hlm 78. Md Akhir Hj Yaakob, (1995), *Ridah, Kaedah dan Pelaksanaannya*, Kuala Lumpur, hlm 29.

Hukuman bagi kesalahan murtad yang dikenakan kepada lelaki dan perempuan adalah sama.¹⁰⁷ Apabila seseorang lelaki atau perempuan yang telah baligh dan berakal melakukan perbuatan murtad maka mereka tertakluk kepada hukum-hukum berikut :

- a) Pesalah murtad wajib diminta segera bertaubat kerana mungkin perbuatannya tersebut disebabkan oleh sesuatu salah faham yang timbul atau kerana rasa marah hingga menyebabkannya hilang pedoman. Dengan ini pesalah akan dibimbing semula kepada kebenaran dengan cara bertaubat dan nasihat. Di samping itu, dia perlu disedarkan mengenai kesalahan dan akibat buruk perbuatannya.
- b) Pesalah diberi amaran tentang akibat buruk jika dia masih kekal murtad dan tidak menerima pelajaran supaya bertaubat. Dia hendaklah diberitahu bahawa dia akan dihukum bunuh jika masih mempertahankan perbuatannya tersebut walaupun ianya dilakukan hanya kerana keingkar, keyakinan atau sekadar untuk mempersenda.
- c) Pesalah wajib dibunuh jika masih mempertahankan perbuatan murtadnya itu dan tidak mahu bertaubat sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-Baqarah tersebut dan hadith-hadith Rasulullah saw.

vii) Pemberontak / Menderhaka Kepada Pemerintah Yang Sah (*Bughah*)

Pemberontak ialah sesiapa sahaja yang melampaui had yang sepatutnya dipatuhi. Dalam bahasa Arab, ia disebutkan sebagai *bughah* dan *al-baghyu*, pada asalnya bermaksud zalim. Sementara menurut istilah syarak, pemberontak ialah sekumpulan umat Islam yang menentang atau menderhaka terhadap pemerintah Islam dan melanggar perintahnya atau menghalang hak Allah ataupun hak manusia. Bentuk penentangan mereka itu adalah secara kelompok yang direncanakan oleh seorang pemimpin yang mereka taati.

¹⁰⁷ Para ulama berbeza pendapat tentang hukuman kepada perempuan yang murtad terbahagi kepada :

- a) Imam Malik, al-Auza'i, Imam Syafi'i dan Laith Sa'd menyatakan bahawa perempuan yang murtad adalah dihukum dengan hukuman bunuh.
 - b) Sufyan at-Thauri, Imam Abu Hanifah, Ibn Syabramah, Ibn Aliyyah, Ata' dan Hassan al-Basri mengecualikan hukuman bunuh terhadap perempuan yang murtad.
- Di samping itu, Imam Muhammad as-Syaibani dalam Kitab al-Athar, Imam Abu Yusuf dalam kitabnya Kitatul Kharaj dan Ibn Qadamah al-Maliki dalam kitabnya al-Mughni menyatakan bahawa perempuan yang murtad tidak dibunuh. S.A.Rahman, (1984), *Punishment of Apostasy in Islam*, Karachi, hlm 68.

Apabila wujud pemberontakan sebagaimana yang dinyatakan di atas oleh mana-mana kumpulan umat Islam, pemerintah wajib berusaha menghantar wakil untuk bertanya tentang tuntutan mereka dan urusan pemerintahan yang mereka tidak senangi.¹⁰⁸ Sebarang peperangan terhadap pemberontak yang menentang pemerintahan Islam yang sah dan adil perlulah memenuhi syarat-syarat berikut iaitu :

- a) Kumpulan pemberontak mestilah mempunyai kekuatan dan ketahanan tersendiri sama ada disebabkan oleh jumlah mereka atau keupayaan mereka walaupun mereka hanya memiliki sebuah kubu yang boleh digunakan untuk menentang pemerintah.
- b) Pemberontak mestilah benar-benar berada di luar kawalan pemerintah disebabkan oleh kekuatan yang mereka miliki. Sekiranya mereka masih berada dalam kawalan pemerintah, sudah tentu mereka tidak perlu diperangi dan pemerintah boleh menghukum mereka dengan cara memenjara atau sebagainya.
- c) Kumpulan pemberontak mestilah mempunyai tafsiran (*ta'wil*) yang dibenarkan dan mempunyai ruang dalam ijtihad dan dengan alasan ini mereka menentang pemerintah.¹⁰⁹ Sekiranya mereka tidak mempunyai sebarang ijtihad yang disandar sebagai alasan untuk menentang pemerintah, mereka tidak tertakluk kepada hukum pemberontak. Sebaliknya mereka diperangi atas alasan mereka adalah kumpulan fasik. Malah mereka mungkin menjadi kufur jika menghalalkan penentangan kepada pemerintah Islam serta menentang pemerintah tanpa sandaran syarak.
- d) Mereka mempunyai tokoh yang ditaati, menguatkan pengaruh mereka. Sekalipun dia bukan seorang ketua dikalangan mereka tetapi pendapatnya dijadikan sebagai sandaran. Ini kerana kekuatan tidak akan wujud pada kumpulan yang tidak mampu mengumpul dan menyatukan pengikut di bawah seorang yang ditaati.

¹⁰⁸ Sekiranya mereka menyatakan sebab-sebab tentangan dan sekiranya dipenuhi, ia tidak akan menimbulkan sebarang kesan buruk atau kemudharatan maka tuntutan mereka wajib dipenuhi. Sekiranya tidak atau mereka tidak menyatakan sebab-sebab tentangan, pemerintah hendaklah memberi nasihat atau amaran bahawa mereka akan diperangi. Pemerintah perlu mengarah mereka supaya kembali taat setia. Sekiranya mereka menolak nasihat tersebut, mereka hendaklah dimaklumkan tentang peperangan. Sekiranya mereka enggan dan berkeras menentang, mereka wajib diperangi.

¹⁰⁹ Walaupun tafsiran (*ta'wil*) tersebut salah tetapi ia tidak dapat disahkan secara qat'ie kesalahannya. Demikianlah yang berlaku dalam perang Jamal dan Siffin apabila segolongan sahabat menentang pemerintahan Ali r.a. Mereka mendakwa Ali r.a. mengenali pembunuh Uthman r.a. dan mampu menghukum mereka tetapi Ali r.a. tidak menghukum mereka kerana dia turut bersubahat bersama mereka.

Hikmah mereka ini diperangi (walaupun tentangan mereka berdasarkan kekeliruan yang diterima syarak) ialah kerana kestabilan pemerintahan seorang pemerintah setelah dilantik secara sah oleh umat Islam adalah asas yang terpenting bagi menyatupadukan kekuatan ummat Islam disamping menakutkan musuh.¹¹⁰

Inilah asas apabila Allah memerintahkan umat Islam supaya taat setia kepada pemerintah. Atas dasar ini, menjadi kewajipan seluruh umat Islam untuk mentaati pemerintah walaupun dia seorang yang zalim. Walaubagaimanapun ketaatan yang diberikan mestilah bukan kepada perkara-perkara maksiat kerana tindakan seluruh umat Islam mengingkari perintah pemerintah lebih mendatangkan keburukan daripada tindakan zalim pemerintah tersebut. Oleh kerana itu, Allah swt memerintahkan supaya pemerintah memerangi kumpulan pemberontak tanpa mengambil kira ijtihad dan sandaran mereka. Ini kerana ketaatan mereka kepada perintah pemerintah adalah lebih penting daripada mereka berpegang kepada ijtihad mereka.

b) Jenayah Qisas

Jenayah Qisas ialah kesalahan yang dikenakan hukuman *qisas* atau *diyat*. Kesalahan dalam bahagian jenayah ini dianggap sebagai kesalahan hak manusia atau hak individu¹¹¹ iaitu mangsa jenayah ataupun warisnya berhak menuntut supaya pesalah dihukum atau diampunkan.¹¹² Ini membawa maksud *qisas* merupakan melakukan suatu tindakan sama yang berbentuk pencerobohan atau serangan fizikal terhadap seseorang seperti yang dilakukannya terhadap orang lain. Tindakan seperti ini merangkumi suatu perbuatan yang melibatkan terjadinya pembunuhan atau kecederaan pada fizikal seseorang.

¹¹⁰ Namun adalah penting difahami bahawa pemberontak tidak dianggap sebagai fasik atau kafir walaupun pemerintah wajib memerangi mereka kerana pada pandangan syarak mereka mempunyai sesuatu yang dikira alasan mengikut sangkaan mereka sendiri.

¹¹¹ Abu Zahrah, op.cit, hlm 55.

¹¹² Abdul Qadir Audah, op.cit, jld 1, hlm 79.

i) Jenayah Pembunuhan

Jenayah pembunuhan merupakan suatu pencerobohan atau serangan pada manusia yang menyebabkan kehilangan nyawa. Berdasarkan pendapat fuqaha termasuk Mazhab Shafi'i, Hanbali dan Hanafi ¹¹³ jenayah pembunuhan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

a) Pembunuhan sengaja

Pembunuhan sengaja merupakan perbuatan yang disertai dengan niat membunuh seseorang menggunakan alat-alatan yang biasanya boleh membunuh. Berdasarkan kepada pengertian ini pembunuhan dengan sengaja perlu memenuhi dua ciri berikut iaitu :

- Niat membunuh iaitu orang yang membunuh tanpa niat tidak dikatakan membunuh dengan sengaja. Contohnya orang menembak binatang ketika memburu tetapi tembakan terkena seseorang dan menyebabkan kematian.
- Alat yang digunakan mestilah alat yang biasanya boleh menyebabkan kematian. Sekiranya seseorang memukul menggunakan kayu kecil atau membaling dengan batu kecil di bahagian yang tidak boleh menyebabkan kematian tetapi perbuatan itu telah menyebabkan kematian maka ianya tidak dinamakan membunuh tanpa niat.

b) Pembunuhan hampir sengaja

Pada asasnya pembunuhan hampir sengaja merupakan suatu pembunuhan yang dilakukan dengan menggunakan alat-alatan yang pada kebiasaannya tidak boleh mengakibatkan kematian. Akan tetapi ianya dilakukan dengan mempunyai motif atau niat yang jahat atau mencerooh, tanpa hak dan menyebabkan kematian mangsa.

Di antara lain terdapat beberapa bentuk pembunuhan hampir sengaja iaitu :

- Memukul mangsa dengan kayu kecil dengan perlahan namun pukulan tersebut mengenai pada bahagian yang boleh menyebabkan kematian.

¹¹³ Kecuali Mazhab Maliki yang membahagikan jenayah pembunuhan kepada dua sahaja iaitu pembunuhan secara sengaja dan pembunuhan yang tidak sengaja. Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 11.

- Mencampak mangsa ke dalam air hingga tenggelam sedangkan mangsa diketahui seorang yang mahir berenang. Namun, mangsa dipukul ribut atau ombak hingga menyebabkan dia lemas dan menyebabkan kematian. Sekiranya mangsa diketahui tidak pandai berenang maka perbuatan itu adalah pembunuhan dengan sengaja.
- c) Pembunuhan tidak sengaja

Pembunuhan tidak sengaja iaitu pembunuhan yang dilakukan oleh seseorang tanpa niat dan tidak mempunyai motif untuk membunuh. Contohnya seperti seseorang yang terjatuh lalu menghempap orang lain sehingga menyebabkan kematiannya. Begitu juga seseorang yang menembak binatang ketika memburu tetapi tembakannya terkena seseorang lalu ia menyebabkan kematian orang tersebut. Kesalahan-kesalahan ini tidak mengandungi unsur-unsur yang terdapat pada pembunuhan dengan niat dan hampir sengaja.

ii) **Jenayah Kecederaan**

Jenayah kecederaan pula merupakan suatu pencerobohan atau serangan terhadap manusia yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa tetapi menyebabkan kecederaan pada mangsa jenayah. Berdasarkan pendapat Mazhab Shafi'i dan Hanbali jenayah kecederaan dapatlah dibahagikan kepada tiga kategori ¹¹⁴ juga iaitu :

a) Kecederaan secara sengaja

Kecederaan dengan sengaja merupakan perbuatan yang disertai dengan niat untuk mencederakan seseorang dengan menggunakan alat-alatan yang biasanya boleh mencederakan. Berdasarkan pengertian ini kecederaan secara sengaja perlu memenuhi dua ciri berikut iaitu :

¹¹⁴ Sedangkan mazhab Hanafi dan Maliki hanya membahagikan jenayah kecederaan kepada dua sahaja iaitu jenayah kecederaan secara sengaja dan jenayah kecederaan secara tidak sengaja. Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 13.

- Niat mencederakan iaitu orang yang mencederakan tanpa niat tidak dikatakan mencederakan secara sengaja. Contohnya menembak binatang ketika memburu tetapi tembakannya terkena seseorang dan menyebabkan kecederaan mangsa.
- Alat yang digunakan mestilah alat yang biasanya boleh menyebabkan kecederaan pada mangsa tersebut. Sekiranya seseorang memukul menggunakan kayu kecil atau memaling dengan batu kecil di bahagian yang tidak boleh menyebabkan kematian pada kebiasaannya tetapi perbuatan tersebut telah menyebabkan kematian mangsa maka ianya tidak dinamakan membunuh tanpa niat.

b) Kecederaan secara hampir sengaja

Asasnya kecederaan secara hampir sengaja merupakan suatu perbuatan yang dilakukan dengan menggunakan alat-alatan yang pada kebiasaannya tidak boleh menyebabkan kecederaan. Namun, ianya dilakukan dengan mempunyai motif atau niat yang jahat, tanpa hak, mencerothkan menyebabkan kecederaan mangsa. Contohnya seseorang memukul mangsa dengan kayu kecil dengan perlahan namun pukulan tersebut mengenai pada bahagian yang boleh menyebabkan kecederaan.¹¹⁵

c) Kecederaan secara tidak sengaja

Kecederaan secara tidak sengaja merupakan suatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang tanpa niat mencederakan dan tidak mempunyai motif untuk membunuh. Contohnya seseorang yang terjatuh lalu menghempap orang lain sehingga menyebabkan kecederaannya. Kesalahan ini tidak dilihat mengandungi unsur-unsur yang terdapat pada kecederaan dengan niat iaitu kecederaan secara sengaja dan secara hampir sengaja.¹¹⁶

¹¹⁵ Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 14.

¹¹⁶ Mahfodz Mohamad, op.cit, hlm 15.

c) **Jenayah Takzir**

Dari segi bahasa *takzir* bermaksud pengajaran dan penghinaan. Al-Mawardi menakrifkan *takzir* sebagai deraan (hukuman) sebagai pengajaran terhadap orang yang melakukan kesalahan yang tidak diperuntukkan oleh *hudud*. Ibn Qasim al-Ghaza pula menjelaskan *takzir* sebagai seksaan yang kadarnya tidak ditentukan tetapi terpulang kepada pemerintah. Qalyubi dan Umairah berpendapat *takzir* ialah hukuman pada sebarang maksiat yang bukan *hudud* dan bukan *kafarrah*.¹¹⁷

Daripada definisi ini, dapat dikatakan bahawa *takzir* hukuman yang dikenakan ke atas kes-kes yang tidak melibatkan kesalahan *hudud*, *qisas* dan *takzir* dengan tujuan untuk memberi pengajaran dan pemulihan. Hakim atau kadi diberikan kuasa budi bicara yang luas dalam menentukan hukuman yang akan dilaksanakan.¹¹⁸ Pertimbangan hakim atau kadi terhadap hukuman ini dibuat berasaskan kepada keadaan kesalahan yang dilakukan, rekod jenayah, keadaan psikologi dan sebagainya. Hukuman *takzir* tidak terhad kepada hukuman yang biasa digunakan dalam teks undang-undang dan amalnya tetapi apa juga bentuk hukuman yang berfaedah, sesuai dan tidak bertentangan dengan syariah.

Antara hukuman *takzir* yang sering dilaksanakan adalah seperti berikut :

i) *Alwaz* iaitu memberi amaran dan amaran kepada seseorang yang melakukan pelanggaran undang-undang dengan tujuan memberi peringatan kepada pesalah, memaklumkan sekiranya dia tidak tahu bahawa dia telah melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang. Contohnya peringatan di peringkat awal dalam kes *nusyuz* iaitu isteri yang tidak mentaati kepada suami.

¹¹⁷ Al-Mawardi, op.cit, hlm 236.

¹¹⁸ Hukuman *takzir* adalah bertujuan untuk memperbaiki, memberi pengajaran dan menakutkan masyarakat supaya tidak melakukan perbuatan jenayah. Ini bertujuan untuk membersihkan masyarakat daripada perbuatan maksiat yang boleh merosakkan. Untuk mencapai tujuan ini, kesalahan *takzir* ini telah diisytiharkan kepada masyarakat demi menjaga kesejahteraan umum agar penjenayah merasai kesan daripada perlaksanaan undang-undang tersebut.

ii) *Al-Tawbikh* iaitu membuat celaan secara rasmi dengan kata-kata dan perbuatan yang dirasakan oleh hakim mencukupi untuk mencapai matlamat *takzir*.

iii) *Al-Taḥdid* iaitu hukuman dengan cara meminta pesalah untuk membetulkan perlakuannya dengan ancaman hukuman sekiranya pesalah mengulangi kesalahan itu. Ia dijatuhkan hukuman tetapi pelaksanaannya ditangguhkan hingga pesalah melakukan lagi kesalahan lain (dalam jangka waktu yang tertentu). Hukuman ini mempunyai persamaan dengan “ *suspended sentences* “ yang diamalkan dalam banyak sistem undang-undang diantaranya *English Criminal Justice Act 1967* (pindaan 1982).

iv) *Al-Hajr* iaitu hukuman permulaan. Ini pernah dilaksanakan oleh Rasulullah saw dalam kes yang melibatkan seorang yang tidak mahu menyertai Perang Tabuk. Saidina Umar ra pula pernah menjalankan hukuman ini ke atas seorang yang suka membahaskan ayat mutashabih dalam al-Quran dengan tujuan mengelirukan masyarakat. Sesetengah ulama berpendapat hukuman ini kurang praktikal pada masa ini.

v) *Al-Tashhir* iaitu pengisytiharan umum adalah hukuman yang penting sejak zaman awal Islam. Ia dilakukan dengan membawa pesalah ke semua bahagian di dalam sesuatu tempat. Pegawai dari jabatan kehakiman akan membawanya dan memberitahu orang ramai bahawa individu yang berkenaan telah melakukan kesalahan yang dihukum dengan hukuman *takzir*. Tujuan hukuman ini ialah untuk memberitahu orang ramai bahawa pesalah itu tidak boleh dipercayai.

vi) *Al-Qḥaramah wa al-Musadarah* iaitu hukuman denda dan rampas harta. Walaupun terdapat beberapa pembahasan di antara golongan yang menyokong denda dan rampas harta dan golongan yang menentang pelaksanaan hukuman itu, tidak ada siapa pun yang dapat menafikan kepentingannya. Bentuk hukuman ini terus diamalkan dan disesuaikan dengan peredaran zaman.¹¹⁹

¹¹⁹ Al-Mawardi, op.cit, hlm 238.

vii) *Al-Habs* iaitu hukuman penjara. Seperti juga dalam sistem undang-undang yang lain hukuman ini sama ada mempunyai had tertentu ataupun tidak ada had. Mazhab Maliki, Hanafi dan Hanbali tidak menentukan kadar yang tetap bagi hukuman penjarata¹²⁰ kerana setiap kesalahan dan bagi setiap pesalah kadar hukuman yang dikemukakan adalah berbeza. Bagi Mazhab Syafi'i had maksimum ialah satu bulan untuk soal siasat dan enam bulan untuk hukuman dan had maksimum tidak melebihi setahun.

viii) *Al-Jald* iaitu hukuman sebat. Lazimnya, hukuman *takzir* jenis ini adalah untuk kes meminum arak. Ada perbezaan pendapat daripada kalangan ulama tentang had minimum dan maksimum sebat kerana hukuman tersebut bergantung kepada kes dan pesalahnya.

ix) *Al-Ta'zir bi al-Qatl* iaitu hukuman takzir dengan ancaman bunuh. Hukuman mati selalunya diperuntukkan bagi kes-kes serius iaitu dua kesalahan hudud (hirabah, murtad) dan hukuman *qisas* (bagi kes bunuh dengan sengaja). Walaupun ada yang menentang *takzir* dengan cara bunuh, dalam setengah-setengah kes terdapat pengecualian seperti kes perhubungan sejenis yang sudah jadi tabiat, pengintip untuk musuh dan sebagainya.¹²⁰

Memandangkan hukuman ini telah diserahkan kepada kuasa budi bicara pemerintah Islam dan qadi, mereka mempunyai hak untuk menentukan beberapa jenis kesalahan dan hukumannya yang tidak dijelaskan dengan tetap dalam kes undang-undang. Antaranya kes riba, memberi kesaksian palsu, pecah amanah, mencela orang, rasuah dan lain-lain. Justeru, matlamat *takzir* ialah menghukum perbuatan yang menyalahi undang-undang dan menjejaskan ketenteraman awam serta yang melibatkan hak-hak individu.

¹²⁰ Al-Mawardi, op.cit, hlm 239.

2.4 Diyat

2.4.1 Pengertian Diyat

Menurut bahasa ialah *Wadaytul Qatila* yang membawa pengertian seseorang telah menunaikan *diyat* bagi mangsa korban. Ia juga membawa pengertian *Aqaltu an-Fulanin* iaitu bila mana seseorang membayar mangsa jenayah sebagai *diyat* dari perbuatan jenayah yang dilakukan oleh seseorang.¹²¹

Diyat meliputi denda sebagai pengganti *qisas* dan denda selain *qisas*. Ia juga disebut dengan nama *al-Aql* (pengikat) kerana apabila seseorang membunuh orang lain maka ia harus membayar *diyat* iaitu unta. Kemudian unta tersebut diikat di halaman rumah wali mangsa jenayah untuk diserahkan kepada mereka sebagai tebusan darah.¹²²

Diyat adalah merupakan pembayaran darah dengan wang (*blood money*) iaitu dengan sejumlah harta atau wang yang wajib dibayar oleh penjenayah kepada wali atau ahli waris mangsa sebagai pampasan di atas sebab melakukan sesuatu perbuatan jenayah yang melibatkan nyawa iaitu kematian atau kehilangan akal atau kecederaan anggota-anggota badan atau kehilangan fungsi anggota-anggota tersebut.

Justeru itu, menurut istilah syarak, *diyat* ialah nama bagi sejumlah harta yang wajib dibayar kerana sesuatu jenayah yang dilakukan terhadap nyawa atau anggota badan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa. Harta ini pada asalnya dibayar dengan unta atau dengan nilai yang sama dengannya sebagai ganti.¹²³

¹²¹ Sayyid Sabiq, (1983), *Fiqh Sunnah*, Beirut, hlm 90-91.

¹²² Ibid.

¹²³ Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali as-Syarbaji, (2005), *Kitab Fiqh Imam Shafi'i*, Prospecta Printers, Kuala Lumpur, hlm 1946.

2.4.2 Hukum dan Dalil Diyat

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadist-hadist Rasulullah saw banyak ditegaskan tentang kepentingan dan keperluan *diyat* di dalam sistem kehidupan manusia. Kebanyakan para ulamak pada umumnya bersepakat tentang kewajipan *diyat* sebagai suatu hukuman dalam undang-undang jenayah Islam.

Firman Allah swt ¹²⁴ yang bermaksud :

... Sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, hendaklah ia memerdekakan seorang hamba perempuan yang mukminah serta diyat yang diserahkan kepada warisnya kecuali jika mereka mahu bersedekah ...

Sabda Rasulullah saw yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari :

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah ra katanya : Sesiapa yang dibunuh maka walinya atau keluarganya boleh membuat pilihan iaitu sama ada mahu menuntut diyat atau bunuh balas.

Sabda Rasulullah saw yang diriwayatkan dalam Sunnan Ibnu Majah :

Dari Abdullah bin Amru bahawa Nabi Muhammad saw bersabda : Pembunuhan yang dilakukan secara seumpama sengaja, membunuh dengan kayu atau tongkat adalah seratus ekor unta, empat puluh daripadanya adalah unta yang bunting.

Selain daripada hadist-hadist tersebut terdapat riwayat lain berkenaan dengan pembayaran *diyat*. Antara yang terkenal ialah keputusan surat oleh Rasulullah saw kepada penduduk Yaman yang mengandungi perkara-perkara fardhu, sunat dan *diyat*. Antara lain baginda menyebutkan bahawa bagi satu nyawa *diyat* adalah seratus ekor unta.¹²⁵

¹²⁴ Al-Quran, Surah an-Nisa, ayat 92.

¹²⁵ Diriwayatkan oleh al-Nasa'I, Malik, Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban, Ibn Jarud, al-Hakim, al-Bayhaqi secara *mausul*. Ibn Abd al-Barr berkata : Surat ini masyhur di kalangan ahli sirah dan ulama yang tidak memerlukan sanadnya disebut kerana ia hampir menyerupai mutawatir disebabkan ia disebut di dalam hadist yang banyak. Wahbah az-Zuhaili, (1996), *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*, Beirut, hlm 315.

Pembayaran *diyat* adalah dimaksudkan untuk mencegah sesuatu kejahatan dan sekaligus melindungi manusia daripada perbuatan-perbuatan jenayah. Melihat kenyataan ini maka pampasan adalah diharuskan dengan memberatkan pembayaran ke atas pelaku jenayah. Mereka akan merasai kesulitan dan keberatan akibat daripada perbuatan tersebut dengan dibebankan pampasan yang berat dan penyitaan sebahagian besar harta milik mereka. Oleh itu, pembayaran pampasan tersebut merupakan suatu pembalasan yang mencakup hukuman dan penggantian terhadap perbuatan jenayah mereka.

Justeru itu, berdasarkan kaedah-kaedah fiqh, pembayaran *diyat* merupakan hukuman utama yang dikenakan ke atas perbuatan jenayah umpama sengaja dan tidak sengaja di dalam kes pembunuhan mahupun kecederaan tubuh badan. Ianya menjadi hukuman pengganti hukum *qisas* di dalam kes pembunuhan dan kecederaan secara sengaja di dalam keadaan-keadaan berikut ¹²⁶ iaitu :

- a) apabila dimaafkan oleh ahli waris di dalam kes bunuh.
- b) dimaafkan oleh mangsa jenayah di dalam kes kecederaan anggota badan.
- c) ketiadaan persamaan anggota badan di antara mangsa dan penjenayah.

Kadar *diyat* yang dikenakan juga adalah sama sama ada bagi perbuatan yang sengaja, seumpama sengaja ataupun tidak sengaja iaitu 100 ekor unta. Ini kerana matlamat pampasan ini diwajibkan ke atas jenayah bunuh dan kecederaan adalah untuk menjaga hak dan kepentingan mangsa jenayah.

¹²⁶ Wahbah az-Zuhaili, (1996), *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*, Beirut, hlm 315.

2.4.3 Sejarah Diyat

a) Diyat Sebelum Kedatangan Islam

Ketaksuban dan amalan perkauman yang tebal terhadap puak dan kabilah masing-masing merupakan suatu amalan dikalangan masyarakat Arab Badwi. Mereka hanya berpegang kepada amalan puak dan kabilah masing-masing di dalam meneruskan kehidupan di padang pasir. Keadaan ini telah menjadi mereka suatu suku bangsa yang amat kasar dan defensif terhadap sesuatu perkara yang berlaku di antara mereka dengan puak dan kabilah yang lain. Mereka hidup dalam keadaan huru hara dan porak peranda tanpa ada suatu sistem yang memandu mereka ke arah kedamaian dan kemakmuran.

Oleh yang demikian, seringkali berlaku pemberontakan dan pergaduhan diantara suku kaum Arab Badwi ini di dalam pelbagai hal-hal kehidupan seharian walaupun perkara yang kecil. Apabila berlakunya konfrantasi di antara suku kaum ini maka akan terjadi pergaduhan hinggalah kepada peperangan bagi mempertahankan puak dan kabilah masing-masing. Kadang kala pergaduhan dan peperangan ini tidak pernah berakhir akibat dari sikap yang tidak mahu mengalah suku kaum masing-masing terhadap sesuatu perkara. Keadaan ini telah menjadikan puak dan kabilah Arab Badwi akan terus bermusuhan dan cenderung kepada sikap membalas dendam tanpa ada kesudahan.

Perbuatan menuntut bela dan membalas dendam ini bukan sahaja berhubungan dengan maruah dan kehormatan kabilah masing-masing malah mereka amat yakin kepada amalan dan kepercayaan tertentu. Sekiranya sesuatu perbuatan seperti pembunuhan, kecederaan dan sebagainya tidak dibela maka ketenangan dan kedamaian sesuatu kabilah akan tergugat. Maka '*darah perlu dibayar darah*' haruslah dilaksanakan demi menuntut bela agar maruah dan integriti sesuatu kabilah tidak diperlekehkan oleh kabilah yang lain.¹²⁷

¹²⁷ Mereka yang gagal menyelesaikan permasalahan dengan cara perdamaian dan undang-undang yang sedia ada akan lebih cenderung menggunakan sikap kekerasan. Selama mana ianya belum dilaksanakan maka dendam ini akan diteruskan dari generasi ke generasi sehingga perbuatan tersebut dapat ditunaikan dengan cara yang sama. Maruah dan kehormatan adalah sangat penting bagi puak dan kabilah masing-masing agar mereka tidak dianggap sebagai pengecut, lemah atau takut kepada suku kaum yang lain.

Budaya ini telah menyebabkan mereka enggan menerima penyelesaian *diyat* sebagai amalan untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Nilai *diyat* tidak boleh disamakan dengan wang dan harta kekayaan yang ada.¹²⁸ Namun, di kalangan masyarakat Arab Badwi ini ada yang mengambil pendekatan untuk menerima kaedah-kaedah perdamaian sama ada melalui pembayaran *diyat* atau *qasamah* (sumpah). Kebiasaannya apabila berlakunya krisis ekonomi di kalangan puak dan kabilah Arab Badwi maka kaedah penyelesaian konflik haruslah dilakukan. Amalan pertukaran barang terpaksa dilakukan walaupun sesetengah kabilah yang menganggapnya sebagai satu penghinaan atau amalan penjualan darah yang tidak sepatutnya tidak berlaku.

Selain itu, pertikaian dan perselisihan pendapat mengenai bentuk hukuman juga kadang kala berlaku. Jika sekiranya wujud perbezaan darjat di antara mangsa dan pelaku jenayah maka hukuman ‘ *bunuh dibalas bunuh* ‘ iaitu *qisas* tidak dapat dilaksanakan. Melihat keadaan inilah kaedah *diyat* dapat digunakan untuk menyelesaikan kes-kes pertikaian antara puak dan kabilah yang terbabit.

Ini berdasarkan firman Allah swt ¹²⁹ yang bermaksud :

... Jika engkau menghukum antara mereka maka hukumlah antara mereka dengan keadilan. Sesungguhnya Allah swt mengasihani orang-orang yang adil.

Pada permulaannya, tiada jumlah pembayaran *diyat* yang ditetapkan. Ianya bergantung kepada kepada jumlah yang ditawarkan oleh pihak *aqilah* pelaku jenayah. Pembayaran yang ditawarkan adalah seperti buah tamar, unta dan sebagainya. Jumlah *diyat* juga adalah berbeza-beza mengikut kedudukan dan darjat seseorang atau kabilahnya.¹³⁰

¹²⁸ Ia dikatakan hanya layak dan sesuai diterima pakai oleh kabilah yang lemah sahaja atau di kalangan mereka yang tidak sama darjat seperti seorang hamba dengan seorang yang merdeka. Keadaan ini tidak memungkinkan mereka untuk menuntut bela dan membalas dendam terhadap perbuatan yang dilakukan. Kadang kala peperangan dan permusuhan yang berpanjangan dan terlalu lama serta timbulnya rasa kebosanan juga telah menjadi punca penyelesaian terpaksa di buat melalui pembayaran *diyat*.

¹²⁹ Al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 42.

¹³⁰ Kebiasaannya kabilah yang kuat akan meminta *diyat* yang banyak malahan di dalam sesetengah daerah yang mengamalkan sistem monarki, *diyat* diraja (*diyat al-muluk*) ada yang ditetapkan jumlahnya sehingga seribu ekor unta ! Begitu juga perbezaan di antara perempuan separuh *diyat* daripada lelaki dan hamba separuh *diyat* daripada orang merdeka dan sebagainya.

Walaubagaimanapun, asas kewujudan seratus ekor unta yang menjadi kadar *diyat* adalah dicetuskan oleh peristiwa yang dihadapi Abdul Mutalib iaitu ketua Bani Hasyim. Beliau telah bermimpi dan di dalam mimpinya beliau telah diarahkan untuk menggali telaga Zamzam. Namun, usaha beliau untuk menggali telaga tersebut telah dibantah dan dihalang oleh kaum Quraisy di Mekah. Oleh sebab itu, tiada seorangpun yang membantu beliau di dalam usaha penggalian tersebut. Tambahan pula beliau tidak mempunyai anak lelaki yang dapat membantu meneruskan penggalian telaga tersebut.

Maka ketika itu Abdul Mutalib bersumpah bahawa sekiranya tuhan menganugerahkannya sepuluh orang anak lelaki, beliau akan menyembelih salah seorang daripada mereka sebagai korban. Akhirnya impian tersebut menjadi kenyataan apabila beliau telah dikurniakan dengan sepuluh orang anak lelaki. Oleh yang demikian, beliau telah membuat undian untuk memilih salah seorang anaknya iaitu Abdullah sebagai korban sempena janji tertunainya sumpah tersebut.

Bagaimanapun perbuatan tersebut telah dihalang oleh masyarakat dan mereka mencadangkan agar Abdul Mutalib mengorbankan sepuluh ekor unta sebagai ganti kepada anaknya. Memikirkan bahawa beliau terikat dengan sumpah maka Abdul Mutalib memutuskan untuk melakukan undi sekali lagi. Undian kali kedua ini juga jatuh kepada Abdullah dan begitu juga dengan undian-undian yang seterusnya sehinggalah undian yang kesepuluh tetap terkena kepada Abdullah.

Akhirnya, beliau telah memutuskan untuk berhenti melakukan undian tersebut dan membatalkan hasrat untuk mengorbankan Abdullah. Bagi merealisasikan sumpah itu, beliau telah menggantikannya dengan pembayaran *diyat* seratus ekor unta. Sejak daripada peristiwa tersebut maka jumlah *diyat* kaum Quraisy telah ditetapkan seratus ekor unta.¹³¹

¹³¹ Muhammad al-Sharbini al-Khatib, (1985), *al-Mughni al-Muhtaj*, Maktabah wa Matba'ah Mustafa, Kaherah, hlm 50

b) Diyat Selepas Kedatangan Islam

Kehadiran Islam lebih banyak menekan dan menggalakkan umatnya agar melakukan perdamaian dan menerima *diyat* sebagai pampasan atau ganti rugi nilai terhadap sesuatu perbuatan jenayah. Ianya bertujuan untuk mengelakkan sikap, amalan dan budaya membalas dendam yang timbul akibat perbuatan jenayah tersebut daripada terus berkembang di dalam masyarakat. Situasi ini akan menyebabkan keamanan dan keharmonian yang diharapkan akan terus lenyap ditelan arus perkembangan semasa.

Sistem pertukaran barang sebagai matawang di kalangan masyarakat Arab Badwi telah dilihat mempunyai pelbagai kesulitan terutamanya dari segi penilaian barangan tertentu telah menyebabkan masyarakat perdagangan telah cuba beralih kepada barangan-barangan tertentu khususnya unta. Tambahan pula penggunaan unta pada zaman tersebut begitu meluas sehingga dilihat begitu sinonim dengan kehidupan masyarakat seharian.

Selain berfungsi sebagai kenderaan pelbagai guna dan tahan lasak di padang pasir, unta juga sentiasa menjadi hidangan utama bagi menghormati kedatangan tetamu dan binatang pilihan untuk dikorbankan sempena perayaan haji di Mekah. Malahan unta juga dilihat sentiasa memainkan peranan yang lebih besar apabila sering menjadi penghalang pertumpahan darah dengan menjadi alat tawaran kepada pihak yang ingin berperang.

Perkembangan ekonomi yang sentiasa berkembang di Mekah dan Madinah juga semasa zaman Rasulullah saw dan khalifah ar-Rasyidin telah menyebabkan unta sebagai matawang terus diterima pakai walaupun sudah wujudnya matawang tertentu pada zaman tersebut. Walaubagaimanapun, saiz fizikal unta juga kadang kala menjadi penghalang di dalam urusan perekonomian semasa. Berdasarkan surat yang diutuskan oleh Rasulullah saw kepada Gabenor Yaman iaitu Amru ibn Hazm jelas menunjukkan bahawa baginda menyedari kewujudan matawang dinar dan dirham sebagai alat perekonomian yang efisien di kalangan masyarakat bandar dan ahli perniagaan.

Bagaimanapun semasa pemerintahan Rasullullah saw, baginda tidak menempa matawang baru bagi kegunaan di dalam negara sebaliknya terus memperakukan penggunaan matawang-matawang yang sedia ada pada masa tersebut. Peristiwa-peristiwa ini telah menunjukkan bahawa transaksi dengan matawang membolehkan pembayaran *diyat* dapat dilaksanakan disamping pembayaran *diyat* dengan unta.

Nilai seekor unta pada zaman Rasullullah saw adalah dianggarkan 40 dirham kemudian meningkat sedikit demi sedikit. Pada zaman pemerintahan khulafa ar-Rasyidin pula nilai 140 dinar menyamai 200 dirham dan 1000 dinar hanya boleh membeli sebanyak 35 ekor unta sahaja. Malahan kos 100 ekor unta pernah meningkat hingga mencapai 8,000 dirham ketika zaman khalifah Umar ra. Memandangkan pembayaran *diyat* dalam bentuk wang mesti menyamai harga unta pada masa-masa berkenaan maka harga nilai unta inilah yang terpaksa ditanggung oleh masyarakat yang membuat pertukaran unta dengan wang.

Walaubagaimanapun, tidak semua tempat dan masyarakat memiliki unta atau wang untuk dijadikan penyelesaian kepada pembayaran *diyat*. Justeru, Rasullullah saw juga turut memperakukan pembayaran *diyat* melalui pilihan yang lain seperti lembu, kambing dan lain-lain. Penetapan ini dibuat berdasarkan penilaian keadaan tempat yang hampir dengan kabilah Badwi yang berurusan dengan unta mahupun yang lain-lain hanya boleh ditentukan jika wujud persetujuan bersama.¹³²

Kesesuaian pembayaran *diyat* menurut jumhur ulama adalah dibolehkan mengikut tempat dan bentuk komoditi pertukaran berasaskan faktor perkembangan perekonomian semasa. Apatah lagi perkembangan Islam juga bukan lagi tertumpu di tanah Arab malahan merentasi hingga ke pelusuk dunia. Faktor geografi dan persekitaran semasa telah mendorong pembayaran *diyat* adalah boleh dilaksanakan melalui matawang berasaskan kepada nilai perkiraan asal *diyat* iaitu unta.

¹³² Muhammad al-Sharbini al-Khatib, (1985), *al-Mughni al-Muhtaj*, Maktabah wa Matba'ah Mustafa, Kaherah, hlm 56.

2.4.4 Kaedah Pembayaran Diyat Menurut Ulama

a) Pendapat Imam Ahmad bin Hanbal

Berdasarkan kepada pendapat Imam Ahmad bin Hanbal bahawa pembayaran *diyat* yang diwajibkan ialah pada salah satu daripada enam jenis iaitu unta, emas, perak, lembu, kambing dan pakaian. Ini berdasarkan kepada keputusan Saidina Umar ra yang menetapkan hukuman *diyat* itu daripada jenis yang tersebut.

Kaedah pembayaran *diyat* ini merupakan penyelesaian yang dibuat oleh Rasulullah saw seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Amru ibn Shu'ayb dari bapanya dari datuknya yang bermaksud :

Nilai diyat pada zaman Nabi ialah sebanyak 800 dinar atau 8000 dirham manakala diyat ahli kitab pada masa itu ialah separuh diyat orang Islam. Katanya : Dan ia berterusan sedemikian sehinggalah Umar menjadi khalifah. Dan katanya lagi : Pada waktu harga unta telah meningkat maka dinilai (unta) oleh Umar bagi orang yang berurusan dengan emas sebanyak 1,000 dinar, yang berurusan dengan wang sebanyak 12,000 dirham, masyarakat yang mempunyai komoditi lembu sebanyak 200 ekor lembu, masyarakat yang memelihara kambing sebanyak 2,000 ekor kambing dan masyarakat yang mempunyai pakaian adalah 200 pasang pakaian.¹³³

Pada masa yang sama barang-barang tersebut agak mudah diperolehi. Sekiranya tidak mampu dibayar dengan jenis-jenis yang disebutkan di atas kerana sukar untuk memperolehinya maka pesalah boleh membayar jumlah *diyat* yang sempurna dengan menilainya menurut harga semasa seratus ekor unta.

¹³³ Al-Sajistani, op. cit, jilid 2, hlm 536.

b) Pendapat Mazhab Maliki dan Hanafi

Sementara itu pendapat ulama Mazhab Maliki dan Hanafi pula menyatakan bahawa diyat boleh dibayar sama ada dengan emas, perak atau unta. Menurut pendapat terdahulu Imam Syafi'i, beliau juga bersependapat dengan pendapat Imam Malik dan Imam Abu Hanifah dalam perkara ini.¹³⁴

Pendapat ini juga dipersetujui oleh Ibn Abidin yang menegaskan jumlahnya ialah 1,000 dinar bagi masyarakat yang menggunakan matawang dinar dan 12,000 dirham dikenakan bagi mereka yang menggunakan dirham (Abu Hanifah berbeza pendapat di sini dengan Imam Malik kerana beliau berpendapat seribu dinar sahaja) dan 100 ekor unta bagi masyarakat yang mempunyai binatang tersebut.¹³⁵

Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Amru ibn Hazm bahawa Rasullullah saw telah mengutus surat kepada penduduk Yaman¹³⁶ iaitu :

Bagi nyawa seorang yang beriman ialah 100 ekor unta dan bagi mereka yang berurusan dengan wang adalah 1,000 dinar.

Ibn Abbas ada meriwayatkan bahawa apabila seorang lelaki dari Bani Uday disabitkan dengan kesalahan membunuh baginda menetapkan 12,000 dirham sebagai *diyat*.¹³⁷

¹³⁴ Al-Shafi'i, (1993), *al-Umm*, Dar al-Khutub al-Ilmiyah, Beirut, jld 7, hlm 501.

¹³⁵ Al-Shaybani, (1983), *Kitab al-Hujjah ala Ahl al-Madinah*, Alam al-Kutub, Beirut, jld 4, hlm 255. Imam Malik bin Anas, (1985), *Kitab al-Muwatta*, Dar al-Afaq al-Jadidah, Beirut, hlm 737. Ibn Abidin, (1994), *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar*, Dar Kutub al-Ilmiyah, Beirut, jilid 7, hlm 504.

¹³⁶ Ibn Qudamah, (1983), *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*, Dar al-Kitab al-Arab, Beirut, jld 9, hlm 481.

¹³⁷ Abu Dawud Sulayman, (t.t.), *Sunan Abi Daud*, Beirut, jld 4, hlm 185. Sheikh Khalil Ma'mun Shiha, *Sunan Ibn Majah*, Kitab Diyat, Dar Ma'rifah, Beirut, jld 3, Hadis No. 2629, hlm 267

c) Pendapat Imam Shafi'i

Imam Syafi'i kemudiannya telah mengubah pendapatnya itu dan berkata *diyat* hanya boleh dibayar dengan unta sahaja. Pendapat ini juga turut disokong oleh mazhab Zahiri bahawa harta asas bagi pembayaran *diyat* adalah unta sahaja.

Dalam hadis yang diriwayatkan al-Zuhri bahawa *diyat* pada zaman Rasulullah saw ialah seratus ekor unta. Setiap satu ekor unta bernilai sebanyak satu '*uqiah*' (lebih kurang 40 dirham) kemudian harganya meningkat sehingga Saidina Umar ra menetapkannya sebanyak sepuluh ribu dirham atau empat ratus dinar.

Ulama Mazhab Syafi'i pula menegaskan bahawa unta merupakan asas bagi pembayaran *diyat*. Adapun emas, perak dan barangan selain unta merupakan pertukaran yang turun naik mengikut nilai harga unta dan tidak mempunyai nilai tetap. Sungguhpun semua ulamak bersependapat bahawa unta merupakan hukuman *diyat* yang asal, tetapi mereka tidak pula menganggap jenis-jenis yang lain daripada unta sebagai ganti kerana semua jenis *diyat* adalah sebagai ganti kebinasaan iaitu kematian atau kecederaan mangsa. Oleh sebab itu, tidak ada bezanya antara satu jenis dengan jenis-jenis yang lain.¹³⁸

Dunia moden kini juga telah menyaksikan pergantungan masyarakat kepada matawang kertas sebagai alat perekonomian semasa dalam hal pertukaran barang-barang. Ramai ulama pada masa kini juga turut memperakui kepentingan wang sebagai medium utama malahan ada yang mengesyorkan kesesuaian penggunaan emas bagi melindungi nilai dan kestabilan pasaran nilai matawang antarabangsa. Sistem sokongan terkini dalam persekitaran perekonomian dan kewangan global akan dapat dan mampu melancarkan metode pembayaran *diyat* samaada melalui bon, kad kredit, overdraf dan lain-lain. Situasi dan kondisi ini telah menjadikan wang lebih efisien di dalam kehidupan semasa berbanding haiwan mahupun barangan-barangan lain.

¹³⁸ Al-Shaybani, (1983), *Kitab al-Hujjah ala Ahl al-Madinah*, Alam al-Kutub, Beirut, jld 4, hlm 255. Imam Malik bin Anas, (1985), *Kitab al-Muwatta*, Dar al-Afaq al-Jadidah, Beirut, hlm 737. Ibn Abidin, (1994), *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar*, Dar Kutub al-Ilmiyah, Beirut, jilid 7, hlm 504.

2.4.5 Jenis-jenis Pembayaran Diyat

a) Diyat al-Mughallazah

Diyat al-Mughallazah adalah merupakan suatu jumlah bayaran untuk ganti rugi yang berat. *Diyat* seperti ini adalah wajib dikenakan ke atas jenayah pembunuhan secara sengaja yang dimaafkan oleh ahli waris mangsa bunuh dan bunuh seumpama sengaja.

Pembayaran *diyat* untuk jenayah pembunuhan sengaja adalah ditanggung oleh penjenayah sendiri dan dibayar serta-merta tanpa bertangguh. Sementara itu, pembayaran *diyat* untuk jenayah pembunuhan seumpama sengaja ditanggung oleh *aqilah* penjenayah. Pembayaran ini hendaklah dibuat dalam tempoh tiga tahun secara ansuran di mana setiap tahun adalah pembayaran satu pertiga *diyat*.¹³⁹

Jumlahnya ialah sebanyak 100 ekor unta yang dibahagikan kepada tiga jenis iaitu :

- i) 30 ekor unta yang berumur 3 tahun (*hiqqah*)
- ii) 30 ekor unta yang berumur 4 tahun (*jaza'ah*)
- iii) 40 ekor unta yang sedang bunting (*khalifah*)

Peruntukan hukuman di atas adalah berdasarkan hadis-hadis Rasulullah saw iaitu :

- i) Hadis yang diriwayatkan daripada Umar bin Syu'ib bahawa Rasulullah saw bersabda¹⁴⁰ yang bermaksud :

“ Diyat pembunuh seumpama sengaja ialah diyat al-Mughallazah seperti diyat pembunuh yang sengaja yang dimaafkan oleh ahli waris mangsa bunuh. Si pembunuh itu tidak boleh dijatuhkan hukuman bunuh iaitu qisas. Saidina Umar ra menjatuhkan hukuman dengan cara ini. ”

¹³⁹ Ibnu Rusy, op.cit, hlm 568. Sayyid Sabiq, op.cit, hlm 101. Al-Mawardi, op.cit, hlm 376.

¹⁴⁰ Riwayat Abu Daud.

- ii) Hadis yang diriwayatkan daripada Umar bin Syu'ib bahawa Rasullullah saw bersabda ¹⁴¹ yang bermaksud :

“ Sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja hendaklah diserahkan kesnya kepada ahli waris orang yang terbunuh. Maka jiwa mereka kehendaki mereka boleh membunuh pembunuh itu. Dan jika mereka kehendaki mereka boleh menerima bayaran diyat iaitu 30 ekor unta yang berumur 3 tahun dan 30 ekor unta yang berumur 4 tahun dan 40 ekor unta yang sedang bunting. Sesuatu perkara yang mereka perdamaikan atasnya (selain daripada yang ditentukan) maka perkara itu adalah dibolehkan bagi mereka. Dan yang demikian itu ialah untuk menguatkan perkara diyat. ”

Diyat al-Mughallazah juga boleh dibayar dengan bayaran-bayaran berikut iaitu :

- i. 33 ekor unta yang berumur 3 tahun (hiqqah)
- ii. 33 ekor unta yang berumur 4 tahun (jaza'ah)
- iii. 34 ekor unta yang sedang bunting (khalifah)

Pembayaran tersebut adalah berdasarkan kepada hadist yang diriwayatkan daripada Saidina Ali ra bahawa Rasullullah saw bersabda ¹⁴² yang bermaksud :

“ Diyat pada pembunuhan seumpama sengaja ialah 33 ekor unta yang berumur 3 tahun, 33 ekor unta yang berumur 4 tahun dan 34 ekor unta yang sedang bunting. ”

Pembunuhan sengaja yang dilakukan di daerah atau tempat yang tiada unta wajib dibayar *diyat* senilai dengan jumlah harga semasa 100 ekor unta. Pembayaran ini boleh dibuat dengan emas, perak, lembu, kambing, pakaian dan wang. Ini berdasarkan hadist ¹⁴³ yang diriwayatkan daripada Amr bin Syu'ib katanya :

“ Adalah diyat pada zaman Rasullullah saw ialah 800 dinar atau 8000 dirham. Diyat ahli kitab ketika itu ialah separuh daripada diyat orang-orang Islam. Peraturan itu berjalan sehingga pemerintahan khalifah Umar al-Khattab ra. Pada suatu ketika

¹⁴¹ Riwayat al-Tirmizi.

¹⁴² Riwayat Abu Daud.

¹⁴³ Riwayat Abu Daud.

khalifah Umar al-Khattab ra bangun berdiri dan berkhutbah dengan berkata : Ketahuilah ! Sesungguhnya kini harga unta meningkat ke paras harga yang tinggi (mahal). Maka khalifah Umar al-Khattab mewajibkan membayar harga diyat ke atas orang yang mempunyai emas ialah 1,000 dinar dan orang yang mempunyai perak 12,000 wang perak dan orang yang mempunyai lembu 200 ekor lembu dan orang yang mempunyai kambing 2,000 ekor kambing dan orang yang mempunyai pakaian 100 pasang pakaian lengkap (diperbuat daripada kain sutera). Khalifah Umar ra meninggalkan diyat kafir dhimmi dan tidak dihapuskannya. “

Sekiranya ahli waris mangsa bunuh itu enggan memaafkan pembunuh dan tidak mahu menerima pembayaran *diyat* maka *diyat* itu tidak wajib dikenakan ke atas pembunuh sebagai ganti nyawa malah pembunuh itu wajib dikenakan hukuman *qisas* sebagai mana hukuman asal yang telah ditentukan.

Firman Allah swt ¹⁴⁴ yang bermaksud :

“ Wahai orang-orang yang beriman ! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman qisas dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu orang merdeka dengan orang merdeka dan hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan. Maka sesiapa (pembunuh) yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh) maka hendaklah (orang yang mengampunkan itu) mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa) dan (pembunuh pula) hendaklah menunaikan (bayaran ganti nyawa itu) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membalas dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

¹⁴⁴ Al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 178.

b) Diyat al-Mukhaffafah

Diyat al-Mukhaffafah adalah merupakan suatu jumlah pembayaran bagi ganti rugi yang ringan. *Diyat* jenis ini dikenakan ke atas seseorang yang melakukan kesalahan dalam kes pembunuhan yang tersalah iaitu pembunuhan tidak sengaja.

Orang yang menanggung pembayaran bagi pembunuhan ini ialah kaum keluarga pesalah yang dipanggil *aqilah* dan dibayar secara ansuran selama tiga tahun berturut-turut. Sekiranya pembayaran dibuat dengan matawang, kaedah yang sama juga dipakai iaitu setiap tahun adalah satu pertiga daripada seribu dinar atau sepuluh ribu dirham yang perlu dijelaskan oleh pihak *aqilah*.¹⁴⁵

Jumlah pembahagian *diyat al-Mukhaffafah* ialah sebanyak 100 ekor unta iaitu :

- i) 20 ekor unta yang berumur 3 tahun (*hiqqah*)
- ii) 20 ekor unta yang berumur 4 tahun (*jaza'ah*)
- iii) 20 ekor unta betina yang berumur 2 tahun (*bint makhad*)
- iv) 20 ekor unta jantan yang berumur 2 tahun (*bani makhad*)
- v) 20 ekor unta betina yang berumur 1 tahun (*bint labun*)

Hukuman ini berdasarkan hadist yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud bahawa Rasulullah saw bersabda¹⁴⁶ yang bermaksud :

“ *Diyat pada pembunuh yang tersalah (tidak sengaja) adalah 20 ekor unta yang berumur 3 tahun, 20 ekor unta yang berumur 4 tahun, 20 ekor unta betina yang berumur 2 tahun, 20 ekor unta jantan yang berumur 2 tahun dan 20 ekor unta betina yang berumur 1 tahun.*”

¹⁴⁵ Ibnu Rusy, op.cit, hlm 572. Sayyid Sabiq, op.cit, hlm 109. Al-Mawardi, op.cit, hlm 380.

¹⁴⁶ Riwayat Abu Daud dan al-Tirmizi.

Diyat pembunuhan yang tidak sengaja apabila dilakukan dengan cemeti atau tongkat, diyatnya adalah sama dengan diyat pembunuhan seumpama sengaja iaitu 100 ekor unta. Diantaranya 40 ekor unta yang sedang bunting.

Hukuman ini adalah merujuk kepada hadist yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr bin al-As bahawa Rasulullah saw bersabda ¹⁴⁷ iaitu :

“ Ingatlah ! Diyat pembunuhan yang tersalah (tidak sengaja) dan pembunuhan seumpama sengaja yang dilakukan dengan cemeti atau dengan tongkat ialah 100 ekor unta. Di antaranya 40 ekor unta yang sedang bunting.”

Pembunuhan yang tersalah iaitu secara tidak sengaja yang dilakukan di daerah atau ditempat yang tidak ada unta seperti di negara ini wajib dibayar *diyat* senilai dengan harga semasa seratus ekor unta.

Nilai ini berdasarkan hadist ¹⁴⁸ yang diriwayatkan daripada Amr bin Syu'ib katanya :

“ Rasulullah saw membayar diyat menurut harganya di atas pembunuhan yang tersalah kepada penduduk kampung dan Bandar sebanyak 400 dinar atau perak yang senilai dengan harga itu dan diyat adalah menurut nilai harga unta. Apabila harga unta mahal dinaikkannya nilai harganya dan pada zaman Rasulullah saw pernah nilai harga diyat itu antara 400 hingga 800 dinar atau wang perak senilai dengan harga 8,000 dirham. Beliau telah menghukumkan orang yang mempunyai lembu sebanyak 200 ekor dan atas orang yang mempunyai kambing sebanyak 2,000 ekor kemudian beliau berkata : diyat itu ialah pusaka yang wajib dibahagikan di antara ahli waris mangsa bunuh yang hampir hubungan warisnya. Maka baki harta yang tinggal itu adalah untuk ahli waris yang asabah.”

¹⁴⁷ Riwayat Abu Daud dan al-Nasai.

¹⁴⁸ Riwayat Abu Daud dan al-Nasai.

c) **Diyat al-Kamilah**

Diyat al-Kamilah iaitu diyat sempurna ¹⁴⁹ iaitu adalah *diyat* yang wajib dibayar dalam kes-kes kecederaan yang merosakkan seluruh anggota badan dengan sempurna seperti terputusnya hidung, kedua-dua tangan dan kaki dan sebagainya.

i) Jenis yang tunggal pada badan

Anggota badan yang tidak ada pasangan seperti hidung, lidah, zakar, tulang sulbi apabila terputus air mani, air kencing, saluran najis, kulit, rambut, janggut apabila tidak tumbuh lagi.

ii) Jenis yang sepasang (2) pada badan

Anggota tersebut adalah seperti tangan, kaki, mata, telinga, bibir mulut, alis mata jika hilang kesemua bulunya dan tidak tumbuh lagi, buah dada, puting dada, buah zakar, bibir kemaluan perempuan, tulang punggung dan tulang rahang. Jika ada kehilangan salah satu daripada anggota-anggota terbabit maka akan dikenakan hukuman separuh *diyat* iaitu *al-Arsh*.

iii) Jenis yang terdapat empat pada badan

Anggota tersebut adalah kelopak mata (iaitu pinggir kulit mata yang tumbuh bulu mata di atasnya) jika tidak tumbuh bulunya dan bulu mata jika tidak tumbuh.

iv) Jenis yang terdapat sepuluh pada badan

Anggota tersebut adalah jari jemari bagi kedua-dua tangan dan kaki. Bagi setiap batang jari akan dikenakan 1/10 pembayaran *diyat*. Begitu juga dengan gigi yang berjumlah 32 batang. Bagi setiap batang gigi dikenakan *diyat* 5 ekor unta ataupun 500 dirham selama ianya tidak menyamai *diyat*.

¹⁴⁹ *Diyat* sempurna diwajibkan sebagai ganti jenayah *qisas* dalam jenayah bersengaja dan jenayah seumpama sengaja dengan menghilangkan manfaat anggota badan atau menghilangkan keupayaannya dan menjadikan ianya tidak bermakna kerana mengurangkan bentuk atau sifatnya. Wahbah al-Zuhaili, op.cit, hlm 355.

d) **Diyat al-Muqaddarah**

Diyat al-Muqaddarah atau *al-Arsh* adalah *diyat* yang wajib dibayar di dalam kes-kes kecederaan atau kecacatan yang merosakkan sebahagian anggota badan daripada bilangannya yang sempurna seperti dcederakan sebelah tangan, sebelah kaki, sebatang jari dan satu ruas jari.

- i) *Arsh Muqaddar* iaitu kadar *diyat* yang ditetapkan oleh nas syarak seperti $\frac{1}{2}$ *diyat* bagi kecederaan sebelah tangan atau kaki atau kadar $\frac{1}{4}$ *diyat* bagi kecederaan satu kelopak mata atau kadar $\frac{1}{10}$ *diyat* bagi kecederaan sebatang jari tangan atau kaki atau kadar bersamaan $\frac{1}{20}$ *diyat* iaitu lima ekor unta untuk sebatang gigi biasa ataupun gigi geraham dan sebagainya.
- ii) *Arsh Ghayr al-Muqaddar* atau *Hukumah* ¹⁵⁰ iaitu kadar *diyat* yang tidak ditetapkan oleh nas syarak tetapi di atas pertimbangan dan berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh pihak yang berwajib iaitu hakim di dalam menentukan keseriusan sesuatu kecederaan jenayah yang berlaku. Kadarnya adalah kurang daripada kadar *diyat* dan maksimum *hukumah* adalah lima ekor unta. ¹⁵¹

Pembayaran *diyat* ini diwajibkan di dalam jenayah kecederaan apabila hukuman *qisas* tidak dapat dilaksanakan kerana sebab-sebab tertentu yang menghalang perlaksanaannya dan tidak ada pula kadar bayaran *arsh* yang tetap bagi anggota berkenaan seperti kecederaan yang menyebabkan pecahnya tulang kecuali gigi, kecederaan yang berlaku pada tangan yang lumpuh dan lain-lain.

¹⁵⁰ *Hukumah al-Adl* ialah harta yang ditentukan oleh Qadhi berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pakar dalam masalah yang tidak ditentukan kadar tertentu oleh syarak yang menjadikannya tidak mendatangkan apa-apa fungsi, luka dan lain-lain. Wahbah al-Zuhaili, op.cit, hlm 437.

¹⁵¹ *Hukumah* boleh ditetapkan terhadap kecederaan-kecederaan terhadap tubuh badan dimana dan kadar dan jumlah penghukuman tidak disebutkan secara khusus di dalam mana-mana kitab fiqh. Ia merangkumi kecederaan yang lukanya tidak sampai ke tulang di tempat-tempat selain muka dan kepala. Bahnasi, (1989), *al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Shuruq, Kaherah, hlm 45.

2.4.6 Bentuk-bentuk Diyat Jenayah Kecederaan

a) Jenayah kecederaan anggota

i) Kecederaan pada muka dan kepala (*Shijaj*)

- *Al-harisah* atau *al-qasyirah* iaitu calar pada kulit.
- *Al-dami'ah* iaitu luka yang menyebabkan pendarahan yang mengalir atau *al-damiyah* iaitu pendarahan yang tidak mengalir.
- *Al-badhi'ah* iaitu luka kecil yang melukakan daging di bawah kulit.
- *Al-mutalahimah* iaitu luka yang terbenam di dalam daging tetapi belum menyentuh lapisan di antara daging dengan tulang.
- *Al-simhaq* iaitu luka yang mengenai lapisan di antara daging dan tulang.
- *Al-muwadhdhihah* iaitu luka yang menembusi lapisan di antara daging dengan tulang dan mendedahkan tulang walaupun ianya tidak kelihatan kerana ditutupi darah.¹⁵²
- *Al-hasyimah* iaitu luka yang mengenai tulang hingga menyebabkan patah sama ada tulang kelihatan ataupun tidak.
- *Al-munaqqilah* iaitu luka yang menyebabkan tulang beralih sama ada tulang itu kelihatan, patah ataupun tidak.
- *Al-ma'mumah* atau *al-ammah* iaitu luka yang mengenai sehingga selaput membran otak.
- *Al-damighah* iaitu luka yang menembusi selaput membran otak sehingga ke otak dan kebiasaannya luka ini akan menyebabkan kematian segera.

¹⁵² Hanya dalam kecederaan kes *al-muwadhdhihah* sahaja perlaksanaan qisas dapat dilaksanakan kerana kecederaan ini dapat disukat dan dapat dilaksanakan seperti kecederaan asal. Kecederaan lain tidak boleh dilaksanakan *qisas* kerana kesukaran untuk menentukan saiz luka yang tepat dan kesukaran untuk memastikan pembalasan yang dilakukan adalah sama. Fiqh al-Syafi'i, op.cit, hlm 1928.

ii) Kecederaan pada anggota badan yang lain

Perlaksanaan *qisas* bagi kecederaan pada anggota badan lain juga hanya dapat dijalankan pada kes *al-muwadhdhihah* sahaja. Hanya kecederaan *al-mawadhdhihah* yang dilakukan pada dada, leher, lengan dan anggota badan yang lain sahaja yang akan dikenakan hukuman *qisas*. Jenis kecederaan lain tidak dapat dilaksanakan hukuman tersebut kerana kesukaran untuk melakukan hukuman balas yang sama dengan kecederaan yang dilakukan terhadap mangsa jenayah.¹⁵³

b) Jenayah kehilangan anggota

Pelaksanaan jenayah kehilangan anggota ini akan dilaksanakan dengan syarat *qisas* kecederaan yang bakal dijalankan adalah sama dan sempurna anggota dengan kecederaan yang telah dilakukan terhadap mangsa jenayah. Kecederaan ini boleh ditentukan hadnya berdasarkan kaedah-kaedah berikut iaitu :

- i) Anggota tersebut mempunyai sendi yang boleh dipisahkan dengan meletakkan besi di atas sendi tersebut. Sendi merupakan penghubung di antara satu anggota dengan anggota yang lain. Sekiranya jenayah dilakukan pada sendi ini maka penjenayah akan dikenakan hukuman *qisas*.
- ii) Anggota tersebut mempunyai had-had tertentu yang mudah untuk dipisahkan melalui alat pemisah.¹⁵⁴ Dalam keadaan ini maka hukuman *qisas* wajib untuk dilaksanakan bagi perbuatan jenayah yang membabitkan mata dicungkil, telinga, kelopak mata, hidung dan sebagainya.

¹⁵³ Fiqh al-Syafi'i, op.cit, hlm 1929.

¹⁵⁴ Hukuman *qisas* tidak dapat dilaksanakan bagi kes kesalahan mematahkan tulang kerana wujudnya kesukaran untuk di hukum balas dengan kecederaan yang sama. Penjenayah akan hanya dikenakan *diyat*. Namun, sekiranya tulang tersebut pecah hingga menyebabkan putus dua maka mangsa jenayah boleh menuntut supaya anggota penjenayah juga di hukum balas sehingga di bahagian sendi yang terdekat. Bakinya boleh dituntut sebagai *hukmah*. Fiqh al-Syafi'i, ibid, hlm 1930.

c) Jenayah hilang upaya anggota

i) Kehilangan akal

Apabila seseorang mangsa jenayah kehilangan akal maka dia akan dikenakan *diyat* yang sempurna / penuh. Pesalah tidak akan dikenakan hukuman *qisas* kerana perkara ini sukar dan tidak dapat dilakukan. Sekiranya kehilangan akal seorang mangsa boleh diukur maka *diyat* boleh dikenakan mengikut kadar kehilangan tersebut. Sekiranya kehilangan akal seorang mangsa tidak dapat diukur seperti mangsa akan ketakutan apabila timbul sesuatu yang menakutkan atau bertindak liar apabila bersendirian maka dalam keadaan ini pesalah akan dikenakan membayar *hukumah* iaitu jumlah pampasan yang ditetapkan oleh pihak yang berwajib.

ii) Pendengaran

Sekiranya mangsa jenayah hilang pendengaran pada kedua-dua belah telinganya maka pesalah wajib membayar *diyat* secara sempurna / penuh. Sekiranya hanya sebelah sahaja yang kehilangan pendengaran maka pesalah dikenakan membayar separuh *diyat* sahaja. Sekiranya pesalah memotong telinga hingga menyebabkan mangsa kehilangan pendengaran maka pesalah wajib dikenakan dua *diyat* iaitu *diyat* memotong telinga dan merosakkan pendengaran.

iii) Penglihatan

Sekiranya mangsa kehilangan penglihatan maka pesalah akan dikenakan *diyat* secara sempurna. Sekiranya mangsa hanya kehilangan penglihatan sebelah matanya maka pesalah akan dikenakan membayar separuh *diyat*. Sekiranya perbuatan pesalah menyebabkan terjejasnya penglihatan mangsa jenayah dan kecacatan tersebut dapat dinilai maka pesalah dikehendaki membayar *diyat* mengikut tahap kecacatan. Jika ia tidak dapat ditentukan maka pesalah dikehendaki membayar *hukumah* sahaja iaitu nilai yang ditentukan oleh pihak yang berwajib.

iv) Keupayaan menghidu

Sekiranya mangsa kehilangan keupayaan menghidu maka pesalah akan dikenakan membayar *diyat* secara sempurna / penuh. Sekiranya mangsa hanya kehilangan keupayaan menghidu pada sebelah hidungnya maka pesalah akan dikenakan membayar separuh *diyat*.¹⁵⁵

v) Keupayaan bertutur

Bagi kes mangsa yang diserang sehingga hilang keupayaan bertutur maka pesalah akan dikenakan *diyat* secara sempurna / penuh. Untuk mangsa yang diserang sehingga menyebabkan cara pertuturan mangsa berubah atau sukar bertutur atau wujud kecatatan pada pertuturan mangsa maka pesalah dikenakan membayar hukumah. Ini kerana dalam kes ini mangsa masih berkeupayaan bertutur.

vi) Suara

Bagi kes mangsa diserang sehingga kehilangan keupayaan bersuara tetapi lidahnya masih boleh berfungsi dan bergerak maka pesalah akan dikenakan membayar *diyat* secara sempurna / penuh. Sekiranya selain suara, lidah mangsa juga gagal berfungsi pesalah dikenakan membayar dua kali ganda *diyat* iaitu *diyat* suara dan *diyat* lidah.

vii) Deria rasa

Diyat keupayaan deria rasa bergantung kepada lima deria rasa iaitu manis, masam, pahit, masin dan tawar. Sekiranya mangsa jenayah kehilangan salah satu deria tersebut maka pesalah akan dikenakan membayar satu perlima *diyat*. Sekiranya deria rasa terjejas dan tidak dapat merasakan sesuatu dengan sempurna maka pesalah wajib dikenakan pembayaran *hukumah*. Sekiranya pesalah memukul mangsa sehingga hilang keupayaan merasa dan bertutur maka pesalah akan dikenakan membayar dua *diyat*.

¹⁵⁵ Sekiranya perbuatan pesalah menyebabkan terjejasnya keupayaan menghidu mangsa jenayah dan kecacatan itu dapat dinilai maka pesalah dikehendaki membayar *diyat* mengikut tahap kecacatan tersebut. Sekiranya jika kecatatan tersebut tidak dapat ditentukan maka pesalah dikehendaki membayar *hukumah* sahaja iaitu nilai yang ditentukan oleh pihak yang berwajib.

viii) Keupayaan mengunyah

Sekiranya mangsa hilang keupayaan bagi mengunyah maka pesalah akan dikenakan membayar *diyat* secara sempurna / penuh.

ix) Keupayaan mengeluarkan air mani

Bagi kes serangan yang membabitkan tulang sulbi sehingga mangsa kehilangan keupayaan mengeluarkan air mani maka pesalah akan dikenakan membayar *diyat* secara sempurna / penuh. Bagi kes buah zakar mangsa dipotong sehingga kehilangan air mani, pesalah dikehendaki membayar 2 kali *diyat* iaitu *diyat* air mani dan *diyat* buah zakar.

x) Keupayaan hamil

Bagi kes serangan yang menyebabkan mangsa wanita kehilangan keupayaan untuk hamil maka pesalah akan dikenakan *diyat*.¹⁵⁶ Jenayah menggugurkan janin¹⁵⁷ pula merupakan suatu kesalahan menamatkan kehamilan seseorang perempuan dengan mengeluarkan janin daripada rahimnya sebelum sampai tempoh kelahirannya.¹⁵⁸

Diyat janin akan dikenakan kepada pesalah yang melakukan perbuatan tersebut apabila memenuhi syarat-syarat berikut iaitu :

- a) Jenayah yang dilakukan memberi kesan kepada janin seperti memukul, memberi ubat atau sebagainya. Bukan sekadar tamparan kecil atau sebagainya yang tidak memberi kesan kepada janin.
- b) Berpisah iaitu gugur dari kandungan ibu. Sekiranya jenayah yang dilakukan menyebabkan si ibu mati tetapi janin tidak berpisah daripada ibunya, penjenayah tidak akan dikenakan membayar *diyat* janin.

¹⁵⁶ Bagi kes serangan yang membabitkan payudara mangsa sehingga hilang keupayaan mengeluarkan susu maka pesalah dikehendaki membayar hukumah. Jika keupayaannya terjejas maka pesalah dikehendaki membayar *hukumah* mengikut tahap kecatatan tersebut.

¹⁵⁷ Janin ialah kandungan yang terdapat dalam perut ibu sebelum dilahirkan dan telah mula menjalani fasa pembentukan dan kejadian sebagai seorang manusia.

¹⁵⁸ Sekiranya pesalah melakukan jenayah terhadap janin yang merdeka dan Islam sama ada lelaki ataupun wanita dengan cara menyerang perut ibunya sehingga janin tersebut mati, pesalah dikehendaki membayar *ghurrah* iaitu seorang hamba lelaki atau wanita atau membayar satu perdua puluh *diyat* bersamaan dengan lima ekor unta. Jika unta ini tiada maka pesalah wajib membayar dengan nilai yang sama.

c) Kandungan yang terpisah mestilah disahkan mati. Sekiranya janin yang terpisah masih hidup maka ia perlu dilihat. Sekiranya janin tersebut masih sihat dalam tempoh yang lama tanpa ada tanda kesakitan dan kemudian mati maka pesalah tidak akan dihukum. Ini kerana pada zahirnya kandungan ini mati disebabkan faktor-faktor yang lain.¹⁵⁹

xi) Keupayaan bersetubuh

Bagi kes serangan terhadap tulang sulbi hingga menyebabkan mangsa hilang keupayaan untuk bersetubuh maka pesalah dikehendaki membayar *diyat*. Ini kerana keupayaan bersetubuh adalah keupayaan yang penting.

xii) Kecacatan pada alat kelamin wanita

Sekiranya perbuatan jenayah tersebut menyebabkan mangsa kehilangan bahagian yang memisahkan di antara lubang faraj dan lubang dubur atau pemisah di antara lubang faraj dan salur kencing maka perbuatan-perbuatan tersebut adalah sama dan pesalah adalah dikehendaki membayar *diyat* secara sempurna / penuh.

xiii) Keupayaan tangan dan kaki

Bagi kes kehilangan keupayaan kedua-dua belah tangan atau juga kedua-dua belah kaki mangsa yang dipukul sehingga lumpuh maka pesalah dikehendaki membayar *diyat* secara sempurna / penuh. Bagi kes jari mangsa dipukul sehingga hilang keupayaan menggunakan jari-jari maka pesalah dikehendaki *diyat* jari mengikut bilangan jari yang sedia ada sebelum berlakunya perbuatan jenayah tersebut. Jika keupayaan pergerakan kaki mangsa jenayah terjejas maka pesalah dikehendaki membayar *hukumah* yang ditetapkan.

¹⁵⁹ Sekiranya kandungan tersebut mati ketika keluar atau masih hidup ketika keluar tetapi sakit hingga menyebabkan kematiannya maka pesalah akan dikenakan *diyat* penuh. Ini kerana kandungan tersebut disahkan masih hidup. Dengan itu hukumnya sama seperti manusia biasa. Kehidupan bayi tersebut boleh diketahui melalui tangisan atau wujud tanda yang menunjukkan dia hidup seperti bernafas, menghisap susu atau membuat gerakan yang kuat. Sekiranya janin tersebut mati selepas kematian ibunya akibat perbuatan jenayah maka pesalah akan diwajibkan membayar *diyat* janin.

2.5 Aqilah

2.5.1 Pengertian Aqilah

Perkata *aqilah* berasal dari perkataan *aqala* yang bermaksud ikatan atau tahanan. Kata terbitan bagi *aqilah* pula ialah '*aql* yang bererti *diyat*. Perbuatan *diyat* ini akan dapat mengelakkan terjadinya pertumpahan darah daripada berlaku, dimana ia dibayar kepada keluarga mangsa sama ada akibat perbuatan pembunuhan atau kecederaan.¹⁶⁰

Aqilah merupakan satu kumpulan orang yang membayar *diyat* (*al-jamaah aqilah*) untuk menutup mulut keluarga mangsa daripada merungut dan mencanangkan kezaliman yang berlaku. Dari segi amalan masyarakat Arab, '*aql* merujuk kepada sekumpulan unta yang dibawa, dikumpul dan dikurung dalam kawasan wali mangsa pembunuhan. Ini adalah satu tawaran atau bayaran untuk memuaskan hati pihak keluarga mangsa demi mengelak berlaku permusuhan di antara kaum keluarga mangsa dan pelaku jenayah tersebut. Langkah ini dibuat supaya keamanan dalam kawasan itu dapat dikekalkan, mengelak balas dendam serta pertumpahan darah yang tidak diingini.¹⁶¹

2.5.2 Sejarah Aqilah

Umumnya mengetahui bahawa masyarakat Arab Jahiliyyah telah mengamalkan budaya hidup berpuak-puak sejak sebelum kedatangan Islam. Budaya ini telah melahirkan suatu amalan perkauman dan ketaksuban yang amat menebal dikalangan mereka. Tambahan pula keadaan suasana dan persekitaran kehidupan di padang pasir telah menuntut keakraban dan perhubungan yang rapat ini menjadi suatu kekuatan di dalam menempuhi ancaman dan perbalahan yang sering berlaku di antara puak.

¹⁶⁰ Sayyid Sabiq, (1983), *Fiqh Sunnah*, Beirut, Dar al-Fikr, jld 2, hlm 470. Abd Kadir Audah, (t.t.), *Tasyrik al-Jinai al-Islami*, Kaherah, Dar al-Turath, jld 1, hlm 301.

¹⁶¹ Muhammad Rawwas Qal'aji & Hamid Sadiq Qunaybi, (1988), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*, Beirut, Dar al-Nafais, hlm 123. Nazih Hammad, (1981), *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyah*, Virginia, IIIT, hlm 78.

Perperangan antara puak sering terjadi adalah berpunca daripada perebutan kawasan-kawasan tertentu yang menjadi tempat untuk mereka mencari rezeki dan meneruskan kelangsungan kehidupan seharian. Misalnya, perebutan untuk menguasai kawasan punca air dan kawasan ragut binatang sehingga menyebabkan sikap dan maruah sesuatu puak menjadi pertaruhan kepada terjadinya peperangan yang. Sikap agresif dan amalan budaya membalas dendam di kalangan bangsa Arab yang dipengaruhi oleh persekitaran padang pasir juga telah menyumbang kepada berlakunya peperangan antara puak.¹⁶²

Namun, ketaksuban dan amalan berpuak-puak yang menebal di kalangan mereka telah menyebabkan sikap tolong menolong dan amalan toleransi di antara mereka amat tinggi. Keadaan ini akan mendorong mereka untuk memberikan sumbangan moral sehinggalah kepada sumbangan material di atas kepayahan dan kesusahan yang melibatkan ahli-ahli puak di kalangan mereka. Mereka juga telah mewujudkan suatu pentadbiran dan kepimpinan yang tersusun di kalangan mereka sehingga mampu mengadakan sistem pemerintahan yang efisien. Jabatan-jabatan tertentu seperti untuk menjaga keamanan, diwujudkan tentera dan polis serta mahkamah, untuk menjaga pentadbiran dan kewangan dan sebagainya. Budaya kehidupan sebeginilah yang akhirnya telah melahirkan suatu sistem pertanggungjawaban bersama yang dikenali sebagai sistem *aqilah*.

Kehadiran Islam telah mengiktiraf dan menyempurnakan budaya kehidupan dan sistem pertanggungjawaban tersebut dengan menggalakan supaya perbalahan dan perperangan diselesaikan dengan cara perdamaian. Ini dapat dilakukan menerusi sistem *diyat* sebagai pilihan kepada amalan membalas dendam di kalangan puak-puak yang bertelagah. Perkara ini dapat dilihat di dalam peristiwa perbalahan dan persengketaan di antara puak Aus dan Khazraj serta antara Anshar dan Muhajirin. Peristiwa ini telah menyebabkan tercetusnya Perlembagaan Madinah dimana Rasulullah saw telah memasukkan peranan yang boleh dimainkan oleh sistem *aqilah* di dalam menyelesaikan masalah di antara puak.¹⁶³

¹⁶² Hilal Farghali Hilal, (1990), *al-Nizam al-Islami*, Dar al-Nashr, Riyadh, hlm 11-13. Jawwad Ali, (t.t.) *Tarikh al-Arab Qabl al-Islam*, Maktabah al-Majma al-Ilmi, Iraq, jld 6, hlm 341. Abdul Wahab Muhammad Mustafa, (2002), *al-Nazariyah al-Ammah lil Itizam al-Daulah*, Dar al-Fikr, Kaherah, hlm 57-59.

¹⁶³ Muhamad Husain Haekal, (1994), *Sejarah Hidup Muhammad*, Litera Antar Nusa, Jakarta, hlm 199.

Antara lain Perlembagaan Madinah ¹⁶⁴ tersebut adalah :

“ Kaum Muhajirin di kalangan Quraisy tetap menurut adat kebiasaan baik yang berlaku di kalangan mereka, bersama-sama menerima atau membayar tebusan darah (diyat) antara sesama mereka dan mereka menebus tawanan mereka sendiri dengan cara yang baik dan adil di antara sesama orang-orang yang beriman. “

“ Bahawa Banu Aus adalah tetap menurut adat kebiasaan baik mereka yang berlaku, bersama-sama membayar tebusan darah (diyat) seperti yang sudah-sudah. Dan setiap golongan harus menebus tawanan mereka sendiri dengan cara baik dan adil di antara sesama orang-orang yang beriman. ”

2.5.3 Hukum Dan Dalil Aqilah

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadist-hadist Rasullullah saw banyak ditegaskan tentang kepentingan dan keperluan konsep hukuman dan pembalasan terhadap sesuatu perbuatan jenayah. Firman Allah swt ¹⁶⁵ yang bermaksud :

“ Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah swt tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. ”

Selain itu, Rasullullah saw juga telah memberi pengiktirafan kepada peranan *aqilah* menerusi keputusan satu kes pembunuhan ¹⁶⁶ iaitu :

“ Daripada Jabir Ibn Abdullah bahawa Rasullullah saw telah menetapkan diyat ke atas aqilah pembunuh. Lalu aqilah mangsa bertanya : Wahai Rasullullah, adakah kami dapat harta pusakanya ? Baginda saw menjawab : Tidak, harta pusakanya adalah untuk suami dan anaknya. ”

¹⁶⁴ Lihat pembahasan Perlembagaan Madinah di dalam bab Tahun Pertama di Yathrib. Muhamad Husain Haekal, (1994), *Sejarah Hidup Muhammad*, Litera Antar Nusa, Jakarta, hlm 200 – 202.

¹⁶⁵ Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 190.

¹⁶⁶ Abu Daud Sulayman, (1974), *Sunan Abi Dawud*, Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyah, Kaherah, jilid 4, hadis no. 4575, hlm 192.

2.5.4 Aqilah Menurut Ulama

Para ulamak pada umumnya bersepakat tentang pemakaian prinsip *aqilah* yang melibatkan perbuatan kes pembunuhan dan kecederaan secara tidak sengaja dan seumpama sengaja di dalam undang-undang jenayah Islam.

a) Mazhab Hanafi

Ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa *aqilah* ialah merujuk kepada ahli *diwan* seseorang. Pendapat ini merujuk kepada *diwan* yang telah ditubuhkan semasa pemerintahan Saidina Umar ra. Beliau telah menyusun nama-nama pekerja mengikut kategori-kategori tertentu seperti angkatan tentera di bawah satu pendaftaran. Ini bagi memudahkan pentadbirannya termasuk urusan pembayaran gaji, elaun dan sebagainya.¹⁶⁷

Sekiranya seseorang didapati tidak mempunyai *diwan* maka kaum kabilah, ahli keluarga dan orang-orang yang dapat membantu akan menjadi *aqilah* beliau. Ini kerana penanggungjawaban itu berasaskan kepada konsep saling bantu-membantu yang lazimnya dipupuk di kalangan keluarga terdekat. Perlaksanaan *diwan* di zaman Saidina Umar ra tersebut mendapat sokongan dan kepercayaan di kalangan sahabat-sahabat.¹⁶⁸

Saidina Umar melihat fungsi kabilah dan *asabah* sebagai *aqilah* yang berteraskan sikap tolong menolong itu dapat diambil alih oleh *diwan*. Keadaan ini akan dapat membantu dan meringankan beban kewangan ahli *diwan* kerana mereka telah biasa bekerjasama dan mempertahankan diri di antara satu sama lain di dalam peperangan.¹⁶⁹ Langkah penubuhan *diwan* ini diambil oleh Saidina Umar ra adalah untuk melaksanakan matlamat saling bantu-membantu dikalangan mereka di samping merapatkan ikatan hubungan di antara kabilah-kabilah dan kaum keluarga terdekat.

¹⁶⁷ Masudul Hassan, (1995), *History of Islam*, Adam Publishers, India, jld 1, hlm 113.

¹⁶⁸ Ibn Abidin, op.cit, jld 7, hlm 325. Al-Marghani, (t.t.), *al-Hidayah fi Sharh Bidayah al-Mubtadi*, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, jld 3, hlm 506. Abu Bakar al-Kasani, (1998), *Bada'i al-Sanai' fi Tartib al-Shara'i*, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut, jld 7, hlm 345.

¹⁶⁹ Al-Sarakhsi, (1986), *al-Mabsut*, Dar al-Makrifah, Beirut, hlm 195. Ahmad ibn Ali al-Jassas, (t.t.), *Kitab Ahlam al-Quran*, Dar Ihya al-Turath, Beirut, jld 3, hlm 196.

b) Mazhab Shafi'i

Ulamak mazhab Shafi'i berpendapat bahawa *aqilah* merangkumi *asabah* iaitu sanak saudara yang boleh mewarisi harta pusaka disebabkan faktor keturunan dan perwalian kecuali bapa ke atas dan anak ke bawah. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah¹⁷⁰ iaitu :

“ Daripada Jabir Ibn Abdullah bahawa Rasullullah saw telah menetapkan diyat ke atas aqilah pembunuh. Lalu aqilah mangsa bertanya : Wahai Rasullullah, adakah kami dapat harta pusakanya ? Baginda saw menjawab : Tidak, harta pusakanya adalah untuk suami dan anaknya.”

Imam Shafi'i berpendapat bahawa amalan yang dibuat oleh Rasullullah saw berdasarkan hadist tersebut sudah cukup untuk menetapkan bahawa *aqilah* adalah anggota puak atau kabilah yang sama menjadi *asabah* kepada orang yang dikenakan *diyat*. Malahan sebelum kedatangan Islam, *asabah* telah menawarkan apa sahaja bantuan untuk mengelak daripada amalan balas dendam oleh pewaris mangsa akibat sesuatu perbuatan jenayah yang berlaku dikalangan ahli kabilahnya. Sekiranya *asabah* tidak ada atau tidak diketahui maka barulah penanggungjawaban itu berpindah kepada Baitul Maal.¹⁷¹

c) Mazhab Hanbali

Ulamak mazhab Hanbali berpendapat bahawa *aqilah* adalah terdiri dari kalangan *asabah* iaitu kerabat lelaki daripada sebelah bapa. Untuk dikira sebagai *asabah*, mereka ini tidak boleh cacat akal, miskin, wanita atau berlainan agama daripada pelaku jenayah.

¹⁷⁰ Abu Daud Sulayman, (1974), *Sunan Abi Dawud*, Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah, Kaherah, jld 4, hadis no. 4575, hlm 192.

¹⁷¹ Muhammad al-Harbini al-Khatib, (1985), *Mughni al-Muhtaj*, Maktabah wa Matba'ah Mustafa, Kaherah, hlm 95. Al-Ramli, (1992), *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, Dar Ihya al-Turath, Beirut, hlm 370.

Sementara itu, kedudukan bapa dan anak sama ada mereka termasuk di dalam kelompok *asabah* dapatlah dibahagikan kepada dua pendapat iaitu :

- i) Semua adalah *asabah* termasuk bapa, anak, adik-beradik, bapa saudara dan juga sepupu. Pendapat ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Amru ibn Shuaib daripada datuknya yang berkata :

“ Rasullullah saw telah memutuskan dan mereka ini (asabah) tidak boleh mewarisi sesuatu pun daripadanya kecuali lebih daripada ahli warisnya dan jika dia membunuh maka aqilahnya dari ahli warisnya dan mereka boleh membunuh pemunuhnya (qisas). ”

- ii) Bapa dan anak bukan daripada kalangan *asabah*. Pendapat ini adalah sama seperti mazhab Shafi'i berdasarkan hadis Jabir ibn Abdullah tersebut.

d) Mazhab Maliki

Ulamak mazhab Maliki berpendapat bahawa *aqilah* adalah daripada kalangan *asabah* dari sebelah bapa. Ketiadaan *asabah* sebelah bapa bererti perwalian akan mengambil alih dan dibenarkan melangsaikan pembayaran *diyat* tersebut. Pendapat ini sama dengan pendapat mazhab Shafi'i dan Hanbali.¹⁷²

Perwalian merupakan satu istilah yang merujuk kepada orang-orang bawahan termasuk hamba sahaya yang telah dibebaskan, anak-anak saudara yang kehilangan bapa, jiran dan sahabat handai. Jika pelaku tidak mempunyai ahli-ahli keluarga dalam kelompok *asabah* dan perwalian maka Baitul Maal akan mengambil alih fungsi *aqilah* tersebut.¹⁷³

¹⁷² Abu Bakar Ahmad ibn al-Husain, (1994), *Sunan al-Kubra*, Dar al-Kutub, Beirut, jld 6, hlm 240.

¹⁷³ Ibid.

2.5.5 Syarat-syarat Aqilah

Skop pertanggungjawaban *aqilah* dapat difahami berdasarkan hadist yang diriwayatkan oleh Ibn Shihab al-Zuhri daripada Ibn Abbas bahawa Rasulullah saw bersabda ¹⁷⁴ :

“ Aqilah tidak sekali-kali menanggung perbuatan yang sengaja, hamba, pengakuan salah, perdamaian dan diyatnya kurang daripada satu pertiga.”

Daripada hadist di atas menunjukkan bahawa sekiranya mangsa adalah hamba atau jika perbuatan itu dilakukan dengan niat ataupun ianya telah diselesaikan secara perdamaian dan sabitan ke atas pelaku adalah melalui pengakuan salah bukannya bukti serta *diyat* kurang daripada satu pertiga maka *aqilah* tidak akan bertanggungjawab dalam memberi bantuan kepada pelaku tersebut. Hal syarat-syarat tersebut dihuraikan seperti berikut :

a) Perbuatan yang sengaja

Pembayaran *diyat* hanya akan dilakukan oleh *aqilah* sekiranya perbuatan yang dilakukan adalah dengan tidak sengaja. Maksud tidak sengaja adalah ianya berlaku kerana kesilapan, kecuaiian, tersalah, kemalangan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa pelaku tersebut tidak boleh dipersalahkan secara seluruhnya kerana tidak mempunyai niat jahat sama sekali.

Fungsi *aqilah* adalah untuk meringankan beban yang terpaksa ditanggung oleh pelaku akibat sesuatu yang diluar jangkaan. Jika pelaku berniat tidak baik maka perbuatannya yang merusakkan harta dan mencederakan orang lain tidak wajar dibantu untuk meringankan beban yang dipikulnya. Malahan beliau menanggung sendiri beban dan kesan-kesan akibat perbuatan salah tersebut.

¹⁷⁴ Ibnu Qadamah, (1986), *al-Mughni*, Dar al-Makrifah, Beirut, hlm 777. Al-Qurtubi, (t.t), *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Dar al-Makrifah, Beirut, jld 5, hlm 320.

b) Hamba

Pembayaran *diyat* tidak akan dilakukan oleh *aqilah* sekiranya perbuatan itu dilakukan terhadap hamba-hamba. *Diyat* hamba mestilah dibayar sendiri oleh pelaku perbuatan jenayah. Pendapat ini disepakati oleh Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam Ishak.¹⁷⁵

c) Pengakuan salah

Keempat-empat ulamak mazhab bersependapat bahawa *aqilah* tidak akan membantu sekiranya pelaku membuat pengakuan sendiri di atas kesalahan yang dilakukannya. Ini menunjukkan bahawa dia faham akan maksud dan keadaan pengakuan tersebut dibuat serta bersedia menerima implikasi daripada pengakuan tersebut termasuklah *diyat* dan lain-lain pampasan.

d) Diyat kurang satu pertiga

Berdasarkan pendapat yang diberikan oleh Maliki, Hanbali, Ishak dan al-Zuhri bahawa *aqilah* hanya akan menanggung pembayaran pampasan bagi kecederaan yang dikenakan melebihi satu pertiga *diyat* sahaja. Mazhab Hanafi pula menetapkan bahawa *aqilah* akan bertanggungjawab bagi *arsh* yang melebihi 1/20 saja. Mereka semua berpendapat bahawa sekiranya pelaku dikenakan dengan hukuman *hukumah* maka *aqilah* tidak perlu memikul tanggungjawab itu sebaliknya pihak pelaku sendiri yang harus menyelesaikannya.

Bagaimanapun ulamak mazhab Shafi'i berpendapat bahawa kesemua kes-kes kecederaan yang tidak disengajakan sama ada *arsh* ataupun *hukumah* adalah menjadi tanggungjawab *aqilah* untuk membayar pampasan tersebut.¹⁷⁶

¹⁷⁵ Al-Shaukani, (1979), *Nailul Authar*, Maktabah Dar al-Turath, Kaherah, jld 7, hlm 89.

¹⁷⁶ Abd Kadir Audah, (t.t), *Tasyrik al-Jinai al-Islami*, Dar al-Turath, Kaherah, jld 1, hlm 360-361.

2.5.6 Kewujudan *Diwan*

Penubuhan *diwan* hanya diwujudkan pada zaman khalifah Umar ra bagi mengurus dan mentadbir harta-harta negara yang kian meningkat dari tahun ke tahun. Idea ini tercetus hasil daripada peristiwa kepulangan Abu Hurairah dari Bahrain dengan membawa pulang hasil negara sebanyak 500,000 dirham.¹⁷⁷ Saidina Umar ra agak terkejut dengan jumlah hasil negara yang banyak. Lalu beliau meminta nasihat kepada sahabat-sahabat mengenai pengagihan wang tersebut. Dikatakan al-Walid bin Hisham al-Mughirah mencadangkan sistem *diwan* berdasarkan pengamatan beliau mengenai pemerintahan di Sham lalu ianya dipersetujui oleh khalifah Umar ra. dan sahabat-sahabat yang ada pada ketika itu.¹⁷⁸

Diwan al-Jaysh adalah *diwan* yang pertama ditubuhkan bagi menguruskan nama anggota tentera yang berkhidmat di medan peperangan. Mereka diberikan gaji bulanan dan bonus pada setiap tahun. Di antara penulis *Diwan al-Jaysh* ialah Aqil ibn Abi Talib, Mahramah bin Naufal dan Jubair bin Mut'im. Pelaksanaan sistem ini telah berkembang ke pelusuk pemerintahan Islam selepasnya seperti di Parsi, Iraq, Jordan dan lain-lain.¹⁷⁹

Peranan *diwan* terus berkembang menjadi jabatan kerajaan atau kementerian di mana semua pekerja di bawah jabatan tersebut akan menerima pendapatan bulanan dan elaun daripadanya. *Diwan-dewan lain* yang ditubuhkan ialah *Diwan al-Kharaj* (cukai), *Diwan al-Khazn* (perbendaharaan), *Diwan al-Barid* (pos), *Diwan al-Diya' wa al-Nafaqat* (wang keluar) dan *Diwan al-Ma' (air)* di samping *Diwan al-Jaysh* (tentera). Malahan semasa pemerintahan Muawiyah, beliau telah menambah *diwan-dewan* ini kepada *Diwan al-Khatam* (Jabatan Khalifah), *Diwan al-Rasa'il* dan *Diwan al-Mustaghallat* iaitu pejabat yang mentadbir hal ehwal sewa harta benda kerajaan.¹⁸⁰

¹⁷⁷ Hasan Ibrahim Hasan, (1991), *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa Ijtimai'*, Dar al-Jai, Beirut, hlm 178-193. Al-Mawardi, op.cit, hlm 172.

¹⁷⁸ Muhamad Rida, (1983), *al-Faruq Umar bin al-Khattab Yhani al-Khulafa al-Rashidin*, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, hlm 43. Abu Zayd Shalabi, (1986), *Tarikh al-Hadarah al-Islamiyyah wa al-Fikr al-Islami*, Maktabah Wahbah, Kaherah, hlm 107-114.

¹⁷⁹ Al-Mawardi, op.cit, hlm 259-260.

¹⁸⁰ Ibn Khaldun, (t.t.), *Muqaddimah ibn Khaldun*, Kaherah, Dar Nahdah, Jilid 2, hlm 229. Abu Abdullah ibn Ahmad ibn Yusuf al-Khatib al-Khawarizmi, (t.t.), *Mafatih al-Ulum*, Misr, Matba'ah al-Sharq, hlm 79.

2.6 Kesimpulan

Berdasarkan pembahasan yang diuraikan pada bab ini adalah didapati bahawa sistem *diyat* dan *aqilah* yang diwujudkan di dalam perundangan Islam adalah bertujuan untuk membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh pelaku jenayah akibat perbuatan yang tidak disengajakan.¹⁸¹ Ianya juga memastikan agar kecederaan mangsa jenayah tidak hilang dengan sia-sia kerana kemungkinan pelaku jenayah adalah golongan orang miskin dan tidak mampu untuk melunaskan pembayaran pampasan.¹⁸²

Di samping itu, hikmah sistem ini diwujudkan juga adalah bertujuan untuk mengukuh dan memulihkan hubungan di kalangan ahli keluarga dan masyarakat. Sistem *aqilah* ini wajar dijadikan landasan untuk memulihkan kembali psikologi dan kewangan mangsa kecederaan jenayah akibat daripada perbuatan tersebut. Sekiranya kesalahan dilakukan dengan sengaja, maka pelaku jenayah sendiri haruslah menunaikan pembayaran *diyat* daripada hartanya sendiri. Namun, jika pelaku jenayah menghadapi masalah di dalam pembayaran tersebut maka adakah wajar sistem *aqilah* dilaksanakan dan membantu mangsa kecederaan jenayah dan bukannya pelaku jenayah di dalam pembayaran *diyat*.

Oleh yang demikian dalam pembahasan ini jelas menunjukkan bahawa sistem *aqilah* memberi keadilan kepada pelaku jenayah yang terbabit di dalam sesuatu kesalahan tanpa disengajakan dan mangsa kecederaan jenayah juga mendapat pembelaan yang sewajarnya di dalam sesuatu kesalahan yang disengajakan oleh pelaku jenayah.

¹⁸¹ Abd Kadir Audah, (t.t.), *Tasyrik al-Jinai al-Islami*, Dar al-Turath, Kaherah, jld 1, hlm 394.

¹⁸² Mustafa Ahmad al-Zarqa, (1994), *Nizam al-Ta'min*, Muassasah al-Risalah, Beirut, hlm 63.

BAB 3

PAMPASAN MANGSA KECEDERAAN JENAYAH DI BARAT

3.1 Pendahuluan

Pada bab ini pembahasan akan dihuraikan untuk melihat sejarah dan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah yang dilaksanakan di negara-negara barat seperti di United Kingdom dan Australia. Di samping itu, kajian perpustakaan melalui buku-buku, bahan-bahan bercetak, internet dan lain-lain akan cuba dihuraikan melalui pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini di negara-negara lain seperti Kanada melalui British Columbia dan Amerika Syarikat melalui California.

Peristiwa serangan World Trade Centre di New York dan Pentagon di Washington, Amerika Syarikat pada 11 September 2001¹⁸³ telah mengubah lanskap pendirian dunia terhadap skop keganasan dan kepentingan pampasan terhadap mangsa jenayah. Kejadian serangan ala 11 September 2001 di Texas pada 19 Februari 2010 juga telah menyebabkan kerajaan Amerika Syarikat terus diselubungi kebimbangan mengenai keganasan domestik yang terus memberi kesan kepada keselamatan orang awam di dalam negara.¹⁸⁴ Sejak kejadian 11 September 2001 itu, kerajaan Amerika Syarikat bukan sahaja menyediakan bantuan kewangan kepada mangsa kecederaan jenayah malahan telah membuat perancangan bagi menyediakan pampasan di dalam perkara-perkara yang tidak bersifat ekonomikal seperti kesengsaraan dan penderitaan akibat dari kecederaan.¹⁸⁵

¹⁸³ Menara Kembar New York Ranap Sepenuhnya, Utusan Malaysia, 11 September 2001, hlm. 1.

¹⁸⁴ Serangan Ala 9/11 di Texas, Utusan Malaysia, 20 Februari 2010, hlm. 17. Kejadian tersebut dipercayai dilakukan oleh seorang jurutera computer iaitu Joseph Stack yang tidak berpuas hati dengan kerajaan Amerika Syarikat telah merempuh bangunan pejabat cukai di Texas dengan menggunakan sebuah pesawat satu enjin. Tindakan tersebut telah menyebabkan dua orang meninggal dunia dan 13 orang lagi cedera serta mengakibatkan bangunan 7 tingkat tersebut mengalami kemusnahan besar.

¹⁸⁵ Sila lihat Victim of Crime Act 1984 no. 104 hingga 235 berdasarkan Final Report, President's Task Force berkaitan Victims of Crime. David Beatty etc, (1999), *New Directions from the Field : Victims Rights and Services for the 21st Century*, US Department of Justice, New York.

Pada masa yang sama, Criminal Injuries Compensation Authority (CICA) di United Kingdom juga telah membuat perancangan untuk memberikan pampasan ¹⁸⁶ kepada keluarga mangsa jenayah yang bukan sahaja yang menjadi saksi kejadian jenayah ditempat kejadian malahan mereka yang melihat melalui media televisyen juga layak untuk menerima pampasan mangsa jenayah.¹⁸⁷ Selepas peristiwa pengebomam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di Pulau Bali, Indonesia pada 12 Oktober 2002,¹⁸⁸ kerajaan Australia juga telah membuat perancangan untuk menyediakan pampasan bukan sahaja secara segera kepada keluarga mangsa jenayah malahan pampasan juga akan diberikan di atas kesengsaraan dan penderitaan akibat dari kecederaan sesuatu peristiwa jenayah.¹⁸⁹

Peristiwa-peristiwa ini telah memberikan gambaran bahawa bagaimana sesuatu jenayah itu telah memberikan kesengsaraan dan penderitaan kepada mangsa jenayah dan ahli keluarganya serta mengancam kestabilan dan keamanan sesebuah negara.

¹⁸⁶ Sila lihat The Criminal Injuries Compensation Scheme, 2008 melalui *Criminal Injuries Compensation Act 1995*, Kelayakan Untuk Memohon Pampasan no. 6 hingga 12, Kelayakan Untuk Menerima Pampasan no. 13 hingga 17. Criminal Injuries Compensation Authority (CICA), Glasgow, UK.

¹⁸⁷ Peristiwa pada 07 Julai 2005 pengebomam di stesen keretapi bawah tanah King's Cross, Aldgate East, Moorgate, Edgware Rd, Liverpool St, London telah mengorbankan seramai 52 dan sekitar 700 orang telah mengalami kecederaan. Pihak CICA telah mengeluarkan sejumlah kewangan bernilai Pound 4.7 juta untuk membayar pampasan berdasarkan kejadian tersebut. Utusan Malaysia, *London Dilanda Letupan*, 08 Julai 2005, hlm 1. Lihat juga laporan oleh Carol Stone, *The Response to Victim of Major Incidents : A review of the Criminal Injuries Compensation Authority's response to the applicants after the 7 July 2005 London bombings, and recommendations for future major incident planning*, CICA, Glasgow, November 2007.

¹⁸⁸ Peristiwa yang terjadi pada malam 12 Oktober 2002 di kota Kecamatan Kuta di pulau Bali, Indonesia tersebut telah mengorbankan 202 orang dan mencederakan 209 yang lain, kebanyakan pelancong asing terutamanya rakyat Australia. Peristiwa ini sering dianggap sebagai peristiwa keganasan yang paling dahsyat dalam sejarah Indonesia. Beberapa orang warga Indonesia telah dijatuhi hukuman mati kerana peranan mereka dalam pengeboman tersebut. Abu Bakar Baashir, yang diduga sebagai salah seorang yang terlibat dalam memimpin pengeboman ini, dinyatakan tidak bersalah pada March 2005 atas konspirasi serangan bom ini dan hanya dihukum di atas pelanggaran kes keimigrasian. Warganegara luar yang terlibat adalah dari Australia sebanyak 88 orang, United Kingdom 26 orang, Amerika Syarikat 7 orang, negara-negara Eropah seramai 32 orang dan lain-lain seramai 11 orang serta orang tempatan seramai 38 orang.

¹⁸⁹ Akibat dari peristiwa pengebomam di Pulau Bali tersebut pihak berkuasa Australia Selatan telah meminta pihak keluarga yang menjadi mangsa peristiwa tersebut sama ada mereka yang tercedera atau meninggal dunia, memohon untuk mendapatkan pampasan sagu hati. Pejabat Peguam Negara boleh memberi pampasan tersebut melalui Victims of Crime Fund di bawah *Criminal Injuries Compensation Act 1978* dan *Victims of Crime Act 2001*. Michael O'Connell, (2003), *Criminal Injuries Compensation – Revisiting the Rationale for State Funded Compensation for Crime Victims*, A National Conference, Canberra, 23 – 24 Jun, 2003, University House, ANU, Australia.

3.2 Sejarah Mangsa Pampasan Kecelakaan Jenayah

Pada abad ke-6, Undang-Undang Ethelbert dan pada abad ke-9, Undang-undang Alfred di England telah menyatakan bahawa hukuman di dalam kes pembunuhan adalah dengan pembayaran wang sebagai pengganti maruah atau harga diri seseorang dan hendaklah dibayar oleh pesalah atau kaum keluarga pesalah kepada mangsa. Pada hal yang sama juga terdapat masyarakat primitif dan *feudal* (sistem beraja) seperti Tokugawa, Jepun dan masyarakat Jerman di Eropah yang menekan bahawa pesalah haruslah memberikan sesuatu benda atau hadiah sebagai balasan untuk kesalahan yang mereka lakukan.¹⁹⁰

Secara perlahan-lahan undang-undang kebiasaan / adat resam ini iaitu sistem pembayaran kepada mangsa telah digantikan dengan sistem hukuman yang ditentukan oleh mahkamah di dalam usaha menyelesaikan kes-kes jenayah. Peralihan ini telah menyebabkan pihak yang menjadi mangsa sesuatu jenayah tidak lagi “ dibenarkan mempunyai kepentingan kewangan di dalam perbicaraan ke atasnya.”¹⁹¹ Terdapat idea yang mengusulkan bahawa mangsa jenayah harus dibayar kembali pampasan di atas kehilangan dan penderitaan yang telah dialami kerana mereka telah mengalami dan menerima kesan secara langsung di atas perbuatan tersebut. Namun, di dalam undang-undang pada masa kini tidak terdapat perbezaan yang nyata di antara undang-undang sivil dan jenayah.¹⁹²

Pada awal tahun 1800-an, ahli-ahli kriminalogi seperti Classicist Beccaria, Bentham, Positivist Lombroso, Garofalo dan Ferri lebih cenderung supaya pampasan diberikan kepada mangsa jenayah. Beccaria telah menggunakan pengertian daripada “ kontrak sosial ” untuk menguatkan pendapat untuk mengkritik sistem keadilan jenayah dan menyediakan dasar moden mengenai doktrin hak-hak mangsa. Oleh yang demikian,

¹⁹⁰ Shapland, J., Willmore, J & Duff, P., (1985), *Victims in the Criminal Justice System*, UK, Gower, hlm 117. Lihat Forer, L.G., (1980), *Criminal And Victims : A Trial Judge Reflects On Crime And Punishment*, New York, Newton. Harding, J., (1982), *Victims and Offenders*, London, UK, Bedford Square Press. Walklate, S., 1989, *Victimology : The Victim And The Criminal Justice Process*, London, Unwin Hyman.

¹⁹¹ Schmutz, J.F., (1971), *Compensation for the Criminally injured revisited : An Emphasis on the victim ? Notre Dame Lawyer*, hlm 90.

¹⁹² Shapland, J., Willmore, J & Duff, P., (1985), *Victims in the Criminal Justice System*, Gower, Aldershot, United Kingdom, hlm 117.

keadilan sistem pengawalan sosial tersebut bukan hanya menghadirkan hak-hak pihak tertuduh tetapi juga pihak yang menjadi mangsa perbuatan jenayah.¹⁹³

Bentham berpendapat bahawa mangsa jenayah tidak harus dibiarkan di mana masyarakat haruslah menyumbang, melindungi dan memberikan mereka ganti rugi. Dalam lain perkataan, disebabkan oleh sosial kontrak di antara mangsa dan negara telah dipisahkan maka mangsa tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan kerana ia bertentangan dengan undang-undang. Untuk memenuhi kehendak tuntutan ini, Bentham telah mempropagandakan bahawa sebarang perbuatan jenayah memerlukan insuran.¹⁹⁴

Sementara itu, Lombroso dan Garofalo telah membuat penulisan di dalam pembaharuan keadilan jenayah yang mengusulkan supaya mangsa jenayah diberikan pampasan dan ganti rugi. Garofalo telah menyatakan ¹⁹⁵ bahawa :

“ Ia merupakan suatu langkah ke hadapan apabila kerajaan sesebuah negara mengambil bahagian di dalam fungsi masyarakat iaitu memberi jaminan gantirugi ke atas mangsa yang cedera akibat perbuatan jenayah menurut undang-undang tort.”

Menurut Ferri, penubuhan tabung pampasan adalah daripada hasil-hasil kutipan cukai denda dan gantirugi. Idea penubuhan tabung pampasan bagi mangsa jenayah ini yang dibiayai oleh pengumpulan cukai denda telah dibangkitkan pada Persidangan Banduan Antarabangsa tahun 1885 di Paris. Beliau menambah bahawa ganti rugi ini bukan sahaja memberikan faedah kepada mangsa jenayah malah meliputi masyarakat keseluruhannya. Pendapat ini telah dibincangkan dalam beberapa forum dan persidangan termasuklah pada Mesyuarat Agung Pertubuhan Kriminalistik Antarabangsa di Paris.¹⁹⁶

¹⁹³ Kirchhoff, G., (1994), *Victimology : History and Basic Concept*, International Debate of Victimology, Monchengladbach, WSVN, hlm 4 hingga 5.

¹⁹⁴ Karmen, A., (1996), *Crime Victims : An Introduction To Victimology*, Belmont, California, Wadsworth, hlm 324. Lihat juga Schmutz, J.F., 1971, *Compensation for the Criminally injured revisited : An Emphasis on the victim ? Notre Dame Lawyer*, hlm 90.

¹⁹⁵ Schmutz, J.F., (1971), *Compensation for the Criminally injured revisited : An Emphasis on the victim ? Notre Dame Lawyer*, hlm 91.

¹⁹⁶ Kirchhoff, G., (1994), *Victimology : History and Basic Concept*, International Debate of Victimology, Monchengladbach, WSVN, hlm 5.

Undang-undang berkanun berkaitan pampasan dan ganti rugi untuk mangsa jenayah telah diwujudkan di Tuscany melalui tabung khas pada tahun 1786, Mexico pada 1871 dan Perancis pada tahun 1934. Malahan Akta Juri Utama Ireland pada tahun 1836 telah memperuntukan pampasan untuk diberikan kepada saksi, majistret atau polis yang mengalami penderitaan akibat daripada sesuatu perbicaraan perbuatan bunuh atau kecederaan. Semenata itu, skim pampasan di Ireland pula telah dibiayai oleh kutipan bayaran cukai dan pentadbiran oleh pihak berkuasa tempatan.¹⁹⁷

Sementara itu deraf Penal Code Itali pada tahun 1921 telah menetapkan syarat bahawa kerajaan hendaklah melindungi mangsa jenayah secara berkesan dan sekiranya kerajaan gagal untuk menjalankan tugas berkenaan maka ia hendaklah bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada mangsa jenayah. Pada tahun 1923 deraf Penal Code Czechoslovakia pula telah menggesa kerajaan untuk memberikan pampasan kepada pihak yang cedera sekiranya pesalah tidak dapat memberikannya. Ia telah dicadangkan bahawa pembiayaan pampasan tersebut adalah daripada kutipan bayaran denda.¹⁹⁸

Namun, usaha terbesar di dalam pengembangan skim pampasan mangsa jenayah adalah disumbangkan oleh Margaret Fry melalui kempen-kempen yang dijalankan sejak awal tahun 1950-an.¹⁹⁹ Melalui artikel-artikel yang dibentangkan, beliau telah menggesa masyarakat dan pihak berkuasa untuk melaksanakan skim pampasan ini demi kepentingan dan ketenteraman masyarakat amnya dan mangsa jenayah khususnya.²⁰⁰ Usaha-usaha ini haruslah diambil oleh pihak berkuasa kerana mereka yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman awam demi keamanan sesebuah negara.²⁰¹

¹⁹⁷ Karmen, A., (1996), *Crime Victims : An Introduction To Victimology*, California, Wadsworth, hlm 324.

¹⁹⁸ Kirchhoff, G., (1994), *Victimology : History and Basic Concept*, International Debate of Victimology, Monchengladbach, WSVN, hlm 5.

¹⁹⁹ David Blunkett, (2004), *Compensation and Support for Victims of Crime*, Home Office, Criminal Justice System, January 2004, New York. David Beatty etc, (1999), *New Directions from the Field : Victims Rights and Services for the 21st Century*, US Department of Justice, New York.

²⁰⁰ Cook, B, David, F & Grant, A, (1999), *Victims' Need, Victims' Right : Policies and Programs for Victim of Crime in Australia*, Australia Institute of Criminology, Canberra, hlm. 83.

²⁰¹ R Elias, (1986), *The Politics of Victimization : Victims, Victimology and Human Rights*, Oxford University Press, New York. Ian Freckelton, (2003), *Compensation for Victims of Crime*, XIth International Symposium on Victimology, South Africa. A Ashworth, (1993), *Victim Impact Statements and Sentencing*, Criminal Law Review.

Sejak konsep yang dicadangkan oleh Margaret Fry diterima, banyak negara barat telah mula melaksanakan skim pampasan mangsa jenayah ini. Di antaranya New Zealand telah memperkenalkan skim pampasan kecederaan jenayah pada tahun 1963, melalui *Victims of Offender Act / Victims of Offences Amendment Act* (covering 1998-99) pada tahun 1963, United Kingdom melalui *Criminal Injuries Compensation Scheme*, pada tahun 1964, Australia Selatan melalui *Criminal Injuries Compensation Act*, pada tahun 1969, Tasmania melalui *Criminal Injuries Compensation Act*, pada tahun 1976, Germany melalui *The Federal Act on State Compensation for Victims of Violent Crime* atau '*Opferentschadigungsgesetz*', pada tahun 1976 dan Belanda pada tahun 1980.²⁰²

Sementara itu, Amerika Syarikat juga telah menjalankan skim pampasan mangsa jenayah ini melalui *State Specific Crime Victim Compensation*, tahun 1981²⁰³ dan negara-negara Eropah yang lain melalui *European Convention on the Compensation of Victims of Violent Crimes* seperti Perancis, Norway, Austria, Denmark, Sweden dan Ireland sekitar tahun 1980an. Sehingga kini terdapat 37 buah negara yang melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah termasuk di Asia seperti Jepun, Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan, Filipina dan China. United Arab Emirates merupakan satu-satunya negara Islam yang diketahui melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini.²⁰⁴

²⁰² Di negara-negara yang melaksanakan program ini terdapat agensi-agensi tertentu dari pihak kerajaan mahupun badan-badan bukan kerajaan yang membantu menyalurkan bantuan dan penerangan kepada mangsa-mangsa jenayah yang memerlukan sokongan dari pelbagai aspek yang berkaitan seperti Victims Referral and Assistance Service (Victoria), Victim of Crime Bureau (New South Wales), Lifeline, Tasmania – Victims of Crime Services (Tasmania), Victims Support Services di Queensland, South Australia dan Western Australia. Sementara di United Kingdom terdapat Victim Support Agency, National Justice Information Center dan National Center for Victims of Crime di Amerika Syarikat serta Badan Viktimologi Antarabangsa yang dinaungi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

²⁰³ Hingga kini sebanyak 54 negeri telah melaksanakan program ini semenjak pengumuman President' Task Force berkenaan Mangsa Jenayah melalui Final Report 1982.David Beatty etc, (1999), *New Directions from the Field : Victims Rights and Services for the 21st Century*, US Department of Justice, New York.

²⁰⁴ Office For Victims Of Crime, (2008), *Directory of International : Crime Victim Compensation Programs 2004 – 2005*, US Department of Justice, Washington. Office For Victims Of Crime, (1999), *International Crime Victim Compensation Programs Directory 1998 – 1999*, US Department of Justice, Washington, United Arab Emirates pada hlm. 59.

3.3 Deklarasi Antarabangsa

Freckelton menyifatkan bahawa fenomena dan konsep pembayaran mangsa kecederaan jenayah daripada tabung kerajaan berkembang secara beransur-ansur sejak ia dimulakan di negara-negara barat pada tahun-tahun 1960-an. Beliau merasakan bahawa kesedaran masyarakat masih lagi rendah terhadap kesan-kesan keganasan jenayah terhadap mangsa sehinggalah tahun-tahun 1980-an.²⁰⁵

Pengisytiharaan kepada Prinsip Asas Pencegahan Jenayah dan Penyalahgunaan Kuasa pada tahun 1985 pada Persidangan Ke-VII Kongres Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah merubah pemikiran dan meningkatkan kesedaran masyarakat dunia akan keperluan dan kepentingan pampasan mangsa kecederaan jenayah. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menerima dan mengamalkan Deklarasi 40 / 34²⁰⁶ tersebut yang antara lain bukan sahaja memberikan penekanan kepada pampasan tetapi juga tanggungjawab pihak kerajaan sesuatu negara. Hal ini berdasarkan resolusi tersebut²⁰⁷ iaitu :

Apabila pampasan tersebut tidak didapati sepenuhnya daripada pesalah atau daripada sumber lain maka kerajaan sesuatu negara hendaklah berusaha untuk menyediakan kewangan pampasan kepada :

- a) Mangsa iaitu pihak yang menanggung penderitaan kecederaan atau penderitaan secara fizikal atau mental hasil daripada jenayah yang serius.*
- b) Keluarga iaitu khusus yang menanggung kematian seseorang atau secara fizikal hilang upaya hasil daripada pemangsaan tersebut.*

²⁰⁵ Freckelton, I., (2003), *Compensation for Victims of Crime : Health and Financial Considerations*, XIth International Symposium on Victimology, 13 – 18 July 2003, Stellenbosch, South Afrika.

²⁰⁶ Centre for International Crime Prevention, (1999), *Guide for Policymakers on the Implementation of the United Nations Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, United Nations Declaration pada 29 November 1985, UN Office for Drug Control and Crime Prevention, New York. Centre for International Crime Prevention, (1999), *Handbook on Justice for Victims on the Use and Application of the United Nations Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, UN Office for Drug Control and Crime Prevention, New York.

²⁰⁷ Resolusi Perkara 12 bab Compensation, *Guide for Policymakers*, hlm 26. *Handbook on Justice for Victims*, United Nations, New York, hlm 117. Sila lihat Lampiran I.

Ahli-ahli Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu juga telah menggalakkan untuk membangunkan, menguatkan dan mempertingkatkan jumlah pampasan untuk mangsa jenayah serta juga menguruskan perampasan aset daripada pelaku jenayah untuk digunakan sebagai gantirugi kepada mangsa kecederaan jenayah.

Pada tahun 1988, Kesatuan Eropah telah mengadakan Konvensyen mengenai Pampasan Mangsa Keganasan Jenayah (*Compensation of Victims of Violent Crimes*). Ia telah menyediakan kerangka kerja daripada aspek pemangsaan supaya dapat dipertingkatkan di dalam pertadbiran keadilan jenayah. Konvensyen juga telah menyarankan *standard* pampasan yang minimum kepada negara-negara yang melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah. Konvensyen turut menyarankan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dapat menjalinkan kerjasama antarabangsa untuk menggesa supaya gantirugi dan atau pampasan dapat diberikan kepada mangsa kecederaan jenayah. Konvensyen juga menuntut supaya pihak kerajaan sesuatu negara agar dapat memberikan peruntukan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah.²⁰⁸

Selepas daripada itu, pada tahun 1999, Kesatuan Eropah di Tampere telah menyokong persediaan tanda aras yang minimum untuk melindungi mangsa jenayah termasuk hak-hak mereka di dalam pampasan. Hal ini dipergiatkan lagi apabila terjadinya serangan ke atas World Trade Centre di New York pada 11 September 2001 di mana ianya telah mewujudkan kesepakatan dan kebersamaan di atas peristiwa yang menyedihkan tersebut kepada warganegara Eropah yang menjadi mangsa keganasan di negara lain.²⁰⁹

²⁰⁸ Haldane, J. & Harvey, A., (1993), *The Philosophy of Compensation*. In Report of an Independent Working Party, *Compensating Victims*, Appendix A, UK : Victim Support, hlm. 57.

²⁰⁹ Michael O'Connell, (2003), *Criminal Injuries Compensation – Revisiting the Rationale for State Funded Compensation for Crime Victims*, A National Conference, Canberra, 23 – 24 Jun 2003, University House, ANU, Australia, hlm. 8.

3.4 Pampasan Kecelakaan Jenayah di United Kingdom

3.4.1 Pengenalan

Pampasan kepada mangsa-mangsa kecelakaan jenayah di United Kingdom diuruskan oleh Criminal Injuries Compensation Authority (CICA). Ia merupakan suatu badan yang telah ditubuhkan oleh kerajaan United Kingdom untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecelakaan jenayah ini meliputi England, Scotland dan Wales.

Usaha-usaha penubuhan badan ini telah bermula dan diusahakan oleh seorang majistret iaitu Margaret Fry sekitar tahun 1950-an. Beliau telah mengadakan pelbagai kempen dan mesej-mesej melalui penulisan bagi menerangkan situasi mangsa jenayah dan menuntut untuk diadakan pampasan kepada mangsa jenayah. Akhirnya pihak kerajaan bersetuju untuk mengadakan skim ini mulai 01 Ogos 1964.²¹⁰

Pada ketika itu, skim ini tidak menjadi sesuatu undang-undang tetap. Criminal Injuries Compensation Board akan membuat suatu keputusan berdasarkan kepada asas kesalahan undang-undang melalui mahkamah sivil sedia ada. Namun, skim ini sentiasa mengalami perubahan dengan penambahan skop pampasan tertentu pada tahun-tahun 1969, 1979 dan 1990. Seinggalah berkuatkuasa pada 01 April 1996, skim pampasan ini mempunyai undang-undang sendiri berdasarkan *Criminal Injuries Compensation Act 1995*.²¹¹

²¹⁰ Miers, D., (1980), *Victim Compensation as a Labelling Process*, *Victimology : An International Journal*, hal. 3 - 17. Lihat juga Miers, D., (1990), *Compensation for Criminal Injuries*, Butterworths, London, UK dan Miers, D., 1997, *State Compensation for Criminal Injuries*, Blackstone Press, London, UK.

²¹¹ Ibid. Lihat juga Shapland, J., Willmore, J & Duff, P., (1985), *Victims in the Criminal Justice System*, Gower, Aldershot, UK. Walklate, S., 1989, *Victimology : The Victim And The Criminal Justice Process*, Unwin Hyman, London. Melalui akta ini Criminal Injuries Compensation Authority (CICA) telah diberi kuasa dan tugas untuk membayar pampasan kepada pemohon-pemohon berkeelayakan yang menjadi mangsa kecelakaan jenayah. Pampasan yang diberikan adalah berdasarkan kepada kadar tertentu yang telah ditetapkan bagi setiap jenis kecelakaan. Pada ketika ini terdapat lebih daripada 400 jenis kecelakaan dengan meliputi 25 spesifikasi kadar pembayaran pampasan bermula dari £1,000 sehingga £250,000. Namun, berdasarkan keadaan-keadaan tertentu pampasan sebanyak £500,000 boleh dibayar kepada mangsa kecelakaan jenayah di United Kingdom. Lihat perkara 24, *The Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, CICA, Glasgow, UK. Criminal Injuries Compensation Authority, (2009), *Annual Report And Accounts 2008-09*, London, The Stationery Office, hlm. 5.

3.4.2 Criminal Injuries Compensation Authority

Pada masa kini operasi CICA adalah berpusat di Glasgow, Scotland.²¹² Ia merupakan sebuah badan yang diletakkan di bawah Kementerian Kehakiman, United Kingdom²¹³ dan mempunyai undang-undang tersendiri yang dipantau oleh Parlimen. Pengurusan dan operasi CICA telah dijalankan secara 24 jam setiap hari. Pengurusan kewangan CICA dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan United Kingdom melalui pengumpulan cukai-cukai. Walau bagaimanapun kerajaan Scotland telah membiayai kos-kos operasi pentadbiran tertentu bagi melancarkan pengurusan badan ini.²¹⁴

Badan ini telah diberi tugas untuk membayar pampasan kepada pemohon-pemohon yang berkecayaan dan menjadi mangsa kecederaan jenayah. Pampasan yang diberikan adalah berdasarkan kepada spesifikasi tertentu yang telah ditetapkan oleh undang-undang bagi setiap jenis kecederaan. Walaupun mungkin ianya tidak dapat memenuhi dan mengganti sepenuhnya apa yang dialami oleh mangsa jenayah tetapi sekurang-kurangnya akan dapat membantu meringankan beban kewangan kepada mangsa kecederaan jenayah.

Semenjak skim ini dimulakan pada tahun 1964, jumlah pembayaran pampasan yang telah dibayar oleh CICA kepada mangsa kecederaan jenayah adalah sebanyak melebihi Pound 4 billion dan meliputi lebih daripada 1 billion permohonan. Berdasarkan perbelanjaan tahunan 2008/09 sahaja sejumlah Pound 234.6 juta pampasan telah dibayar kepada mangsa kecederaan jenayah.²¹⁵ Berdasarkan ketetapan *Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, maka sesuatu kejadian jenayah yang berlaku pada atau selepas 03 November 2008 sahaja adalah layak memenuhi permohonan untuk mendapatkan pampasan mengikut kadar pampasan terkini.

²¹² Sebelum March 2008 operasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini telah dijalankan di London sebelum keputusan menutup pejabat tersebut telah diputuskan pada Julai 2006.

²¹³ Sebelum May 2007, pengurusan dan operasi CICA telah diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

²¹⁴ Sekitar 11% daripada perbelanjaan pengurusan. Criminal Injuries Compensation Authority, 2009, *Annual Report And Accounts 2008-09*, The Stationery Office, London, hlm. 41.

²¹⁵ Criminal Injuries Compensation Authority, (2009), *Annual Report And Accounts 2008-09*, The Stationery Office, London, hlm. 49.

3.4.3 Permohonan Pampasan

Permohonan pampasan oleh mangsa jenayah adalah melalui borang yang disediakan oleh pihak CICA yang boleh di dapati melalui internet iaitu www.cica.gov.uk. Permohonan-permohonan tersebut adalah meliputi pelbagai jenis kecederaan jenayah dan keadaan. Pihak CICA akan membantu dan memberikan nasihat mengenai kelayakan untuk mendapatkan pampasan dan menyelesaikan permohonan tersebut.²¹⁶

Permohonan ini tidak memerlukan orang tengah atau peguamcara atau syarikat pengurusan tuntutan untuk menguruskan pampasan tersebut. Namun, sekiranya permohonan pampasan ini diwakilkan kepada seseorang atau pihak tertentu misalnya peguam, hendaklah dimaklumkan kepada CICA perkara tersebut agar dapat diuruskan secara lancar dengan pihak yang berkenaan.²¹⁷

Selain itu, pemohon juga boleh mendapatkan khidmat bantuan mengenai pampasan ini melalui *Victim Support* iaitu sebuah badan sukarela bebas kebangsaan. Badan ini ditubuhkan untuk membantu mangsa dan saksi jenayah secara percuma dari segi khidmat sokongan dan nasihat termasuk membantu menyelesaikan permohonan pampasan. Victim Support bagaimanapun tidak menyediakan khidmat nasihat undang-undang kepada mangsa jenayah. Pemohon boleh mendapatkan nasihat daripada pusat khidmat guaman di negeri masing-masing atau badan-badan sukarela yang lain. Pada masa yang sama, pemohon boleh mendapatkan kawan atau saudara mara untuk melengkapkan borang permohonan bagi pihak pemohon dan atau mewakili pemohon.²¹⁸

²¹⁶ Berdasarkan pasal 8, adalah ditakrifkan bahawa kecederaan jenayah membawa pengertian jenayah keganasan, pencerobohan terhadap stesyen keretapi dan pencegahan terhadap kegiatan-kegiatan jenayah. *The Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, CICA, Glasgow, UK, hlm 5.

²¹⁷ Pihak CICA tidak akan membayar sebarang bayaran tambahan termasuk khidmat peguam (yang harus dibayar sendiri oleh pihak pemohon) selain spesifikasi pampasan yang telah ditetapkan.

²¹⁸ www.victimsupport.org/. CICA, (2008), *Applying For Compensation : Criminal Injuries Compensation Scheme, 2008*, Glasgow, UK, hlm 17.

a) Kelayakan Mendapat Pampasan²¹⁹

- i) Selepas 01 Ogos 1964, pemohon akan dapat ganjaran pampasan sekiranya kecederaan berlaku secara fizikal dan atau mental disebabkan oleh kecederaan jenayah yang berlaku di Scotland, England atau Wales. Untuk menilai kecederaan yang berlaku pihak CICA akan melihat keadaan mana-mana rekod perubatan yang lalu sebelum berlakunya kecederaan sebagai panduan.
- ii) Pemohon yang mempunyai hubungan dan atau persaudaraan yang rapat dengan seseorang yang meninggal dunia hasil daripada perbuatan kejahatan seperti isteri atau suami atau ibu bapa atau anak-anak.
- iii) Kecederaan yang berlaku kurang daripada 2 tahun kerana ia merupakan masa yang mungkin terjangkau untuk menilai dan membuat penyiataan sesuatu kecederaan yang berlaku serta mengelakan berlakunya penipuan tuntutan.
- iv) Kecederaan yang berlaku layak dan serius untuk mencapai kadar minimum kelayakan mendapatkan pampasan iaitu sebanyak £1,000 sehingga kadar maksimum iaitu £250,000 dan boleh mencapai £500,000 sekiranya mencukupi syarat-syarat khusus yang ditetapkan oleh pihak CICA.
- v) Kecederaan yang berlaku akibat daripada perbuatan seseorang yang melakukan kesalahan pencerobohan terhadap stesyen keretapi.
- vi) Kecederaan yang berlaku akibat daripada percubaan untuk membantu mencegah jenayah atau membantu pegawai polis menangkap penjenayah.

²¹⁹ Berdasarkan kelayakan untuk memohon dan mendapatkan pampasan pasal 6 hingga 17. CICA, (2008), *The Criminal Injuries Compensation Scheme 2008*, Glasgow, UK, hlm 4 hingga 8.

b) Kelayakan Bagi Kanak-Kanak

- i) Bagi kanak-kanak ²²⁰ yang berumur 12 tahun ke bawah, permohonan untuk mendapatkan pampasan mangsa jenayah haruslah melalui ibu atau bapa atau saudara mara atau penjaga yang bertanggungjawab ke atas kanak-kanak tersebut.
- ii) Jika sekiranya kanak-kanak tersebut berumur di antara 12 tahun hingga 18 tahun maka permohonan tuntutan pampasan haruslah ditandatangani secara bersama.²²¹ Sekiranya jika tiada kepastian tentang status kanak-kanak tertentu maka khidmat nasihat bolehlah dimohon kepada pihak berkuasa tempatan bagi membantu menyelesaikan masalah ini.
- iii) Pihak CICA akan memberikan pampasan kepada mereka yang berusia 18 tahun ke bawah secara terus ke akaun simpanan semasa bank. Wang ini tidak boleh dikeluarkan sehinggalah mereka berusia 18 tahun dan pada ketika itu mereka boleh menguruskan sendiri simpanan itu.

Namun, sekiranya ada keperluan untuk menggunakan wang tersebut di dalam perkara-perkara yang bermanfaat seperti pengurusan pendidikan, perubatan atau lain-lain sebelum kanak-kanak tersebut mencapai usia 18 tahun, pihak CICA boleh menimbangkan permohonan tersebut. Sekiranya kanak-kanak tersebut hidup bersendirian, pihak CICA juga boleh mempertimbangkan supaya pembayaran pampasan secara penuh dapat diberikan kepada mereka. Pihak pemohon perlulah membawa bukti-bukti yang menyokong permohonan mereka itu sebelum pihak CICA dapat membuat sebarang pembayaran pampasan.

²²⁰ Berdasarkan kelayakan untuk memohon dan mendapatkan pampasan pasal 42, CICA, (2008), *The Criminal Injuries Compensation Scheme 2008*, Glasgow, UK, hlm 15.

²²¹ Sekiranya kanak-kanak tersebut tiada dimiliki sesiapa menurut undang-undang yang sah maka penjaga hendaklah menguruskan pampasan tersebut. Di England dan Wales adalah diperlukan keterangan dari Peguam yang rasmi untuk mengesahkan keadaan tersebut. Sementara di Scotland, guru atau penjaga hendaklah dilantik bagi menguruskan perkara tersebut. Sila lihat www.publicguardian.gov.uk (England and Wales) dan www.publicguardian-scotland.gov.uk (Scotland)

c) Ketidaklayakan Mendapat Pampasan

Skim ini ditubuhkan adalah memberi pampasan kepada mangsa jenayah yang tidak seharusnya bersalah dalam sesuatu jenayah keganasan. Sebelum sesuatu pampasan diberikan kepada mangsa jenayah pihak CICA akan memeriksa tabiat mangsa yang seharusnya tidak menyumbang kepada kecederaan tersebut.²²²

- i) Memohon secara berulang untuk mendapatkan pampasan bagi kecederaan jenayah yang sama di mana ianya boleh dituduh melakukan penipuan yang merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan hukuman.
- ii) Kecederaan yang berlaku sebelum 01 Oktober 1979 di dalam kes seseorang yang tinggal bersama dan mempunyai hubungan kekeluargaan dan atau persaudaraan. Ini kerana hanya selepas tarikh tersebut barulah dikuatkuasakan bagi mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan atau persaudaraan akan dapat menerima pampasan akibat daripada perbuatan jenayah yang menimpa ahli keluarga.
- iii) Di samping itu, pampasan tidak akan diberikan kepada mangsa jenayah sekiranya ia bertanggungjawab di atas kematian mangsa jenayah atau ia mempunyai hubungan dengan pesalah untuk melakukan penipuan dan mendapatkan keuntungan hasil daripada perbuatan jenayah tersebut.
- iv) Sekiranya mangsa jenayah mempunyai rekod jenayah maka akan diambil kira di dalam menentukan jumlah pampasan yang akan diberikan.²²³

²²² Berdasarkan kelayakan untuk memohon dan mendapatkan pampasan pasal 18 hingga 22.CICA, (2008), *The Criminal Injuries Compensation Scheme 2008*, Glasgow, UK, hlm 8.

²²³Sila lihat Kadar Pengiraan Rekod Jenayah, Lampiran II (a).*Rehabilitation of Offenders Act 1974*.

Jumlah sesuatu pampasan akan memberi kesan pengurangan sekiranya ²²⁴ :

- i) Mangsa mengambil bahagian di dalam sesuatu pergaduhan.
- ii) Mangsa melakukan perbuatan yang agresif, menakut-nakutkan dan memprovokasi sesuatu kemalangan di mana kecederaan terjadi.
- iii) Mangsa mempunyai sejarah menyerang atau bergaduh dengan orang yang menyebabkan terjadinya kecederaan tersebut.
- iv) Kecederaan mangsa terjadi akibat dari perbuatan mencabar seseorang.
- v) Kecederaan mangsa terjadi akibat dari perbuatan mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan.
- f) Kecederaan mangsa terjadi akibat dari perbuatan mengambil secara berlebihan alkohol dan dadah terlarang.
- g) Mangsa tidak mengambil langkah yang sepatutnya untuk mengelakkan diri daripada menghampiri situasi yang boleh menyebabkan kecederaan.

²²⁴ CICA, (2008), *An Award : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, UK, hlm 12.

3.4.4 Jenis-Jenis Pampasan

Jenis-jenis pampasan yang disediakan oleh pihak CICA kepada mangsa kecederaan jenayah yang berlaku di Scotland, Wales dan England dapatlah dibahagikan kepada lima bahagian utama iaitu :

a) Pampasan untuk kecederaan diri

Pampasan untuk kecederaan diri merupakan suatu pampasan yang diberikan kepada seseorang yang mengalami kecederaan secara fizikal atau mental atau seksual sama ada boleh membawa maut atau sebaliknya disebabkan oleh kejadian jenayah keganasan.²²⁵ Pampasan ini juga boleh dipohon oleh seseorang bagi pihak yang mengalami kecederaan diri. Di samping itu, seseorang yang menderita kehilangan upaya dari segi mental akibat daripada penyaksian dan melihat secara langsung sesuatu kejadian jenayah keganasan juga boleh memohon untuk mendapatkan pampasan ini.²²⁶

Pampasan ini mempunyai 25 bahagian kadar pampasan di antara £1,000 sehingga kadar maksimum iaitu £250,000 dan boleh mencapai £500,000 sekiranya mencukupi syarat-syarat khusus yang ditetapkan oleh pihak CICA. Terdapat lebih daripada 400 jenis kecederaan yang telah disenaraikan bersama peringkat pampasan dan jumlah pampasan yang akan dibayar kepada seseorang mangsa jenayah.²²⁷

²²⁵ Jenayah keganasan meliputi serangan terhadap fizikal atau mental seseorang, pembunuhan, pembakaran harta benda seperti rumah yang mengakibatkan kecederaan dan kematian orang lain, kesengajaan meracuni orang lain, kesengajaan mencederakan seseorang dengan menggunakan haiwan, kesengajaan berlakunya kemalangan jalan raya akibat dari pengejaran dan bukan semata-mata akibat kecuaiannya manusia di dalam mengendalikan kenderaan. Berdasarkan kelayakan pampasan pasal 8 hingga 12.CICA, (2008), *The Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, UK, hlm 5 hingga 6.

²²⁶ Hal ini berlaku apabila seseorang mangsa menjadi saksi atau menyaksikan sesuatu keganasan berlaku kepada ahli keluarga dan atau saudara yang mengalami kecederaan atau kecederaan yang membawa kematian. Contohnya peristiwa 11 September 2001 yang disaksikan secara langsung di televisyen dan peristiwa kemalangan stesyen keretapi bawah tanah di London.

²²⁷ Sila lihat Kadar Skim Pampasan Kecelakaan Jenayah di United Kingdom, Lampiran II (b) *Rehabilitation of Offenders Act 1974*.

Sekiranya pihak CICA menerima permohonan kecederaan yang tiada di dalam senarai yang telah disediakan dimana ianya tidak dinyatakan di dalam kadar pampasan maka pihak CICA akan mendapatkan pandangan dan nasihat dari Tribunal mengenai kadar yang sesuai diberikan mengenai kes tersebut. Kemudian pihak CICA akan mencadangkan kepada Setiausaha Negara mengenai kecederaan tersebut dan dimasukkan di senarai kadar pampasan yang akan diberikan kepada mangsa jenayah tersebut.²²⁸

Di samping itu, pihak CICA boleh memberikan pampasan kepada pelbagai kecederaan kecil (tidak memenuhi syarat mendapatkan kadar pampasan minimum iaitu £1,000) iaitu sekiranya mangsa jenayah mengalami sekurang-kurang 3 kecederaan kecil, mangsa jenayah masih mendapat gangguan 6 minggu selepas kejadian dan akibat kecederaan tersebut mangsa jenayah terpaksa berjumpa dengan doktor sekurang-kurangnya 2 kali dalam masa enam minggu. Sekiranya mangsa jenayah mengalami 2 atau lebih kecederaan yang serius dan memenuhi kadar pampasan maka pihak CICA akan membayar 100 % jumlah kadar pampasan untuk kecederaan pertama. Sementara bagi kecederaan kedua adalah 30 % daripada jumlah kadar pampasan dan 15 % daripada jumlah kadar pampasan bagi kecederaan ketiga. Pampasan yang dibayar oleh pihak CICA kepada mangsa jenayah berdasarkan satu-satu kejadian adalah sebanyak 3 kecederaan sahaja.²²⁹

b) Pampasan untuk kecederaan diri sendiri selang tempoh masa tertentu

Pampasan ini boleh dipohon oleh seseorang yang mengalami penderitaan secara fizikal, kecederaan secara seksual atau mental atau kedua-duanya setelah masa kejadian dan melewati tempoh masa tertentu termasuk melepasi had 2 tahun yang ditetapkan. Permohonan ini juga boleh diwakilkan kepada pihak lain untuk memohon mendapatkan pampasan bagi kecederaan tersebut.²³⁰

²²⁸ CICA, (2008), *Appendix 1 - Claiming for a personal injury : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, UK, hlm 43.

²²⁹ Ibid, hlm 44 hingga 45.

²³⁰ CICA, (2008), *Appendix 2 - Claiming after a period of abuse : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, UK, hlm 46.

Kebiasaannya permohonan untuk perkara ini terjadi di dalam kes-kes penderaan seksual kanak-kanak sama ada tinggal sebumbung dengan pelaku jenayah ataupun sebaliknya. Walaupun begitu, kes-kes seperti ini perlu dilaporkan kepada pihak polis terlebih dahulu sebelum menghubungi pihak CICA untuk mendapatkan tuntutan pampasan. Di samping itu laporan pemeriksaan perubatan amat penting dan perlu diserahkan kepada pihak CICA untuk mengesah dan menguatkan permohonan tersebut.²³¹

c) Pampasan untuk kecederaan yang menyebabkan kematian

Seseorang boleh memohon untuk mendapatkan pampasan ini adalah ibu bapa, anak-anak atau suami atau isteri atau teman hidup kepada seseorang yang meninggal dunia disebabkan oleh perbuatan jenayah. Ia juga boleh diwakilkan kepada pihak lain untuk memohon bagi pihak yang mengalami kecederaan yang membawa maut tersebut.²³²

Bagi pasangan suami, isteri atau teman hidup²³³ mereka perlulah hidup bersama sebelum berlakunya kejadian jenayah tersebut kecuali keuzuran dan sakit. Jika sekiranya mereka telah berpisah namun mangsa jenayah masih lagi membiayai urusan kewangan, mereka juga layak untuk mendapatkan pampasan tersebut.

Bagi pasangan yang tidak berkahwin tetapi hidup bersama sebagai suami atau isteri atau teman hidup sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum kematian mangsa jenayah adalah layak memohon pampasan. Begitu juga ibu bapa atau sesiapa saja yang dianggap sebagai ibu bapa kepada mangsa jenayah dan anak-anak atau sesiapa saja yang dianggap sebagai anak-anak kepada mangsa jenayah adalah layak memohon pampasan ini.²³⁴

²³¹ CICA, (2008), *Appendix 2 - Claiming after a period of abuse : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, UK, hlm 47.

²³² CICA, (2008), *Appendix 3 – Fatal Injuries : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, hlm 49.

²³³ Yang didaftarkan di bawah *Civil Partnerships Act 2004*.

²³⁴ Walaubagaimanapun sekiranya pasangan ini telah berpisah dan tidak lagi berhubungan rapat dengan mangsa jenayah adalah juga tidak layak. CICA, (2008), *Appendix 3 – Fatal Injuries : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 50.

Jumlah kebiasaan satu tuntutan yang dibayar di atas pampasan ini adalah £11,000 dan sekiranya melebihi satu tuntutan, jumlah pampasan yang di bayar adalah £5,500 pada setiap pemohon yang layak. Sementara bagi seseorang yang berumur 18 tahun ke bawah adalah layak untuk menerima pampasan di atas “ *kehilangan tanggungan ibu bapa* “ setiap tahun sehingga berumur 18 tahun sebanyak £2,000. Di samping itu, pihak CICA juga boleh membayar tuntutan pada kadar yang bersesuaian bagi pembiayaan pengebumian mangsa jenayah oleh pihak yang menyelesaikan urusan tersebut.²³⁵

d) Pampasan Kehilangan Pendapatan

Sekiranya pemohon mengalami kecederaan diri sendiri dan kehilangan pendapatan akibat daripada sesuatu kejadian jenayah maka adalah layak bagi memohon pampasan kecederaan dan kehilangan pendapatan juga. Namun, permohonan tuntutan pampasan untuk kehilangan pendapatan haruslah dikemukakan sebelum keputusan permohonan pampasan kecederaan diri diselesaikan oleh pihak CICA.²³⁶

Di antara syarat-syarat pampasan kehilangan pendapatan²³⁷ ialah :

- i) Tiga bulan salinan gaji bekerja sebelum berlakunya kecederaan.
- ii) Salinan dokumen P60 atau ;
- iii) Salinan surat pekerjaan tetap dengan gaji tertera.
- iv) Bukti dari HM Revenue & Customs mengenai pengisytiharan pendapatan atau ;
- v) Jika bekerja sendiri haruslah menunjukkan salinan cukai pendapatan atau ;
- vi) Salinan yang disahkan daripada akaun bank untuk tiga tahun terakhir sebelum berlakunya kecederaan.

²³⁵ CICA, 2008, *Appendix 3 – Fatal Injuries : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, hlm. 50.

²³⁶ Berdasarkan keterangan pampasan untuk kehilangan pendapatan pasal 30 hingga 34.CICA, 2008, *The Criminal Injuries Compensation Scheme 2008*, Glasgow, UK, hlm 10 hingga 12.

²³⁷ CICA, 2008, *Applying For Compensation : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, hlm. 24.

Selain itu beberapa perkara penting dan keadaan-keadaan tertentu akan diambil perkiraan termasuk sumber pendapatan pada masa hadapan jika mangsa jenayah mengalami kecederaan sehingga tidak mampu bekerja semula di dalam masa-masa tertentu. Ini termasuklah sejauh mana masa yang diambil sehingga dapat bekerja semula, kesan daripada kecederaan yang akan mengganggu sumber pendapatan, sejarah pekerjaan mangsa jenayah dan jangkaan kehidupan pada masa depan dan kemungkinan akibat kecederaan tersebut akan menjejaskan wang persaraan dan sebagainya.²³⁸

Pada dasarnya pembayaran pampasan yang dilakukan oleh pihak CICA adalah secara sekaligus. Justeru pihak CICA memerlukan untuk ditemukan satu-satu jumlah tertentu yang boleh mewakili nilai pendapatan atau wang persaraan supaya pengiraan dapat dibuat sepanjang beberapa tahun ke hadapan sebagai panduan asas.

Jika sekiranya pemohon tidak bekerja pada masa kecederaan berlaku tetapi adalah dijangkakan pada masa hadapan akan kehilangan pendapatan akibat daripada kejadian tersebut²³⁹ maka hendaklah :

- i) Mengemukakan bukti menjalani pengajian sepenuh masa atau ;
- ii) Mengemukakan bukti menjalani kursus latihan untuk mendapatkan pekerjaan sepenuh masa atau ;
- ii) Mengemukakan bukti pendapatan yang lalu.

e) Pampasan Perbelanjaan Khusus

Pampasan untuk perbelanjaan khusus merupakan suatu tuntutan yang meliputi alat-alat penjagaan kesihatan secara praktikal dan kos-kos perubatan dan rawatan kesihatan tertentu yang dibenarkan oleh pihak CICA. Sekiranya mangsa jenayah layak untuk

²³⁸ Selain pengiraan pendapatan pada masa sebelum dan selepas sesuatu kecederaan jenayah, pihak CICA juga akan melihat keseluruhan jumlah pendapatan, keuntungan keselamatan sosial dan pendapatan daripada sumber-sumber lain. Sekiranya mangsa jenayah memperolehi sebarang pendapatan atau sumbangan tertentu daripada sumber tersebut maka pihak CICA akan menanggungkan pembayaran sehingga proses tersebut selesai. CICA, (2008), *Appendix 4 – Loss of Earning And Special Expenses : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 58.

²³⁹ CICA, (2008), *Applying For Compensation : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, hlm. 25.

memohon kehilangan pendapatan dan atau perbelanjaan khusus maka perlulah pemohon melengkapkan permohonan “ *tidak dapat bekerja melebihi 28 minggu* ” iaitu kelayakan untuk mendapatkan pembayaran yang maksimum sebanyak £500,000.²⁴⁰

Kos untuk peralatan-peralatan khas kesihatan tertentu, pengubahsuaian rumah dan penjagaan kepada mangsa jenayah boleh dibuat tuntutan pampasan dengan keadaan-keadaan tertentu yang dianggap penting dan serius untuk rawatan kecederaan mangsa jenayah. Perkara-perkara yang perlu diberi perhatian meliputi :

- i) Peralatan khas kesihatan meliputi bantuan untuk fizikal (seperti kerusi roda dan lain-lain peralatan yang bersesuaian) dan peralatan dapur. Penyesuaian di rumah juga adalah termasuklah mengubahsuaikan di dalam mahupun di luar rumah untuk kesesuaian penjagaan kesihatan bagi kecederaan mangsa jenayah.
- ii) Kos untuk menjaga fungsi-fungsi tubuh badan atau penyediaan dan pengawasan makanan juga boleh diberi pampasan oleh pihak CICA. Kos tuntutan tersebut perlulah datang daripada mangsa atau mereka yang menjaga mangsa dan bukannya peralatan atau bahan-bahan kesihatan yang di dapati secara percuma daripada pihak-pihak tertentu.²⁴¹

Namun sekiranya mangsa jenayah mendapat pembayaran untuk kehilangan pendapatan daripada polisi insuran tertentu yang dibayar oleh mangsa jenayah sendiri maka pihak CICA tidak akan mengurangkan jumlah pampasan yang telah ditetapkan.²⁴²

²⁴⁰ Pengiraan bagi pampasan yang dibayar kepada mangsa jenayah adalah bermula pada minggu ke 29 selepas tarikh kehilangan pendapatan sehinggalah kepada suatu tarikh yang membolehkan mangsa jenayah kembali bekerja atau tarikh yang dijangka mangsa jenayah berasa sihat dan cergas untuk kembali bekerja atau mana-mana tarikh yang bersesuaian dengan keadaan tersebut. CICA, (2008), *Appendix 4 – Loss of Earning And Special Expenses : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 57.

²⁴¹ Berdasarkan keterangan pampasan untuk perbelanjaan khusus pasal 35 dan 36. CICA, (2008), *The Criminal Injuries Compensation Scheme 2008*, Glasgow, UK, hlm 12 hingga 13.

²⁴² Walaupun begitu pihak CICA boleh mengurangkan kadar tuntutan pampasan sekiranya polisi insuran mangsa kecederaan jenayah melindungi bagi pembayaran seperti rawatan kesihatan diri, penyesuaian rumah atau perlindungan kesihatan peribadi. CICA, (2008), *Appendix 4 – Loss of Earning And Special Expenses : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 64.

3.4.5 Informasi

Adalah menjadi tanggungjawab pemohon membantu pihak CICA untuk memberikan segala maklumat yang perlukan bagi siasatan tuntutan pampasan. Pihak CICA akan menolak permohonan pampasan sekiranya pemohon gagal memberikan informasi-informasi tertentu yang menjejaskan siasatan tersebut.²⁴³ Antara lain ialah :

a) Laporan Polis

Setiap kejadian jenayah haruslah dilaporkan segera kepada pihak berkuasa iaitu polis. Kebiasaannya pihak CICA akan menolak permohonan tuntutan pampasan sekiranya pemohon gagal mengemukakan laporan polis. Di antara tujuannya adalah untuk memudahkan urusan pampasan dan memastikan supaya orang yang menyebabkan mangsa jenayah tercedera dapat ditangkap dan dihadapkan ke muka pengadilan. Hal ini juga untuk mengelakkan terjadinya kehilangan fakta-fakta bagi pembuktian untuk penerimaan pampasan dan wujudnya penipuan laporan jenayah.

b) Rekod Jenayah

Pihak CICA akan menolak atau mengurangkan pampasan kepada mangsa jenayah yang mempunyai rekod jenayah terdahulu. Apabila sesuatu keputusan hendak dilakukan ke atas kes-kes mangsa yang mempunyai rekod jenayah, pihak CICA akan menggunakan kaedah untuk memutuskan kadar pengurangan berdasarkan sistem penalti mata tertentu. Penggunaan sistem penalti ini akan menunjukkan keputusan pengurangan pampasan yang harus dibuat berdasarkan rekod-rekod jenayah yang dilakukan mangsa sebelum sesuatu kejadian yang mengakibatkan kecederaan kepada beliau.²⁴⁴

²⁴³ CICA, (2008), *Applying For Compensation : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, CICA, Glasgow, United Kingdom hlm. 26 hingga 27.

²⁴⁴ Sistem ini merupakan asas pertimbangan kepada sesuatu keputusan yang dilakukan kepada mereka yang mempunyai rekod jenayah. Namun, di dalam kes tertentu, pengurangan secara kecil mata akan diambil sekiranya mangsa mengalami kecederaan ketika membantu pihak polis mencegah jenayah. Walaupun begitu, tiada jaminan pengurangan mata tidak akan dikenakan sekiranya mangsa mempunyai rekod-rekod jenayah yang berkaitan dengan jenayah keganasan atau penderaan seksual. Sila lihat Lampiran II (a).

c) Laporan Perubatan

Laporan oleh pihak doktor amatlah penting bagi menentukan kadar pampasan yang akan diberikan kepada mangsa jenayah. Ia akan memberikan gambaran situasi dan kondisi yang berlaku kepada mangsa jenayah. Keseriusan kecederaan akan menentukan kadar yang akan diterima oleh mangsa jenayah. Pada masa yang sama, laporan pakar juga amat diperlukan apabila mangsa jenayah memohon pampasan bagi kehilangan pendapatan dan perbelanjaan khusus iaitu melebihi masa 28 minggu untuk kelayakkan mendapat pampasan maksimum sehingga £500,000.

d) Pengakuan

Apabila pemohon menandatangani permohonan untuk mendapatkan pampasan maka semua keterangan akan dikumpulkan berdasarkan semua rekod, bukti dan informasi yang berkaitan dengan keadaan kecederaan²⁴⁵ iaitu meliputi :

- i) Informasi asas yang dikehendaki untuk melengkapi tuntutan pampasan.
- ii) Mengemukakan laporan peperiksaan perubatan yang diakui oleh pihak berkuasa perubatan untuk mengesahkan permohonan tuntutan pampasan.
- iii) Memberikan maklumat-maklumat tertentu yang mempunyai kesan terhadap permohonan tuntutan pampasan.
- iv) Memberikan maklumat terperinci mengenai pertukaran alamat di mana pihak CICA akan menanggungkan permohonan tuntutan pampasan jika alamat baru pemohon tidak diperolehi.

Skim pampasan mangsa jenayah ini merupakan hasil daripada pembayar-pembayar cukai. Sekiranya pemohon-pemohon tidak membayar cukai pendapatan maka adalah tidak layak mereka membuat tuntutan pampasan mangsa jenayah ini.

²⁴⁵ CICA, (2008), *An Award : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, UK, hlm. 14.

e) **Tempoh Masa**

Masa yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu tuntutan bergantung kepada segala informasi yang diperlukan di dalam sesuatu kes. Misalnya tuntutan yang melibatkan kehilangan pendapatan dan perbelanjaan khusus akan mengambil masa yang lebih panjang daripada tuntutan yang hanya melibatkan pembayaran kecederaan biasa. Segala tuntutan yang lengkap akan dikendalikan oleh seorang pegawai tuntutan. Pegawai yang berkenaan akan membuat keputusan berdasarkan laporan yang telah diterima dan dianalisa beserta dengan peraturan yang sedia ada.²⁴⁶

Sekiranya pihak pemohon bersetuju maka pemohon haruslah mengembalikan surat persetujuan penerimaan dalam masa 90 hari setelah surat dihantar. Sekiranya dalam masa tersebut, persetujuan tidak diperolehi maka permohonan tersebut dianggap terbatal dengan sendiri dan pemohon dianggap tidak berminat untuk mendapatkan tuntutan tersebut. Sekiranya pihak pemohon tidak setuju dengan keputusan pihak CICA maka pemohon perlulah mengemukakan rayuan tuntutan semula kepada pihak CICA. Kes-kes seperti ini akan dikendalikan oleh Tribunal Service – Criminal Injuries Compensation yang merupakan badan yang bebas daripada CICA.²⁴⁷

3.4.6 Pembayaran Pampasan

Pihak CICA akan menyelesaikan permohonan dengan pembayaran pampasan secara sekaligus. Sekiranya berlaku kelewatan yang panjang untuk mendapatkan informasi-informasi tertentu tetapi pemohon adalah layak untuk mendapatkan pampasan maka pihak CICA boleh membuat pertimbangan untuk beberapa kali pembayaran.²⁴⁸

²⁴⁶ Setelah keputusan dibuat pihak CICA akan memaklumkan kepada pihak pemohon atau wakil pihak pemohon secara bertulis berkenaan dengannya. Penerangan akan dimaklumkan kenapa sesuatu keputusan telah diambil sama ada menambah, mengekal atau mengurangkan sesuatu tuntutan tersebut. CICA, (2008), *Applying For Compensation : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, UK, hlm. 28 hingga 29.

²⁴⁷ CICA, (2008), *Applying For Compensation : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, hlm. 29.

²⁴⁸ CICA, (2008), *Payment of Awards : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 31. Lihat perkara 51, CICA, (2008), *The Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 18.

Bagaimanapun untuk mencegah terjadinya penipuan, maka mulai tahun 2011 pihak CICA akan menggunakan sepenuhnya pembayaran elektronik. Pada ketika tersebut pihak CICA tidak lagi menerima sebarang arahan untuk membuat sebarang pembayaran di atas nama orang lain. Sekiranya pemohon setuju menggunakan wakil-wakil tertentu mewakili di dalam proses mendapatkan pampasan ini maka adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk membayar mereka apabila mendapat pampasan tersebut kelak.²⁴⁹

Pada dasarnya pihak CICA tidak akan membuka kembali kes-kes yang telah diputus, lebih-lebih lagi selepas masa 2 tahun. Namun sekiranya wujud bukti-bukti baru dan kuat yang memerlukan keputusan semula maka barulah pihak CICA akan mempertimbangkan semula. Hal ini kebiasaannya terjadi apabila terdapatnya perubahan di dalam laporan perubatan atau wujudnya penipuan untuk mendapatkan pampasan atau lain-lain. Bagi kes-kes penipuan, pihak CICA akan merujuk semula kes ini dengan pihak polis bagi menjalankan siasatan yang sepenuhnya terhadap sesuatu kejadian.²⁵⁰

3.4.7 Kajian Dan Rayuan Semula

Sekiranya pemohon tidak bersetuju dengan keputusan yang asal dan berkehendakan untuk dikaji semula maka perlulah mengemukakan permohonan tersebut dalam masa 90 hari setelah keputusan asal dibuat. Pemohon perlulah memasukkan bukti-bukti tambahan yang membolehkan untuk menyokong permohonan tuntutan pampasan.²⁵¹

Sekiranya tempoh masa 90 hari tidak mencukupi, pemohon perlulah mendapatkan tambahan masa untuk mengemukakan bukti-bukti tersebut kepada pihak CICA yang akan dipertimbangkan berdasarkan pertimbangan tertentu. Selepas daripada itu, pihak CICA akan menerangkan dan membuat keputusan semula kepada pemohon sama ada mengikut keputusan lama, mengurangi atau menambahkannya.

²⁴⁹ CICA, (2008), *Payment of Awards : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 31.

²⁵⁰ Ibid, hlm. 33.

²⁵¹ CICA, (2008), *Review and Appeals : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow, hlm. 35. Lihat juga perkara 56 & 57, hlm. 19.

Sekiranya pemohon masih lagi tidak bersetuju dengan keputusan kajian semula tersebut maka bolehkan membuat rayuan tersebut kepada Tribunals Service – Criminal Injuries Compensation (Tribunal) ²⁵² dalam masa 90 hari selepas keputusan kajian semula oleh pihak CICA. Tribunal ini merupakan satu badan bebas, terpisah dari pihak CICA yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menerima kes-kes rayuan semula.²⁵³

Jika memenuhi keperluan-keperluan tertentu yang ditetapkan oleh Tribunal maka pihak Tribunal akan memutuskan semula rayuan tersebut sama ada mengikut keputusan asal yang diputuskan oleh pihak CICA atau juga mengurangi atau mungkin menambahkan jumlah pampasan seperti yang dikehendaki pemohon.

Jika sekiranya pemohon masih lagi tidak berpuas hati bolehlah menulis surat membantah keputusan yang dibuat oleh pihak CICA dan atau pihak Tribunal kepada Jawatankuasa Parlimen mengenai Parliamentary and Health Service Ombudsman di England dan Wales atau Scottish Public Servis Ombudsman di Scotland.²⁵⁴

Ombudsman boleh menjalankan penyiasatan bebas mengenai bantahan tersebut berkaitan dengan ketidakadilan atau tindakan yang tidak sepatutnya atau layanan yang buruk diterima oleh pemohon terhadap tuntutan pampasan tersebut.

²⁵² *Tribunal Courts and Enforcement Act 2007.*

²⁵³ www.cicap.gov.uk

²⁵⁴ Seperti Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang diwujudkan di Parlimen dan Bahagian Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

3.5 Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah di Australia

3.5.1 Pengenalan

Sehingga hari ini pampasan kecederaan jenayah di Australia diurus dan di bawah kuasa oleh pihak negeri dan wilayah terbabit. Melalui pentadbiran pejabat Peguam Negara di peringkat negeri dan wilayah masing-masing telah disediakan pampasan kecederaan jenayah melalui pelbagai jenis-jenis pampasan, jumlah minimum dan maksimum pampasan yang diberikan dan cara sesuatu pampasan diuruskan.

Skim pampasan kecederaan jenayah pertama yang telah diperbadankan ialah pada tahun 1967 di New South Wales.²⁵⁵ Walaupun begitu skim yang asal ini telah memberikan tanggungjawab pembayaran pampasan kepada mangsa jenayah adalah terletak pada pesalah atau pelaku jenayah itu sendiri. Dalam keadaan demikian, mangsa jenayah terpaksa menunggu pembayaran pampasan melalui keputusan mahkamah.²⁵⁶

Selepas daripada itu negeri yang melaksanakan skim ini ialah Queensland pada tahun 1968, South Australia pada 1969 dan Western Australia pada 1970. South Australia menamakan skim ini sebagai “ *ketidakadilan sosial* “ berdasarkan kenyataan Ketua Menteri semasa perbahasan di Parlimen²⁵⁷ iaitu :

“ Matlamat undang-undang jenayah adalah secara langsung untuk melindungi masyarakat dan pembaharuan kepada orang yang melakukan jenayah dan tidak sekali menyediakan aktiviti-aktiviti yang tidak bersalah kepada mangsa jenayah dengan mana-mana pampasan untuk kecederaan peribadi yang merupakan suatu tindakan yang tidak adil ke atasnya. Pada asasnya bahawa prinsip pampasan kepada kegiatan

²⁵⁵ Cook, B, David, F & Grant, A, (1999), *Victims' Need, Victims' Right : Policies and Programs for Victim of Crime in Australia*, Australia Institute of Criminology, Canberra, hlm. 83.

²⁵⁶ Rowena Johns, (2002), *Victim of Crime : Plea Bargains, Compensation, Victim Impact Statement and Support Services*, Briefing Paper No. 10/02, NSW Parliamentary Library, hlm. 21.

²⁵⁷ Michael O'Connell, (2003), *Criminal Injuries Compensation – Revisiting the Rationale for State Funded Compensation for Crime Victims*, A National Conference, Canberra, 23 – 24 Jun, 2003, University House, ANU, Australia, hlm. 18.

jenayah adalah tidak diketahui keseluruhannya di dalam undang-undang kita. Ini kerana kebiasaannya penjenayah-penjenayah tidak mempunyai aset atau aset mereka tidak dapat diperolehi maka dicadangkan penyediaan pembayaran pampasan dinaikkan kepada AUS\$1,000 daripada hasil-hasil pendapatan awam negeri.”

Walau bagaimanapun skim yang diperkenalkan ini pada awalnya tidak digunakan sepenuhnya oleh mangsa-mangsa jenayah. Sehingga tahun 1972, negeri Victoria telah memperkenalkan pendekatan yang lebih inovatif mengenai akta pampasan mangsa keganasan yang dibiayai oleh sesebuah negeri. Ia telah menubuhkan sebuah Tribunal yang bergerak secara tidak formal akan tetapi boleh memberikan pampasan oleh apabila memenuhi kehendak undang-undang bahawa mangsa tersebut telah dcederakan atau telah terbunuh oleh pihak suruhanjaya jenayah.²⁵⁸

Pada tahun 1996, Parlimen Victoria telah memansuhkan akta *Criminal Injuries Compensation* dan digantikan dengan akta *Victims of Crime Assistance*. Akta yang baru ini telah memasukkan berkenaan dengan mangsa akibat perbuatan keganasan. Akta yang baru telah merubah fokus di dalam memberi bantuan pada mangsa jenayah daripada pampasan yang terhad kepada menjaga kesihatan dan kualiti hidup yang baik. *Crimes Compensation Tribunal* juga telah ditukar kepada *Victims of Crime Assistance Tribunal*. Pembayaran kepada kehilangan selain kewangan seperti kesakitan dan penderitaan akibat daripada kecederaan perbuatan jenayah telah dihapuskan.²⁵⁹ Namun yang demikian, pada tahun 2000, akta ini telah diperbaharui semula dan dibuat pindaan oleh pihak Peguam Negara yang bertanggungjawab mengembalikan akta ini kepada tujuan yang asal iaitu memberi pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah.

²⁵⁸ Di dalam pembahasan Parlimen yang telah diputuskan adalah mengehendaki pelaku jenayah membayar pampasan kepada mangsa jenayah. Ia merupakan suatu kewajipan dan tanggungjawab yang seharusnya dipikul oleh pelaku jenayah. Namun perkara ini sukar dipenuhi dan tidak dapat dilaksanakan. Sebaliknya sumber dana pampasan ini adalah diambil daripada hasil-hasil pendapatan negeri. Ian Freckelton, (2003), *Compensation for Victims of Crime : Health and Financial Considerations*, XIth International Symposium on Victimology, 13 - 18 July, South Africa, hlm. 15.

²⁵⁹ Wade, J., (1996), *Using Technology to Provide Best Effective Access to Justice*, Victorians Bar News 99, hlm 12 hingga 13.

Pada ketika ini, kesemua negeri dan wilayah di Australia telah menyediakan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah. Queensland, South Australia, Northern Territory dan Australian Capital Territory telah mengadakan mahkamah bagi skim kecederaan jenayah. Di New South Wales dan Victoria, Tribunal telah diperkenalkan untuk mengadakan pampasan kepada mangsa jenayah. *Assessor of Criminal Injuries* telah ditubuhkan di Western Australia di bawah bidang kuasa pentadbiran pejabat Peguam Negara.²⁶⁰

Semua bidang kuasa telah menyatakan syarat-syarat yang diperlukan di dalam setiap bahagian mangsa jenayah yang layak memohon. Malahan di setiap bahagian-bahagian ini terdapat pelbagai kategori tertentu. Contohnya di New South Wales menyatakan mangsa yang layak menerima pampasan adalah dibahagikan sama ada mangsa utama atau mangsa kedua. Ia termasuk juga mangsa utama dan mangsa yang berkaitan dengan menyaksikan kegiatan keganasan dan mengalami kecederaan, kemungkinan boleh mendapat pampasan mangsa jenayah di Victoria.²⁶¹

Terdapat pelbagai kadar minimum pembayaran pampasan di setiap negeri dan wilayah di Australia. Contohnya di South Australia, tiada kadar minimum kehilangan kewangan akan tetapi bagi bukan kehilangan kewangan haruslah menyamai 2 mata daripada skala 50 mata di mana setiap mata mewakili AUD\$ 1,000. Di Western Australia pula tiada kadar minimum namun penilai akan menolak tuntutan bagi pembayaran di bawah AUD\$ 1,000 di dalam perkara-perkara yang tidak penting. Walaupun begitu, kadar maksimum pembayaran telah ditetapkan di kesemua negeri dan wilayah di Australia.²⁶²

²⁶⁰ www.lawlink.nsw.gov.au/vs

²⁶¹ Michael O'Connell, (2003), *Criminal Injuries Compensation – Revisiting the Rationale for State Funded Compensation for Crime Victims*, A National Conference, Canberra, 23 – 24 Jun, 2003, University House, ANU, Australia, hlm. 19.

²⁶² Ibid.

3.5.2 Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Di New South Wales

a) Latar Belakang

Semenjak tahun 1988 hingga 30 Jun 2007, program ini telah memberikan pampasan sehingga AUD 1.2 bilion kepada mereka yang berkecenderungan. Pada sesi 2006/07 sahaja sebanyak AUD 64.3 juta telah dibayar kepada mangsa jenayah di New South Wales. Permohonan pampasan juga telah meningkat dari tahun ke tahun di mana pada sesi 2005/06 sebanyak 5,054 permohonan telah diterima dan jumlah ini telah meningkat kepada 5,636 permohonan pada sesi 2006/07.²⁶³

Skim mangsa jenayah di New South Wales merupakan suatu skim yang diberikan kepada mangsa yang mengalami kecederaan akibat daripada perbuatan jenayah. Ianya meliputi pampasan kewangan di atas kecederaan yang dialami, sesi kaunseling dan pembayaran kos perubatan dan perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan. Malahan seseorang mangsa boleh menuntut pampasan secara terus kepada pelaku jenayah walaupun kebiasaannya ia merupakan suatu tindakan yang sukar dan susah untuk dilaksanakan.²⁶⁴

Sebagai gantinya mangsa kecederaan jenayah boleh mendapat pampasan daripada dana kewangan kerajaan sebagaimana telah diperakukan di dalam undang-undang *Victims Support & Rehabilitation Act 1996* yang mana pentadbirannya diuruskan oleh *Victim Compensation Tribunal* (Tribunal), New South Wales.²⁶⁵ Pampasan mangsa jenayah ini adalah berlainan daripada mana-mana dakwaan jenayah terhadap pelaku jenayah. Ia mungkin boleh mendapatkan pampasan walaupun pelaku jenayah tidak dapat ditangkap atau tidak dapat didakwa ataupun dapat didakwa tetapi didapati tidak bersalah.²⁶⁶

²⁶³ Attorney General's Department, (2007), *Auditor - General Report to Parliament 2007 Volume Five*, New South Wales Government, hlm 16.

²⁶⁴ The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW, hlm. 1.

²⁶⁵ Talina Drabsch, (2005), *No Fault Compensation*, Briefing Paper No. 6/05, NSW Parliamentary Library, hlm. 17. State Library of New South Wales, (2008), *Domestic Violence*, Hot Topics : Legal Issues in Plain Language, Legal Information Access Centre, hlm. 17.

²⁶⁶ www.iclc.org.au/fs_victcomp.html

b) Kelayakan Mendapat Pampasan

i) Kegiatan Keganasan

Seseorang haruslah menjadi mangsa perbuatan-perbuatan jenayah keganasan yang meliputi penyerangan, penderaan seksual, pengendapan atau rompakan di mana melibatkan berlakunya aktiviti keganasan. Mangsa jenayah pula dapatlah dibahagikan kepada tiga bahagian utama²⁶⁷ iaitu :

- Mangsa utama iaitu seseorang yang mengalami perbuatan jenayah secara langsung daripada pelaku jenayah.
- Mangsa kedua iaitu seseorang yang menjadi saksi di atas sesuatu kejadian keganasan yang berlaku di mana ahli keluarganya terlibat di dalam peristiwa jenayah itu.
- Keluarga mangsa iaitu saudara mara yang rapat di dalam kes pembunuhan.

ii) Kecederaan

Bagi melayakan seseorang mangsa mendapat pampasan maka ia haruslah mengalami kecederaan secara fizikal atau mental akibat daripada sesuatu perbuatan jenayah yang berkaitan.²⁶⁸ Hanya terdapat kelayakan yang tertentu sahaja sekiranya mangsa mengalami kecederaan yang tiada di dalam senarai kecederaan yang diperakui iaitu ketika mana seseorang mangsa mengalami kecederaan secara fizikal atau psikologi akibat daripada penderaan seksual atau keganasan rumah tangga. Seseorang mangsa juga dapat menuntut pampasan sekaligus sekiranya mengalami lebih daripada satu sehingga tiga kecederaan yang serius di mana jumlah pampasan adalah seperti berikut²⁶⁹ iaitu :

²⁶⁷ Perkara 6 hingga 9, Part 2 Approved Counselling Scheme & Statutory Compensation Scheme, Attorney General Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Govt, hlm. 2.

²⁶⁸ Senarai kecederaan akibat daripada perbuatan jenayah adalah meliputi senarai kecederaan yang diperakui dalam *Victims Support & Rehabilitation Act 1996*. Sila lihat Schedule 1, Kadar Pampasan Kecederaan Jenayah di New South Wales, Lampiran III.

²⁶⁹ Perkara 3, Schedule 1 Compensable Injuries, Attorney General's Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government, hlm. 3.

- Kecelakaan pertama, 100 % pembayaran mengikut jumlah yang disediakan
- Kecelakaan kedua, 10 % daripada jumlah pembayaran yang ditetapkan.
- Kecelakaan ketiga, 5 % daripada jumlah pembayaran yang ditetapkan.

iii) Masa

Mangsa haruslah membuat permohonan di dalam masa 2 tahun selepas sesuatu kejadian jenayah. Permohonan selepas 2 tahun hanya boleh diterima sekiranya ia memenuhi keadaan-keadaan tertentu sahaja seperti penderaan seksual, keganasan rumah tangga atau penderaan ke atas mangsa kanak-kanak.²⁷⁰

c) Larangan dan Pengurangan Kadar Pampasan

i) Larangan

Akta yang sedia ada mencegah mangsa di dalam membuat tuntutan sekiranya :

- Mangsa telah menjalani hukuman sebagai seorang banduan tetapi tidak termasuk yang menjalani tahanan sementara, menjalani hukuman akibat kes denda atau menjalani hukuman tahanan juvenil.
- Mangsa terlibat di dalam kegiatan yang mengandungi sesuatu kesalahan jenayah.
- Kecelakaan akibat daripada tragedi kemalangan motor yang tiada unsur jenayah.
- Kecelakaan yang berkaitan dengan kerja dan ianya dilindungi oleh pampasan pekerja.
- Mangsa telahpun menerima atau sedang memohon pampasan melalui mahkamah dimana pelaku jenayah telah didapati bersalah.²⁷¹

²⁷⁰ Talina Drabsch, (2005), *No Fault Compensation*, Briefing Paper No. 6/05, NSW Parliamentary Library, hal. 18. Perkara 26, Time For Lodging Applications, Attorney General's Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government, hlm. 8.

²⁷¹ Mahkamah boleh memerintahkan pelaku jenayah membayar pampasan secara terus kepada mangsa jenayah. Namun sekiranya mangsa jenayah memohon kepada mahkamah untuk menuntut ganti rugi kepada pelaku jenayah maka ianya dibenarkan dan tidak menjejaskan permohonan pampasan kepada Tribunal. Lihat "*Recovery of Compensation From Offenders*" yang menjelaskan perbezaan antara *compensation* dan *restitution*. Bahagian 4, Compensation Awarded by Court, Attorney General's Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government, hlm. 26 hingga 29.

ii) Pengurangan Pampasan

Pihak Tribunal boleh menolak sesuatu tuntutan atau mengurangkan jumlah sesuatu pampasan kewangan yang akan diberikan kepada mangsa jenayah ²⁷² sekiranya :

- Mangsa tidak melaporkan kejadian jenayah dan berkerjasama dengan pihak polis untuk menyelesaikan proses laporan tersebut di dalam waktu yang telah ditetapkan kecuali di dalam perkara-perkara tertentu seperti penderaan ke atas kanak-kanak atau jenayah yang dilaporkan kepada pihak-pihak berkuasa tertentu dan lain-lain.²⁷³
- Mangsa terlibat di dalam kegiatan provokasi sehingga menyebabkan terjadinya sesuatu kejadian jenayah.
- Mangsa gagal mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi atau cuba mengatasi kecederaan yang dialami sehingga menyebabkan ianya menjadi semakin serius dan berlarutan.
- Pelaku jenayah mengambil keuntungan daripada pampasan yang diberikan kepada mangsa jenayah.

d) Tuntutan Pampasan Mangsa Jenayah

i) Pampasan Kecederaan

Mangsa boleh menuntut pampasan di dalam kecederaan yang melibatkan fizikal atau psikologi yang meliputi ²⁷⁴ :

- Kecederaan fizikal iaitu kecederaan tubuh badan yang berdasarkan senarai yang telah diperakui oleh undang-undang.
- Kecederaan psikiatrik iaitu kecederaan yang memerlukan rawatan untuk mencegah dan menghalang penyakit daripada terus menyerang mangsa. Rawatan ini memerlukan laporan daripada pihak yang pakar dan diperakui oleh Tribunal.

²⁷² The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW, hlm. 2.

²⁷³ *Children (Detention Centres) Act 1987*.

²⁷⁴ Perkara 5 hingga 8, Schedule 1 Compensable Injuries, Attorney General's Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government, hlm. 3 hingga 5.

- Penderaan seksual iaitu kecederaan yang berlaku memerlukan laporan dibuat oleh pihak-pihak yang pakar di hal-hal tersebut seperti kaunselor, psikologis dan lain-lain.
- Keganasan rumah tangga iaitu kecederaan akibat daripada perbuatan yang dilakukan di kalangan ahli-ahli keluarga terdekat.

ii) Jumlah Kadar Pampasan

Hakikatnya, jumlah pampasan yang diterima oleh mangsa kecederaan jenayah adalah amat sedikit jika dibandingkan sekiranya mangsa jenayah berjaya menuntut pampasan melalui tindakan sivil di mahkamah. Namun, tindakan ini akan menyebabkan mangsa jenayah akan melalui cabaran-cabaran perundangan tertentu terutamanya kos kewangan untuk mengendalikan kes sivil adalah agak besar.²⁷⁵

- Jumlah maksimum pampasan yang boleh diterima oleh mangsa jenayah melalui satu kecederaan atau kompilasi mana-mana kecederaan jenayah adalah AUD 50,000.
- Jumlah minimum adalah AUD 7,500 sama ada melalui satu kecederaan jenayah atau kompilasi mana-mana kecederaan jenayah yang telah ditetapkan.²⁷⁶
- Seseorang mangsa yang menerima pampasan AUD 20,000 atau kurang akan ditolak daripada pampasan mereka sebanyak AUD 750.

iii) Peruntukan Tambahan

Terdapat tambahan peruntukan bayaran yang boleh dituntut oleh mangsa jenayah selain daripada kadar pampasan yang sedia ada melalui peruntukan undang-undang di mana seseorang mangsa jenayah boleh menuntut sehingga AUD 10,000²⁷⁷ untuk :

²⁷⁵ The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW, hlm. 3.

²⁷⁶ Sebelum disemak semula dan efektif mulai 14 Julai 2000 : *Government Gazette, No. 88 of 14 July 2000*, hal. 6232, kadar minimum pembayaran pampasan mangsa jenayah adalah AUD 2,400. Rowena Johns, (2002), *Victim of Crime : Plea Bargains, Compensation, Victim Impact Statement and Support Services*, Briefing Paper No. 10/02, NSW Parliamentary Library, hlm. 28.

²⁷⁷ Perkara 18 (4), *Compensation for Financial Loss*, Attorney General's Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government, hlm. 4.

- Peruntukan tertentu seperti kos rawatan dan laporan perubatan.
- Kehilangan pendapatan.
- Kehilangan barangan peribadi seperti kaca mata yang pecah, kehilangan dompet dan sebagainya akibat perbuatan jenayah terbabit.

Walaubagaimanapun sekiranya mangsa tidak mencapai kadar minimum yang ditetapkan untuk tuntutan pampasan iaitu sebanyak AUD7,500, mereka masih lagi boleh menuntut kembali pembayaran yang telah dilakukan akibat daripada kejadian jenayah seperti kos ambulan, pergigian, fisioterapi, mengganti atau membaiki kaca mata, alat-alat barangan peribadi, membersihkan harta benda dan keperluan-keperluan keselamatan. Jumlah keseluruhan tuntutan ini mestilah di antara AUD200 sehingga AUD1,500 dan tidak boleh melebihi AUD500 bagi satu-satu perkara yang disebutkan di atas.²⁷⁸

iv) Sesi Kaunseling

Mangsa jenayah juga boleh mendapatkan sesi kaunseling yang dibayar dan diluluskan oleh pihak Tribunal. Ia adalah kos yang berbeza daripada pembayaran pampasan dan tidak akan dipotong daripada pembayaran yang telah diberikan.

Jika seseorang mangsa tidak layak untuk mendapatkan peruntukan pampasan kerana mungkin tidak mencapai kadar minimum AUD7,500, beliau boleh mendapatkan sesi kaunseling. Kadar masa yang boleh dimohon oleh mangsa jenayah ialah selama 2 jam per sesi dan maksimum adalah selama 20 jam.²⁷⁹

²⁷⁸ The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW, hlm. 4. Rowena Johns, (2002), *Victim of Crime : Plea Bargains, Compensation, Victim Impact Statement and Support Services*, Briefing Paper No. 10/02, NSW Parliamentary Library, hlm. 29.

²⁷⁹ Bahagian 3 (A), Approved Counselling Scheme, Attorney General's Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government, hlm. 5.

v) Perundangan & Kos-kos Lain

Bayaran perundangan untuk mangsa-mangsa jenayah akan dibayar oleh Tribunal selepas tuntutan permohonan diselesaikan. Bayaran perundangan bagaimanapun tetap akan dibayar walaupun tuntutan pampasan oleh mangsa jenayah tidak berjaya. Pihak peguam adalah dilarang untuk mengenakan bayaran ke hadapan kepada mangsa jenayah.²⁸⁰

Namun, mangsa jenayah perlu membayar kos bayaran pendahuluan untuk mendapatkan laporan perubatan dan psikiatrik. Kos ini akan dibayar kembali oleh Tribunal sama ada tuntutan pampasan berjaya atau sebaliknya.

e) **Borang Permohonan Pampasan**

Mangsa jenayah haruslah melengkapi dan menghantarkan borang permohonan kepada Tribunal di mana ianya mengandungi ²⁸¹ :

- i) Laporan perubatan yang akan menunjukkan keadaan kecederaan dan kesan daripada kecederaan tersebut kepada mangsa pada masa hadapan.
- ii) Resit-resit untuk perbelanjaan laporan atau rawatan atau perubatan.
- iii) Salinan laporan polis.
- iv) Dalam keadaan-keadaan tertentu, laporan bersumpah adalah diperlukan daripada mangsa untuk memperjelaskan sesuatu kejadian jenayah dengan lebih mendalam.

Tribunal akan memberikan bayaran guaman untuk mendapatkan peguam cara di dalam menyediakan laporan yang terbaik terutamanya jika ia membabitkan tuntutan yang rumit dan melibatkan kegiatan keganasan dan atau kecederaan dari segi psikologi.²⁸²

²⁸⁰ The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW, hlm. 4.

²⁸¹ www.iclc.org.au/fs_victcomp.html.

²⁸² Setiap permohonan akan diteliti oleh seorang penilai di Tribunal. Beliau akan menentukan supaya setiap permohonan memenuhi garis panduan yang ditetapkan. Ahli Tribunal iaitu majistret akan dilibatkan sekiranya penilai melihat adanya keperluan perkara tersebut perlu dilihat semula atau pengerusi Tribunal melihat pertimbangan bahawa keputusan yang dibuat oleh penilai perlu disemak kembali. Kebiasaannya perkara ini merujuk pada isu-isu yang rumit untuk dibuat keputusan berdasarkan undang-undang sedia ada. The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW, hlm. 5.

Tribunal akan cuba memproses permohonan yang biasa dalam beberapa bulan. Namun, kebanyakan kes akan mengambil masa yang agak panjang, sehingga dua tahun dalam kes-kes tertentu. Apabila keputusan tuntutan diluluskan, mangsa jenayah haruslah memenuhi permohonan untuk pembayaran dan menunggu bulan yang seterusnya untuk menerima pampasan. Bagi mangsa di bawah umur 18 tahun, wang pampasan tersebut kebiasaannya akan dibayar kepada ibubapa atau penjaga mereka.

f) Rayuan

Sekiranya mangsa tidak berpuas hati dengan jumlah pembayaran pampasan yang dibuat oleh penilai atau kegagalan mendapatkan pampasan atau lain-lain ketidakpuasan maka mereka boleh membuat rayuan kepada Tribunal. Rayuan hendaklah diserahkan kepada Tribunal dalam jangka waktu tiga bulan selepas keputusan dibuat oleh penilai. Tambahan waktu mungkin diberikan dalam keadaan-keadaan tertentu.²⁸³

Rayuan akan didengar oleh ahli-ahli Tribunal yang merupakan majistret. Kebiasaannya bahan-bahan dan bukti-bukti baru tidak diterima untuk rayuan kecuali mempunyai alasan-alasan yang kukuh. Mangsa jenayah yang masih lagi tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut maka bolehlah membuat rayuan Mahkamah Daerah dalam jangka waktu tiga bulan akan tetapi hanya melibatkan isu undang-undang.²⁸⁴

²⁸³ Bahagian 6, Reviews by Director and Appeals and References to Tribunal and District Court, Attorney General's Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government, hlm. 12 hingga 14.

²⁸⁴ The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW, hlm. 9.

3.6 PampasanMangsa Kecederaan Jenayah di Negara-negara Lain

3.6.1 Canada

a) Latar Belakang

Jenayah keganasan adalah merupakan suatu fenomena sosial yang telah membawa kesan kepada warga Canada. Perlaksanaan pampasan mangsa jenayah di Canada telah bermula sejak tahun 1960an lagi. Di antara wilayah yang terawal telah melaksanakan skim ini adalah Ontario melalui *Law Enforcement Compensation Act* pada tahun 1967.²⁸⁵ Program ini juga telah dimulakan di Saskatchewan pada tahun 1967, Newfoundland pada 1968, Alberta pada 1969, Manitoba dan New Brunswick pada 1971. Sehingga kini seluruh wilayah di Canada telah mengambil tindakan yang aktif untuk melindungi penduduknya daripada perbuatan jenayah keganasan di persekitaran masing-masing.²⁸⁶

Sumber dana kewangan pampasan untuk mangsa keganasan jenayah di Canada pula diurustadbir oleh wilayah masing-masing berdasarkan dasar dan peraturan tersendiri. Pembiayaan ini antara lain diperolehi daripada hasil-hasil pendapatan, cukai am, cukai tambahan atau gabungan hasil-hasil cukai di wilayah dan jajahan.²⁸⁷

b) Syarat-syarat Kelayakan

Pampasan akan diberikan kepada mangsa yang mengalami kecederaan akibat perlakuan sesuatu jenayah dengan syarat-syarat kelayakan tertentu. Antara lain seperti laporan kepada pihak polis. Ianya harus dilaksanakan dalam masa sekitar setahun hingga 2 tahun. Penyiasatan akan dilakukan dalam masa sekitar setahun hingga 2 tahun.

²⁸⁵ www.cicb.gov.ca/en.

²⁸⁶ Canadian Resource Centre for Victims of Crime, (2006), *Victims' Right in Canada*, Canadian Resource Centre for Victims of Crime, Ottawa, hlm. 1.

²⁸⁷ Canada mempunyai 12 wilayah dan jajahannya yang meliputi Alberta, British Columbia, Manitoba, New Brunswick, Newfoundland, Northwest Territories, Nova Scotia, Ontario, Prince Edward Island, Quebec, Saskatchewan dan Yukon.

Kebiasaannya keputusan sesuatu permohonan pampasan yang dihantar kepada pihak yang bertanggungjawab di dalam pentadbiran wilayah masing-masing akan mengambil masa di antara setahun hingga 5 tahun. Pampasan akan dibayar kepada mangsa jenayah sekitar 4 minggu selepas keputusan diputuskan. Pembayaran pampasan yang diberikan kepada pemohon boleh mencapai kadar maksimum sehingga CAND 365,000.²⁸⁸

Pampasan yang akan diterima pula adalah antara lain meliputi perbelanjaan perubatan dan kesihatan mental, kehilangan pendapatan, kehilangan sokongan tanggungan, perbelanjaan pengebumian seseorang mangsa, perawatan hilang keupayaan dan perkhidmatan urusan menggantikan pekerjaan mangsa.²⁸⁹

c) Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Di British Columbia

Pampasan mangsa kecederaan jenayah di British Columbia telah dimulakan pada tahun 1972. Kini ia telah diperundangkan melalui *Crime Victim Assistance Act* di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Peguam Negara. Program ini telah dilaksanakan pada tahun 2002 untuk menggantikan program *Criminal Injury Compensation* yang sebelum ini telah dijalankan di bawah *Worker's Compensation Board*.²⁹⁰

Program ini menyediakan kepada mangsa jenayah supaya mendapatkan pampasan di dalam waktu yang sesegera mungkin bagi memulihkan kembali keadaan asal sebelum berlakunya sesuatu kejadian jenayah. Program ini bukan sahaja menyediakan pampasan kepada mangsa jenayah iaitu seseorang yang mengalami kecederaan akibat daripada perbuatan jenayah, malahan ahli keluarga mangsa yang menyaksikan sesuatu kejadian jenayah juga adalah layak memohon pampasan tersebut.²⁹¹

²⁸⁸ Bagi wilayah Ontario, Canada. www.cicb.gov.on.ca/en

²⁸⁹ Office For Victims Of Crime, (2008), *Directory of International : Crime Victim Compensation Programs 2004 – 2005*, US Department of Justice, Washington. Office For Victims Of Crime, (1999), *International Crime Victim Compensation Programs Directory 1998 – 1999*, US Department of Justice, Washington, United Arab Emirates pada hlm. 15.

²⁹⁰ www.pssg.gov.bc.ca/victim_services/cva/

²⁹¹ British Columbia, (2006), *Information for Victims of Crime*, Ministry of Public Safety and Solicitor General, hlm 6. (www.gov.bc.ca)

Di antara lain manfaat-manfaat yang didapati oleh mangsa, ahli keluarga dan saksi apabila berlakunya kecederaan jenayah ²⁹² ialah :

i) Mangsa

Seseorang mangsa kecederaan jenayah boleh menuntut pampasan antara lain meliputi perkhidmatan dan perbelanjaan kaunseling, perubatan, pergigian, perbelanjaan preskripsi dadah, sokongan pendapatan bagi mereka yang kehilangan pekerjaan, perkhidmatan atau perbelanjaan vokasional,²⁹³ perbelanjaan yang berkaitan dengan pengangkutan, membaiki atau mengganti kerosakan atau kemusnahan harta persendirian, perkhidmatan atau perbelanjaan penjagaan kanak-kanak, pengubahsuaian, penyelenggaraan, permindahan rumah, membaiki atau memperolehi kenderaan dan penyaraan bayi.

ii) Keluarga Mangsa

Ahli keluarga terdekat kepada mangsa boleh memohon pampasan antara lain meliputi perkhidmatan atau perbelanjaan kaunseling, perbelanjaan preskripsi dadah, perbelanjaan yang berkaitan pengangkutan, perbelanjaan pengkebumian, sokongan pendapatan, perkhidmatan atau perbelanjaan vokasional dan penjagaan kanak-kanak.

iii) Saksi

Saksi kepada sesuatu kejadian jenayah juga berhak memohon pampasan mangsa jenayah yang antara lain meliputi perkhidmatan atau perbelanjaan kaunseling, perbelanjaan preskripsi dadah dan perbelanjaan berkaitan dengan pengangkutan.

²⁹² Canadian Resource Centre for Victims of Crime, (2006), *Research – Criminal Injury Compensation*, Canadian Resource Centre for Victims of Crime, Ottawa, hlm. 1. Sila lihat Summary of Benefit Available to Victims di British Columbia, Lampiran IV.

²⁹³ Bagi mereka yang kehilangan pekerjaan dan terpaksa mencari pekerjaan baru akibat dari kecederaan yang dialami oleh mangsa jenayah.

3.6.2 Amerika Syarikat

a) Latar Belakang

Setiap 50 buah negeri di Amerika Syarikat beserta District of Columbia, US Virgin Islands, Guam dan Puerto Rico telah melaksanakan program pampasan mangsa jenayah dengan menyediakan bantuan kewangan untuk mangsa jenayah keganasan. Setiap pentadbiran negeri-negeri telah melaksanakan program ini berdasarkan undang-undang tubuh negeri terbabit. Namun, pelaksanaan program ini telah diselaraskan melalui Victims of Crime Act (VOCA) oleh kerajaan pusat yang juga telah memberikan pembiayaan kewangan dan sokongan teknikal kepada negeri-negeri.²⁹⁴

Berdasarkan perkembangan 11 September 2001, kerajaan Amerika Syarikat telah mengambil tindakan memperkemarkan akta mangsa jenayah keganasan. Melalui Antiterrorism Emergency Reserve, kerajaan bukan sahaja akan membayar pampasan kepada mangsa kejadian jenayah keganasan yang berlaku di Amerika Syarikat malahan rakyatnya yang menjadi mangsa keganasan di luar negara adalah berkelayakan untuk mendapatkan pampasan mangsa jenayah ini.²⁹⁵

b) Syarat-syarat Kelayakan

Mangsa jenayah yang mengalami kecederaan haruslah memenuhi kelayakan tertentu di dalam proses membuat tuntutan pampasan kepada pihak yang terbabit. Laporan polis hendaklah dilakukan di dalam masa 72 jam. Kebiasaannya penyiasatan dan keputusan sesuatu tuntutan akan dapat diketahui di dalam masa satu tahun.

Di antara lain pampasan yang diberikan kepada mangsa jenayah meliputi pembiayaan perubatan, kaunseling kesihatan mental, kehilangan pendapatan, kehilangan bantuan

²⁹⁴ Office For Victims Of Crime, (2008), *Directory of International : Crime Victim Compensation Programs 2004 – 2005*, US Department of Justice, Washington.

²⁹⁵ www.ojp.usdoj.gov/ovc/publications/infores/intdir2005/unitedstates.html

sokongan hidup dan pembiayaan pengebumian. Di samping, pelbagai insentif lain turut diberikan kepada mangsa jenayah di kebanyakan negeri-negeri meliputi perjalanan untuk rawatan perubatan, perkhidmatan penggantian kerja, pembiayaan perpindahan, yuran guaman, keperluan peralatan perubatan dan sebagainya.²⁹⁶

c) Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah di California

California merupakan negeri pertama di Amerika Syarikat yang telah melaksanakan pampasan mangsa kecederaan jenayah pada tahun 1965. Pada masa kini, program ini diuruskan oleh Victim Compensation and Government Claims Board (VCGCB) di bawah California State and Consumer Services Agency (SCSA).

SCSA dianggotai oleh tiga orang ahli lembaga yang akan merancang dan menentukan polisi untuk program ini di samping membuat apa-apa keputusan yang berkaitan dengan tuntutan pampasan. Ianya diketuai oleh Setiausaha kepada California State and Consumer Services Agency sebagai pengerusi lembaga bersama-sama dua orang lagi ahli lembaga yang dilantik daripada kalangan masyarakat oleh pihak kerajaan negeri.²⁹⁷

Program-program yang diurustadbirkan oleh lembaga ini meliputi Victim Compensation Program, Restitution Recovery Program, Missing Children Reward Program, Good Samaritan Program, Government Claims Program dan California State Employees Charitable Campaign. Walaupun begitu penulisan ini hanya akan membatasi kepada program yang berkaitan dengan pampasan untuk mangsa jenayah sahaja²⁹⁸ iaitu :

²⁹⁶ Office For Victims Of Crime, (2008), *Directory of International : Crime Victim Compensation Programs 2004 – 2005*, US Department of Justice, Washington.

²⁹⁷ Pada masa kini ahli lembaga terdiri daripada Fred Aguiar sebagai Setiausaha SCSA, John Chiang – State Controller dan Michael Ramos – District Attorney San Bernardino serta Julie Nauman sebagai Executive Officer. Victim Compensation and Government Claims Board, *2008 Annual Report Fiscal Year 2007 – 2008*, Sacramento, California, hlm ii.

²⁹⁸ Victim Compensation and Government Claims Board, (2009), *Crime Hurts Everybody - We Can Help*, Sacramento, California, hlm.3 - 9.

i) Victim Compensation Program

Sejak program ini dimulakan pada tahun 1965, pembayaran pampasan sentiasa meningkat daripada tahun ke tahun. Pada sesi 2007/2008 sahaja perbelanjaan kewangan bagi menampung program ini berjumlah USD 81.7 juta iaitu meningkat sekitar 8% daripada sesi tahun sebelumnya iaitu USD 74 juta. Malahan permohonan yang diterima juga meningkat kepada 50,895 kes iaitu sekitar 4 % lebih tinggi daripada tahun sebelumnya yang hanya berjumlah 45,833 kes sahaja.²⁹⁹

Program ini menyediakan sejumlah pampasan kepada mangsa yang mengalami kecederaan atau ancaman fizikal akibat daripada sesuatu perbuatan jenayah. Perbuatan-perbuatan jenayah tersebut adalah meliputi keganasan setempat, pembunuhan, penyerangan, penderaan kanak-kanak, penyerangan seksual, rompakan, pencerobohan, memandu dalam keadaan mabuk dan jenayah-jenayah yang berkaitan dengan pembunuhan dengan menggunakan kenderaan.³⁰⁰ Sementara itu, bagi ahli keluarga atau seseorang yang bergantung kewangan daripada mangsa jenayah yang meninggal dunia juga adalah layak untuk mendapatkan pampasan daripada program ini.

Pampasan mangsa jenayah ini boleh membantu memberikan bantuan kos kewangan yang berkaitan rawatan perubatan dan pergigian, perkhidmatan kesihatan mental, perbelanjaan pengebumian, keselamatan rumah dan pemindahan sementara. Sementara itu, program ini juga turut menyediakan bantuan yang meliputi kehilangan pendapatan, latihan semula pekerjaan, penjagaan kanak-kanak dan rumah atau memperbaiki kenderaan sekiranya mangsa mengalami kecederaan akibat perbuatan jenayah.

²⁹⁹ Victim Compensation and Government Claims Board, (2008), *Annual Report Fiscal Year 2007 – 2008*, Sacramento, California, hlm. 10.

³⁰⁰ Victim Compensation and Government Claims Board, (2010), *Statutes & Regulation – California Victim Compensation Program 2010 Edition*, Sacramento, California, perkara 649 mulai hlm39 - 56.

ii) Restitution Recovery Program

Kecelakaan seseorang mangsa akibat perbuatan jenayah di California adalah berhak untuk menuntut ganti rugi di atas sebarang pembayaran dan pembiayaan rawatan, kehilangan harta benda dan lain-lain daripada pelaku jenayah. Sekiranya seseorang pelaku jenayah telah didapati bersalah oleh mahkamah maka adalah layak mangsa jenayah mendapat ganti rugi akibat perbuatan jenayah tersebut.³⁰¹

Pihak mangsa haruslah bekerjasama dengan pihak peguam daerah yang terbabit atau pihak berkuasa yang berkaitan untuk menuntut pampasan tersebut. Mahkamah juga boleh memerintahkan pembayaran ganti rugi itu dibayar terus kepada VCGCB di atas apa-apa pembayaran yang telah diberikan bagi pihak mangsa jenayah.³⁰²

iii) Good Samaritan Program

Good Samaritan Program merupakan suatu program yang dirangka bagi melindungi mangsa kecederaan jenayah yang terjadi akibat daripada perbuatan mereka untuk mencegah kejadian jenayah, menangkap pelaku jenayah dan menyelamatkan seseorang daripada perbuatan jenayah yang berlaku di dalam masyarakat.³⁰³

Ahli masyarakat ini haruslah diberi penghargaan di atas jasa dan keberanian mereka yang turut bersama-sama pihak berkuasa berusaha untuk mencegah jenayah daripada terus berluasa berlaku di dalam masyarakat. Walaupun demikian, program ini ditawarkan hanya kepada mereka yang tidak bekerja di dalam bidang-bidang penguatkuasaan keselamatan awam dan tidak menerima apa-apa pampasan akibat perbuatan mereka tersebut daripada mana-mana sumber yang lain.

³⁰¹ www.boc.ca.gov/restitution/default.aspx

³⁰² Had pembayaran bagi ganti rugi pelaku jenayah kepada mangsa jenayah melalui mahkamah adalah daripada USD 100 hingga USD 10,000 mengikut spesifikasi tertentu. www.victimcompensation.ca.gov/restitution/fines.aspx. Sila rujuk Penal Code no. 1202.4, 1001.90 dan 730.6, VCGCB, 2010, *Statutes & Regulation – California Victim Compensation Program 2010 Edition*, Sacramento, California.

³⁰³ Ahli keluarga atau seseorang yang bergantung kewangan daripada mangsa jenayah program Good Samaritan ini yang meninggal dunia juga adalah layak untuk mendapatkan pampasan.

Setiap tuntutan haruslah disertai dengan laporan lengkap mengenai kejadian pencegahan jenayah tersebut daripada pihak keselamatan awam seperti polis atau lain-lain agensi yang berkaitan. Maksimum sesuatu tuntutan adalah tidak melebihi USD 10,000 termasuk pembayaran perubatan, rawatan pergigian, kesihatan mental, kehilangan pendapatan, perbelanjaan pengebumian atau kehilangan harta benda.³⁰⁴

3.7 Kesimpulan

Sejarah perkembangan dan perundangan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat khususnya di United Kingdom, Australia dan di negara-negara lain telah berlangsung semenjak tahun 1950an lagi. Konsep pampasan yang dicadangkan oleh Majistret Margaret Fry ini telah menyedarkan masyarakat dan pihak berkuasa untuk bertindak melaksanakan skim pampasan ini demi ketenteraman masyarakat dan kepentingan mangsa jenayah. Usaha-usaha ini telah diberi perhatian yang serius oleh pihak berkuasa demi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam serta keamanan sesebuah negara dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di United Kingdom telah dijalankan melalui *Criminal Injuries Compensation Scheme* semenjak tahun 1964. Namun, skim pampasan ini mempunyai undang-undang sendiri berdasarkan *Criminal Injuries Compensation Act 1995* yang berkuatkuasa pada 01 April 1996. Melalui akta ini *Criminal Injuries Compensation Authority* (*CICA*) telah diberi kuasa dan tugas untuk melaksanakan pembayaran pampasan kepada pemohon-pemohon berkeelayakan yang menjadi mangsa kecederaan jenayah. Pampasan yang diberikan adalah berdasarkan kepada kadar-kadar tertentu yang telah ditetapkan oleh undang-undang bagi setiap jenis kecederaan. Pada ketika ini terdapat lebih daripada 400 jenis kecederaan dengan meliputi 25 spesifikasi kadar pembayaran pampasan bermula dari £1,000 sehingga £500,000.

³⁰⁴ Victim Compensation & Government Claims Board, (2010), *Statutes & Regulation – California Victim Compensation Program 2010 Edition*, Sacramento, California, perkara 13970/74, hlm. 19 - 20.

Sementara itu kesemua negeri dan wilayah di Australia telah menyediakan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah. Pelaksanaan skim pampasan ini telah diurus dan di bawah kuasa pihak negeri dan wilayah-wilayah terbabit. Ianya telah dimulakan di New South Wales pada tahun 1967. Selepas itu, Queensland telah melaksanakan skim pampasan ini pada tahun 1968, diikuti oleh South Australia pada 1969 dan Western Australia pada 1970. Pada permulaannya mangsa jenayah akan menunggu pembayaran pampasan melalui keputusan mahkamah. Walaupun demikian pada tahun 1972, Victoria telah menubuhkan sebuah Tribunal yang bergerak untuk memberikan pampasan kepada mangsa jenayah apabila memenuhi kehendak undang-undang bahawa mangsa telah dcederakan atau telah terbunuh oleh perbuatan jenayah.

Berpandukan kepada dasar, tujuan, struktur dan operasi pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara lain pula kajian ini telah mengambil pendekatan pelaksanaan di Canada khususnya di British Columbia dan Amerika Syarikat khususnya di California. Perlaksanaan di negara-negara tersebut telah menunjukkan bahawa skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini telah memberikan manfaat yang besar di dalam pembelaan terhadap mangsa jenayah.

BAB 4

SISTEM PEMERINTAHAN DAN UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

4.1 Pendahuluan

Perlembagaan Malaysia yang juga dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia. Ia merupakan satu dokumen undang-undang bertulis yang telah dibentuk berasaskan kepada dua dokumen terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957. Dokumen ini merupakan suatu dasar pemerintahan yang berkaitan dengan susunan peraturan dan undang-undang dasar tertinggi di dalam pemerintahan negara.³⁰⁵

Justeru itu, penulisan ini akan menghuraikan perihal sejarah perundangan di Malaysia meliputi zaman kesultanan Melayu Melaka, zaman penjajahan dan selepas kemerdekaan. Di samping itu, perkembangan undang-undang kewangan juga akan dihuraikan. Pada masa yang sama juga, kajian ini akan melihat undang-undang sedia ada dan instrumen-instrumen kewangan Islam yang telah dilaksanakan di Malaysia khususnya *takaful* di dalam usaha pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah.

³⁰⁵ Perlembagaan sangat penting sebagai panduan dan arah tuju sesebuah negara bagi memastikan pemerintahan dan pentadbiran negara diurusadabir dengan saksama dan berkesan. Ia akan menjamin kestabilan politik, perpaduan rakyat, kemajuan negara serta memandu kepada sistem pemerintahan yang cekap dan sistematik. Perlembagaan telah digubal sebagai suatu garis panduan yang akan memberi jaminan perlindungan dan keharmonian kepada seluruh rakyat. Perlembagaan akan memandu segala urusan yang membabitkan undang-undang tidak akan memberatkan dan menganiayakan rakyat kerana ianya tercipta hasil daripada pandangan dan persetujuan rakyat sendiri. Hashim Yeop Sani, (1983), *Perlembagaan Kita*, Malaysian Law Publisher, Kuala Lumpur, hlm 124-125. Lihat juga Khairul Azmin Mokhtar, (2007), *Badan Perundangan Sebelum dan Selepas Merdeka : Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 55.

4.2 Pentadbiran Pemerintahan Di Malaysia

4.2.1 Perlembagaan

Di dalam Perlembagaan, terkandung prinsip-prinsip asas yang membentuk institusi-institusi negara seperti badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman. Ketiga-tiga badan ini memperoleh kuasa daripada Perlembagaan. Di sini, Perlembagaan menyatakan bidang kuasa dan peranan setiap institusi atau badan berkenaan.

Konsep raja berperlembagaan di Malaysia menyaksikan status Raja tetap menjadi ketua kerajaan namun baginda tidak boleh membuat keputusan sendiri. Pandangan dan nasihat dari Menteri Besar haruslah diambil kira. Yang Di Pertuan Agong pula akan mendengar pandangan dari Perdana Menteri. Keputusan yang dibuat tidak boleh sesuka hati atau mengutamakan kepentingan peribadi. Konsep demokrasi berparlimen pula mempamerkan amalan yang mementingkan dasar kebebasan bersuara secara terpinpin. Rakyat diberi hak untuk memilih siapa yang akan mewakili mereka di parlimen. Parlimen menjadi satu simbol amalan demokrasi dimana ianya menjadi pentas untuk mengutarakan pandangan dan cadangan agar dapat dipertimbangkan oleh ahli parlimen yang lain.³⁰⁶

Perlembagaan ini mengandungi 15 bahagian dan 183 perkara. Setiap daripadanya mengandungi artikel-artikel yang relevan. Ia juga mempunyai 13 jadual. Perlembagaan ini mengandungi perkara-perkara seperti kuasa kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, tugas Yang Di Pertuan Agong, parlimen, kabinet dan badan kehakiman serta peruntukan tentang kewarganegaraan, kedudukan agama rasmi, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa bumiputera, perkhidmatan awam, hak asasi dan pilihanraya.³⁰⁷

³⁰⁶ Kesimpulannya adalah tiada satu institusipun yang mengatasi Perlembagaan Malaysia. Yang Di Pertuan Agong dan tiga badan utama kerajaan tertakluk di bawah perlembagaan. Parlimen mendapat kuasa daripada perlembagaan tetapi tidak boleh membuat undang-undang yang diluar bidang kuasanya. Mahkamah berkuasa membatalkan suatu undang-undang yang diluluskan oleh parlimen namun ianya juga tertakluk pada perlembagaan. Jika suatu undang-undang yang digubal itu bercanggah dengan perlembagaan maka undang-undang tersebut akan terbatal setakat mana yang bercanggah. Perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan. Kes *Ah Thian vs Government of Malaysia* (1976) 2 MLJ 112.

³⁰⁷ Abdul Aziz Bari, (2008), *Perlembagaan Malaysia, Asas-Asas dan Masalah*, DBP Kuala Lumpur, hlm 28. Shamsul Amri Baharuddin, (2007), *Modul Hubungan Etnik*, UiTM Shah Alam, hlm. 92.

a) Bahagian-bahagian

- Bahagian 1 - Negeri-negeri, agama dan undang-undang persekutuan.
- Bahagian 2 - Kebebasan asasi.
- Bahagian 3 - Kewarganegaraan.
- Bahagian 4 - Persekutuan.
- Bahagian 5 - Negeri-negeri.
- Bahagian 6 - Perhubungan antara persekutuan dan negeri-negeri.
- Bahagian 7 - Peruntukan-peruntukan kewangan.
- Bahagian 8 - Pilihanraya.
- Bahagian 9 - Kehakiman.
- Bahagian 10 - Perkhidmatan awam.
- Bahagian 11 - Kuasa-kuasa khas menentang kuasa subversif dan darurat.
- Bahagian 12 - Am dan pelbagai.
- Bahagian 13 - Peruntukan sementara.
- Bahagian 14 - Perkecualian bagi kedaulatan raja-raja dan sebagainya.
- Bahagian 15 - Prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agung dan raja-raja.

b) Jadual-jadual

- Jadual 1 - Sumpah Pemohon bagi pendaftaran atau penaturalisasian.
- Jadual 2 - Kewarganegaraan.
- Jadual 3 - Pemilihan Yang Di Pertuan Agong dan timbalannya.
- Jadual 4 - Sumpah jawatan bagi Yang Di Pertuan Agong dan timbalannya.
- Jadual 5 - Majlis Raja-raja.
- Jadual 6 - Bentuk sumpah dan ikrar.
- Jadual 7 - Pemilihan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.
- Jadual 8 - Peruntukan yang hendak dimasukkan dalam Perlembagaan Negeri.
- Jadual 9 - Senarai perundangan.
- Jadual 10 - Pemberian dan sumber hasil yang diserahkan kepada negeri.
- Jadual 11 - Peruntukan Ordinan Tafsiran dan Fasal-fasal Am 1948.
- Jadual 12 - Peruntukan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Jadual 13 - Penyempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya.

4.2.2 Raja Berperlembagaan

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan prinsip raja berperlembagaan. Ia adalah sistem pemerintahan yang mengiktiraf Raja sebagai ketua negara sebuah kerajaan dan ketua pemerintah angkatan tentera. Ini bermaksud Raja adalah ketua simbolik dalam rangkaian eksekutif. Kuasanya adalah terhad berdasarkan perlembagaan negara.³⁰⁸ Kuasa pemerintahan negara lebih banyak dipegang oleh bahagian eksekutif berbanding perundangan. Kuasa eksekutif dipimpin oleh Perdana Menteri. Peranan Yang Di Pertuan Agong kebanyakannya bersifat istiadat semata-mata. Perlembagaan menyatakan dengan jelas bahawa kuasa eksekutif, secara teorinya di bawah kuasa ketua negeri, dilaksanakan oleh (atau dengan nasihat) Jemaah Menteri yang diketuai oleh Perdana Menteri.³⁰⁹

a) Sistem Penggiliran

Malaysia satu-satunya negara di dunia yang mengamalkan sistem penggiliran ketua negara. Sistem penggiliran jawatan Yang di-Pertuan Agong akan dibuat setiap lima tahun sekali di kalangan sembilan Sultan Melayu.³¹⁰ Apabila menjawat jawatan Yang Di Pertuan Agong, seorang kerabat diraja akan dilantik sebagai Pemangku Raja dalam sesebuah negeri yang diperintahnya. Namun, sistem penggiliran hanya diberikan kepada Raja-Raja Melayu sahaja. Yang Di Pertuan Agong akan melantik Yang Di Pertua Negeri kepada 4 buah negeri iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sabah and Sarawak.

³⁰⁸ Apabila seorang Raja mempunyai kuasa pemerintahan yang penuh ia dipanggil monarki mutlak atau *absolute monarchy*. Raja berperlembagaan sering digabungkan dengan perwakilan demokrasi. Namun, ada juga Raja yang bergabung dengan kerajaan yang tidak demokratik. Misalnya, sewaktu Perang Dunia II, raja Jepun bergabung dengan kerajaan tentera yang dipimpin seorang diktator.

³⁰⁹ Jawatan Yang Di Pertuan Agong diwujudkan adalah hasil Suruhanjaya Reid tahun 1956 yang merangka Perlembagaan Persekutuan. Cadangan jawatan Yang di-Pertuan Agong timbul berikutan tentangan terhadap penubuhan Malayan Union yang dilihat ingin menghapuskan Institusi Raja-Raja Melayu.

³¹⁰ Ia menggabungkan tradisi feudal berasaskan keturunan darah dengan konsep moden yang berasaskan perlembagaan. Pemilihan Yang Di Pertuan Agong adalah berdasarkan kepada sistem giliran yang telah ditetapkan. Selepas kitaran pertama Yang Di Pertuan Agong (1957-1994) aturan kitaran yang telah digunakan iaitu Negeri Sembilan, Selangor, Perlis, Terengganu, Kedah, Kelantan, Pahang, Johor dan Perak.

b) Kuasa sebagai Raja Berperlembagaan

Perkara 181 (1), Perlembagaan Persekutuan menjamin kedaulatan dan kuasa raja terus berkekalan. Perlembagaan telah memperuntukkan beberapa kuasa kepada Yang Di Pertuan Agong. Antaranya ialah baginda diberi kuasa untuk memelihara adat istiadat orang Melayu dan Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing. Baginda juga berperanan sebagai ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah-wilayah Persekutuan.³¹¹

4.2.3 Demokrasi Berparlimen

Demokrasi ialah suatu bentuk kerajaan di mana kuasa menggubal undang-undang dan struktur kerajaan adalah ditentukan oleh rakyat atau wakil yang dipilih oleh rakyat. Kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi dipanggil kerajaan yang demokratik. Perkataan ini berasal dari Yunani iaitu *demokratia* dan *demos* yang bermaksud " rakyat ", ditambah pula dengan *kratos* yang bermaksud " memerintah ", dengan kata hubung *ia*; yang memberi maksud " Diperintah oleh Rakyat ".

Parlimen Malaysia merupakan sebuah badan perundangan Malaysia.³¹² Kuasa eksekutif pula ditetapkan oleh kabinet dan ianya dipimpin oleh Perdana Menteri yang dipilih di kalangan anggota Dewan Rakyat yang menurut Yang Di Pertuan Agong, memimpin kumpulan majoriti dalam Parlimen. Kabinet pula merupakan ahli parlimen yang dipilih daripada Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Ahli Dewan Rakyat dikenali sebagai ahli Parlimen, manakala ahli Dewan Negara diberi gelaran Senator.³¹³

³¹¹ Yang Di Pertuan Agong juga berperanan menurut perlembagaan di dalam melantik seorang Perdana Menteri, menangguhkan pembubaran parlimen dan meminta supaya diadakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja bagi tujuan membincangkan keistimewaan, kedudukan, kemuliaan, dan kebesaran raja-raja.

³¹² Kuasa perundangan dapatlah dibahagikan kepada dua iaitu kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Undang-undang tertinggi ialah Perlembagaan Malaysia dan ianya memerlukan majoriti dua pertiga untuk diubah. Undang-undang kedua ialah undang-undang syariah yang hanya melibatkan orang Islam meliputi perkara-perkara tertentu sahaja. Sultan pula merupakan ketua negeri dan juga ketua agama Islam.

³¹³ Wan Junaidi Tuanku Jaafar, (2010), *Evolusi Parlimen Dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 12.

a) Perdana Menteri

Perdana Menteri merupakan ketua kerajaan dan menteri yang paling kanan di dalam kabinet menerusi sistem berparlimen. Perdana Menteri boleh memilih dan memecat ahli-ahli kabinet serta memperuntukkan jawatan kepada ahli-ahli untuk menganggotai Jemaah Menteri. Kebiasaannya perdana menteri merupakan pengerusi kabinet akan tetapi dalam sistem kerajaan separa presiden, perdana menteri adalah pegawai yang dilantik untuk menguruskan perkhidmatan awam dan melaksanakan arahan-arahan Presiden.³¹⁴

Selain itu, perdana menteri mungkin mempunyai peranan atau gelaran yang lain seperti Perdana Menteri United Kingdom yang merupakan Lord Perbendaharaan Pertama. Para perdana menteri boleh memegang jawatan menteri yang lain. Perdana Menteri Malaysia selalunya memegang jawatan menteri yang lain, khususnya kementerian-kementerian yang penting seperti Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan.

b) Dewan Rakyat

Parlimen Malaysia terbahagi kepada dua dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dewan Rakyat ialah sebuah dewan Parlimen yang amat penting kerana ahli-ahlinya dipilih atas dasar sokongan ramai melalui pilihan raya. Dewan ini mempunyai seramai 222 ahli. Setiap ahli mewakili satu kawasan parlimen dan mereka akan memegang jawatan tersebut selama tiga hingga lima tahun sehingga pilihan raya baru diadakan. Kawasan parlimen ini telah ditentukan melalui pensempadanan kawasan pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. Seorang ahli tidak boleh memegang jawatan di kedua-dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam satu-satu masa.³¹⁵

³¹⁴ Dalam sistem-sistem parlimen seperti sistem Westminster United Kingdom, perdana menteri ialah ketua kerajaan, manakala ketua negara (Raja, Ratu, Presiden atau Gabenor Jeneral) yang mungkin secara rasmi merupakan ketua eksekutif memainkan peranan istiadat. Dalam sebilangan pemerintahan beraja, perdana menteri juga mempunyai kuasa eksekutif (dikenali sebagai Prerogatif Diraja) yang terletak pada takhta kerajaan oleh perlembagaan dan boleh dipergunakan oleh perdana menteri tanpa kebenaran parlimen.

³¹⁵ Abdul Aziz Bari & Farid Sufian Shuaib, (2001), *Perlembagaan Malaysia : Asas-asas Dan Masalah*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 24. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones, (1992), *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 18.

i) Peranan Dewan Rakyat

Perlembagaan telah menerangkan status Dewan Rakyat sebagai kuasa perundangan Persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Hak dan tanggungjawab Yang Di-Pertuan Agong adalah memanggil dewan bersidang dan baginda tidak boleh membiarkan ketiadaan persidangan selama enam bulan dari tarikh terakhir persidangan terakhir untuk sesi sidang seterusnya.³¹⁶

Ahli-ahli Parlimen juga diberi kebebasan dan keistimewaan memperkatakan sesuatu perkara atau isu tanpa kesalahan menurut undang-undang biasa. Satu-satunya badan yang boleh menghukum seseorang ahli parlimen ialah Jawatankuasa Parlimen bagi Hak dan Kebebasan. Kekebalan ini berkuatkuasa serta-merta setelah seseorang itu mengangkat sumpah menjadi ahli parlimen dan boleh digunapakai ketika dibenarkan bersuara. Kekebalan ini tidak boleh dipakai ke atas kenyataan yang dibuat di luar dewan.³¹⁷

ii) Rang Undang-Undang

Perdana Menteri lazimnya mengetuai parti politik atau kumpulan parlimen yang memiliki jumlah kerusi terbanyak akan bertanggungjawab mengetuai badan eksekutif yang mentadbir negara. Badan eksekutif ini berperanan membawa atau mencadangkan satu-satu undang-undang untuk dibahas, dikaji dan diluluskan oleh parlimen.

³¹⁶ Persidangan Dewan Rakyat berlaku selama maksimum lima tahun melainkan jika dibubarkan lebih awal. Kuasa pembubaran ini terletak di bawah budi bicara Yang di-Pertuan Agong. Baginda juga boleh membubarkan parlimen jika Perdana Menteri tidak lagi memiliki keyakinan dan kepercayaan majoriti ahli-ahli dewan. Namun begitu, Yang di-Pertuan Agong juga boleh melantik Perdana Menteri dari kalangan ahli parlimen yang menurut budi bicaranya memiliki keyakinan dan kepercayaan ahli-ahli dewan lain.

³¹⁷ Di bawah Perkara 63 Perlembagaan berikutan Peristiwa 13 Mei 1963 dengan penambahan Perenggan 4 yang meniadakan Fasal 2 Perlembagaan yang secara amnya memberikan hak kebebasan asasi. Perenggan 4 menerangkan bahawa sesiapa pun yang berucap di Dewan Rakyat boleh didakwa jika melakukan kesalahan di bawah Fasal 4 Perkara 10 atau di bawah Akta Hasutan 1948. Di bawah Akta Hasutan ini juga perbincangan artikel Perlembagaan mengenai hak-hak keistimewaan Bumiputera seperti Artikel 153 adalah menyalahi undang-undang. Ahli-ahli Parlimen juga akan kehilangan hak istimewanya jika menganjurkan penghapusan kedudukan Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja di negeri-negeri.

Kebiasaannya Jemaah Menteri atau sesebuah kementerian dengan dibantu oleh Jabatan Peguam Negara akan berbincang dan menyediakan kerangka sesuatu rang undang-undang. Jika diputuskan untuk dibawa ke parlimen, rang undang-undang tersebut akan diserahkan kepada semua ahli-ahli dewan rakyat dan melalui tiga bacaan iaitu :

- Bacaan pertama adalah untuk memperkenalkan rang undang-undang tersebut.
- Bacaan kedua untuk dibincang dan dibahas oleh ahli-ahli yang berhormat.
- Bacaan ketiga akan dicadangkan oleh menteri atau timbalannya untuk dibuat satu undian ke atas rang undang-undang ini.³¹⁸

Setelah diluluskan oleh Dewan Rakyat, rang undang-undang tersebut akan dihantar ke Dewan Negara. Dewan Negara boleh bertindak untuk tidak meluluskan satu-satu rang undang-undang namun langkah ini hanya melambatkan kelulusan yang dibuat, selalunya selama sebulan dan kadang-kadang sehingga setahun. Setelah tempoh ini tamat, rang undang-undang ini dianggap telah diluluskan oleh Dewan Negara.³¹⁹

c) Dewan Negara

Dewan Negaramerupakan salah satu daripada dua dewan dalam Parlimen selain dari Dewan Rakyat. Ketika ini ia mempunyai 70 orang senator (panggilan yang diberikan kepada ahli Dewan Negara).³²⁰ Tugas Dewan Negara ialah mengkaji semula dan meluluskan rang undang-undang yang dibawa sebelumnya oleh Dewan Rakyat. Kedua-dua dewan ini perlu meluluskan rang undang-undang yang dibahaskan oleh ahli-ahli dewan sebelum dihantar untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong.

³¹⁸ Kebanyakan undang-undang hanya memerlukan sokongan majoriti mudah untuk diluluskan. Namun, dalam beberapa keadaan, majoriti dua pertiga adalah diperlukan, seperti hal-hal permindaan perlembagaan.

³¹⁹ Rang undang-undang itu akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dipertimbangkan dalam tempoh 30 hari. Jika baginda tidak bersetuju, ia akan dikembalikan ke parlimen dengan beberapa cadangan pindaan. Parlimen harus membahaskan semula pindaan tersebut dan diserahkan kembali kepada Yang di-Pertuan Agong. Baginda mempunyai 30 hari lagi untuk memberikan perkenan. Setelah itu, rang undang-undang tersebut dianggap telah diluluskan dan boleh berkuatkuasa setelah diwartakan.

³²⁰ Pemilihan ahlinya boleh dibahagikan kepada dua iaitu :

- i) Seramai 26 ahli dipilih oleh Dewan Undangan Negeri sebagai mewakili 13 negeri.
- ii) Seramai 44 ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri termasuk dua ahli dari Kuala Lumpur dan satu ahli dari Labuan dan Putrajaya.

Kelayakan calon-calon ahli dewan mestilah seorang warganegara Malaysia yang tinggal di Persekutuan, tidak muflis, tidak menerima hukuman penjara selama setahun atau lebih dan tidak disaman RM2,000 atau lebih.³²¹ Ahli dewan juga tidak merasai sebarang kesan sesuatu pilihanraya seperti mana ahli-ahli Dewan Rakyat. Mereka akan terus memegang jawatan meskipun pembubaran Dewan Rakyat untuk suatu pilihanraya.³²²

d) Dewan Undangan Negeri

Dewan Undangan Negeri di Malaysia terdiri daripada Sultan atau Yang DiPertua Negeri sebagai ketua negeri, seorang Speaker dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN). Ahli Dewan Undangan Negeri ini terdiri daripada orang yang dilantik mengikut Perlembagaan Persekutuan berdasarkan pilihanraya yang dijalankan. Seorang menteri besar atau ketua menteri akan menjalankan urusan pentadbiran negeri bersama dengan ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kerajaan negeri.³²³

Sultan atau Yang Dipertua Negeri akan mengadakan persidangan dari masa ke semasa dan akan mengetuai persidangan tersebut bagi setiap penggal yang telah ditentukan. Ahli Dewan Undangan Negeri akan dikekalkan selama lima tahun sekiranya tidak dibubarkan dalam jangka masa tersebut.³²⁴ Setiap ahli Dewan Undangan Negeri dimestikan mengangkat sumpah di hadapan Speaker Dewan. Ahli tersebut hendaklah bersumpah atau berjanji bahawa mereka akan taat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai ahli Dewan sebaik yang mungkin dan taat setia kepada negeri dan Malaysia serta mematuhi, menjaga dan mempertahankan perlembagaan negara.³²⁵

³²¹ Kelayakan individu yang hendak dilantik sebagai ahli dewan mestilah berjaya mencapai kepujian dalam kerjaya, perniagaan, industri, pertanian, aktiviti kebudayaan dan khidmat sosial atau wakil daripada kaum-kaum minoriti atau berkebolehan dalam mewakili kepentingan pihak pribumi iaitu orang asli. Tempoh jawatan ahli dewan adalah 3 tahun dan hanya boleh dipilih sekali sahaja, berturut-turut atau pun tidak.

³²² Proses perlantikan telah ditetapkan dalam Artikel 45, Perlembagaan.

³²³ Mohd Salleh Abas, (2006), *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 210.

³²⁴ Sultan atau Yang DiPertua Negeri boleh membubarkan Dewan Undangan Negeri. Setelah dibubarkan, pilihan raya umum mesti diadakan dalam jangka masa enam puluh (60) hari dari tarikh pembubaran.

³²⁵ Mohd Salleh Abas, (2006), *Prinsip Perlembagaan & Pemerintahan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 210.

4.2.4 Pilihanraya

a) Pembentukan Kerajaan

Pilihan raya adalah mekanisma yang menjadi teras kepada sistem demokrasi. Pilihan raya memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih kerajaan secara bebas dan adil. Ahli-ahli Dewan Rakyat akan berkhidmat selama maksimum lima tahun bagi satu-satu sesi parlimen. Selepas itu pilihanraya mesti diadakan bagi memilih ahli-ahli parlimen baru. Pembubaran parlimen hanya boleh dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong setelah mendapat pandangan dan nasihat daripada Perdana Menteri.

Parti politik atau gabungannya yang memenangi kerusi terbanyak ³²⁶ di Dewan Rakyat berhak untuk membentuk kerajaan yang baru. Kerajaan akan diketuai oleh seorang ahli parlimen yang memiliki sokongan majoriti dewan. Yang di-Pertuan Agong dengan mengikut budi bicara baginda boleh memilih seorang ahli Dewan Rakyat yang dirasakan mendapat sokongan terbanyak ahli-ahli di Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.

b) Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah dibentuk pada 4 September 1957. Ia merupakan sebuah suruhanjaya yang menyelia, mengelola dan bertanggungjawab dalam urusan pilihan raya di Malaysia. Ia telah ditetapkan dalam Perkara 114 - Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia memberikan kuasa kepada SPR untuk mengadakan pilihan raya umum ke atas kawasan parlimen bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri serta mengadakan pilihan raya kecil jika berlaku kekosongan.³²⁷

³²⁶ Pemenang pilihanraya selalunya ditentukan menggunakan prinsip majoriti tertinggi iaitu calon yang mendapat undi terbanyak berbanding calon-calon lain.

³²⁷ Terdapat beberapa undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihanraya iaitu Akta Pilihan Raya, 1958 (Akta 19), Akta Kesalahan Pilihan Raya, 1954 (Akta 5), Peraturan Pilihan Raya (Perjalanan Pilihan Raya), 1981, Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih), 2002 dan Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003. Sebagai tambahan, Perkara 113 hingga Perkara 120 dan Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. www.spr.gov.my/

i) Peranan

Suruhanjaya mempunyai kuasa melakukan persempadanan semula dengan mengkaji kawasan-kawasan pilihan raya setiap tidak kurang 8 tahun. Di samping itu, Suruhanjaya juga menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan daftar semakan pemilih serta mengawal kelancaran pilihan raya seperti yang ditetapkan. Walaupun Perlembagaan tidak merujuk kepada Suruhanjaya sebagai badan bebas daripada pengaruh kerajaan akan tetapi persempadanan kawasan pengundian ditimbang oleh Perlembagaan.³²⁸

Mengikut peraturan pilihan raya, tugas Suruhanjaya adalah untuk mengadakan pilihan raya ke atas kawasan parlimen bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan mengelola pilihan raya. Selain itu, ia juga mengumpul maklumat mengenai kawasan baru dan pengundi untuk mengundi di kawasan pengundian yang ditetapkan, mempromosikan kepentingan mengundi dan menguruskan semakan daftar pemilih dengan memadamkan nama-nama orang yang didapati tidak layak mengundi.

ii) Pilihanraya kecil

Mengikut Undang-undang Pilihanraya, jika seseorang Ahli Parlimen terpaksa mengosongkan kerusinya dengan apa jua sebab sekalipun sewaktu Dewan Rakyat berada di awal sesi perkhidmatannya dan tidak kurang daripada dua tahun sebelum dewan terbubar, satu pilihanraya kecil perlu diadakan bagi memenuhi kekosongan tersebut. Jika kekosongan itu berlaku kurang dari dua tahun sebelum dewan terbubar pula, pilihanraya kecil hanya boleh diadakan jika Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah memastikan bahawa sokongan majoriti terhadap parti kerajaan telah terjejas.

³²⁸ Anggota-anggota Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Walaupun Perlembagaan tidak menyatakan peranan Perdana Menteri mengenai perkara ini, Perkara 40 Perlembagaan mestilah dipatuhi iaitu Yang di-Pertuan Agong tidak dibenarkan bertindak mengikut kepentingan sendiri dan seharusnya mendengar dan menuruti nasihat Perdana Menteri.

4.2.5 Sistem Kehakiman

Malaysia merupakan sebuah negara yang meletakkan hampir semua kuasa kehakiman kepada sistem mahkamah persekutuan. Sistem mahkamah Malaysia bermula semenjak piagam tahun 1807 yang dikenali sebagai *Piagam Keadilan Pertama* yang memberikan Syarikat Hindia Timur Inggeris³²⁹ hak daripada Kerajaan Diraja British untuk mengadakan Mahkamah Keadilan di penempatan Pulau Pinang. Sebelum pembentukan Malaysia pada tahun 1963, terdapat tiga Mahkamah Agung di dalam Komanwel Asia Tenggara iaitu Mahkamah Agung Persekutuan Tanah Melayu, Mahkamah Agung Singapura dan Mahkamah Agung Sarawak, Borneo Utara dan Brunei.³³⁰

Pembentukan Malaysia pada 1963 telah mewujudkan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan serta tiga Mahkamah Tinggi iaitu Mahkamah Tinggi Malaya, Mahkamah Tinggi Singapura³³¹ dan Mahkamah Tinggi Borneo. Dalam tahun 1994, Mahkamah Rayuan Malaysia telah ditubuhkan dan dinamakan sebagai " Mahkamah Persekutuan Malaysia ". Sementara itu Mahkamah Tinggi Borneo telah dinamakan " Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak ".

³²⁹ Syarikat Hindia Timur Inggeris (*British East India Company*), juga dikenali "John Company" adalah sebuah syarikat perdagangan yang dianugerahkan piagam diraja di England oleh Ratu Elizabeth I pada 31 Disember 1600. Kerajaan British telah memberi kuasa kepada Syarikat untuk menjalankan perdagangan antarabangsa dan meluaskan tanah jajahan. Syarikat telah diberi kemudahan untuk menguasai perdagangan di Hindia Timur. Syarikat ini berubah dari syarikat perdagangan kepada sebuah badan yang memerintah di India apabila ia mula mempunyai kuasa tentera dan kerajaan tempatan. Syarikat ini ditutup pada 1858. Hindia Timur merupakan istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada Kepulauan Melayu, berbanding dengan Hindia Barat yang merujuk kepada Caribbean. Hindia Timur sering dinamakan mengikut penjajah mereka, justeru Hindia Timur British ialah India dan Malaysia, Hindia Timur Belanda ialah Indonesia, manakala Hindia Timur Sepanyol ialah Filipina.

³³⁰ Walaupun selepas kemerdekaan Malaya dan pembentukan Malaysia, menurut perjanjian antara Her Majesty The Queen dan Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Artikel 131 dari Perlembagaan Persekutuan, keputusan kehakiman daripada Mahkamah Persekutuan boleh diambil di atas rayuan ke Judicial Committee of the Privy Council di London. Rayuan Majlis Privi ke atas perkara jenayah dan perlembagaan telah di mansuhkan pada 1 Januari 1978. Rayuan sivil juga telah dimansuhkan pada 1 Januari 1985, di mana Mahkamah Persekutuan telah dinamakan semula sebagai "Mahkamah Agung Malaysia". Pada 1 Januari 1995, perbicaraan diadili juri juga telah dimansuhkan di Malaysia.

³³¹ Mahkamah Tinggi Singapura telah berhenti menjadi sebahagian daripada sistem mahkamah Malaysia apabila Singapura meninggalkan persekutuan pada 9 Ogos 1965. Ahmad Ibrahim, (2009), *Mendekati Sejarah Undang-Undang Di Malaysia dan Singapura*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 53.

a) Mahkamah Atasan

i) Mahkamah Persekutuan

Mahkamah Persekutuan merupakan mahkamah tertinggi di Malaysia yang boleh membicarakan semua rayuan kes sivil yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan jika Mahkamah Persekutuan memberikan kebenaran untuk berbuat demikian. Mahkamah ini juga membicarakan rayuan-rayuan kes jenayah daripada Mahkamah Rayuan yang berkait dengan kes yang dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi dalam bidang kuasa aslinya iaitu kes-kes yang bukan dirayu berdasarkan keputusan Mahkamah-mahkamah Bawahan.

ii) Mahkamah Rayuan

Mahkamah Rayuan umumnya membicarakan semua kes rayuan sivil terhadap keputusan Mahkamah Tinggi, kecuali perintah atau keputusan mahkamah yang dibuat melalui persetujuan. Untuk kes-kes yang melibatkan :

- i) Tuntutan melebihi RM10,000 ;
- ii) Keputusan mahkamah atau perintah yang berkait dengan kos sahaja ;
- iii) Rayuan yang berkenaan dengan keputusan hakim dalam kamar bicara terhadap saman *interplider* tentang fakta-fakta yang tidak dipertikaikan ;

kebenaran Mahkamah Rayuan harus diperoleh terlebih dahulu. Mahkamah Rayuan juga membicarakan rayuan-rayuan keputusan kes jenayah Mahkamah Tinggi.

iii) Mahkamah Tinggi

Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa penyeliaan dan pengubahan keputusan semua Mahkamah Bawahan, serta juga bidang kuasa untuk membicarakan semua rayuan daripada Mahkamah Bawahan, baik kes sivil mahupun kes jenayah.

Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa sivil yang tidak terhad, dan umumnya membicarakan kes-kes yang tuntutanannya melebihi RM1,000 selain daripada kes-kes yang melibatkan kemalangan kenderaan bermotor, penderitaan dan pertikaian antara tuan rumah dan penyewa. Mahkamah ini juga membicarakan kes-kes yang berkait dengan:

- i) Kesahan atau pembubaran perkahwinan dan perkara-perkara suami isteri.
- ii) Kemufliisan dan perkara-perkara berkait dengan penggulungan syarikat.
- iii) Penjagaan kanak-kanak.
- iv) Pemberian kenyataan sah wasiat, wasiat, dan surat kuasa mentadbir estet.
- v) Injunksi, pelaksanaan tertentu (*specific performance*) atau pembatalan kontrak.
- vi) Kesahan individu.

Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa yang tidak terhad pada semua kes jenayah selain perkara-perkara yang melibatkan undang-undang Islam. Kes-kes dibicarakan oleh seorang hakim di dalam Mahkamah Tinggi atau oleh seorang pesuruhjaya kehakiman.

b) Mahkamah Rendah

i) Mahkamah Sesyen

Mahkamah Sesyen di Malaysia mempunyai bidang kuasa yang hampir sama dengan Mahkamah Sesyen Suku di England iaitu untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang tidak melibatkan hukuman mati. Mahkamah-mahkamah ini dipengerusikan oleh hakim-hakim Mahkamah Sesyen (dahulunya Presiden Mahkamah Sesyen).

Mahkamah Sesyen juga membicarakan semua kes sivil yang tuntutanannya melebihi RM25,000 tetapi tidak melebihi RM250,000, kecuali kes-kes yang melibatkan kemalangan kenderaan bermotor, penderitaan dan kes-kes antara tuan rumah dan penyewa yang mahkamah ini mempunyai bidang kuasa yang tidak terhad.

ii) Mahkamah Majistret

Para majistret terbahagi kepada Majistret Kelas Pertama dan Kelas Kedua. Majistret Kelas Pertama mempunyai kelayakan yang sah serta kuasa yang lebih besar berbanding dengan Majistret Kelas Kedua. Mahkamah Majistret membicarakan semua kes sivil yang tuntutanannya tidak melebihi RM25,000. Mahkamah Majistret Kelas Pertama umumnya mempunyai kuasa untuk membicarakan semua kesalahan jenayah yang hukumannya tidak melebihi 10 tahun atau yang melibatkan hukuman denda sahaja sehingga RM10,000 dan/atau hukuman merotan sebanyak 12 kali. Mahkamah Majistret juga membicarakan rayuan-rayuan daripada Mahkamah Penghulu.

iii) Mahkamah-mahkamah lain

Terdapat beberapa mahkamah lain yang juga mempunyai peranan yang tersendiri dalam perundangan negara. Di antaranya adalah Mahkamah Khas Raja. Mahkamah khas ini membolehkan prosiding diambil terhadap Yang Di-Pertuan Agong atau Raja-Raja meliputi semua kesalahan yang bersifat peribadi dan juga kes-kes sivil. Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan dilantik sebagai pengerusi dan akan disertai oleh Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan dua orang hakim atau bekas hakim.³³² Kes pertama yang didengar ialah kes *Faridah Begum bte Abdullah vs Sultan Haji Ahmad Shah*.³³³

Di samping itu terdapat juga Mahkamah Perusahaan, Mahkamah Tentera, Mahkamah Juvana iaitu mahkamah untuk kanak-kanak di bawah usia 18 tahun, Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Penghulu yang mempunyai prosedur perbicaraan dan tatacara undang-undang tersendiri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.³³⁴

³³² Perkara 182 (1) Perlembagaan Persekutuan. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993, 30 Mac 1993. Menurut Perkara 183 pula menjelaskan bahawa tiada tindakan sivil atau jenayah boleh diambil terhadap Yang Di-Pertuan Agong atau Raja-raja kecuali dengan keizinan Peguam Negara.

³³³ (1996) 2 CLJ 159.

³³⁴ Noor Aziah Mohd Awal, (2003), *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*, ILBS, hlm 171

c) Mahkamah Syariah

Mahkamah Syariah ialah institusi kehakiman yang membicarakan serta menjatuhkan hukuman ke atas orang Islam bagi kesalahan sivil dan jenayah agama mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan untuknya. Mahkamah Syariah negeri mempunyai bidang kuasa yang terhad terhadap undang-undang Islam (syariah) di negeri masing-masing.

i) Sejarah

Pada tahun 1948, ordinan Mahkamah Persekutuan dan sistem kehakiman persekutuan telah memisahkan Mahkamah Syariah dari hierarki mahkamah. Pada 1952, Selangor mewujudkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak dan diikuti oleh negeri-negeri lain.³³⁵ Semasa zaman penjajahan, segala urusan agama diberi kuasa kepada raja-raja Melayu. Sebagai ketua agama, Sultan mempunyai bidang kuasa berkaitan dengan hal-hal agama Islam di negeri masing-masing. Yang di Pertuan Agung pula menjadi ketua agama dan bertanggungjawab terhadap pentadbiran agama Islam bagi negeri-negeri yang tiada institusi beraja seperti Melaka, Pulau Pinang, Sarawak, Sabah dan Wilayah.³³⁶

ii) Peranan Mahkamah Syariah

Di antara lain, Mahkamah Syariah mempunyai peranan-peranan berikut iaitu :

- a) Menjalankan pentadbiran dan perundangan Islam yang diperuntukkan kepada mahkamah bagi menjamin setiap Muslim patuh kepada perintah Allah s.w.t.
- b) Melahirkan keluarga Islam yang berpegang teguh pada ajaran Islam.
- c) Tempat rujukan dan khidmat nasihat dalam penyelesaian masalah rumahtangga.
- d) Tempat bimbingan kepada pasangan-pasangan yang ingin berumahtangga.
- e) Tempat menyelesaikan masalah kekeluargaan seperti nikah kahwin, penceraian, talak, fasakh, nafkah dan sebagainya.

³³⁵ Ahmad Ibrahim, (2009), *Mendekati Sejarah Undang-Undang Di Malaysia & Singapura*, DBP, hlm 120.

³³⁶ Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kedudukan agama Islam dari segi bidang kuasa dan pentadbirannya seperti dalam perkara 3, Agama bagi Persekutuan Malaysia.

- f) Menyelesaikan masalah sosial dalam masyarakat seperti judi, minum arak, riba, khalwat dan lain-lain perkara mungkar.
- g) Membantu dan menyelesaikan pembahagian harta pusaka dan hal-hal berkaitan.
- h) Menerapkan nilai-nilai Islam agar orang Islam mengamalkan sistem dan cara hidup Islam secara menyeluruh dalam kehidupan mereka.

iii) Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

Kuasa Mahkamah Syariah yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia 1984 dengan pindaan adalah seperti berikut:

- a) Membicara dan menghukum dengan penjara atau denda pada orang Islam sahaja.
- b) Denda tidak melebihi RM5000 sahaja atau ;
- c) 3 tahun penjara atau ;
- d) Hukuman rotan tidak melebihi daripada enam kali sebatan atau ;
- e) Gabungan ketiga-tiganya (denda, penjara dan rotan).

Mahkamah Syariah telah diberi kuasa untuk menjalankan peraturan dan peruntukan di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi setiap negeri dan daerah di Malaysia.³³⁷ Bidang kuasa yang diberikan adalah meliputi perkahwinan, penceraian, kekeluargaan dan penyelesaian harta pusaka kecil. Pejabat Agama hanya menjalankan pentadbiran yang bersangkutan dengan masyarakat Islam seperti urusan zakat, baitulmal, dakwah, pendidikan dan sebagainya mengikut had kuasa bagi setiap negeri berkenaan.³³⁸

Pada masa kini Mahkamah Syariah telah ditukar identitinya menjadi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri. Kebanyakan negeri menjadikan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri sebagai institusi yang tertinggi (pembuat dasar) dan diikuti Majlis Agama & Istiadat, Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Agama Islam.

³³⁷ Mahmud Saedon A. Othman, (2003), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang Kehakiman Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 231.

³³⁸ Ahmad Ibrahim, (1985), *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 54.

iv) Tugas-tugas Pengadilan di Mahkamah Syariah

Struktur pengadilan Mahkamah Syariah pada masa kini meliputi tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Bidang tugas-tugas mahkamah ini di antara lain meliputi :

a) Mahkamah Rendah Syariah

- 1) Membicarakan kes-kes yang diperuntukkan oleh enakmen negeri.
- 2) Mendengar dan memutuskan kes-kes tersebut.
- 3) Menyediakan kertas-kertas keputusan dan laporan mahkamah.
- 4) bicarakan kes-kes di peringkat daerah.

b) Mahkamah Tinggi Syariah

- 1) Membicarakan kes-kes yang diperuntukkan kepadanya.
- 2) Mengeluarkan perintah kes-kes sivil dan jenayah.
- 3) Menyelesaikan dan mengesahkan kes-kes faraid.
- 4) Menguruskan kes-kes rayuan.
- 5) Menyediakan jurnal mahkamah untuk diterbitkan (bagi sesetengah negeri).

c) Mahkamah Rayuan Syariah

- 1) Bertugas untuk mendengar kes-kes rayuan.
- 2) Mempunyai kuasa pembatalan mana-mana sabitan hukuman Mahkamah Syariah.
- 3) Mengurangkan hukuman.
- 4) Memerintah supaya diadakan pembicaraan semula atau ulang bicara.
- 5) Menerima rayuan responden yang dihukum penjara atau denda tidak kurang RM25 dan telah membuat rayuan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- 6) Setiap rayuan akan didengar sekurang-kurangnya oleh tiga orang panel (hakim) rayuan daripada Panel Rayuan Syariah yang dilantik dan ditauliah oleh Sultan. Keputusan Mahkamah Rayuan Syariah adalah muktamad dan sah.

v) Enakmen dan Akta Keluarga Islam

Undang-undang kekeluargaan Islam merupakan suatu akta bagi mengkanun peruntukan-peruntukan undang-undang kekeluargaan Islam perihal perkahwinan, penceraian, nafkah, penjagaan dan lain-lain yang berkaitan berdasarkan negeri-negeri berikut :

Bil	Negeri	Nama Akta / Enakmen	Rujukan
1	Johor	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor	5/1990
2	Negeri Sembilan	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sembilan	7/1983
3	Pahang	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pahang	3/2005
4	Perak	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perak	13/1991
5	Perlis	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Perlis	4/1992
6	Pulau Pinang	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Pulau Pinang	2/1985
7	Selangor	Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor	4/1984
8	Terengganu	Enakmen Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Terengganu	12/1985
9	Kedah	Enakmen Keluarga Islam Kedah	1/1984
10	Kelantan	Enakmen Keluarga Islam Kelantan	1/1983
11	Melaka	Enakmen Keluarga Islam Melaka	8/1983
12	Sabah	Enakmen Keluarga Islam Sabah	15/1992
13	Sarawak	Ordinan Undang-undang Keluarga Islam Sarawak	5/1991
14	Wilayah Persekutuan	Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan	(A303) 1983 pindaan/(A828)
Sumber : Akta / Enakmen Undang-undang Negeri			

4.3 Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia

Sejarah perundangan Malaysia telah meliputi tempoh peristiwa-peristiwa selama lebih enam ratus tahun. Tiga zaman penting tersebut telah membantu membentuk sistem perundangan Malaysia hari ini iaitu Kesultanan Melaka pada abad ke-15, penyebaran dan penerimaan Islam di dalam kebudayaan tempatan dan pemerintahan kolonial British yang membawa bersamanya kerajaan berperlembagaan dan sistem "*common law*".

Walaupun demikian sejarah perundangan di Tanah Melayu tidak dapat lari daripada perkembangan Islam di benua timur ini. Banyak bukti-bukti telah menunjukkan bahawa kehadiran Islam melalui jalan perdagangan oleh pedagang-pedagang Arab dan India serta Cina telah membantu perkembangan dan sistematika perundangan di Tanah Melayu.

4.3.1 Sejarah Perundangan Tanah Melayu

Menurut catatan Cina penemuan *Fo-lo-an* atau Terengganu di sebelah Laut Cina Selatan menunjukkan Islam telah sampai ke Pantai Timur Tanah Melayu.³³⁹ Kenyataan ini berasas kepada bukti penemuan batu bersurat di Hulu Sungai Berang pada tahun 1899. Batu yang bertulisan jawi tersebut menerangkan secara ringkas hukum-hukum Islam bertarikh 04 Rejab 702 Hijrah bersamaan 22 Februari 1303. Justeru, dapatlah dinyatakan bahawa Terengganu telah menerima Islam sejak abad ke 13 lagi.³⁴⁰

Penemuan dinar emas di Kelantan pada 1914 telah membuktikan sebuah kerajaan Islam di Kelantan telah wujud pada pertengahan abad ke 12 lagi. Di salah satu mukanya tertulis perkataan *al-julus Kelantan* dan angka Arab 577 H atau bersamaan tahun 1161. Di muka kedua pula tertulis perkataan al-Mutawakkil. Kerajaan ini terus bertapak sehinggalah ditakluki oleh Melaka pada tahun 1477.³⁴¹ Di dalam persinggahan pelayaran Ibn Batutah dari India ke China di Kuala Kerai, Kelantan pada tahun 1297, beliau telah menemui

³³⁹ Syed Naquib al-Attas, (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, hlm. 24. Brian, E. Colles, (1969), *Persian Merchants & Missionaries in Medieval Malaya*, JMBRAS, v 42, hlm. 38.

³⁴⁰ Paterson, H.S., (1924), *An Early Malay Inscription from Trengganu*, JMBRAS, v 2, hlm. 251 - 261.

³⁴¹ Saad Shukri Hj Muda, (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bahru, hlm. 28.

seorang raja perempuan Islam iaitu *Urduja*. Walaupun tidak dinyatakan raja perempuan itu menjadi raja Kelantan atau sebaliknya, kemungkinan Islam di Kelantan mempunyai hubungkait dengan penerimaan Islam di Champa pada pertengahan abad ke 10 masihi.³⁴²

Kedah juga dikatakan negeri Melayu terawal menerima Islam pada abad ke-9 masihi. Ini disebabkan oleh lokasi strategik Kedah sebagai pusat perdagangan di antara Asia Barat dengan China sama ada melalui jalan laut mahupun darat.³⁴³ Apabila berlakunya satu pemberontakan yang besar di Canton pada tahun 878, orang-orang Arab yang berada di China telah melarikan diri ke Kedah dan Palembang, Indonesia.³⁴⁴ Penemuan batu nisan di Tanjung Aris, Langgar pada tahun 1965 bertulisan Arab yang dipunyai oleh Syeikh Abdul Qadir Ibn Hussin Syah bertarikh 29 Hijrah bersamaan 651 masihi atau 290 Hijrah (920 masihi) telah menunjukkan Islam telah diterima di Kedah. Begitu juga dengan penemuan duit siling zaman Khalifah Abbasiyyah dan salah satunya bertarikh 234 hijrah (848 masihi). Ini menunjukkan bahawa besar kemungkinan kedatangan Islam ke Kedah berlaku pada abad ke 7 masihi atau selewat-lewatnya pada abad ke 10 masihi.³⁴⁵

a) Perkembangan Undang-Undang Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Sejarah telah membuktikan bahawa kesultanan Melayu Melaka telah membawa kesan yang begitu banyak terhadap perkembangan undang-undang di Tanah Melayu. Selain berkembang sebagai pusat perdagangan antarabangsa, Melaka juga bertindak sebagai pusat pengembangan dan kebudayaan Islam di rantau ini.³⁴⁶ Kehadiran Islam seawal abad ketujuh telah menjadikan Malaysia sebagai lokasi terawal penerima Islam di rantau ini.³⁴⁷

³⁴² Abdul Jalil Borham, (2002), *Pengantar Perundangan Islam*, Penerbit UTM, Skudai, hlm 80.

³⁴³ Pedagang-pedagang Arab memanggil negeri Kedah sebagai *Kalah* atau *Qadh* yang membawa erti mangkuk kerana bentuk Gunung Jerai jika dilihat dari jauh berbentuk mangkuk.

³⁴⁴ Syed Naquib al-Attas, (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, hlm. 11.

³⁴⁵ Abdul Jalil Borham, (2002), *Pengantar Perundangan Islam*, Penerbit UTM, Skudai, hlm 81.

³⁴⁶ Majul, C.A. (1962), *Theories on the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia*, International Association of Historian of Asia, Taiwan, hlm 344.

³⁴⁷ Syed Muhammad Naquid al-Attas, (1966), *Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 11. HAMKA, (1965), *Sejarah Umat Islam*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, hlm 433. Abu Bakar Abdullah, (1986), *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia : Masalah dan Penyelesaiannya*, Pustaka Damai, Kuala Terengganu, hlm. 1.

Pengislaman Parameswara, pemerintah Melaka pada tahun 1414 telah menguatkan hujah wujudnya pemerintahan oleh seorang penganut Islam di rantau ini.³⁴⁸ Dengan pengaruh dan kekuatan strategik maka pemerintah Melaka telah melaksanakan undang-undang yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka atau Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.³⁴⁹ Dengan kedua-dua undang-undang tersebut, Kesultanan Melayu Melaka mampu bertahan dan berkembang maju selama lebih satu dekad.³⁵⁰

Undang-Undang Melaka juga dikenal sebagai Undang-Undang Darat Melaka dan Risalah Hukum Kanun. Naskah salinannya juga diberikan pelbagai judul seperti Undang-Undang Melaka, Undang-Undang Negeri dan Pelayaran Melaka, Surat Undang-Undang, Kitab Undang-Undang, Undang-Undang Melayu, Undang-Undang Raja Melaka, Undang-Undang Sultan Mahmud Shah, Kitab Hukum Kanun dan Surat Hukum Kanun.³⁵¹ Undang-Undang Laut Melaka pula dikenali Adab Pelayaran Melaka, Kitab Peraturan Pelayaran dan Hukum Undang-Undang Laut.³⁵² Undang-Undang Pebian Melaka pula mengandungi hal ehwal peraturan dan sistem kastam, cukai, tanggungjawab dan bidang kuasa Syahbandar Melaka. Undang-Undang Laut ini dibuat lebih awal memandangkan pergantungan ekonomi Melaka terletak pada bahagian pelabuhan dan laut.³⁵³

³⁴⁸ A. Cortesao, *The Summa Oriental of Tomes Pires*, hlm 239. Syed Muhammad Naquid al-Attas, (1966), *Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archipelago*, DBP, hlm 11.

³⁴⁹ Mohamad Jajuli A. Rahman, (1995), *The Malay Law Text*, Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 1. Zainal Abidin Abdul Wahid, (1983), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 28. Mohammad Yusoff Hashim, (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 200.

³⁵⁰ Semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, perundangan ini telah dikumpulkan sebagai sebuah undang-undang bertulis. Kandungannya meliputi peraturan, larangan dan adat yang diistiadatkan berbentuk undang-undang yang dikumpulkan melalui lisan, diingati dan dimiliki oleh para Menteri Kanan Melaka seperti “*terhimpun pada segala menteri* “ dan “ *... supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya* “. Liaw Yock Fang, (t.t.) *Malacca Law*, The Hague, Martinus Nihoff, hlm. 64. Shellabear, W.G., (1896), *Sejarah Melayu*, Publishing House Limited, Singapore, hlm 106.

³⁵¹ Mohammad Yusoff Hashim, (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 201.

³⁵² Winstedt, R.O. & Josselin de Jong, (1956), *The Maritime Laws of Malacca*, hlm 28 hingga 49.

³⁵³ Mohd Yusoff Hashim, (1986), *Seminar Sejarah Melaka : Undang-Undang Pada Masa Kesultanan Melaka 1400-1511*, Kerajaan Melaka, hlm 57.

Semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah, penjenayah dalam kes-kes yang sabit kesalahannya akan dihukum kudung tangannya atau potong tangan. Hukum Kanun Melaka fasal 7 : 2 menyebut : *Adapun jikalau ia mencuri maka ditangkap lalu dibunuhnya maka kenalah denda akan dia setengah harga ... adapun pada hukum Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya*. Ini bertepatan dengan hukuman hudud dalam kesalahan jenayah Islam yang dikenakan ke atas penjenayah yang sabit kesalahannya sebagaimana dijelaskan oleh al-Quran dalam surah al-Maidah ayat 38.

Pelaksanaan Undang-Undang Melaka meliputi pelbagai aspek iaitu jenayah, keluarga, ekonomi, keterangan dan kenegaraan telah dilaksanakan. Undang-undang jenayah pula antara lain meliputi undang-undang *hudud*, *qisas* dan *takzir*. Sementara Undang-Undang Laut Melaka pula adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal laut seperti tanggungjawab pegawai kapal, tatacara pelayaran dan perniagaan, melaksanakan hukuman ke atas kesalahan jenayah Islam dan juga bidang kuasa nakhoda kapal.³⁵⁴

Pengaruh Islam bermazhabkan Syafi'i³⁵⁵ dalam Undang-Undang Melaka begitu ketara. Banyak kenyataan yang menunjukkan sedemikian seperti menyebut bersembahyang raya di masjid, raja berangkat ke masjid untuk berterawih pada malam bulan Ramadhan dan lain-lain. Kenyataan-kenyataan itu sebagai suatu adat rasmi akibat daripada perubahan pengaruh zaman Hindu ke Melayu-Islam.³⁵⁶ Walaupun begitu hukum adat jelas lagi digunakan melalui adat Temenggung yang merupakan undang-undang adat Hindu dari Palembang yang dipengaruhi undang-undang Islam sejak tahun 900 hingga 1374.³⁵⁷

Keseluruhan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka terus diwarisi pada zaman kesultanan Johor selepas abad ke 17. Undang-undang Johor telah disesuaikan dengan pelbagai keperluan semasa tempatan.³⁵⁸ Malahan penyusunan semula Undang-Undang Melaka ini yang dikenali Hukum Kanun telah dimulakan oleh Raffles pada tahun 1805-1810 di Pulau Pinang dengan dibantu empat orang berbangsa Melayu dan seorang Arab dari Mekah.³⁵⁹ Perlaksanaan undang-undang ini juga telah merebak ke negeri-negeri yang lain seperti di Johor, Kedah, Pahang, Perak, Kelantan dan Terengganu.³⁶⁰

³⁵⁴ Hamid Jusoh, (1991), *The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution with Special Reference to the Conversion Case in Family Law*, Dewan Bahasa & Pustaka, hlm 2. Abu Bakar Abdullah, (1986), *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Kuala Terengganu, Pustaka Damai, hlm 32.

³⁵⁵ Azizan Abdul Razak, (1985), *The Law in Malacca Before and After Islam*, Muzium Negara, hlm 29.

³⁵⁶ Abdul Jalil Borhan, (2002), *Pengantar Perundangan Islam*, Penerbit UTM, Skudai, hlm 89.

³⁵⁷ M.B. Hooker, (1970), *Reading in Malay Adat Laws*, University Press Singapore, hlm 93. David C. Buxbaum, (1964), *Family Law and Customary Law in Asia*, Singapore, hlm 107.

³⁵⁸ Mohammad Yusoff Hashim, 1989, *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 217. Mohammad Yusoff Hashim, 1982, *Legal Position of Traditional Malay Sultanate : A Comparative Study of Legal Codes of the Sultanate of Malacca, Johore, Perak and Kedah Prior to 1990 : International Colloquium on Malay Sultanate*, UNESCO, Kuala Lumpur, 11-15 Disember 1982, hlm 5.

³⁵⁹ Mohd Yusoff Hashim, (1986), *Seminar Sejarah Melaka : Undang-Undang Pada Masa Kesultanan Melaka 1400 -1511*, Kerajaan Melaka, hlm 59.

³⁶⁰ MB Hooker, (1970), *Reading in Malay Adat Laws*, University Malaya Press, hlm 56.

b) Perkembangan Undang-Undang Zaman Penjajahan

Orang barat yang pertama sampai ke Tanah Melayu khususnya Melaka adalah Portugis yang menjajah dari tahun 1511 hingga 1641. Setelah itu, Belanda pula memerintah sehingga tahun 1795 sebelum diserahkan kepada Inggeris. Inggeris menjajah sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Namun, terdapat beberapa penjajahan lain di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak seperti pendudukan Jepun era perang dunia ke-2, Parti Komunis Malaya dan Siam semasa era penjajahan Inggeris.

Di zaman penjajahan Portugis, mereka melantik penduduk yang berpengaruh sebagai majistret dengan diberi bidang kuasa jenayah dan sivil. Rayuan setiap keputusan kes-kes majistret akan dikemukakan kepada Ketua Hakim. Namun tiada pemisahan dibuat di antara kehakiman dan eksekutif kerana di dalam kes-kes jenayah yang dibicarakan, Ketua Hakim terpaksa meminta nasihat dan kepastian daripada Gabenor. Bendahara yang dilantik oleh Portugis untuk menjadi hakim penduduk di Melaka pula mendapat sebahagian pendapatannya daripada denda yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah.³⁶¹

Kedatangan orang Inggeris telah menguatkuasakan satu sistem undang-undang jenayah dan sivil yang seragam dan sistematik akibat daripada Revolusi Perancis. Inggeris juga telah mengetahui sejak awal kedatangan mereka bahawa undang-undang Islam telah diterima pakai dan dilaksanakan di dalam kehidupan masyarakat tempatan seperti di dalam Undang-Undang 99 Perak dan Hukum Kanun Melaka.³⁶² Jika dirujuk kepada kes-kes yang berlaku di mahkamah Tanah Melayu, Hakim Inggeris yang bertugas ketika itu tidak menafikan kedudukan undang-undang asal ini. Dalam kes *Shaikh Abdul Latif et al vs Shaikh Elias Bux*,³⁶³ Ketua Hakim Braddel telah menyatakan bahawa :

Satu-satunya undang-undang yang diterimapakai oleh orang Melayu ... adalah Undang-Undang Mohammedan yang telah diubahsuaikan mengikut adat tempatan.

³⁶¹ Ahmad Ibrahim, (2009), *Mendekati Sejarah Undang-Undang Di Malaysia & Singapura*, DBP, hlm. 17.

³⁶² Mohammad Yusoff Hashim, (1989), *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 235.

³⁶³ (1915) 1 FSLR 204. Begitu juga dalam kes *Rahmah vs Laton* pada tahun 1927, mahkamah memutuskan bahawa Undang-undang Islam bukanlah undang-undang yang asing tetapi ia merupakan undang-undang asal yang wujud dan diterima pakai serta dilaksanakan di Tanah Melayu. (1927) 6FMSLR 127.

Selepas menduduki Tanah Melayu, Residen Inggeris dibenarkan datang dan memberi bantuan kepakaran dalam mentadbir urusan negeri-negeri. Namun, Residen tidak akan mencampuri urusan pentadbiran agama dan pelaksanaan undang-undang Islam di Tanah Melayu.³⁶⁴ Pada ketika itu, undang-undang mula dibahagikan kepada aspek-aspek yang terpisah. Undang-undang muamalat dianggap urusan keduniaan yang tidak berkait dengan Islam. Begitu juga undang-undang jenayah. Akhirnya yang dianggap urusan agama dan adat-istiadat hanya merujuk kepada urusan ibadah orang Islam dan juga urusan perkahwinan yang dipanggil '*personal law*' serta beberapa kesalahan yang melibatkan hukum agama yang khusus seperti tidak berpuasa dan sebagainya.³⁶⁵

Inggeris telah menubuhkan mahkamah dan melantik hakim-hakim yang mahir dengan Undang-undang Inggeris untuk bertugas di Tanah Melayu selepas menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786.³⁶⁶ Inggeris juga telah memperkenalkan tiga piagam iaitu Charters of Justice (Piagam Keadilan Pertama) pada 1807, (Piagam Keadilan Kedua) pada 1826 dan (Piagam Keadilan Ketiga) pada tahun 1885.³⁶⁷ Semua ini bertujuan untuk mengangkat taraf Undang-undang Inggeris dan secara tidak langsung menyisihkan Undang-undang Islam yang dulunya diamalkan sebagai *lex loci*.³⁶⁸

Pada tahun 1880 Inggeris telah memperkenalkan satu Ordinan yang iaitu Muhammedan Marriage Ordinance (Ordinance No. 5, 1880). Ordinan inidigubal dengan tujuan untuk menetapkan sejauh mana Undang-undang Islam boleh diterima dan diiktiraf oleh mahkamah. Terlaksananya Ordinan ini, maka cita-cita British untuk memisahkan urusan undang-undang dan keagamaan telah nampak dengan jelas. Apa yang berlaku sebenarnya menunjukkan Inggeris telah campur tangan secara langsung atau tidak langsung terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan juga adat-istiadat Melayu.³⁶⁹

³⁶⁴ Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, (1986), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, DBP, hlm 49.

³⁶⁵ Nurhidayah Hashim, (2006), *Perceraian Secara Fasakh di Malaysia*, UPENA, Selangor, hlm. 72.

³⁶⁶ M.B. Hooker, (1984), *Islamic Law in South East Asia*, Oxford University Press.

³⁶⁷ M.B. Hooker, (1976), *The Personal Laws Of Malaysia*, Oxford University Press, hlm 19.

³⁶⁸ Bermaksud Undang-undang tempatan. RJ Wilkinson, (1922), *Papers on Malay Subject, Law Part 1 (Introductory Sketch)*, Kuala Lumpur, hlm 49.

³⁶⁹ Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid, (1995), *Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia : Jurnal Syariah*, Terbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, jld. 3, hlm. 208.

Dalam Ordinan ini, perkara mengenai pendaftaran perkahwinan dan perceraian orang Islam, pengiktirafan kedudukan Kadi dan peraturan mengenai harta perempuan yang berkahwin telah diperuntukkan. Ordinan tersebut telah mengalami beberapa pindaan di mana Inggeris telah membuat peruntukan yang menyentuh secara terbuka tentang Undang-undang Keluarga Islam. Ordinan ini telah digubal kembali sehingga akhirnya dimasukkan ke dalam *Chapter 57 of the Revised Laws of the Straits Settlement, 1936*.³⁷⁰

Di Kedah pula diperkenalkan Kanun Kedah Mohammedan Marriages (Separation) Enactment 1913, 1932 atau dikenali sebagai Undang-undang Syiqaq 1332H (1913M) dan *Syariah Court Enactment* No. 109/1934. Manakala di Kelantan dikuatkuasakan satu kanun yang dipanggil Notis Fasal Orang Islam Berkehendakkan Berbini Dua, Tiga dan Empat 1914. Kemudiannya ditambah *The Notice On Matters Relating to Marriage, Divorce, Recohabition and Ta'lik* 1915. Kanun lain turut diperkenalkan pada tahun 1919 iaitu *Muhammadan Division of Property between Husband and Wife of 1919*.³⁷¹

Apabila Inggeris menguatkuasakan undang-undang *Muhammadan Marriage and Divorce Registration Enactment Chapter 197 of Revised Law of Federated Malay States 1935*, ia lebih menumpukan aspek-aspek pentadbiran seperti pendaftaran perkahwinan, perceraian dan rujuk. Ini bertujuan untuk memudahkan Inggeris mengawal urusan kekeluargaan di samping tidak mencampuri hal-ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu.³⁷²

Hal ini bermula dengan tergubalnya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor 1952 yang mengandungi urusan penubuhan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor yang membantu Sultan dalam mentadbir perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat orang Melayu, hak dan kuasa Majlis, peraturan mesyuaratnya, penubuhan Jabatan Agama Islam, pelantikan Mufti dan Jawatankuasa Fatwa.³⁷³

³⁷⁰ Ahmad Ibrahim, (1987), *Ke Arah Penyelarasan Undang-undang Islam di Malaysia*, Jurnal Hukum, Bil. V, Bgn. II, hlm. 242. Lihat juga M.B. Hooker, op.cit, hlm. 23.

³⁷¹ Ibid.

³⁷² M.B. Hooker, (1984), *Islamic Law in South East Asia*, Oxford University Press.

³⁷³ Ahmad Ibrahim, (1975), *Islamic Law in Malaya*, Malaysian Sociological Research Inst. Ltd., hlm 153.

Enakmen Pentadbiran 1952 ini memperuntukan penubuhan Mahkamah Kadi dan Kadi Besar, pelantikan Kadi Besar dan bidanguasa Mahkamah untuk mendengar kes-kes yang berlaku di antara orang Islam melalui seksyen 43 hingga 57. Peruntukan peraturan perbicaraan jenayah dan perbicaraan yang perlu diikuti di mahkamah dinyatakan di dalam seksyen 58 hingga 93. Perkara yang berkaitan dengan urusan wakaf, nazar, zakat, fitrah, pungutan khairat, hal-ehwal wang amanah, pengurusan masjid dan pelantikan pegawai-pegawainya dinyatakan di dalam seksyen 94 hingga 118.³⁷⁴

Penggubalan Undang-undang Pentadbiran ini telah dilaksanakan di negeri-negeri lain iaitu Kelantan (1953), Terengganu (1955), Pahang (1956), Pulau Pinang (1959), Melaka (1959), Negeri Sembilan (1960), Kedah (1962), Perlis (1963) dan Perak (1965). Jika dikaji, peruntukan perkahwinan dalam Enakmen Pentadbiran 1952 adalah hampir sama dengan peruntukan dalam Muhammadan Enactment. Ayatnya juga hampir sama kecuali perubahan kepada perkataan Pendaftar dan Kadi saja. Contohnya :

Enakmen Pentadbiran 1952	Muhammadan Enactment
Any Kathi having jurisdiction in this behalf may receive from a married woman an application for the divorce known in Muslim law as fasakh or for the divorce known as cerai ta'alik.	Any Registrar may received from a married woman who has been the resident for at least four months in the locality within which he is appointed for the divorce known in Muhammadan law as fasakh or for divorce known as cerai ta'alik.

³⁷⁴ Aspek-aspek kekeluargaan diperuntukkan meliputi perkara pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembubaran perkahwinan, harta sepencarian, penjagaan anak-anak, nafkah anak-anak dan isteri, anak sah taraf dan sebagainya (seksyen 119 – 144). Kandungan Enakmen Pentadbiran 1952 ini sebenarnya lebih menggabungkan pelbagai undang-undang pentadbiran agama Islam. Pewartaan Enakmen Pentadbiran 1952 ini telah menggantikan pemakaian kanun Muhammadan Enactment yang dikuatkuasakan.

c) Perkembangan Undang-Undang Zaman Kemerdekaan

Secara umumnya Undang-Undang Inggeris telah dijadikan sebagai asas perundangan di Malaysia. Hasil daripada kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah mewarisi sebahagian besar sistem pemerintahan dan undang-undang mengikut *common law* dari Inggeris. Disebabkan undang-undang dan sistem perundangan Inggeris telah diguna pakai sebelum merdeka maka penggunaannya telah diteruskan selepas merdeka.³⁷⁵

i) Perlembagaan

Perlembagaan Malaysia adalah undang-undang tertinggi dalam sistem pemerintahan di negara ini. Ia menyediakan rangka perundangan untuk undang-undang, mahkamah dan aspek-aspek lain dalam pentadbiran undang-undang. Ia akan menakrifkan raja, kerajaan, kehakiman dan hak-hakwarganegara. Perlembagaan Malaysia juga mengamalkan sistem kehakiman berganda iaitu undang-undang *common law* meliputi jenayah dan sivil dan undang-undang syariah. Pelaksanaan dan hubungan antara kedua-dua sistem ini agak rumit dan kadang kala menimbulkan perselisihan di kalangan masyarakat.³⁷⁶

Kebanyakan undang-undang Inggeris ini telah diimport dan disesuaikan mengikut perundangan tempatan. Ia berasaskan sistem perundangan *common law* di negara-lain lain seperti Australia dan India. Undang-undang jenayah di Malaysia, iaitu Kanun Prosedur Jenayah adalah berasaskan kanun jenayah di India. Begitu juga Akta Kontrak. Undang-undang hartanah pula berasaskan sistem Torrens di Australia.³⁷⁷

³⁷⁵ Farid Sufian Shuaib, (2007), *Memperkasakan Sistem Perundangan Malaysia : Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 2. Abdul Aziz Bari, (2008), *Perlembagaan Malaysia, Asas-asas dan Masalah*, Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 137 – 146.

³⁷⁶ Perkara 11 Perlembagaan menyatakan bahawa "*setiap orang berhak menganut dan mengamalkan agamanya*". Namun, dalam kes Lina Joy, Mahkamah Persekutuan enggan membenarkan beliau bertukar agama seperti yang ditetapkan dalam Mykad. Hakim juga menetapkan bahawa ia adalah bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana Perkara 121 (1A) Perlembagaan. Artikel 3 juga menetapkan bahawa undang-undang Islam adalah bidang kuasa negeri kecuali di Wilayah Persekutuan. Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd Hashim, (2008), *Isu-Isu Syariah Di Malaysia*, Siri 1, UiTM Shah Alam, hlm. 125.

³⁷⁷ Nor Asiah Mohamad, (2007), *Sistem Perundangan Malaysia, Perkembangan Penggunaan Prinsip Ekuiti*, Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 107. Ahmad Ibrahim, (2009), *Mendekati Sejarah Undang-Undang Di Malaysia dan Singapura*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 73.

Undang-undang Syariah hanya berperanan dalam menentukan undang-undang yang berkaitan dengan umat Islam. Mahkamah Syariah ³⁷⁸ memegang bidang kuasa berkaitan undang-undang sivil dalam hal-hal peribadi seperti pernikahan, pewarisan dan murtad. Terdapat juga undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri seperti Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 1993. Namun, bidang kuasanya amatlah terhad dengan jumlah denda tidak melebihi RM3000 dan penjara tidak melebihi 6 bulan.³⁷⁹

Apabila Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia pada tahun 1963 terdapat undang-undang khas melalui Perlembagaan untuk kedua-dua negeri ini. Perkara tersebut meliputi undang-undang imigresen dan kanun tanah yang seharusnya bidang kuasa persekutuan. Contohnya ialah Kanun Tanah Negara di Semenanjung namun di Sabah adalah melalui Ordinan Tanah Sabah dan di Sarawak adalah melalui Kanun Tanah Sarawak.

ii) Common Law

Undang-undang Malaysia boleh dibahagi kepada dua jenis iaitu undang-undang bertulis dan adat kebiasaan. Undang-undang bertulis ialah undang-undang yang digubal dalam Perlembagaan. Adat kebiasaan adalah undang-undang yang tidak terkandung dalam mana-mana statut serta boleh didapati dalam keputusan kes. Ini dikenali sebagai *common law* atau undang *case law*. Dalam situasi-situasi di mana tiada undang-undang yang menentukan keadaan tertentu, maka undang Malaysia boleh digunakan. Jika tiada undang-undang Malaysia, maka digunakan undang-undang Inggeris.³⁸⁰

³⁷⁸ Perkara 121(1A) iaitu Perlembagaan Persekutuan juga telah memberi pengiktirafan kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar kes-kes dan persoalan mengenai agama Islam dan Mahkamah Sivil tidak boleh campur tangan, membatalkan ataupun tidak menghiraukan keputusan Mahkamah Syariah.

³⁷⁹ Undang-undang negeri digubal oleh ahli-ahli dewan di Dewan Undangan Negeri berkaitan dengan negeri berkenaan saja. Undang-undang di peringkat persekutuan akan diproses melalui Parlimen berkaitan hal ehwal perundangan negara. Perkara 75 Perlembagaan menyatakan bahawa undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang negeri yang berlawanan termasuk undang-undang Syariah.

³⁸⁰ Ada juga kes-kes Australia, India dan Singapura yang digunakan sebagai kuasa yang meyakinkan. Wu Min Aun, (2005), *The Malaysian Legal System*, Pearson Malaysia, Petaling Jaya, hlm. 38.

Seksyen 5 Kanun Prosedur Jenayah menyatakan bahawa undang-undang Inggeris boleh digunakan dalam kes-kes di mana tiada perundangan tertentu yang digubal. Begitu juga, dalam konteks undang-undang sivil, Seksyen 3 dan 5 membenarkan penggunaan *common law* Inggeris, peraturan-peraturan ekuiti dan statut-statut dalam kes-kes sivil Malaysia yang mana tiada undang-undang tertentu pernah digubal.³⁸¹ Pada tahun 2007, Ketua Hakim Malaysia, Ahmad Fairuz Abdul Halim ketika itu, mencadangkan agar undang-undang *common law* Inggeris diganti oleh perundangan Islam. Namun, Majlis Peguam Malaysia membalas cadangan itu dengan menyatakan bahawa *common law* adalah sebahagian sistem perundangan Malaysia dan tiadanya asas untuk menggantikannya.

iii) Hukum Adat

Kelompok etnik di Malaysia mempunyai undang-undang adat sendiri untuk diikuti. Ada yang masih berkuatkuasa dan ada yang hilang kuasa setelah diatasi perundangan Parlimen.³⁸² Kaum Melayu di Semenanjung patuh kepada *Adat* yang berurusan terutamanya dengan tempoh pegangan tanahdan pewarisan. Dua bentuk utama adat ini ialah Adat Perpatih dan Adat Temenggong. Adat Perpatih bersifat nasab ibu dan Adat Temenggong pula nasab bapa. Adat Temenggong masih diamalkan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia kecuali di Negeri Sembilan dan beberapa daerah di Melaka.³⁸³

Perlembagaan Negeri Sembilan memastikan adat Perpatih dipertahan dan dilindungi. Ini telah dinyatakan dalam kes *Dato' Menteri Othman bin Baginda & Anor vs Dato' Ombi Syed Alwi bin Syed Idrus*.³⁸⁴ Kedudukan pemerintahan dan Undang ini jelas diperuntukan dalam Perlembagaan Negeri iaitu Perlembagaan Negeri Sembilan, Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1959 dan Enakmen Tanah Adat 1960.

³⁸¹ Prinsip *stare decisis* juga dikenakan dalam undang-undang Malaysia. Ini bermakna mana-mana keputusan oleh mahkamah yang lebih tinggi dalam hierarki akan mengikat mahkamah lebih rendah.

³⁸² Terdapat juga undang-undang adat Cina dan Hindu terutama berkenaan hal undang-undang keluarga. Namun begitu, berikutan satu enakmen pada tahun 1976 undang-undang ini sudah hilang kuasanya.

³⁸³ Noor Aziah Mohd Awal, (2003), *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*, ILBS, hlm. 83.

³⁸⁴ (1981) 1 MLJ 29.

Di Malaysia Timur terdapat juga undang-undang adat yang masih berkuatkuasa. Undang-undang ini digunakan di kawasan luar bandar dan dikuatkuasa oleh Mahkamah Asli. Di Sabah, suatu bentuk hukuman ganjil yang boleh dikenakan Mahkamah Asli ialah *sogit*, iaitu sebarang ganti rugi yang mana pesalah diarah membayar dalam bentuk ternakan atau tanaman. Hal ini dapat dirujuk dalam kes *Damrah bin Karim dan Tamiah binti Darani vs Native Court*.³⁸⁵ Mahkamah Asli ditadbirkan oleh Enakmen Mahkamah Asli dan keputusan mahkamah ini boleh dirayu di mahkamah-mahkamah utama Malaysia.

4.3.2 Undang-Undang Jenayah Di Malaysia

Undang-undang jenayah telah diwujudkan adalah untuk mengimbangi konsep-konsep moraliti di dalam sesebuah masyarakat.³⁸⁶ Ia merupakan suatu jenis undang-undang yang mengawal kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelaku jenayah. Perbuatan-perbuatan yang dilakukan itu perlu dihukum oleh masyarakat yang diwakili oleh pihak pemerintah. Justeru, jenayah merupakan perbuatan yang salah dan menjadi kesalahan terhadap awam yang membolehkan pelaku jenayah dapat dipertanggungjawabkan untuk menerima hukuman di sisi undang-undang yang dilaksanakan oleh pemerintah.³⁸⁷

Undang-undang jenayah perlulah dibezakan dengan undang-undang sivil. Contohnya seseorang yang mencuri maka undang-undang jenayah akan digunakan kerana ia dianggap sebagai kesalahan terhadap masyarakat. Namun ia berbeza apabila seseorang tidak membayar hutang kepada penjual pada tarikh yang dipersetujui apabila membeli barang secara kredit. Undang-undang yang mengawalnya adalah undang-undang sivil. Ada beberapa undang-undang sivil yang boleh digunakan seperti undang-undang penjualan barang, undang-undang kontrak dan sebagainya. Undang-undang jenayah tidak akan digunakan untuk menentukan hak dan liabiliti untuk penjual dan pembeli. Ini kerana urusan jual beli adalah dianggap aktiviti sivil di antara individu yang terbabit.

³⁸⁵ Lee Hun Hoe, *Cases on Native Customary Law in Sabah*, hlm. 17 – 18.

³⁸⁶ Siti Zaharah & Datin Nor Aini, (2010), *Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, MDC Publishers, hlm 3.

³⁸⁷ Mohamad Sharif Abu Samah & Asidah Mohd Ali, (2008), *Amalan Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, International Law Books Services, Kuala Lumpur, hlm. 3.

a) Kanun Keseksaan

Setiap kesalahan-kesalahan jenayah akan disebutkan dalam Kanun Keseksaan di bawah akta 574. Kanun Keseksaan pada masa kini mengandungi 511 seksyen. Sejarah Kanun Keseksaan negara ini telah digubal berdasarkan model Kanun Keseksaan dari India. Apabila Kanun Keseksaan Negeri-Negeri Selat diluluskan pada tahun 1872 maka kanun ini telah diteruskan perlaksanaannya untuk Negeri-Negeri Bersekutu. Kanun Keseksaan ini selanjutnya diterima pakai ke seluruh tanah Melayu apabila Perjanjian Persekutuan ditandatangani pada tahun 1948. Pada tahun 1963 Kanun Keseksaan ini juga diteruskan pemakaiannya apabila Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia.³⁸⁸

Berkuatkuasa pada 31 Mac 1976, Kanun Keseksaan ini terpakai meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.³⁸⁹ Seksyen 2 Kanun Keseksaan telah memperuntukan bahawa semua orang boleh dihukum di bawah Kanun ini tanpa sebarang diskriminasi jika kesalahan itu berlaku di Malaysia. Seksyen 4 pula menegaskan sekiranya kesalahan itu dilakukan di luar Malaysia maka pendakwaannya boleh dilakukan kemudian. Sementara itu, seksyen 5 menegaskan bahawa pemakaian Kanun ini tidak akan menjejaskan undang-undang lain khususnya untuk mereka di dalam perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.³⁹⁰

Kebanyakan undang-undang jenayah utama di Malaysia boleh didapati dalam Kanun Keseksaan.³⁹¹ Namun, perkara penting perbincangan undang-undang ini adalah prinsip asas tanggungan jenayah seseorang yang dituduh melakukan kesalahan jenayah. Prinsip-prinsip asas ini akan memastikan bahawa hanya tertuduh yang bersalah sahaja akan dijatuhkan hukuman bersesuaian dengan teori hukuman yang telah diperkatakan.

³⁸⁸ Siti Zaharah & Datin Nor Aini, (2010), *Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, MDC Pub., hlm. 12.

³⁸⁹ Kanun Keseksaan di Malaysia telah wujud sejak tahun 1935 yang hanya terpakai di Semenanjung Malaysia. Sebelum penyertaan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia pada tahun 1963, kedua-dua negeri ini mempunyai Kanun Keseksaannya sendiri iaitu Kanun Keseksaan Sabah dan Kanun Keseksaan Sarawak. Norbani Mohamed Nazeri & Jal Zabdi Mohd Yusoff, (2007), *Perkembangan Kanun Keseksaan Di Malaysia : Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa & Pustaka, jld. 3, hlm. 318.

³⁹⁰ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm 29.

³⁹¹ Namun terdapat pelbagai akta lain yang turut meletakkan kesalahan-kesalahan jenayah lain bagi menampung kesalahan-kesalahan jenayah yang mungkin tidak dimuatkan dalam Kanun Keseksaan.

b) Prinsip-prinsip Asas Tanggungan Jenayah

Terdapat dua prinsip asas penting yang perlu wujud di dalam semua jenayah iaitu *actus reus* dan *mens rea*. Tanpa dibuktikan salah satu daripadanya maka tertuduh tidak boleh didapati bersalah. Prinsip-prinsip ini penting kerana masyarakat hanya bersedia untuk menghukum sekiranya tertuduh itu boleh dipertanggungjawab dengan perbuatan jenayah tersebut dan menerima hukuman seperti mana yang ditetapkan oleh undang-undang.³⁹²

i) Actus Reus

Actus Reus merujuk kepada perbuatan tertuduh yang menyebabkan berlakunya perbuatan jenayah. Kebiasaannya perbuatan tersebut akan menghasilkan sesuatu akibat atau *result crimes* dan akibatnya mestilah melibatkan akibat yang dilarang atau ditegah oleh undang-undang.³⁹³ Ada kalanya melakukan sesuatu perbuatan tersebut adalah tanpa perlu melihat kepada akibatnya. Perbuatan sebegini dikenali sebagai jenayah perbuatan atau *conduct crime* di mana tertuduh hanya bersalah kerana melakukan perbuatan tersebut.

Contohnya kesalahan memiliki bahan yang ditakrifkan sebagai dadah mengikut Akta Dadah Merbahaya 1952. Justeru, *Actus Reus* tidak boleh diberikan tafsiran secara spesifik tetapi boleh dikenal pasti dengan merujuk kepada seksyen-seksyen yang memperkatakan mengenai sesuatu perbuatan jenayah tersebut di mana tindakan itu adalah salah.³⁹⁴ Perbuatan yang dilakukan mestilah dilakukan secara sengaja iaitu dengan kawalannya secara sedar dan mengetahui akan pergerakan yang dilakukannya.³⁹⁵

³⁹² Berasaskan kepada prinsip “ *perbuatan yang dilakukan oleh seseorang tidak akan menyebabkan dia bersalah bagi sesuatu jenayah kecuali dia berniat sedemikian* “. Molly Cheang, (1990), *Criminal Law of Malaysia & Singapore*, Profesional Law Books Publisher, hlm. 6.

³⁹³ Smith & Hogan, (1996), *Criminal Law*, 8thed, Butterworths, hlm 31.

³⁹⁴ Abdul Aziz Hussin, (2010), *Panduan Umum Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, hlm 7.

³⁹⁵ Molly Cheang, (1990), *Criminal Law of Malaysia & Singapore*, Pro Law Books Publisher, hlm.13.

ii) **Mens Rea**

Mens Rea membawa maksud niat yang salah atau jahat. Tertuduh melalui perbuatannya sengaja berniat untuk melakukan kesalahan jenayah. Seksyen 39 Kanun Keseksaan menakrifkan dengan sengaja³⁹⁶ sebagai :

*Seseorang adalah dikatakan menyebabkan suatu kejadian **dengan sengaja** apabila ia menyebabkan kejadian itu dengan jalan yang ia telah bermaksud hendak menyebabkannya atau dengan jalan yang pada masa menggunakan jalan itu ia ketahui atau ada sebab mempercayai mungkin menyebabkan kejadian itu.*

Mens rea bukanlah sesuatu yang boleh dilihat. Ia disimpulkan melalui tindakan atau perlakuan tertuduh serta keadaan-keadaan sekeliling tertuduh dalam melakukan sesuatu perbuatan jenayah. Mahkamah dalam kes *Norazam bin Ibrahim*³⁹⁷ menegaskan bahawa *mens rea* sebagai elemen mental tidak boleh dibuktikan dengan bukti langsung. Elemen ini hanya boleh dibuktikan dengan melalui bukti tidak langsung dengan merujuk kepada fakta dan situasi suatu kes yang sedang dipertimbangkan oleh mahkamah. Contohnya, bentuk kecederaan dan jenis senjata yang digunakan oleh tertuduh dalam kes *Samer Klom Klom*³⁹⁸ dimana tertuduh telah menikam mangsa sebanyak 18 kali yang menunjukkan beliau berniat melakukan perbuatan yang menyebabkan kematian itu.

c) **Jenis-jenis Kesalahan Tubuh Badan**

Perbuatan jenayah terhadap tubuh hanya boleh dilakukan kepada seorang manusia. Mengikut *common law*, manusia ini tidak merangkumi satu janin atau bayi yang masih dalam proses untuk dilahirkan. Seorang itu dikatakan bermula sebagai manusia apabila mana-mana bahagian daripada badannya telah keluar daripada rahim ibunya.³⁹⁹

³⁹⁶ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm 42.

³⁹⁷ (2006) 3 AMR 524

³⁹⁸ (1996) 2 CLJ 359

³⁹⁹ Berdasarkan huraian 3 seksyen 299 yang menyatakan bahawa menyebabkan kematian anak dalam rahim ibunya bukanlah mematikan anak. Akan tetapi menyebabkan kematian anak yang hidup, jika apa-apa bahagian anak itu telah dibawa keluar, boleh terjumlah kepada mematikan orang dengan salah. Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 160.

i) Jenayah Yang Tidak Menyebabkan Kematian

Di dalam Kanun Keseksaan telah dinyatakan beberapa bentuk kesalahan jenayah yang boleh dilakukan terhadap tubuh badan manusia tetapi tidak menyebabkan kematian. Kesemua kesalahan ini merujuk kepada perbuatan yang bukan hanya mencederakan mangsa dari segi fizikal tetapi juga kecederaan terhadap reputasi dan nama baik mangsa. Di antara perbuatan-perbuatan tersebut adalah :

1) Cedera

Berdasarkan seksyen 321⁴⁰⁰ bahawa barang siapa melakukan apa-apa perbuatan dengan niat dengan jalan demikian itu hendak menyebabkan cedera kepada seseorang atau dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan demikian itu menyebabkan cedera kepada seseorang adalah dikatakan dengan sengaja menyebabkan cedera.

Cedera ditakrifkan sebagai kesakitan, penyakit atau kelemahan tubuh yang dilakukan oleh seseorang kepada seorang yang lain. Untuk berjaya membuktikan kesalahan dengan sengaja menyebabkan cedera, mesti dibuktikan bahawa tertuduh melakukan dengan niat atau pengetahuan yang menyebabkan cedera. Berdasarkan kes *Datuk Conrad Mojuntin @ Jomilan Mojuntin & Anor*⁴⁰¹ kecederaan yang dilakukan oleh tertuduh adalah memukul leher mangsa dengan menggunakan laras senapang yang dipegang tertuduh.

Kesalahan bagi kecederaan juga meliputi beberapa keadaan tertentu seperti kecederaan dengan menggunakan senjata atau benda-benda yang merbahaya (324), kecederaan bagi memeras harta atau cagaran berharta (327) dan kesalahan mencederakan seseorang atau orang lain yang ada kepentingan dengan orang itu bagi tujuan memeras pengakuan salah atau mendapatkan maklumat mengenai salah laku atau untuk memaksa supaya harta dipulangkan (seksyen 330).⁴⁰²

⁴⁰⁰ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 170.

⁴⁰¹ (2009) 2 MLJ 745.

⁴⁰² Sila rujuk seksyen-seksyen berkenaan dalam *Kanun Keseksaan (Akta 574)*.

2) Cedera Parah

Berdasarkan seksyen 322⁴⁰³ bahawa barang siapa dengan sengaja menyebabkan cedera jika cedera yang ia bermaksud hendak menyebabkan atau ketahui mungkin menyebabkan itu ialah cedera parah dan jika cedera yang ia sebabkan itu ialah cedera parah adalah dikatakan dengan sengaja menyebabkan cedera parah.

Kesalahan cedera parah ini hanya meliputi jenis-jenis cedera tertentu meliputi hilang tenaga kelakian, hilang selama-lamanya penglihatan salah satu mata, hilang selama-lamanya pendengaran salah satu telinga, hilang sesuatu anggota atau sendi, binasa atau lemah selama-lamanya daya sesuatu anggota atau sendi, cacat selama-lamanya kepala atau muka, patah atau retak tulang atau selisih sendi dan apa-apa cedera yang membahayakan nyawa atau yang menyebabkan orang yang tercedera itu menderita kesakitan tubuh yang amat sangat atau tidak boleh menjalankan pekerjaannya yang biasa selama 20 hari.⁴⁰⁴

3) Kekerasan Jenayah

Berdasarkan seksyen 350⁴⁰⁵ ia merupakan kekerasan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat atau pengetahuan bagi melakukan sesuatu yang menyalahi undang-undang yang menyebabkan bencana, ketakutan atau kegusaran pada orang lain. Antara lain syarat kesalahan pergerakan kekerasan ini melalui salah satu daripada cara berikut iaitu :

- Dengan daya tubuhnya sendiri.
- Dengan melakukan sesuatu kepada apa-apa benda secara yang demikian hingga pergerakan atau perubahan atau kehentian gerakan itu berlaku dengan tiada apa-apa perbuatan lagi dipihaknya atau dipihak mana-mana orang lain.
- Dengan mendorong apa-apa haiwan bergerak, mengubah gerakannya atau berhenti bergerak.

⁴⁰³ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 170.

⁴⁰⁴ Seksyen 320, *Kanun Keseksaan (Akta 574)*.

⁴⁰⁵ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 180.

4) Serangan

Berdasarkan seksyen 351⁴⁰⁶ serangan merupakan perbuatan yang dibuat dengan niat atau dengan pengetahuan untuk menyebabkan pihak yang hadir bersama tertuduh berpendapat bahawa kekerasan jenayah akan dilakukan kepadanya.

Dalam kes *Ram Singh*⁴⁰⁷ bahawa sebelum meninggal pegawai awam telah mengugut pegawai itu bahawa dia akan kembali dan menyerang mereka. Dia kembali semula dengan senjata bersama beberapa orang yang lain dan menghampiri pegawai tersebut. Situasi ini telah menyebabkan timbul ketakutan munasabah bahawa kekerasan akan digunakan pada pegawai itu maka tertuduh bersalah kerana kesalahan serangan.

5) Menculik Orang

Berdasarkan seksyen 360⁴⁰⁸ bahawa barang siapa membawa mana-mana orang keluar dari kawasan Malaysia dengan tiada kerelaan orang itu atau kerelaan seseorang yang berkuasa di sisi undang-undang memberi kerelaan bagi pihak orang itu adalah dikatakan menculik orang itu dari Malaysia. Dalam kes *Priaswami Kangani*⁴⁰⁹ mahkamah memutuskan bahawa tertuduh bersalah apabila dia membawa mangsa keluar dari India ke Sri Lanka atas alasan untuk mengahwinkan mangsa dengan anaknya. Namun apabila tiba di Sri Lanka, mangsa telah dipaksa bekerja sebagai buruh di ladang teh.

6) Melarikan Orang

Berdasarkan seksyen 362⁴¹⁰ bahawa barang siapa dengan kekerasan memaksa atau dengan apa-apa jalan perdayaan mendorong, mana-mana orang supaya pergi dari mana-mana tempat adalah melarikan orang tersebut.

⁴⁰⁶ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 182.

⁴⁰⁷ AIR (1953) Lah 214.

⁴⁰⁸ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 185.

⁴⁰⁹ (1910) MWN 261. Sabitan kepada Akta Perculikan 1961 (Akta 365).

⁴¹⁰ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 185.

Perbuatan melarikan orang ini menjadi satu kesalahan sekiranya ia dibuat untuk tujuan-tujuan tertentu meliputi bagi tujuan pembunuhan (seksyen 364), untuk melakukan cedera parah ke atasnya ataupun untuk dijadikan abdi atau digunakan untuk memuaskan nafsu luar tabi'i ⁴¹¹ (Seksyen 367) dan penculikan kanak-kanak yang berumur 10 tahun ke bawah yang bertujuan untuk mencuri hartanya (seksyen 369).⁴¹²

7) Keguguran

Perbuatan menggugurkan kandungan ini boleh dibuat oleh orang lain atau oleh wanita itu sendiri dengan kerelaannya. Berdasarkan seksyen 312 ⁴¹³ adalah tidak merangkumi tindakan pengamal perubatan yang terpaksa menggugurkan kandungan wanita tersebut sekiranya berpendapat bahawa kandungan itu mengancam nyawa, kesihatan fizikal atau mental wanita terbabit. Jika akibat daripada keadaan mengandungnya, mangsa berhasrat untuk membunuh dirinya maka meneruskan kehamilan itu akan mengancam nyawanya maka dia seharusnya dibenarkan untuk menggugurkan kandungannya.⁴¹⁴

8) Kesalahan Berkaitan Anak

Berdasarkan seksyen 317 ⁴¹⁵ bahawa adalah menjadi kesalahan yang boleh dikenakan hukuman kepada ibu bapa atau orang yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak berumur kurang daripada 12 tahun mendedahkan atau meninggalkan kanak-kanak itu dengan niat hendak membuang kanak-kanak itu sama sekali. Namun, sekiranya perbuatan mendedahkan ⁴¹⁶ atau meninggalkan kanak-kanak itu menyebabkan kematiannya maka orang tersebut boleh didakwa di bawah seksyen 299 atau 300.⁴¹⁷

⁴¹¹ Berdasarkan kepada seksyen 377 *Kanun Keseksaan (Akta 574)* bahawa luar tabi'i adalah merujuk kepada sesuatu yang tidak biasa sebagaimana seorang yang munasabah.

⁴¹² Sila rujuk seksyen-seksyen berkenaan dalam *Kanun Keseksaan (Akta 574)*.

⁴¹³ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 167.

⁴¹⁴ *AG vs X* (1992) 15 BMLR 104.

⁴¹⁵ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 169.

⁴¹⁶ Keadaan mendedahkan ini merujuk kepada meletakkan kanak-kanak tersebut dalam keadaan yang boleh membahayakan dirinya atau menyebabkan dia tidak boleh mendapatkan perlindungan yang sepatutnya. Ratanlal & Dhirajlal's, (1998), *Law of Crimes*, Bharat Law House, hlm 1575.

⁴¹⁷ Sila rujuk seksyen-seksyen berkenaan dalam *Kanun Keseksaan (Akta 574)*.

9) Fitnah

Berdasarkan pengiktirafan Perlembagaan berkaitan dengan kebebasan untuk bercakap dan bersuara di dalam perkara 10 adalah menjadi hak warganegara untuk melakukan yang demikian tersebut. Hak ini merujuk kepada bentuk komunikasi dan tidak terhad hanya kepada kata-kata sahaja tetapi merangkumi bentuk komunikasi lain seperti isyarat, simbol dan juga pergerakan.⁴¹⁸ Cara bagaimana komunikasi ini disampaikan juga tidak terhad kepada percakapan tetapi juga melalui media cetak dan elektronik yang lain termasuklah e-mail, pesanan ringkas, faksimili, blog, face book, twitter dan lain-lain.

Walau bagaimanapun berdasarkan Perkara 10 tersebut juga bahawa hak untuk bercakap dan bersuara bukanlah suatu hak yang mutlak semata-mata. Ianya haruslah merangkumi dasar dan undang-undang yang telah digariskan oleh Perlembagaan. Ia mempunyai sekatan yang dikenakan untuk kepentingan keselamatan Persekutuan,⁴¹⁹ hubungan antara Negara, ketenteraman awam,⁴²⁰ prinsip moral, melindungi keistimewaan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, penghinaan mahkamah, fitnah ⁴²¹ dan penafian apa-apa kesalahan. Pelanggaran hak ini turut juga menjadi satu kesalahan jenayah di Malaysia.

Berdasarkan seksyen 499 ⁴²² bahawa adalah merupakan kesalahan barang siapa sama ada dengan perkataan yang dituturkan atau yang dimaksudkan untuk dibaca atau dengan isyarat atau dengan pernyataan zahir, membuat atau menyiarkan apa-apa tohmahan pada seseorang, merosakan atau dengan mengetahui atau dengan ada sebab mempercayai bahawa tohmahan itu akan merosakkan nama baik orang itu adalah dikatakan kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan kemudian daripada ini adalah menfitnahkan orang.

⁴¹⁸ Siti Zaharah & Datin Nor Aini, (2010), *Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, MDC Publ., hlm 136.

⁴¹⁹ Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82), Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958 (Akta 296), Akta Telekom 1950 (Akta 20) dan Akta Hasutan 1948 (Akta 15).

⁴²⁰ Akta Polis 1967 (Akta 344) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588).

⁴²¹ Akta Fitnah 1957 (Akta 286).

⁴²² Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 247.

ii) Jenayah Seksual

Kesalahan jenayah yang berbentuk seksual kini telah berkembang dan tidak lagi terhad kepada kesalahan tradisional semata-mata seperti kesalahan merogol, sumbang mahram dan sebagainya tetapi juga hal-hal yang berkaitan kesalahan yang bertentangan dengan kebiasaan seperti pertukaran jantina dan sebagainya. Jika tidak, akan ada penjenayah yang terlepas daripada tindakan undang-undang kerana kesalahan yang dilakukan tidak termasuk di dalam mana-mana peruntukan akibat daripada perkara-perkara teknikal.

1) Rogol

Perbuatan merogol pada masa kini tidak hanya terhenti dengan perbuatan itu sahaja malahan kebiasaannya diikuti dengan pembunuhan dan mencederakan mangsa itu.⁴²³ Berdasarkan seksyen 375⁴²⁴ bahawa seseorang lelaki dikatakan melakukan “*rogol*” jika ia kecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada perihal-perihal yang berikut iaitu :

- Bertentangan dengan kemahuan perempuan itu.
- Dengan tiada kerelaan perempuan itu.
- Dengan kerelaan perempuan itu yang didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan mati atau cedera atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat daripada salah tanggapan tersebut.
- Dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu ketahui bahawa ia bukan suaminya dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang ia percaya menjadi suaminya yang sah di sisi undang-undang atau yang kepadanya ia akan memberi kerelaan.

⁴²³ *Hanafi Mat Hassan* (2003) 6 CLJ 640, kes Nurin Jazimin, Farah Deeba Rustam, Siti Syazwani Ahamad Dusuki dan Chee Gaik Chun. Kesemua mangsa ditemui mati selepas dirogol. Kes-kes ini masih belum selesai kerana penjenayah yang melakukan perbuatan ini belum ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah.

⁴²⁴ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 193.

- Dengan kerelaannya, jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan.
- Dengan kerelaan perempuan itu bila kerelaannya didapati dengan menggunakan kedudukannya yang berkuasa ke atas perempuan itu atau atas sebab hubungan profesional atau lain-lain hubungan amanah berkaitan dengannya.
- Sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak apabila perempuan itu di bawah umur 16 tahun.

2) Suami Mencederakan Isteri Untuk Persetubuhan

Berdasarkan seksyen 375A⁴²⁵ bahawa kesalahan ini hanya wujud sekiranya mana-mana lelaki dalam suatu perkahwinan yang sah menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya. Justeru itu, kesalahan akan hanya wujud seandainya seorang suami menggunakan kekerasan terhadap isterinya untuk mengadakan persetubuhan. Kekerasan untuk menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian terhadap isterinya ataupun orang lain yang menjadi kesalahan dan bukan persetubuhan yang dilakukan di antara tertuduh dan isterinya.

3) Sumbang Mahram

Berdasarkan seksyen 376A⁴²⁶ bahawa seseorang itu dikatakan melakukan sumbang mahram jika seorang lelaki atau seorang perempuan melakukan persetubuhan dengan orang lain di mana hubungan lelaki dan perempuan itu adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukuman agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki dan perempuan tersebut, untuk berkahwin dengan orang itu.

⁴²⁵ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 193.

⁴²⁶ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 195.

Dalam kes *Mohd Zandere Arifin*⁴²⁷ tertuduh telah dituduh merogol anak perempuannya dan berasaskan perhubungan ini kedua-dua mereka tidak boleh berkahwin mengikut hukum agama dan juga undang-undang. Persetubuhan yang dilakukan itu telah menyebabkan mangsa yang berusia 13 tahun dan 6 bulan itu melahirkan seorang bayi.

4) Kesalahan-Kesalahan Luar Tabi'i

Kesalahan-kesalahan ini meliputi beberapa kesalahan yang telah dikategorikan sebagai kesalahan luar tabi'i. Ia meliputi kesalahan persetubuhan dengan haiwan (seksyen 377), persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabi'i (seksyen 377A), perhubungan seks dengan objek (seksyen 377CA), perlakuan yang melanggar kesopanan mengenai apa-apa perbuatan kelucahan melampau di tempat awam atau persendirian (377D) dan merangsang kanak-kanak untuk melakukan perbuatan kelucahan melampau (377E).⁴²⁸

iii) Jenayah Yang Menyebabkan Kematian

1) Kesalahan Mematikan Orang Dengan Salah

Berdasarkan seksyen 299⁴²⁹ bahawa sesiapa menyebabkan kematian dengan melakukan suatu perbuatan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian atau dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan perbuatan itu menyebabkan kematian, adalah melakukan kesalahan mematikan orang dengan salah. Seksyen ini dengan jelas menetapkan perbuatan menyebabkan kematian yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematian, atau dengan niat untuk menyebabkan bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian atau dengan pengetahuan bahawa dia mungkin dengan perbuatannya menyebabkan kematian.

⁴²⁷ (2006) 5 CLJ 663.

⁴²⁸ Sila rujuk seksyen-seksyen berkenaan dalam *Kanun Keseksaan (Akta 574)*.

⁴²⁹ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 159.

2) Kesalahan Membunuh Orang

Berdasarkan seksyen 300 ⁴³⁰ yang merupakan seksyen yang memperuntukan keadaan tertentu sesuatu perbuatan mematikan orang dengan salah boleh menjadi satu kesalahan membunuh. Dalam keadaan ini kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, kesalahan mematikan orang dengan salah ialah membunuh orang :

- Jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian.
- Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu bencana tubuh yang pesalah itu ketahui mungkin menyebabkan kematian orang yang dikenakan bencana itu.
- Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan bencana tubuh kepada seseorang dan bencana tubuh yang dimaksud hendak dikenakan itu adalah cukup, pada lazimnya, bagi menyebabkan kematian atau ;
- Jika orang yang melakukan perbuatan itu ketahui bahawa perbuatan itu adalah sebegitu sekali berbahaya hingga mungkin sekali menyebabkan kematian, atau sesuatu bencana tubuh yang mungkin menyebabkan kematian dan ia melakukan perbuatan itu dengan tiada apa-apa sebab bagi mendatangkan kematian atau bencana sebagaimana tersebut.

Jika dilihat kes *Tham Kai Yau & Ors* ⁴³¹ di mana mahkamah menetapkan bahawa sama ada sesuatu perbuatan itu adalah membunuh atau mematikan orang dengan salah adalah bergantung kepada niat dan darjah kecederaan yang dialami oleh mangsa. Jika perbuatan itu dilakukan dengan niat membunuh maka ianya adalah suatu perbuatan membunuh. Jika darjah kecederaan itu mungkin menyebabkan kematian, perbuatan itu terjumlah kepada perbuatan mematikan orang dengan salah. Jika kematian merupakan akibat yang akan berlaku maka perbuatan itu terjumlah kepada satu pembunuhan.

⁴³⁰ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, Selangor, hlm. 160.

⁴³¹ *Tham Kai Yau* (1977) 1 MLJ 174.

3) Kesalahan Membunuh Anak

Berdasarkan kepada seksyen 309A ⁴³² kesalahan ini adalah ditujukan kepada perempuan iaitu ibu kepada anak yang baru dilahirkan. Seksyen ini memperuntukan bahawa apabila seseorang perempuan dengan sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang bersengaja menyebabkan kematian anaknya yang baru lahir, akan tetapi pada waktu perbuatan atau ketinggalan itu ia belum cukup pulih dari akibat melahirkan anak itu dan oleh sebab itu ketenteraman fikirannya pada waktu itu terganggu maka ia adalah kesalahan membunuh anak walaupun mengikut keadaannya kesalahan itu terjumlah kepada kesalahan membunuh orang jika tidak kerana seksyen ini.

4) Menyebabkan Kematian Dengan Melakukan Perbuatan gopoh atau Cuai

Berdasarkan seksyen 304A ⁴³³ menyebut tentang kematian yang berlaku akibat daripada perbuatan yang gopoh atau cuai dan perbuatan tertuduh menjadi penyebab langsung kematian mangsa. Seksyen ini menyatakan bahawa barang siapa menyebabkan kematian seseorang dengan melakukan apa-apa perbuatan gopoh atau cuai yang tidak terjumlah kepada mematikan orang dengan salah, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya sekali.

⁴³² Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2010, *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, ILBS, Selangor, hlm. 166.

⁴³³ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2010, *Kanun Keseksaan (Akta 574)*, ILBS, Selangor, hlm. 164

4.3.3 Undang-Undang Kewangan Di Malaysia

a) Perbankan Islam

Amalan Perbankan Islam di Malaysia telah bermula sejak sekian lama. Bentuk terawal aktiviti perbankan Islam secara teratur telah bermula dengan tertubuhnya Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji pada bulan September 1963.⁴³⁴ Perbadanan ini telah ditubuhkan untuk dijadikan institusi bagi umat Islam membuat simpanan sebagai persediaan mengerjakan ibadat Haji ke tanah suci Mekah.⁴³⁵

Penubuhan badan ini dianggap sebagai satu permulaan yang positif kepada penubuhan bank-bank Islam. Malahan ia telah dianggap sebagai institusi kewangan Islam pertama di dunia yang mengamalkan operasi perbankan berdasarkan syarak. Pada tahun 1969, Perbadanan telah bergabung dengan Pejabat Urusan Haji bagi membentuk Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang kini dikenali sebagai Lembaga Tabung Haji.⁴³⁶

Semenjak dari tahun-tahun 1970-an, bank-bank berteraskan Islam telah ditubuhkan di seluruh dunia. Contohnya, Nasser Social Bank, Mesir pada tahun 1972, Islamic Development Bank, Arab Saudi pada 1975, Dubai Islamic Bank, UAE pada 1975, Faisal Islamic Bank of Egypt & Sudan di Mesir dan Sudan pada 1977, Kuwait Finance House, Kuwait pada 1977, Jordan Islamic Bank, Jordan pada 1978, Bahrain Islamic Bank, Bahrain pada 1979 dan banyak lagi selepasnya. Almarhum Raja Faisal bin Abdul Aziz al-Saud dari Arab Saudi dianggap sebagai orang yang memainkan peranan yang penting di dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi dan kewangan Islam.⁴³⁷

⁴³⁴ Dikenali sebagai Pejabat Tabung Haji yang dikanunkan melalui Akta Parlimen Bil 34/62 pada bulan Ogos 1962. Ianya dilancarkan secara rasminya pada bulan September 1963.

⁴³⁵ A Mumin A Ghani, (1999), *Sistem Kewangan Islam & Perlaksanaannya Di Malaysia*, JAKIM, hlm 237.

⁴³⁶ Abdul Halim Ismail, (1983), *Bank Islam Malaysia Berhad : Structure and Functions, Seminar on Current Trends & Development of the Banking Industry in Malaysia*, Public Bank, Kuala Lumpur, hlm. 54.

⁴³⁷ Sudin Haron, (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, hlm. 10.

Perkembangan pesat ini telah merebak ke Malaysia. Melalui resolusi yang dikemukakan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera Kedua,⁴³⁸ peserta-peserta kongres telah mendesak kerajaan untuk membenarkan Lembaga Tabung Haji menubuhkan sebuah bank Islam. Penubuhan Jawatankuasa Pemandu⁴³⁹ yang dipengerusikan oleh Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman telah dilantik untuk mengkaji dan menyediakan laporan untuk memulakan penubuhan Bank Islam di Malaysia. Lembaga Tabung Haji pula dilantik sebagai urusetia Jawatankuasa ini untuk membantu mempercepatkan proses tersebut.⁴⁴⁰

Bank Islam pertama telah ditubuhkan dan memulakan operasinya pada 1 Julai 1983.⁴⁴¹ Sejak daripada tarikh tersebut industri perbankan dan kewangan Islam telah berkembang pesat dan maju di Malaysia. Penyenaraian Bank Islam di Bursa Utama, Bursa Saham Kuala Lumpur pada 17 Januari 1992 telah menyemarakkan lagi perkembangan ini.⁴⁴²

Memandangkan urusan perbankan Islam terletak di dalam senarai persekutuan maka lahirlah Akta Bank Islam 1983 yang diluluskan oleh parlimen. Kerajaan persekutuan dengan kuasa yang ada telah memberikan tempoh 10 tahun kepada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk beroperasi sebagai satu-satunya bank Islam yang terdapat di negara ini. Hanya pada tahun 1993 Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan skim perbankan tanpa faedah (kini dikenali sebagai Skim Perbankan Islam) di mana bank konvensional dibenarkan untuk menjalankan urusan perniagaan Islam.⁴⁴³

Sejak itu, bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan mula dibenarkan untuk menawarkan produk-produk dan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah. Namun begitu, institusi-institusi ini dikehendaki mengasingkan

⁴³⁸ Abdul Halim Ismail, (1983), Kertas kerja *Bank Islam Berhad : Structure and Functions, Seminar On Current Trends & Development of the Banking Industry in Malaysia*, Public Bank Berhad, hlm. 54.

⁴³⁹ Ditubuhkan untuk mengkaji pelbagai aspek seperti penubuhan, bidang operasi dan sebagainya. Ia juga mengkaji kesesuaian sistem perbankan Islam dan bank Islam dalam konteks perspektif agama, perundangan Malaysia, penerimaan sosial dan lain-lain. Kewujudannya penting untuk menyediakan laporan penubuhan bank Islam yang bersesuaian dengan agama, perundangan dan operasi perbankan itu sendiri harus diteliti. Ab Mumin Ab Ghani, (1999), *Sistem Kewangan Islam & Perlaksanaannya Di Malaysia*, Jakim, hlm 328.

⁴⁴⁰ Bank Islam Malaysia Berhad, (1984), *Bank Islam, Penubuhan dan Operasi*, Kuala Lumpur, hlm 5.

⁴⁴¹ Utusan Melayu, 2 Julai 1983, Kuala Lumpur, hlm 1.

⁴⁴² Bank Islam Malaysia Berhad, (1983), *Laporan Tahunan 1992*, Kuala Lumpur, hlm 13.

⁴⁴³ Sudin Haron, (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, hlm 22.

dana dan aktiviti urusniaga perbankan Islam daripada urusniaga perbankan konvensional bagi memastikan tiada percampuran dana di antara kedua-duanya.⁴⁴⁴

Semenjak dilancarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah pada 4 Mac 1983, skim perintis yang melibatkan 3 buah bank konvensional telah dilancarkan. Ia melibatkan Malayan Banking Berhad, Bumiputra Malaysia Berhad dan United Malayan Banking Berhad (RHB Bank Berhad) yang menawarkan sejumlah 21 produk perbankan Islam. Sehingga suku pertama 1997, sebanyak 51 buah institusi kewangan menyertai skim ini iaitu meliputi 25 bank perdagangan, 22 syarikat kewangan dan 4 bank saudagar.⁴⁴⁵

Pada 1 Oktober 1999, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia telah menubuhkan sebuah lagi bank Islam iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad. Sebagai bank Islam kedua, Bank Muamalat memainkan peranan yang penting dalam menyediakan produk dan perkhidmatan perbankan Islam kepada masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Memandangkan kepada operasi awalnya, Bank Muamalat telah ditubuhkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) 1989. Namun begitu, usaha telah dilakukan untuk memindahkan operasi Bank Muamalat berasaskan akta ini kepada Akta Bank Islam 1983.⁴⁴⁶

Sehingga kini terdapat 51 institusi perbankan yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia termasuk 17 bank Islam dan 4 bank Islam antarabangsa yang beroperasi. Di samping itu, terdapat 60 buah syarikat insuran dan operator *takaful* yang menjalankan perniagaan berkaitan dengannya di Malaysia. Jumlah ini adalah termasuk 12 operator *takaful*, 1 operator *takaful* antarabangsa dan 4 operator re-*takaful*.⁴⁴⁷

⁴⁴⁴ Fadillah Mansor & Nor 'Azzah Kamri, (2006), *Dinamisme Kewangan Islam Di Malaysia*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, hlm. 74.

⁴⁴⁵ Mustafa Dakian, (2005), *Sistem Kewangan Islam : Instrumen, Mekanisme dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Utusan Publications dan Distributors, Kuala Lumpur, hlm. 56.

⁴⁴⁶ Bank Muamalat Malaysia Berhad, (t.t.), *A Quick Guide on Bank Muamalat Products and Services*, BMMB, Kuala Lumpur, hlm 1.

⁴⁴⁷ Sila semak senarai 2011 dalam www.bnm.gov.my/microsites/financial/0201_fi_list.htm

b) Undang-undang Syariah dan Civil

Berdasarkan Akta Bank Islam 1983 atau Akta Bank dan Institusi Perbankan 1989, institusi perbankan Islam boleh melaksanakan apa sahaja perniagaan berlandaskan undang-undang syariah memandangkan tiadanya undang-undang khusus *muamalat* Islam di Malaysia. Ini kerana akta tersebut tidak memberi peruntukan yang jelas mengenai definisi perbankan Islam dari segi aspek syariah.⁴⁴⁸

Walaupun begitu, operasi institusi perbankan Islam di Malaysia bukan sahaja perlu memenuhi undang-undang syarak mahupun undang-undang sivil malah perlu mengikuti undang-undang prosedur di mahkamah sivil serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Kelancaran pembangunan sistem perbankan Islam terpaksa melalui proses pelarasan undang-undang syariah dan sivil tanpa membelakangkan prinsip-prinsip syariah yang menjadi teras sistem perbankan Islam ini.⁴⁴⁹

Prinsip-prinsip syariah yang diaplikasikan di dalam operasi perbankan Islam ialah seperti *Uqud Al-Mua'wadhah* (Jual beli), *Attabarua't* (Derma), *Uqud Isytirak* (Perkongsian) seperti *mudharabah* (perkongsian untung), *musyarakah* (perkongsian untung dan rugi) dan *muzaraa'* (perladangan), *Uqud Tawsiqat* (Jaminan) seperti *Kafalah*, *Rahnu* dan *Hawalah*, *Uqud Ilaqat* (Umum) atau *a'mal Insan* seperti *wakalah* (agen), *Uqud Taqyiydat* (Halangan) seperti *taflis* (muflis), *Uqud Isqatat* (gugur hak) refers to *ibra'* (rebat), *muqasah* (set off) dan *Uqud Hifz* (deposit) seperti *wadiah* (simpanan).

Manakala undang-undang sivil memperuntukkan dengan jelas undang-undang berkaitan seperti Akta Kontrak 1950, Akta Jualan Barangan 1957, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Syarikat 1965, Akta Sewa Beli 1967, Akta Suruhanjaya Syarikat 1993, Akta Duti Setem 1959, Akta Pencegahan Wang Haram 2001 dan Undang-undang Prosedur di Mahkamah.

⁴⁴⁸ Noor Inayah Yaakub, (2007), *Perkembangan Undang-Undang Perbankan Islam Sejak Merdeka : Persidangan Undang-undang Yuanku Ja'afar 2007*, Fakulti Undang-undang UKM, hlm. 395.

⁴⁴⁹ Zulkifli Hasan, (2007), *Perlaksanaan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia : The Development of Economics and Muamalat Practices*, USIM, Nilai, hlm. 127.

Aplikasi penyelarasan undang-undang sivil dan Syariah dapat dilihat di dalam produk pembiayaan perumahan *Bai' al-Bithaman Ajil*. Undang-undang syariah mensyaratkan bahawa rukun jual beli yang wajib dipatuhi dan aset yang dibenarkan oleh hukum syarak berlandaskan konsep jual beli dengan bayaran ansuran. Hak jual beli seperti *khiyar majlis* dan *khiyar aib* perlu diberikan kepada pelanggan yang ingin mendapat pembiayaan. Ini sebagaimana dalam kes *Affin Bank Berhad lwn Zulkifli Abdullah*.⁴⁵⁰

Perlembagaan juga telah meletakkan kes-kes yang melibatkan hal ehwal perbankan Islam di bawah bidang kuasa mahkamah sivil walaupun prinsip *muamalat* termasuk di bawah undang-undang syariah yang sepatutnya berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini memandangkan urusan kontrak, perniagaan dan perbankan terletak dalam senarai persekutuan.⁴⁵¹ Semua prosedur adalah menurut peruntukan undang-undang sivil seperti Akta Bankrupsi 1967, Akta Syarikat 1965, Peraturan Mahkamah Tinggi 1980, Peraturan Mahkamah Rendah 1980, Peraturan Mahkamah Persekutuan 1995 dan sebagainya.

Melalui kaedah ini undang-undang baru tidak perlu digubal di Parlimen. Ia hanya perlu diselaraskan untuk memastikan kelicinan pembangunan kewangan dan perbankan Islam di Malaysia.⁴⁵² Peruntukan undang-undang sivil yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah dapat digunapakai manakala aspek-aspek yang berlawanan perlu diubahsuai dengan peruntukan undang-undang yang dibenarkan oleh hukum syarak.⁴⁵³

Justeru, perkembangan ini memerlukan sokongan kerajaan pusat. Kerajaan negeri tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi dan hanya memiliki bidang kuasa yang terhad iaitu meliputi hal ehwal agama, adat dan tanah. Kerajaan pusat dapat memastikan perkembangan industri ini dapat bergerak dengan lebih pantas dan berkesan dengan mempunyai sumber ekonomi yang kukuh dan bidang kuasa yang cukup luas.

⁴⁵⁰ (2006) 1 CLJ 447. Dalam kes ini Affin Bank telah menyaman Zulkifli Abdullah kerana gagal membayar pembiayaan bagi rumah dua tingkat melalui perjanjian yang dimeterai pada Disember 1997.

⁴⁵¹ Jadual 9 Senarai 1 Perlembagaan Persekutuan.

⁴⁵² Zulkifli Hasan, (2007), *Perlaksanaan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia : The Development of Economics and Muamalat Practices*, USIM, Nilai, hlm. 125.

⁴⁵³ Ahmad Ibrahim, (t.t.), *Legal Framework Of Islamic Banking in Malaysia*, IKIM, vol.1 (1), hlm 1.

4.4 Takaful Di Malaysia

4.4.1 Pengertian Takaful

Takaful merupakan salah satu cabang instrumen kewangan Islam yang mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah secara menyeluruh. Ianya telah berkembang pesat pada masa kini dan menjadi satu pilihan di dalam industri insurans bukan sahaja kepada umat Islam malahan kepada perekonomian dunia. Perkembangan ini memberikan gambaran bahawa Islam mempunyai alternatif yang terbaik dalam pengendalian dan pengurusan risiko.

a) Definisi Takaful

Kata dasar bagi perkataan takaful ialah '*kafala*' yang bererti untuk menjamin, menjaga atau memelihara. Takaful merupakan kata nama yang berasal dari kata kerja '*takafala*' yang memberi makna kepada saling menjamin, saling menjaga dan saling memelihara. Konsep ini mengandungi prinsip-prinsip kerjasama, saling membantu dan tanggungjawab bersama yang merupakan asas kepada insuran secara Islam atau *takaful*.⁴⁵⁴

Takaful membawa erti bahawa ia merupakan satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta jika diperlukan di mana peserta-peserta bersama-sama bersetuju untuk memberi sumbangan kewangan bagi maksud tersebut.⁴⁵⁵

Definisi lain pula, *takaful* adalah satu kontrak di mana seorang bersetuju untuk memberi sejumlah wang ke dalam satu tabung yang diuruskan oleh satu syarikat *takaful*.⁴⁵⁶ Tujuannya adalah apabila berlaku sesuatu kemalangan atau kerugian yang mungkin

⁴⁵⁴ Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, (2003), *The Principle of al-Takaful (Collective Responsibility) in Islam and Its Practice in the Operations of Syarikat Takaful Malaysia Berhad*, Jurnal Usuluddin, bil. 17, hlm. 33 – 56.

⁴⁵⁵ Bahagian 1, Seksyen 2, *Akta Takaful 1984*, (25 Januari 2010), International Law Book Services, Petaling Jaya, hlm. 6.

⁴⁵⁶ Ab Mumin Ab Ghani, (1999), *Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur, hlm. 5.

berlaku kepada pemberi wang tersebut maka ia akan dibayar ganti dari tabung tersebut dengan persetujuan penyumbang lain. Dia juga bersetuju untuk menyumbangkan sebahagian dari pemberiannya itu kepada penyumbang lain apabila sesuatu kemalangan atau kerugian menimpa mereka. Bersesuaian dengan konsep *ta'min ijtima'i*, wang simpanan tabung peserta-peserta akan digunakan oleh syarikat pengurusan *takaful* bagi tujuan mencari keuntungan melalui perniagaan dan pelaburan.⁴⁵⁷

Takaful pada asasnya adalah berteraskan sikap bekerjasama, bertanggungjawab, saling membantu dan melindungi di kalangan peserta-pesertanya. Ia bertujuan untuk menggalakkan sifat tolong-menolong dan perpaduan di kalangan peserta yang selari dengan konsep "*ta'awun*" iaitu saling bekerjasama.⁴⁵⁸ Melalui *takaful* akan dapat diwujudkan suatu perhubungan yang erat mengikut amalan dan peraturan Islam di antara peserta-peserta yang berpakat dan bersetuju untuk sama-sama menanggung kerugian atau kehilangan.⁴⁵⁹ Ia akan menyediakan asas sumbangan yang dapat dikongsi bersama bagi membantu mereka yang ditimpa musibah dan memerlukan bantuan kewangan.

Sebagaimana firman Allah swt ⁴⁶⁰ yang bermaksud :

" ... dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan takwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan ... "

Sebagaimana sabda Rasullullah saw ⁴⁶¹ yang bermaksud :

Ibarat hubungan dan perasaan orang-orang beriman sesama mereka adalah seperti jasad, apabila salah satu daripadanya ditimpa kesusahan, maka seluruh anggota yang lain juga akan merasainya.

⁴⁵⁷ Ahmad Hidayat Buang, (1996), *Takaful : Akad Insurans atau Mudarabah?*, Jurnal Syariah, 4 (1), Universiti Malaya, hlm. 139.

⁴⁵⁸ Mohd Fadzli Yusof, (2006), *Mengenal Takaful*, IBS Buku Sdn Bhd, Petaling Jaya, hlm. 107.

⁴⁵⁹ Kuat Ismanto, (2009), *Asuransi Syariah : Tinjauan Asas-asas Hukum Islam*, Pustaka Pelajar, Yogyakarta, Indonesia, hlm. 55.

⁴⁶⁰ Al-Quran, Surah al-Maidah, ayat 2.

⁴⁶¹ Diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim.

b) Definisi Insurans

Insurans bolehlah difahami sebagai satu kaedah iaitu satu kumpulan orang berikrar untuk mengumpul serta menggembeleng usaha dan sumber bagi mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tanggung-menanggung sesama mereka, jika ditakdirkan mana-mana di antara mereka ditimpa musibah.⁴⁶² Melalui kaedah ini, mangsa yang mengalami kesusahan tersebut akan mendapat manfaat perlindungan daripada sejumlah wang. Dengan manfaat ini adalah diharapkan apa-apa beban yang terpaksa ditanggung oleh mangsa akibat penderitaan sesuatu musibah dapat diringankan.

Konsep insurans secara ringkas pula ialah persediaan yang dibuat oleh sekumpulan orang yang masing-masing menghadapi kerugian kecil sebagai sesuatu yang tidak dapat diduga. Apabila kerugian itu terkena ke atas salah seorang daripada mereka yang menganggotai kumpulan itu, maka kerugian itu akan diagihkan di antara mereka.⁴⁶³

Justeru, insurans adalah merupakan gabungan anggota masyarakat untuk turut membantu meringankan beban seseorang individu dan menjauhi kerosakan dimana setiap individu adalah terdedah kepada bahaya-bahaya dan malapetaka yang tidak diketahui bila berlakunya. Apabila berlakunya kemalangan ke atas anggota masyarakat maka beban penderitaan itu dibahagi-bahagikan kepada seluruh anggota masyarakat yang terlibat.⁴⁶⁴

Berdasarkan definisi dan pengertian yang dinyatakan, dapatlah disimpulkan bahawa tujuan dan matlamat insurans ialah bagi menghadapi bencana yang akan mendatangkan masalah dan kerosakan kepada kehidupan dan perhubungan sesama manusia. Ini adalah jelas dengan cara pengagihan tanggungan samarata kepada setiap anggota masyarakat apabila sesuatu kerosakan dan kerugian menimpa ke atas individu.

⁴⁶² Mohd Fadzli Yusof, (1996), *Takaful: Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm.8.

⁴⁶³ Mohammad Muslehuddin, (1969), *Insurans dan Hukum Islam (Insurance and Law)*, Diterjemahkan oleh Izuddin Hj. Mohamed & Abdul Rahman Rukaini, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 4.

⁴⁶⁴ Sobri Salamon, (1989), *Ekonomi Islam, Pengenalan Sistem & Kemungkinan*, Ar-Rahmaniah, Badan Dakwah & Kebajikan Islam Malaysia, Selangor, hlm. 7.

c) Prinsip-prinsip Takaful

i) *Al-Takaful*

Perkataan *al-Takaful* dalam bahasa Arab bermaksud saling jamin-menjamin atau saling pelihara memelihara. Konsep ini mengandungi prinsip kerjasama, saling bantu-membantu dan tanggungjawab bersama yang menjadi asas kepada sistem insurans Islam.⁴⁶⁵

Dalam al-Quran dan al-hadist terdapat banyak ayat yang menggesa agar manusia mengamalkan sifat di atas, antaranya ialah firman Allah swt⁴⁶⁶ yang bermaksud :

Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Sabda Rasulullah saw⁴⁶⁷ yang bermaksud:

Seorang mukmin dengan mukmin yang lain (dalam sesebuah masyarakat) seperti sebuah bangunan yang mana setiap bahagian dalam bangunan itu mengukuhkan bahagian-bahagian yang lain.

Dalam amalan syarikat *takaful*, ia merupakan satu cara atau kaedah peserta-peserta takaful bersetuju untuk saling menjamin sesama mereka dari sebarang bencana atau musibah dengan tujuan melindungi sesama mereka. Sehubungan itu, para peserta dalam kumpulan itu juga bersetuju untuk membantu mana-mana peserta dengan memberikan manfaat kewangan untuk membantu meringankan beban kewangannya akibat ditimpa bencana seperti kebakaran, kemalangan dan sebagainya.

⁴⁶⁵ Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, (2003), *The Principle of al-Takaful (Collective Responsibility) in Islam and Its Practice in the Operations of Syarikat Takaful Malaysia Berhad*, Jurnal Usuluddin, Bil. 17, hlm 33 – 56.

⁴⁶⁶ Al-Quran, Surah al-Imran, ayat 104.

⁴⁶⁷ Diriwayatkan oleh Imam Muslim. Sabda Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari pula ialah "Seseorang tidak boleh dianggap beriman sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri."

ii) *Al-Tabarru'*

Konsep ini menjadi asas yang penting dalam kontrak takaful yang selari dengan konsep *al-Takaful*. *Al-Tabarru'* bermaksud menderma, membuat kebajikan atau mengurniakan dengan reda sendiri untuk tujuan berbakti dan membantu. Oleh itu konsep perniagaan yang dibina ini akan menggambarkan satu rancangan perlindungan bersama berasaskan perpaduan, rasa tanggungjawab dan perhubungan persaudaraan antara para peserta. Para peserta *takaful* yang memeterai perjanjian ini bersetuju untuk memberikan bahagian tertentu daripada sumbangan atau carumannya bagi menyediakan bantuan dan sama-sama menanggung sesama mereka kepada mana-mana peserta yang ditimpa musibah sebagai balasan kepada penyertaan dalam khidmat *takaful* yang dibuat secara *tabarru'*.⁴⁶⁸

Konsep *tabarru'* adalah satu perkara yang amat digalakan dalam Islam sehingga ganjaran terhadap orang yang melaksanakan *tabarru'* ini digambarkan dengan ganjaran yang berlipat kali ganda. Firman Allahswt⁴⁶⁹ yang bermaksud:

Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

Justeru, *takaful* memberi maksud akad yang khusus dalam konteks perniagaan iaitu wang yang ditabarru'kan oleh setiap pesertanya digunakan untuk membantu mana-mana peserta yang ditimpa musibah atau untuk manfaat peserta *takaful* sahaja. Dalam hal ini akad *takaful* akan menetapkan bila dan keadaan syarikat atau pengendali perniagaan *takaful* sebagai pemegang amanah boleh menggunakan hak dan kuasa yang diberikan oleh para peserta untuk menggunakan wang tersebut.⁴⁷⁰

⁴⁶⁸ Joni Tomkin Borhan, (2008), *Sistem Takaful Di Malaysia : Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 45.

⁴⁶⁹ Al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 261.

⁴⁷⁰ Mohd Fadzli Yusof, (1996), *Takaful: Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hlm. 8.

iii) *Al-Mudharabah*

Konsep *al-Mudharabah* juga kadang kala dikenali sebagai *al-Qiradh*. Menurut istilah sarjana fiqh, perkongsian seperti ini berlaku apabila pemilik menyerahkan harta mereka kepada seseorang untuk diusahakan dan diniagakan. Sekiranya ada keuntungan maka ia akan dikongsi bersama-sama. Atas dasar tersebut juga amalan ini dinamakan *al-Syarikah* kerana mereka bersama-sama berkongsi keuntungan.⁴⁷¹

Al-Mudharabah juga boleh dikatakan sebagai suatu bentuk perkongsian untung dalam perniagaan. Pihak yang mempunyai modal tetapi tidak mempunyai keupayaan dan pengalaman boleh menyediakan modal tersebut kepada pihak yang berkecukupan untuk melaburkan modal tersebut dalam bidang pelaburan yang menguntungkan.⁴⁷²

Dalam hadist Rasulullah saw bersabda⁴⁷³ yang bermaksud:

Ada tiga perkara yang diberkati iaitu jual beli secara hutang, muqaradhah dan mencampurkan barli dan gandum untuk kegunaan rumah bukan untuk dijual.

Ulamak bersepakat bahawa keharusan konsep *al-Mudharabah* ini adalah berdasarkan dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah, *ijma'* dan *qias*. Sementara itu, jumhur ulamak berpendapat bahawa rukun-rukun *al-Mudharabah* itu mempunyai tiga perkara iaitu orang yang berakad iaitu yang terdiri daripada pemodal atau pelabur dan pengusaha. Kedua, perkara yang diakadkan iaitu modal, usaha dan keuntungan. Rukun yang ketiga pula ialah *sighah* ataupun kontrak meliputi *ijab* dan *qabul*.⁴⁷⁴

⁴⁷¹ Wahbah al-Zuhayli, (1996), *Fiqh Islam wa Adillatuhu*, Dar al-Fikr, Beirut, hlm 280.

⁴⁷² Joni Tomkin Borhan, (2008), *Sistem Takaful Di Malaysia : Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 43.

⁴⁷³ Riwayat Ibn Majah.

⁴⁷⁴ Wahbah al-Zuhayli, (1996), *Fiqh Islam wa Adillatuhu*, Dar al-Fikr, Beirut, hlm 284.

iv) *Al-Wakalah*

Al-Wakalah iaitu mewakilkan seseorang untuk menyerahkan apa yang dilakukannya dan boleh dilakukan oleh orang lain dalam hidupnya. Unsur hidup dikaitkan kerana untuk membezakannya dengan wasiat.⁴⁷⁵ Ulama menyatakan keabsahan akad *al-Wakalah* ini sebagaimana firman Allah swt⁴⁷⁶ yang menyatakan bahawa :

"...sekarang utuskanlah salah seorang daripada kamu membawa wang perak kami ini ke bandar."

Firman Allah swt⁴⁷⁷ yang bermaksud :

" ... maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka itu) seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan..."

Penggunaan akad *al-Wakalah* merupakan satu akad antara dua pihak (pewakil dan wakil) yang memberi kuasa kepada wakil untuk melaksanakan sesuatu urusan yang diperakui oleh undang-undang bagi pihak pewakil. Dalam amalan *takaful* sekarang, peserta bersetuju melantik syarikat sebagai wakil mereka untuk menguruskan dan melaburkan dana yang diberikan. Melalui prinsip ini juga para peserta memberi kebenaran mutlak kepada syarikat mengenakan apa-apa yuran yang berkaitan dengan pentadbiran termasuklah melantik wakil bagi pihak mereka.

Ini juga bermaksud syarikat *takaful* bebas untuk menguruskan perlindungan kewangan mereka mengikut sistem mereka sendiri di samping melaburkannya pada tempat-tempat yang difikirkan sesuai berlandaskan prinsip-prinsip syariah. Hakikatnya, amalan *takaful* adalah merupakan sistem yang amat bergantung kepada kepercayaan peserta untuk mewakilkan urusan kewangan mereka kepada syarikat pengendali yang dipilih.

⁴⁷⁵ Joni Tomkin Borhan, (2008), *Sistem Takaful Di Malaysia : Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 47.

⁴⁷⁶ Al-Quran, Surah al-Kahfi, ayat 9.

⁴⁷⁷ Al-Quran, Surah al-Nisa, ayat 39.

4.4.2 Perkembangan Takaful

a) Sejarah Takaful

i) Dunia Arab dan Islam

Konsep insuran bukanlah perkara baru di dunia Arab dan Islam malahan telah diamalkan sejak zaman *jahiliyah* lagi iaitu sebelum perutusan Nabi Muhammad saw. Konsep yang dilakukan adalah mengikut amalan mereka pada ketika itu dan dikembangkan sehingga menjadi sebahagian daripada konsep insurans Islam itu sendiri.

Amalan yang amat mirip dengan *takaful* ialah sistem *al-'Aqilah* yang diwujudkan di kalangan kaum keluarga seseorang yang telah melakukan pembunuhan. Dalam doktrin ini, kaum keluarga tertuduh sepakat dan bersetuju untuk membayar pampasan sebagai ganti rugi bagi melindunginya daripada bebanan kewangan akibat pembunuhan yang dilakukan.⁴⁷⁸ Amalan *al-Qasamah* juga diwujudkan bagi membantu keluarga mangsa pembunuhan apabila tidak diketahui siapa pembunuhnya atau keterangan saksi yang layak untuk mengenal pasti pembunuhnya tidak diperolehi.⁴⁷⁹

Satu lagi konsep yang berkait rapat dengan *takaful* ialah akad *muwalah* yang merupakan bentuk perjanjian jaminan iaitu penjamin akan membayar seseorang yang tidak berwaris. Penjamin akan bersetuju untuk membayar *diyat* iaitu denda atau tebusan jika orang yang dijamin itu melakukan jenayah. Di kalangan masyarakat Melayu, amalan itu telah dilaksanakan melalui skim khairat kematian yang dilaksanakan di kawasan kampung. Biasanya skim ini dianjurkan oleh organisasi masjid di sesebuah kariah.⁴⁸⁰

⁴⁷⁸ Sila lihat pembahasan lanjut di bab 2.

⁴⁷⁹ Mohd Ma'sum Billah, (2003), *Islamic Insurance (Takaful)*, Ilmiah Publisher, Selangor, hlm 1. Mohd Ma'sum Billah, (2003), *Islamic and Modern Insurance*, Ilmiah Publisher, Selangor, hlm. 4.

⁴⁸⁰ Mohd Fadzli Yusof, (1996), *Takaful : Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributor, hlm. 9.

Bagi pedagang-pedagang Arab pada zaman sebelum Islam juga turut mempraktikkan konsep perlindungan insurans. Mereka berdagang merentasi padang pasir dengan unta, membawa barang dagangan ke sebuah negeri secara kumpulan. Dalam menjalankan urusan ini mereka sentiasa terdedah kepada kemungkinan berlakunya pelbagai bahaya, musibah dan bencana seperti rompakan, ribut padang pasir, pembunuhan dan lain-lain tragedi. Ia bukan sahaja boleh menyebabkan kerugian dan kehilangan barang dagangan malahan boleh mendatangkan ancaman kepada nyawa pedagang-pedagang itu sendiri.⁴⁸¹

Bagi mengatasi atau meringankan beban ini, pedagang-pedagang Arab pada ketika itu telah berpakat sesama mereka untuk mengagih-agihkan barang dagangan pada beberapa kafilah dan beberapa ekor unta. Jika ditakdirkan berlaku sesuatu musibah ke atas mana-mana kafilah atau unta yang mereka gunakan itu, kerugian atau kehilangan yang mungkin dialami hanya sekadar terhad kepada kafilah atau unta yang malang itu sahaja.⁴⁸²

Kemunculan insurans secara sistematik di kalangan umat Islam adalah dikatakan telah ditemui di Andalus. Kemudian sistem ini telah berpindah ke negara-negara di bawah naungan Khilafah Uthmaniah.⁴⁸³ Ulamak pertama yang membincangkan persoalan ini ialah Al-Faqih Ibnu Abidin di dalam kitabnya “*Raddul Muhtar ala DarilMukhtar*” berkaitan dengan insuran perkapalan. Beliau berpendapat bahawa pampasan adalah diharuskan jika perjanjian itu dilakukan di negara bukan Islam.⁴⁸⁴ Muhammad Abduh juga telah mengeluarkan fatwa di antara tahun 1900 - 1901 mengenai kesahihan insurans. Beliau menggunakan beberapa sumber dalam fatwanya untuk menunjukkan mengapa insurans nyawa dibenarkan. Antara fatwanya ialah hubungan antara penginsuran dan kumpulan insurans adalah sebagai kontrak *mudharabah*. Fatwa lain pula mengesahkan transaksi itu bersamaan dengan pembiayaan insuran hayat.⁴⁸⁵

⁴⁸¹ Mohd Fadzli Yusof, (1996), *Takaful : Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributor, hlm. 9.

⁴⁸² Ibid.

⁴⁸³ Akan tetapi kebanyakan pengkaji Islam menyimpulkan bahawa kemunculannya di dalam komuniti umat Islam hanya pada kurun ke 19 Masihi. Ini berdalilkan kepada tiada seorang pun di kalangan para fuqaha' dan ulama' silam yang membicarakan tentang topik ini di dalam perbincangan mereka.

⁴⁸⁴ Fadillah Mansor dan Azman Ismail, (2006), *Konsep Takaful dan Amalannya Di Malaysia : Dinamisme Kewangan Islam Di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, hlm. 90.

⁴⁸⁵ Mohd Ma'sum Billah, (2003), *Islamic and Modern Insurance*, Ilmiah Publisher, Selangor, hlm. 9.

ii) Perkembangan di Barat

Sejarah perkembangan insurans mula dikesan daripada dokumentasi beberapa peristiwa sejak zaman Yunani dan zaman Romawi iaitu beberapa abad sebelum Masihi lagi. Beberapa urusan mereka mengandungi faktor-faktor persamaan dengan pengertian yang terkandung dalam surat perjanjian insurans. Pada abad-abad pertengahan, insurans kebakaran secara amnya mula diperkenalkan, diikuti kemudian dalam abad ke-13 dan ke-14 di mana amalan insurans untuk pengangkutan laut berkembang sejajar dengan kepesatan perhubungan melalui laut di antara bahagian-bahagian dunia ketika itu. Insurans perkapalan pada ketika itu telah menjadi hal biasa di Eropah Barat.⁴⁸⁶

Bagi sektor insurans hayat, kontrak insurans hayat untuk William Gybbon merupakan kontrak insurans pertama yang telah direkodkan di England pada tahun 1583. Suatu pencapaian yang sangat penting dalam perkembangan insurans hayat ialah penggabungan Jadual Kemortalan dengan kadar pulangan berkompau di mana pada tahun 1762 '*The Equitable Assurance*' buat pertama kalinya menetapkan kadar premium dengan menggunakan sistem premium paras berasaskan amalan moden.

Manakala insurans terhadap pengangkutan awam (kenderaan darat) hanya wujud pada kurun ke-20 Masihi.⁴⁸⁷ Kewujudan insurans ini sejajar dengan perkembangan pesat perindustrian dan perkilangan yang menghasilkan pelbagai produk-produk berenjin dan bermotor. Pun begitu sebab kemunculannya juga berkaitan risiko-risiko perniagaan dan perindustrian yang mendesak kepada pembentukan insurans kemalangan dan kerugian. Selepas itu, wujudlah pelbagai bentuk insurans yang lain-lain.

⁴⁸⁶ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, IBFIM, Kuala Lumpur, hlm 46-47. Zuriah Abdul Rahman & Hendon Redzuan, (2009), *Takaful : The 21st Century Insurance Innovation*, Mc Graw Hill, Kuala Lumpur, hlm 74-75.

⁴⁸⁷ Sila lihat pembahasan lanjut di bab 3.

b) Takaful di Malaysia

i) Sejarah

Pada dasarnya, industri *takaful* telah dibentuk adalah untuk melengkapkan operasi Bank Islam Malaysia Berhad yang ditubuhkan pada tahun 1983. Namun, penubuhan industri *takaful* juga telah memberi alternatif baru kepada umat Islam yang memerlukan jaminan perlindungan kewangan berlandaskan syariah daripada menyertai insurans konvensional. Malah keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia pada 15 Jun 1972 yang memutuskan bahawa insurans hayat adalah suatu kontrak yang tidak sah kerana mengandungi unsur-unsur ‘*gharar*’ (ketidakpastian), ‘*maisir*’ (perjudian) dan riba turut dilihat menyumbang kepada penubuhan industri *takaful* di Malaysia.⁴⁸⁸

Pada 27 Februari 1982, Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim telah membentangkan kertas kerja “ *Towards An Islamic System* “ mengusulkan supaya ditubuhkan Petugas khas untuk mengkaji dan mengusulkan penubuhan industri *takaful* di Malaysia.⁴⁸⁹ Bagi mengkaji daya maju penubuhan syarikat insurans Islam, sebuah Petugas khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 1982 dan telah di bawa kepada Jemaah Menteri pada April 1984.

Hasil kajian Petugas ini di antaranya mengenai kebenaran untuk menubuhkan insurans Islam iaitu *takaful*, bermodalkan daripada sumber yang halal iaitu Bank Islam Berhad dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri. Ia mestilah mempunyai akta yang tersendiri dan sentiasa diawasi oleh Majlis Pengawasan Syariah. Berikutan syor petugas tersebut, Akta Takaful telah diperkenal dan dikuatkuasakan pada 1984. Pengendali *takaful* yang pertama telah diperbadankan iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada November 1984.⁴⁹⁰

⁴⁸⁸ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, IBFIM, Kuala Lumpur, hlm 49.

⁴⁸⁹ Ia adalah terdiri daripada ulamak Syariah Islam, pakar perundangan, Peguam Negara atau wakil, Ketua Pengarah Insurans Malaysia, Pengurus Besar atau Timbalan Pengurus Besar syarikat insurans konvensional yang beragama Islam atau ahli-ahli yang difikirkan layak dan sesuai.

⁴⁹⁰ Fadillah Mansor dan Azman Ismail, (2006), *Konsep Takaful dan Amalannya Di Malaysia : Dinamisme Kewangan Islam Di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, hlm. 97-98.

ii) **Komponen Dalam Industri Takaful**

- **Peserta Takaful**

Pencarum juga dikenali sebagai pemegang polisi atau dalam skim *takaful* sebagai peserta. Mereka merupakan pengguna produk *takaful* yang mencarum sejumlah wang sebagai sumbangan dalam satu kumpulan wang bersama untuk membantu ahli-ahli yang mengalami musibah. Peserta *takaful* terdiri dari pihak individu, organisasi perniagaan dan korporat, syarikat-syarikat awam, badan-badan kerajaan dan separa kerajaan.⁴⁹¹

- **Pengendali Takaful**

Pengendali *takaful* ialah pentadbir kumpulan wang *takaful* dan mengurus kumpulan wang tersebut sebagai amanah bagi pihak peserta dan kontrak antara peserta dengan pengendali ditentukan di bawah kontrak '*mudharabah*' atau '*wakalah*'. Pengendali *takaful* juga akan mengunderait perniagaan takaful dan bertindak sebagai pentadbir kumpulan wang bagi pihak peserta. Pengendali-pengendali *takaful* di Malaysia menjalankan operasi Takaful Am dan Takaful Keluarga berlandaskan undang-undang Islam dan Syariah. Sehingga kini, pengendali *takaful* berdaftar yang beroperasi di Malaysia meliputi :

- i) Syarikat Takaful Malaysia Berhad
- iii) Etiqa Takaful Berhad
- iv) Hong Leong MISG Takaful Berhad
- v) HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn Bhd
- vi) MAA Takaful Berhad
- vii) Prudential BSN Takaful Berhad
- viii) Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.
- ix) AIA AFG Takaful Berhad
- x) AmFamily Takaful Berhad
- xi) Great Eastern Takaful Sdn Bhd
- xii) ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad

⁴⁹¹ Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, (2007), *Buku Panduan AsasTakaful*, IBFIM, Kuala Lumpur, hlm. 62. Lihat juga Zuriah Abdul Rahman & Hendon Redzuan, (2009), *Takaful : The 21st Century Insurance Innovation*, Mc Graw Hill, Kuala Lumpur, hlm 35-36.

- Saluran Pengantara

Pengantara dalam pasaran *takaful* terdiri dari agen dan broker yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984. Para pengantara bertindak sebagai orang tengah di antara pengendali *takaful* dan peserta dengan menyesuaikan keperluan peserta dengan produk *takaful* yang ditawarkan oleh pengendali *takaful*.

i) Agen Takaful

Agen Takaful dilantik oleh pengendali *takaful* dan diberi kuasa untuk memasuki mana-mana kontrak bagi pihak pengendali *takaful* yang mana pengendali takaful tersebut akan bertanggungjawab bagi semua kontrak yang akan dikendalikan oleh agen tersebut sama seperti pengendali *takaful* itu sendiri yang memasuki kontrak tersebut.

Agen takaful mewakili pengendali *takaful* dalam pemasaran dan pemberian khidmat produk mereka dan menerima komisen daripada pengendali *takaful*. Namun, agen tidak boleh mewakili lebih dari dua syarikat *takaful* am dan satu syarikat *takaful* keluarga dalam satu masa. Agensi *takaful* boleh dioperasikan secara sambilan atau sepenuh masa. Bakal agen juga disyaratkan untuk menduduki dan lulus Peperiksaan Asas Agen Takaful atau yang setaraf dengannya dan mendaftar dengan Persatuan Takaful Malaysia.

ii) Broker Takaful

Berbeza dengan agen takaful yang mewakili pengendali *takaful*, broker takaful adalah pengantara sepenuh masa yang bertindak sebagai perunding yang mewakili peserta *takaful*. Oleh itu, broker takaful tidak terikat kepada pengendali *takaful* kerana biasanya mereka dilantik dan bertindak bagi pihak pengguna.⁴⁹²

⁴⁹² Dalam Akta Takaful 1984, broker ditafsirkan sebagai mana-mana individu, firma atau syarikat yang kerana pampasan sebagai seorang kontraktor bebas dengan apa jua cara mensolusit, merundingi atau mendapatkan kontrak takaful atau pembaharuan atau penerusannya bagi peserta selain dirinya. Perkhidmatan broker takaful kebiasaannya diperlukan oleh pelanggan komersial yang ingin mendapatkan pelan takaful yang paling sesuai untuk risiko perniagaan mereka yang kompleks.

Selain itu, broker boleh menempatkan permohonan perlindungan bagi pihak pengguna dengan pengendali *takaful* yang bersesuaian dan menerima fi brokeraj sebagai imbuhan perkhidmatan. Broker juga turut membantu pelanggan dalam membuat urusan tuntutan dan mendapatkan manfaat pampasan atau gantirugi. Berdasarkan undang-undang adalah dikehendaki broker *takaful* mempunyai lesen daripada Ketua Pengarah Takaful dan menjadi ahli Persatuan Broker-broker Insurans Malaysia (IBAM).⁴⁹³

iii) Bank takaful

Bank takaful ialah agihan produk *takaful* melalui saluran agihan yang ditubuhkan oleh bank. Di Malaysia, pengendali *takaful* dikehendaki mematuhi keperluan pengawalseliaan berhubung dengan bank takaful seperti yang ditetapkan di bawah pekeliling mengenai bank takaful bagi memastikan pengguna mendapat manfaat daripada struktur kos yang efisien melalui pengaturan bank takaful.

iv) Adjuster

Dalam Akta Takaful 1984, adjuster ditafsirkan sebagai mana-mana orang yang kerana pampasan, bayaran, komisen atau gaji menyiasat atau merunding penyelesaian tuntutan yang timbul di bawah kontrak *takaful*, semata-mata bagi pihak sama ada pengendali *takaful* atau peserta. Atau dengan bahasa yang lebih ringkas, adjuster merupakan pengantara *takaful* yang akan menyiasat tuntutan, menilai kerugian yang kena dibayar dan mengesyorkan penyelesaian tuntutan.

⁴⁹³ Broker takaful juga hendaklah ditubuhkan sebagai badan korporat yang tertakluk kepada keperluan modal berbayar tidak terjejas minimum RM500,000 bagi broker dilesen di bawah Akta Takaful 1984 dan RM600,000 bagi broker dilesen di bawah Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996. Broker takaful dilesen di bawah Akta Takaful 1984 juga dikehendaki mempunyai perlindungan takaful atau insurans indemniti profesional tidak kurang daripada RM500,000 untuk melindungi mana-mana liabiliti yang timbul daripada salah laku atau kecuaiannya semasa menasihati pelanggan. Perlindungan indemniti profesional yang minimum bagi broker dilesen di bawah Akta Takaful 1984 dan Akta Insurans 1996 ialah RM1 juta.

4.5.3 Perundangan Takaful Di Malaysia

Kerajaan telah menyediakan rangka kerja perundangan dan kawal selia yang kukuh untuk kewangan dan pasaran modal Islam. Ini termasuklah menyediakan dan membangunkan produk yang inovatif serta melahirkan kumpulan cendekiawan dalam bidang syariah dan kewangan Islam selaras dengan hasrat kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC). Selain daripada itu, penafsiran dan kaedah amalan syariah akan diterima pakai dengan mengambil kira pelbagai pandangan dan ijtihad yang telah diluluskan oleh penasihat Syariah yang diiktiraf.⁴⁹⁴

Inisiatif ini membolehkan pembangunan kewangan Islam berjalan dengan teratur dan mengikut kehendak Islam dan mengekalkan keyakinan pelanggan. Persekitaran syariah yang kondusif juga memastikan Malaysia kekal sebagai pusat inovasi produk yang menghasilkan produk terkini kepada pelanggan yang kian canggih dan mencabar. Rangka kerja perundangan di Malaysia dapatlah dibahagikan kepada :

a) Akta Takaful (1984)

Pada tahun 1982, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji alternatif-alternatif yang sesuai bagi melaksanakan insurans berbentuk Islam. Laporan yang lengkap telah dikemukakan oleh jawatankuasa dan telah diluluskan pada tahun 1984. Seterusnya Parlimen telah meluluskan Akta Takaful tersebut yang menjadi asas perundangan utama dalam penyelenggaraan dan perlaksanaan operasi pengendali *takaful* Malaysia.⁴⁹⁵ Di antara lain akta ini lebih tertumpu kepada pengawalseliaan dan pelesenan sistem *takaful* serta ianya bertindak sebagai penjamin supaya industri *takaful* ini dapat beroperasi dan berkembang tanpa menyalahi undang-undang Islam.⁴⁹⁶

⁴⁹⁴ Bank Negara Malaysia, (2006), *Buletin Tahunan : Ucaptama Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz pada Dialog Pengawalselia MIFC dengan Industri Kewangan pada 01 November 2006*, Kuala Lumpur, hlm. 181.

⁴⁹⁵ Islamic Banking & Finance Institute Malaysia, (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, IBFIM, Kuala Lumpur, hlm. 83.

⁴⁹⁶ Abdullah @ Alwi Haji Hassan, (2008), *Akta Takaful 1984 : Satu Analisis, Sistem Takaful Di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, hlm. 104.

Akta Takaful 1984 dapatlah dibahagikan kepada empat ⁴⁹⁷ iaitu :

i) Bahagian I

Merangkumi penterjemahan, klasifikasi dan rujukan perniagaan *takaful*.

ii) Bahagian II

Menyediakan suasana dan perjalanan perniagaan *takaful* seperti :

- Pembatasan dalam penggunaan perkataan *takaful*, syarat pendaftaran.
- Pembatasan ke atas pengusaha *takaful*.
- Penubuhan dan penyelenggaraan dana *takaful*.
- Pengagihan lebihan.
- Penubuhan dan penyelenggaraan dana skim *takaful* terjamin.
- Keperluan berkaitan dalam menjalankan perniagaan *takaful*.

iii) Bahagian III

Memperuntukan dalam hal-hal :

- Kuasa yang diberi kepada Bank Negara dan perlantikan Gabenor sebagai Ketua Pengarah Takaful dalam pengawasan perniagaan *takaful*.
- Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan oleh Bank Negara.
- Peruntukan untuk menutup dan memindahkan perniagaan pengusaha *takaful*.

iv) Bahagian IV

Memperuntukkan hal-hal dalam pentadbiran dan penguatkuasaan perkara seperti :

- Gantirugi (Idemniti)
- Penyerahan laporan tahunan dan laporan statistik.
- Pengengkaran dan penyabitan pengengkaran.

⁴⁹⁷ Selain daripada itu, terdapat Akta Insurans 1996 yang mengawal pelaksanaan kawal selia industri insurans di Malaysia. Akta ini menetapkan piawai dan polisi asas yang perlu dipatuhi oleh setiap syarikat insurans. Ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan awam, menyebar keadilan dan kesaksamaan, memupuk kemampuan dan memainkan peranan pembangunan dalam industri insurans di Malaysia. Sila lihat *Akta Insurans 1996 (Akta 553)*, International Law Book Services, Petaling Jaya.

b) Akta Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia telah diamanahkan untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan negara. Sektor kewangan telah dirangka untuk merangkumi sistem kewangan berasaskan konvensional dan Islam bagi memenuhi keperluan pengguna dan sektor perniagaan terkini. Memandangkan Malaysia mempunyai kelebihan di dalam kewangan Islam, Bank Negara Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mempromosikan negara sebagai pusat kewangan Islam di peringkat antarabangsa.⁴⁹⁸

Bank Negara Malaysia juga memberikan tumpuan pada pembangunan institusi-institusi kewangan termasuklah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA) dalam usaha menggalakkan latihan, pendidikan dan penyelidikan bagi meningkatkan tenaga mahir dalam industri perkhidmatan kewangan Islam termasuklah sektor *takaful*.⁴⁹⁹

i) Majlis Penasihat Syariah

Majlis Penasihat Syariah telah diwujudkan adalah untuk mengawasi dan memastikan pelaksanaan prinsip Syariah dalam perkhidmatan kewangan Islam oleh penyedia perkhidmatan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia.⁵⁰⁰ Majlis ini juga berperanan sebagai penasihat kepada Bank Negara Malaysia dalam perkara-perkara Syariah.⁵⁰¹

⁴⁹⁸ Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) telah dilancarkan pada Ogos 2006 untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Ia terdiri daripada rangkaian komuniti pengawal selia kewangan dan pasaran termasuk Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Bursa Malaysia, kementerian dan agensi kerajaan bersama-sama dengan penyertaan industri perbankan, takaful, institusi pasaran modal, institusi pembangunan modal insan dan syarikat perkhidmatan profesional yang bekerjasama dalam kewangan Islam. www.mifc.com

⁴⁹⁹ International Shari'ah Research Academy (ISRA) ditubuhkan adalah untuk mempromosi penyelidikan dalam bidang syariah dan kewangan Islam serta sebagai tempat simpanan pengetahuan Syariah atau fatwa dan kajian tentang isu-isu kontemporari dalam industri kewangan Islam. Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, (2006), *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa melancarkan The Internasional Centre for Education in Islamic Finance*, Mandarin Oriental, Kuala Lumpur, 23 Mac 2006.

⁵⁰⁰ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Akta Bank Negara Malaysia 2009*, Seksyen 51-58, International Law Book Service, Petaling Jaya, hlm 56-61.

⁵⁰¹ IBFIM, (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur, hlm. 79.

Berlandaskan infrastruktur perundangan kewangan Islam yang sedia ada, termasuk Akta Takaful (1984), Akta Bank Islam (1983) dan Akta Bank dan Institusi Perbankan (1989), ianya telah memperuntukkan rangka kerja bagi pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia. Akta-akta ini juga memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sistem kewangan Islam beroperasi seiring dengan sistem kewangan konvensional. Ini akan membolehkan institusi-institusi kewangan berteraskan Islam di Malaysia menjalankan operasi dengan mendapat kelulusan daripada Bank Negara Malaysia.⁵⁰²

Di bawah Akta ini, Majlis diwujudkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia (1958) dikekalkan dengan ahlinya yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Perlantikan ahli Majlis yang baharu akan dilakukan oleh Yang di-Pertuan Agong. Jika timbul sebarang persoalan mengenai perkara Syariah dalam mana-mana prosiding mahkamah atau penimbangtara berkaitan dengan urusan kewangan Islam, pihak mahkamah atau penimbangtara perlu mengemukakan persoalan itu kepada Majlis untuk mendapatkan keputusan. Keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah wajib dipatuhi.⁵⁰³

ii) Majlis Pengawasan Syariah

Di samping itu setiap institusi-institusi kewangan Islam khususnya *takaful* dan perbankan Islam haruslah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah masing-masing. Ini berdasarkan undang-undang seksyen 53A dan 54 Akta Takaful (1984), seksyen 3(5)(b) Akta Bank Islam (1983), seksyen 124 (7) Akta Bank dan Institusi Perbankan (1989) dan bahagian VII (1) 51 – 58, Akta Bank Negara Malaysia(2009).⁵⁰⁴ Majlis ini bertanggungjawab untuk menasihati dan memastikan operasi institusi-institusi kewangan Islam ini menepati rukun-rukun dan syarat-syarat Syariah termasuklah perniagaan dan pembangunan *takaful* dan perbankan Islam serta lain-lain perniagaan.⁵⁰⁵

⁵⁰² BNM, (2010), *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2009*, Kuala Lumpur, hlm 120.

⁵⁰³ Ibid, hlm 121.

⁵⁰⁴ Bank Islam, (2009), *Laporan Tahunan 2008/2009*, BIMB, Kuala Lumpur, hlm. 79.

⁵⁰⁵ Sila lihat Bahagian VII, seksyen 51-58, *Akta Bank Negara Malaysia 2009*, Hingga 15 April 2010, International Law Book Services, Petaling Jaya, hlm. 56 – 59.

Majlis bolehlah dianggap sebagai institusi fatwa moden yang memainkan peranan begitu penting bagi institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia. Keputusan Majlis bakal menentukan kesahihan dan keIslaman sesuatu produk, dokumen dan operasi kewangan Islam. Mahkamah yang membicarakan kes-kes yang melibatkan isu kewangan Islam bolehlah merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah untuk mendapatkan pandangan terutamanya yang berkaitan dengan hukum syarak.⁵⁰⁶

iii) Fasa Perkembangan Takaful

Dalam membangunkan industri *takaful* secara sistematik, Bank Negara Malaysia telah melaksanakan pendekatan secara berperingkat melalui tiga fasa⁵⁰⁷ iaitu :

- Fasa I (1984 – 1992)

Fasa ini bermula dengan penggubalan undang-undang pengawalseliaan khusus iaitu melalui Akta Takaful 1984 dan penubuhan pengendali *takaful* pertama pada tahun 1984. Tumpuan utama sepanjang fasa ini ialah penyediaan infrastruktur asas bagi industri *takaful* di Malaysia. Akta yang digunakan sehingga kini telah digubal untuk mengawal pengendalian perniagaan *takaful* dan juga pendaftaran pengendali-pengendali *takaful*. Akta ini juga memperuntukkan supaya Jawatankuasa Pengawasan Syariah ditubuhkan untuk memastikan bahawa operasi perniagaan pengendali *takaful* mematuhi prinsip-prinsip syariah pada setiap masa.

⁵⁰⁶ Selain daripada itu, bagi maksud menyediakan satu garis panduan yang efektif dari aspek Pengurusan Risiko, *Islamic Financial Services Board* (IFSB) yang ditubuhkan pada 2002 telah memperkenalkan dua garis panduan yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan Islam iaitu “*The Standards for Capital Adequacy*” dan juga “*The Guiding Principles for Risk Management for Islamic financial institutions*” di bawah seliaan Bank Negara Malaysia. Garis panduan yang mengikut spesifikasi antarabangsa ini akan membantu institusi perbankan Islam bagi memperkemaskan lagi amalan sistem perbankan di samping dapat menguruskan risiko dengan lebih berkesan. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, (2006), *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa “The Second International Conference on Islamic Banking : Risk Management, Regulation and Supervision - Building a Robust Islamic Financial System”* di LeMeridien Hotel, Kuala Lumpur pada 7 Februari 2006.

⁵⁰⁷ IBFIM, (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, Kuala Lumpur, hlm. 77.

- Fasa II (1992 – 2000)

Fasa ini menandakan permulaan persaingan dalam industri *takaful* dengan kemasukan satu lagi pengendali *takaful*. Tempoh ini juga menyaksikan peningkatan kerjasama di kalangan pengendali *takaful* di rantau ini termasuk pembentukan Kumpulan Takaful ASEAN pada tahun 1995 dan penubuhan ASEAN Retakaful International (L) Ltd. pada tahun 1997. Ini telah memudahkan pengendalian *takaful* di Malaysia dan di rantau ini iaitu meliputi Brunei, Indonesia dan Singapura.

- Fasa III (2001 – 2010)

Fasa ini bermula dengan pengenalan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) pada tahun 2001 dengan beberapa objektif. Di antaranya adalah untuk menambah baik keupayaan bagi pengendali *takaful* dan memperkukuh rangka kerja perundangan, syariah dan pengawalseliaan. Bahagian perbankan Islam dan *takaful* merupakan pelan strategik ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi pusat antarabangsa bagi kewangan Islam. Untuk terus menggalakkan perkembangan industri *takaful*, Persatuan Takaful Malaysia (MTA) iaitu sebuah persatuan pengendali-pengendali *takaful* telah ditubuhkan pada tahun 2002. Persatuan Takaful Malaysia berhasrat memperbaiki pengawalseliaan sendiri industri melalui keseragaman amalan pasaran dan menggalakkan kerjasama pada tahap yang lebih tinggi di kalangan pengendali *takaful*.

c) **Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur**

Satu perkembangan signifikan dalam aspek infrastruktur perundangan perbankan dan kewangan Islam termasuklah *takaful* adalah penubuhan mahkamah khusus di Bahagian Muamalat, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendengar kes-kes muamalat.⁵⁰⁸

Sehubungan dengan itu Hakim BesarMalaya telah mengeluarkan Arahan Amalan No.1/2003 yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2003 kepada semua pengamal undang-undang.⁵⁰⁹ Mereka adalah dikehendaki mendaftar kesemua kes perbankan dan kewangan Islam di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan menggunakan kod pendaftaran khas iaitu 22A. Kod baru tersebut adalah bagi membezakan kes-kes perbankan muamalat daripada kes-kes perbankan konvensional yang menggunakan kod 22.⁵¹⁰ Kes-kes yang didaftarkan di bawah kod muamalat adalah kes-kes pembiayaan yang melibatkan prinsip-prinsip Islam. Pembiayaan tersebut antara lain meliputi :

i) **Uqud Al-Ishtirak (Kontrak Perkongsian Keuntungan)**

- *Al-Mudharabah* (Perkongsian Keuntungan)

Pihak bank mengeluarkan dana kepada pihak yang satu lagi (usahawan tersebut) untuk dilaburkan atau diniagakan dan menjana keuntungan dan kedua-dua pihak berkongsi keuntungan berdasarkan persetujuan awal seperti pembiayaan projek.

- *Al-Musyarakah* (Perkongsian Keuntungan Ekuiti/Usahasama)

Bagi membiayai projek-projek melalui pemerolehan/pengapungan syarikat dibursa saham/menganjurkan syarikat pasaran modal/menubuhkan unit-unit ekuiti amanah.

⁵⁰⁸ Bank Negara Malaysia, (2006), *Perniagaan Takaful Am Di Malaysia*, Kuala Lumpur, hlm. 8.

⁵⁰⁹ Pada ketika ini hanya terdapat seorang hakim khusus untuk mengendalikan kes-kes di bahagian ini iaitu Yang Arif Dato' Rohana bt Yusuf. Badan Kehakiman Malaysia, (2007), *Laporan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Atasan dan Rendah Malaysia 2006/2007*, Putrajaya, hlm 53.

⁵¹⁰ The Palace Of Justice, (2005), *Laporan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Atasan dan Rendah Di Malaysia 2004/2005*, Putrajaya, hlm 54.

ii) **Al-Bai’/Al-Tijarah/Al-Dayn (Kontrak Pertukaran Secara Tangguh)**

- *Al-Bai’ Bithaman Ajil* (Jual Beli Secara Tangguh)

Pihak bank membeli aset yang ingin diperolehi dan kemudiannya menjual aset tersebut kepada pelanggan pada harga yang telah dipersetujui berdasarkan harga sebenar aset dicampur dengan margin keuntungan bank. Pihak bank kemudiannya membenarkan pelanggan membuat pembayaran secara ansuran berdasarkan tempoh yang telah dipersetujui seperti pinjaman perumahan.

- *Bai’ Al-Murabahah* (Jual Beli Dengan Tangguhan Untung)

Bank membeli atau melantik pelanggan sebagai agennya bagi membeli barangan itu bagi pihak bank dan menyelesaikan harga pembelian dari dananya sendiri. Pihak bank kemudiannya menjual barangan itu kepada pelanggan itu pada harga yang telah dipersetujui dan membenarkan pelanggan menyelesaikan harga jualan ini secara terma tertangguh seperti pembiayaan modal kerjadan surat kredit.

- *Al-Ijarah* (Sewaan)

Pembiayaan oleh bank bagi memperolehi hak untuk menggunakan perkhidmatan aset-aset tertentu. Pihak bank membeli aset yang diperlukan oleh pelanggan dan kemudiannya memajakkan aset tersebut kepada pelanggan untuk tempoh tertentu dengan pajakan sewa dan lain-lain syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Dengan penubuhan Mahkamah tersebut khususnya untuk mengendalikan kes muamalat, kes-kes perbankan dan kewangan Islam dapat dibicarakan dengan lebih cepat dan seterusnya meningkatkan keyakinan awam kepada perbankan dan kewangan Islam. Kemudahan-kemudahan yang berasaskan kepada prinsip syariah tidaklah terhad kepada sektor insurans, kewangan dan perbankan Islam sahaja malahan sesetengah bank komersil juga turut menawarkan kemudahan perbankan Islam yang terhad.⁵¹¹

⁵¹¹ The Palace Of Justice, (2004), *Inaugural Report of the Superior and Subordinate Courts in Malaysia*, Putrajaya, hlm 65.

Walaupun kes-kes perbankan muamalat adalah berasaskan prinsip-prinsip Islam tetapi ianya masih ditadbirkan dalam lingkungan sistem keadilan sivil. Mana-mana peguambela dan peguamcara boleh dibenarkan hadir untuk kes-kes perbankan Islam ini asalkan mereka mempunyai kelayakan di bawah Akta Profesyen Undang-Undang 1976.⁵¹²

Contohnya kes yang diputuskan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes berkaitan perundangan kewangan Islam ialah di antara *Affin Bank Berhad lwn Zulkifli Abdullah*.⁵¹³ Kes ini telah membuktikan keberkesanan pelaksanaan undang-undang perbankan Islam yang telah dijalankan di mahkamah tinggi sivil (khas). Di dalam kes tersebut hakim, Yang Arif Datuk Abdul Wahab Patail ⁵¹⁴ telah memerintahkan rumah yang dibeli melalui konsep *Bai' Bithaman Ajil* dilelong di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara untuk mendapatkan kembali pembiayaan berjumlah RM582,000.

d) Biro Pengantaraan Kewangan

Bagi melengkapi sistem mahkamah, Bank Negara Malaysia memperkenalkan proses timbang tara sebagai mekanisme penyelesaian alternatif untuk perbankan dan kewangan. Ia merupakan satu mekanisme penyelesaian pertikaian yang sesuai bagi mengelakkan proses di mahkamah yang kadang kala mengambil masa yang agak lama dan rumit.

Berdasarkan Akta Bank Negara 2009, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia merupakan badan autoriti tunggal dalam perkara syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam yang terletak di bawah pengawalseliaan Bank Negara Malaysia. Dengan kedudukan

⁵¹² Keperluan untuk mewujudkan undang-undang prosedur Islam yang berlandaskan prinsip syariah seperti Kanun Tanah Islam Negara atau Akta Kontrak Islam tidak menjadi isu memandangkan undang-undang sivil sedia ada adalah bertepatan dengan undang-undang syariah. Hanya sekiranya terdapat keperluan yang mendesak untuk menggubal akta baru undang-undang Islam, barulah sesuatu undang-undang itu digubal dan dikuatkuasakan. Zulkifli Hasan, (2007), *Perlaksanaan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia : The Development of Economics and Muamalat Practices*, USIM, Negeri Sembilan, hlm. 129.

⁵¹³ (2006) 1 CLJ 447.

⁵¹⁴ Bertugas di Bahagian Muamalat, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mulai 15.02.2002 hingga 14.01.2007. Badan Kehakiman Malaysia, (2007), *Laporan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Atasan dan Rendah Malaysia 2006/2007*, Putrajaya, hlm 53.

tersebut, Majlis menjadi tempat rujukan mahkamah atau penimbang tara dalam penyelesaian pertikaian yang melibatkan isu syariah dalam kes perbankan dan kewangan Islam.⁵¹⁵

Justeru itu, Biro Pengantaraan Kewangan telah ditubuhkan sebagai pusat pengantaraan tunggal bagi sektor perbankan dan insurans termasuk perbankan Islam dan *takaful* di Malaysia. Biro ini menggantikan biro-biro sedia ada untuk industri perbankan dan industri insurans. Biro dijangkakan memberi khidmat pengantaraan yang lebih cepat dan berkos efektif kepada pengguna-pengguna yang membuat aduan, pertikaian atau tuntutan terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan.⁵¹⁶

Ahli-ahli Biro Pengantaraan Kewangan adalah terdiri daripada semua bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar, bank Islam, syarikat insuran, pengendali *takaful*, Malaysian National Reinsurance Berhad, institusi kewangan pembangunan, pengendali sistem pembayaran dan pengeluar instrumen pembayaran. Jumlah kerugian kewangan bagi aduan, pertikaian atau tuntutan tersebut adalah tidak melebihi RM100,000 bagi kes berkaitan perbankan dan kewangan.⁵¹⁷ Sementara bagi kes insuran dan *takaful* adalah RM200,000 bagi produk motor dan kebakaran, RM5,000 bagi kerosakan harta pihak ketiga dan RM100,000 bagi produk lain-lain.⁵¹⁸

Selain itu, pelbagai usaha penambahbaikan telah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia di dalam rangka kerja perundangan bagi meningkatkan penerimaan orang ramai terhadap produk *takaful*. Di antaranya garis panduan mengenai larangan terhadap amalan yang tidak adil dalam perniagaan *takaful*, amalan nasihat yang wajar bagi pengendali *takaful* dan agen perniagaan *takaful* keluarga, garis panduan penyata kewangan bagi pengendali *takaful* dan perlaksanaan sistem statistik pengendali *takaful* serta lain-lain.

⁵¹⁵ Bank Negara Malaysia, (2004), *Laporan Bank Negara Malaysia 2003*, Kuala Lumpur, hlm 214.

⁵¹⁶ Financial Mediation Bureau, (t.t.), *Saluran Bagi Mendapatkan Pembelaan*, FMB, Kuala Lumpur, hlm 1.

⁵¹⁷ Kecuali bagi kes-kes penipuan yang melibatkan instrument pembayaran, kad kredit, kaj caj, kad ATM dan cek yang mana jumlah terlibat tidak melebihi RM25,000.

⁵¹⁸ Sila rujuk www.fmb.org.my untuk maklumat lanjut.

4.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada penulisan bab ini, sistem pemerintahan dan perundangan di Malaysia telah dibahaskan bagi memahami dan menjawab persoalan implementasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* di Malaysia. Ianya mengandungi perihal Perlembagaan yang menjadi tulang belakang bagi memastikan pemerintahan negara diurus tadbir dengan saksama dan berkesan. Perlembagaan telah digubal sebagai suatu garis panduan yang akan memberi jaminan perlindungan dan keharmonian kepada rakyat. Ia akan menjamin keamanan dan ketenteraman awam, kestabilan politik, perpaduan, kemajuan negara serta memandu kepada sistem pemerintahan yang lebih sistematik.

Perkembangan undang-undang di Malaysia telah mengalami beberapa fasa perubahan yang mencorakan struktur dan pentadbiran negara termasuklah undang-undang yang berkaitan jenayah dan kewangan Islam. Tiga zaman penting yang telah membentuk sistem perundangan Malaysia pada hari ini iaitu pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, penjajahan oleh negara-negara barat terutamanya kolonial British yang membawa bersamanya kerajaan berperlembagaan dan sistem "*common law*" serta peristiwa perubahan undang-undang selepas kemerdekaan sehingga kini.

Undang-undang *takaful* dan insurans di Malaysia juga telah mengalami perkembangan yang pesat seiring dengan perubahan ekonomi semasa sejak tahun-tahun 1980an selaras dengan perkembangan perbankan Islam. Malahan industri *takaful* telah menjadi sektor yang penting dan pelengkap di dalam struktur kewangan dan perbankan Islam. Menyedari akan hal ini pihak kerajaan telah mengambil tindakan yang proaktif di dalam membangunkan industri *takaful* sehingga menjadi pemangkin dan peneraju kepada perkembangan sektor kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

BAB 5
IMPLEMENTASI
SKIM PAMPASAN MANGSA KECEDERAAN JENAYAH
DI MALAYSIA

5.1 Pendahuluan

Pembahasan pada bab ini akan menganalisa dan membuat perbandingan di antara skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam dan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat. Undang-undang dan bantuan sosial yang sedia ada di Malaysia harus dilihat kembali supaya mangsa kecederaan jenayah dapat diberikan pembelaan yang sewajarnya. Instrumen *takaful* akan diteliti dan dikaji untuk meninjau kemampuan dan kebolehannya dalam usaha mencadangkan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah kepada pihak kerajaan Malaysia.

Prof Dr Ahmad bin Ibrahim⁵¹⁹ telah memberikan pandangan bahawa :

Undang-undang Islam memberi hak menuntut diyat yang sama kepada semua orang tidak kira sama ada dia kaya atau miskin atau seorang profesional atau seorang kerani seumpamanya. Undang-undang Sivil sebaliknya boleh mengenakan ganti rugi yang lebih besar jika orang itu kaya atau orang profesional. Dari segi ini, Undang-undang Islam diikuti premium takaful dan insurans mungkin boleh dikurangkan.

Sistem keadilan jenayah Islam sentiasa memberikan ruang dan jalan penyelesaian kepada permasalahan sosial masyarakat di dalam menangani kes pampasan mangsa kecederaan jenayah seperti konsep *diyat* dan *takaful*. Ianya bukan sahaja bermanfaat bagi umat Islam malahan keseluruhan masyarakat akan terbela dan mendapat pembelaan sepenuhnya.

⁵¹⁹ Ahmad Ibrahim, (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 479.

5.2 Perbandingan Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Islam dan Barat

5.2.1 Pampasan Menurut Islam

Pembahasan perbandingan pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam dengan pelaksanaan pampasan mangsa kecederaan di negara-negara barat amat berkait rapat dengan pembahagian konsep hak Allah dan hak manusia ataupun kedua-duanya sekali. Di dalam pengkajian fiqh, kesalahan-kesalahan yang tergolong di dalam kategori *had* atau *takzir* adalah merujuk kepada tindakan salah yang merupakan dosa yang menyentuh apa yang disebutkan sebagai hak Allah swt. Hak ini dinamakan hak Allah swt kerana hendak menunjukkan betapa besar dosa yang dilakukan itu dan betapa berat implikasinya tindakan tersebut kepada masyarakat keseluruhannya.

Dalam hubungan ini konsep hak Allah swt yang bermakna hak awam samalah dengan konsep *public right* di dalam undang-undang Inggeris ataupun *common law* yang berkait rapat dengan konsep jenayah. Ianya telah diperuntukkan bagi menjaga dan memelihara hak awam atau masyarakat. Lantaran itu, hanya pihak *public prosecutor* atau pendakwa raya awam sahaja yang berhak mengambil tindakan mendakwa penjenayah.

Di dalam undang-undang Islam, selain kesalahan yang menyentuh atau melibatkan hak-hak Allah swt iaitu *jarimah* berdasarkan al-Mawardi (mencuri, berzina, minum arak, menuduh zina, murtad, hirabah dan memberontak),⁵²⁰ ada lagi kesalahan yang dikatakan sebagai menyentuh hak-hak manusia dan juga yang menyentuh kedua-duanya sekaligus. Maka adalah jelas bahawa undang-undang Islam telah memperuntukan pembahagian di antara *public right* dan *private law* (hak awam dan hak individu). Sehubungan itu, ahli-ahli fiqh Islam telah mengasaskan perbincangan mereka kepada pembahagian ini.

⁵²⁰ Al-Mawardi, seorang ulamak bermazhab Syafi'i menakrifkan *jarimah* sebagai suatu kesalahan yang mengakibatkan pelaku itu dihukum sama ada dengan hukuman *had* atau *takzir*. Al-Mawardi, (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyah wa Wilayat al-Diniyyah*, Kuwait, hlm. 219 - 239. Sila lihat pembahasan di bab 2 mengenai *jarimah* berdasarkan pelbagai pendapat ulamak.

Hudud pula memang sebenarnya sama dengan konsep jenayah (*crime*) di dalam undang-undang Inggeris iaitu undang-undang di Malaysia. Cuma terdapat satu perbezaan besar di antara *hudud* dengan jenayah iaitu *hudud* adalah satu kesalahan jenayah yang apabila telah disabitkan ianya tidak boleh diampunkan oleh pemerintah kerana hal tersebut benar-benar hak Allah swt yang wajib dilaksanakan. Ini berlainan pula dengan kesalahan-kesalahan jenayah yang masih mempunyai ruang untuk diberikan pengampunan oleh pihak pemerintah tertinggi negara seperti raja atau presiden.

Takzir juga mempunyai ciri-ciri yang sama dengan *hudud* kerana kedua-duanya menyentuh hak awam dan ia merupakan suatu dosa. Cuma bagi kesalahan *takzir*, peruntukan bagi kesalahan ini memang terdapat di dalam nas-nas syarak tetapi hukumannya tidak dinyatakan atau ditentukan. Maka terserah kepada keputusan hakim berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada untuk membicarakan kesalahan *takzir* tersebut. Perlu dijelaskan juga bahawa ulama-ulama fiqh telah membezakan di antara hak Allah swt dengan hak-hak manusia dengan melihat sama ada kesalahan itu boleh diampunkan (digugurkan) atau tidak. Kesalahan yang tidak boleh diampunkan maka ia dinamakan sebagai hak Allah swt dan jika sebaliknya adalah sebagai hak manusia.

Peruntukan undang-undang Islam yang berkaitan *qisas* dan *diyat* atau pampasan jika dilihat dari siapa yang berhak membuat tuntutan dan dakwaan terhadap tertuduh serta yang boleh mengampunkan pesalah jelas menunjukkan bahawa ia tidak boleh dikira sebagai jenayah kerana ia adalah sebenarnya kesalahan sivil di dalam konteks atau takrif yang dipakai di dalam undang-undang Inggeris atau Malaysia.

Oleh yang demikian, membincangkan masalah *qisas* dan *diyat* di dalam konteks undang-undang jenayah sebenarnya merupakan sesuatu kekeliruan yang perlu diberi pembetulan. Sikap demikian telah mengelirukan orang ramai sejak sekian lama kerana ianya memberikan tanggapan yang undang-undang Islam tidak mempunyai peruntukan di dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang pada hari ini tergolong di bawah kategori kesalahan sivil di Malaysia.

Oleh yang demikian ramai yang tidak menyedari bahawa undang-undang Islam mempunyai peruntukan yang amat banyak dan jelas tentang kesalahan-kesalahan sivil yang membawa implikasi pampasan dan bayaran ganti rugi. Kekeliruan meletakkan *qisas* dan *diyat* bersama-sama dengan undang-undang *hudud* dan *takzir* lain menyebabkan hakikat sebenar kesalahan *qisas* dan *diyat* sebagai kesalahan sivil, tort atau harta yang tidak dapat difahami dan dihargai secara sepatutnya.

Jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan sivil yang diamalkan di Malaysia pada masa kini dengan undang-undang sivil di dalam Islam seperti mana yang diperuntukkan oleh hukum *qisas* dan *diyat* yang dirangkumi oleh istilah jinayah seperti yang dipakai oleh ramai ulama fiqh sebagai satu istilah teknikal yang membezakannya dengan istilah *jarimah*, ternyata skop peruntukan undang-undang Islam di dalam hal ini amat luas. Undang-undang Islam di dalam hal ini bukan sahaja menangani hampir semua kesalahan yang ada di dalam undang-undang sivil, bahkan memiliki teori dan pendekatan yang lebih adil dan jelas bagi menangani sebarang kes yang mungkin timbul.

Adalah difahami bahawa perbezaan yang ketara di dalam perundangan pada hari ini adalah meletakkan kes-kes jenayah kecederaan seolah-olah dalam kategori *public right* dan bukannya pada *private law*. Yang diutamakan adalah memberikan hukuman terhadap pelaku jenayah dan bukannya membela mangsa kecederaan jenayah. Hal ini merujuk kepada mangsa yang tidak mempunyai kuasa mutlak di dalam perbicaraan kesnya sendiri. Malahan pembelaan terhadap mangsa tidak dapat dilakukan langsung kerana undang-undang sedia ada lebih terarah kepada hukuman kepada pelaku jenayah. Hal ini adalah disebabkan bahawa penyataan mangsa kecederaan jenayah hanyalah sebagai pilihan dan bukannya suatu kemestian kepada mahkamah. Ianya amat bertentangan dengan pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam yang memberikan ruang dan keadilan kepada mangsa kecederaan jenayah dahulu sebelum keputusan-keputusan lain dilakukan.

a) Kedudukan Pampasan Dalam Sistem Aqilah

Pembahasan mengenai kedudukan pampasan dalam sistem *aqilah* amatlah penting kerana ianya menjadi garis panduan kepada sebuah kerajaan untuk mengambil tanggungjawab untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah. Walaupun begitu, para fuqaha berbeza pendapat dalam penentuan ahli-ahli *aqilah* dan kadar tanggungan mereka.

Abdul Qadir Audah berpendapat bahawa adalah mustahil untuk menubuhkan sistem *aqilah* kerana ia memerlukan kehadiran sistem kekeluargaan yang utuh dan besar pada masa kini. Kebiasaannya sebuah keluarga mengandungi bilangan ahli yang terlalu kecil untuk dipertanggungjawabkan dengan beban *diyat*.⁵²¹ Begitu juga pendapat Wahbah Az-Zuhaili yang menurutnya sistem berpuak-puak sudah tidak wujud lagi, minat untuk berkabilah sudah hilang dan sistem struktur perbendaharaan kerajaan berserta sistem sosial telah banyak berubah. Sistem kekeluargaan juga telah berbeza di mana setiap anggota keluarga menanggung beban perbelanjaan masing-masing.⁵²²

Institusi *aqilah* pula mempunyai peranan yang amat sesuai dan boleh menjadi agen pengikat untuk sebuah masyarakat yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang erat, yang sentiasa bantu membantu sewaktu di dalam kesusahan dan mempunyai anggota keluarga yang ramai bilangannya. Namun adalah hampir mustahil untuk mengumpulkan semua anggota yang ramai ini dan memastikan kadar pampasan *diyat* dibayar sepenuhnya. Begitu juga dengan konsep *diwan* yang diasaskan oleh Saidina Umar al-Khattab yang tidak lagi wujud pada masa kini. Tidak semua anggota masyarakat menjadi ahli tentera yang didaftarkan di bawah satu jabatan malahan sistem sosial masyarakat Islam pada masa kini juga sudah berubah dan berbeza dengan zaman permulaan Islam.

Dalam menyelesaikan masalah ketidakwujudan sistem *aqilah* ini para ulama moden telah mengutarakan pelbagai cadangan. Ibnu Abidin berpendapat bahawa pesalah hendaklah menanggung pembayaran *diyat* bersendirian memandangkan pada masa kini sistem

⁵²¹ Abdul Qadir Audah, (1999), *Criminal Law of Islam*, Terj. S. Zakir Aijaz, New Delhi, jld 3, hlm. 76.

⁵²² Wahbah Az-Zuhaili, (1996), *Fiqh Al-Islam Wa Adillatuhu*, Beirut, jld 6, hlm. 326.

saling bantu membantu telah pupus dan baitul mal tidak lagi wujud.⁵²³ Begitu juga pendapat yang dikemukakan oleh Ibn Qudamah,⁵²⁴ dan Wahbah Az-Zuhaili.⁵²⁵

Abdul Qadir Audah mencadangkan agar pihak kerajaan menubuhkan dana atau jabatan khas bagi menanggung pembayaran *diyat* sebagaimana yang dipraktikan oleh negara-negara barat. Dana ini boleh dikumpulkan hasil daripada bayaran cukai tertentu oleh pihak-pihak plaintif dan defenden kepada mahkamah atau hasil daripada pelbagai denda yang dikenakan.⁵²⁶ Al-Nawawi pula mengutarakan cadangan mengenai penubuhan sebuah organisasi yang bertujuan untuk melindungi ahli-ahlinya termasuk membayar *diyat* bagi pihak ahlinya terutamanya bagi masyarakat Islam yang tinggal dalam negara bukan Islam dan tidak mempunyai organisasi seperti *Baitul Mal*.⁵²⁷

Mustafa al-Zarqa berpendapat bahawa sistem *aqilah* sesuai diamalkan dalam masyarakat yang berpuak manakala dalam masyarakat moden ia boleh disusun semula dalam bentuk pertubuhan-pertubuhan perubatan, kesatuan-kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan profesional undang-undang dan kesatuan-kesatuan jurutera. Selain daripada itu, pihak kerajaan boleh menubuhkan sebuah jabatan awam bagi mengutip cukai-cukai dan perolehan tersebut akan dibelanjakan bagi tujuan membayar *diyat*.⁵²⁸

Ahmad Siraj pula mencadangkan penubuhan jabatan khas di mana peruntukan dana boleh dikumpulkan daripada pendermaan oleh ahli masyarakat. Sumbangan ini sama ada daripada mereka yang kaya atau sumbangan para waris ahli-ahli organisasi tertentu secara pembayaran bulanan atau tahunan. Ia bolehlah dijalankan sebagaimana sistem *cooperative insurance* dengan syarat perniagaannya beroperasi selari dengan prinsip Islam di mana bayaran dapat dibuat daripada hasil keuntungannya.⁵²⁹

⁵²³ Ibn Abidin, (1979), *Hashiyah Rad al-Mukhtar*, Dar al-Fikr, Beirut, jld 6, hlm. 645.

⁵²⁴ Ibn Qudamah, (t.t.), *al-Mughni*, Dar al-Hadith, Kaherah, jld 11, hlm. 423.

⁵²⁵ Wahbah Az-Zuhaili, (1996), *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*, Beirut, jld 6, hlm. 340.

⁵²⁶ Abdul Qadir Audah, (1999), *Criminal Law of Islam*, New Delhi, jld 4, hlm. 223.

⁵²⁷ Al-Nawawi, (1996), *al-Majmu'*, Disusun Dr Mahmud al-Matraji, Dar al-Fikr, Beirut, jld 20, hlm. 292.

⁵²⁸ Al-Zarqa, Mustafa Ahmad, (1988), *al-Fil al-Dar Wa al-Daman*, Dar al-Qalam, Damsyik, hlm. 134.

⁵²⁹ Muhammad Ahmad Siraj, (t.t.), *Daman al-Udwan fi al-Fiqh al-Islami*, Muassisat al-Jamiat al-Azhar, Kaherah, hlm. 366-368.

Sementara itu, Anwarullah pula mengutarakan agar kerajaan mengenakan yuran tambahan yang kecil kepada pengeluaran dan pembaharuan lesen memandu di mana bayaran tersebut akan disimpan di dalam tabung *diyat*. Di samping itu, mereka yang menjadi ahli sesebuah badan profesional atau organisasi boleh menyumbang kepada sebuah tabung *diyat* di mana jika sesiapa di antara mereka menyebabkan kematian secara cuai maka *diyat* boleh dibayar dari tabung tersebut.⁵³⁰

Di dalam membicarakan institusi *aqilah* di Pakistan, Liaquat Ali Khan telah mendefinisikan semula *aqilah* sebagai semua kaum lelaki dewasa yang berakal, yang menjadi ahli sesebuah kumpulan, pertubuhan, institusi, organisasi, syarikat korporat, jabatan, kesatuan sekerja dan lain-lain lagi di mana pesalah menerima atau diandaikan menerima pertolongan dan sokongan melaluinya dan pihak mahkamah akan menentukan *aqilah* berdasarkan fakta dan keadaan sesuatu kes.⁵³¹

Cadangan-cadangan yang diutarakan di atas boleh dimanfaatkan memandangkan prinsip *tanasur* (pembelaan) dalam Islam masih dikekalkan. Tidak dapat dinafikan bahawa institusi *aqilah* harus disusun semula agar bersesuaian dengan situasi dengan masyarakat kini sebagaimana konsep *diwan* yang telah dilakukan oleh Saidina Umar al-Khattab pada zamannya. Walaupun *Baitul Mal* wujud di negara ini namun ia tidak wajar dibebankan dengan pembayaran *diyat* memandangkan peranannya yang berkait rapat dengan kebajikan orang-orang kurang upaya seperti kanak-kanak, fakir miskin, ibu tunggal, orang tidak siaman dan sebagainya. Tanggungjawab membayar *diyat* ke atas pesalah bersendirian adalah kurang wajar memandangkan ia akan menjejaskan hak pihak mangsa untuk mendapatkan gantirugi secara adil.⁵³²

⁵³⁰ Anwarullah, (1997), *The Criminal Law Of Islam*, A.S. Nordeen, Kuala Lumpur, hlm. 92.

⁵³¹ Liaquat Ali Khan Niazi, (t.t.), *Islamic Law of Tort*, Research Cell Dayal Singh, Lahore, hlm. 163.

⁵³² Shariffah Nuridah Aishah binti Syed Nong Mohamad, (2004), *Aplikasi Diyah Dalam Kesalahan Membunuh Dan Mencederakan Di Malaysia*, Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 123.

b) **Diyat Dalam Hukuman Jenayah**

Menurut pendapat sebahagian pakar perundangan jenayah Mesir, *diyat* berperanan sebagai gantirugi terhadap kesakitan atau kemudharatan tubuh badan yang dialami oleh mangsa berdasarkan kadar yang ditetapkan. Namun ia berbeza dengan gantirugi sivil yang merangkumi kemudharatan tubuh dan harta yang kadarnya ditentukan oleh hakim.

Sebahagiannya berpendapat *diyat* adalah pengganti nyawa iaitu *qisas* dan dikhususkan kepada kesalahan pembunuhan semata-mata. Sebahagian lagi menyamakan *diyat* sebagai pembayaran denda di satu pihak dan sebagai pembayaran gantirugi di pihak yang lain. Dalam konteks ini *diyat* berperanan sebagai menghukum pesalah dan pada masa yang sama memberikan gantirugi kepada mangsa.⁵³³ Kesalahan pembunuhan dan kecederaan memiliki sifat pencerobohan terhadap individu dan awam akan tetapi persoalan *diyat* lebih berkait rapat dengan hak individu yang merujuk kepada hak mangsa dan warisnya dalam menuntut gantirugi atas kecederaan atau kematian yang berlaku.⁵³⁴

Sesuatu kesalahan itu dianggap sebagai kesalahan terhadap masyarakat apabila hukuman yang ditetapkan adalah untuk memelihara kepentingan-kepentingan bersama sama ada kesalahan yang dilakukan memberikan kesan kepada individu tertentu, seluruh masyarakat atau keamanan negara seperti kesalahan *hudud* dan *takzir*. Kategori ini mengutamakan kepentingan bersama daripada kepentingan individu. Manakala kesalahan terhadap individu merupakan kesalahan-kesalahan yang hukumannya bertujuan untuk melindungi kepentingan-kepentingan individu. Walaupun ia juga membahayakan masyarakat, hak individu diutamakan daripada hak masyarakat seperti kesalahan-kesalahan yang dihukum dengan *qisas* dan *diyat*.⁵³⁵

⁵³³ Ahmad Fathi Bahnasi, (1967), *al-Diyah fi al-Shariah al-Islamiah*, Maktabah Anjalu al-Misriah, hlm. 12.

⁵³⁴ Mohamad Hashim Kamali, (1998), *Principles of Islamic Jurisprudence*, Ilmiah Publishers Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hlm. 350.

⁵³⁵ Abdul Kadir Audah, (1999), *Criminal Law of Islam*, New Delhi, jld 1, hlm. 110 - 111.

Jelas menunjukkan bahawa hak individu dan hak awam saling berhubungan di antara satu sama lain. Namun, pembahagian adalah perlu bagi memudahkan pengamalan undang-undang secara praktikalnya. Matlamat sesuatu hukuman perlu diambil kira misalnya hukuman *qisas* dan *diyat* yang bertujuan untuk melindungi dan memelihara hak mangsa. Ia memberikan keutamaan kepada kepentingan individu berbanding kepentingan awam yang dapat dilihat daripada hak mangsa untuk menuntut *qisas* dan memaafkan pesalah, perlaksanaan hukuman bagi kepuasan mangsa (mengikut batasan yang ditetapkan syarak) dan pemberian gantirugi bagi meringankan beban mangsa atau warisnya. Oleh itu, berdasarkan matlamat hukuman *diyat* didapati berkait rapat dengan hak individu.⁵³⁶

Justeru, pembunuhan secara umumnya merupakan satu kesalahan sivil memandangkan keluarga mangsa mempunyai hak untuk memutuskan sama ada untuk mendakwa pesalah atau tidak di samping menentukan jenis penalti di mana dalam pembunuhan dengan sengaja mereka berhak menuntut *qisas* atau memilih pembayaran *diyat* atau memaafkan pesalah. Pembunuhan dianggap kesalahan jenayah hanya dari sudut teknikal sahaja di mana pihak kerajaan mengendalikan pendakwaan dan memastikan perjalanan hukuman dalam beberapa kes tertentu yang melibatkan kombinasi beberapa kesalahan seperti pembunuhan sewaktu merompak atau pembunuhan dalam jenayah rogol dan mencuri.⁵³⁷ Oleh yang demikian, *diyat* adalah bersifat gantirugi sebagai bayaran pampasan kepada mangsa atau warisnya terhadap kehilangan atau kecederaan yang ditanggung akibat perbuatan pesalah akan tetapi berbeza daripada gantirugi sivil memandangkan ia hanya dibayar dalam kes kemudharatan badan yang meliputi nyawa dan anggota badan sahaja dan bukan harta benda. Walau bagaimanapun fungsinya di dalam menghukum pesalah juga tidak dapat dinafikan terutamanya jika melibatkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dengan sengaja (apabila *qisas* tidak dapat dilaksanakan).

⁵³⁶ Abdul Kadir Audah, (1999), *Criminal Law of Islam*, New Delhi, jilid 1, hlm. 110 – 111.

⁵³⁷ Liaquat Ali Khan Niazi, (t.t.), *Islamic Law of Tort*, Research Cell Dayal Singh, Lahore, hlm. 138.

5.2.2 Perlaksanaan Pampasan di Barat

Usaha terbesar di dalam pengembangan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah telah dilakukan oleh Margaret Fry melalui kempen-kempen yang dijalankan sejak awal tahun 1950an.⁵³⁸ Melalui artikel-artikel yang dibentangkan, beliau telah menggesa kepada masyarakat dan pihak kerajaan untuk melaksanakan skim pampasan ini demi kepentingan dan ketenteraman masyarakat amnya dan mangsa jenayah khususnya. Usaha-usaha ini haruslah disahut oleh pihak kerajaan kerana merekalah yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam demi keamanan sesebuah negara. Hal ini adalah bertepatan dengan konsep viktimologi yang dipelopori di negara-negara barat.⁵³⁹

Sejak konsep Margaret Fry ini diterima, negara-negara barat mula melaksanakan skim pampasan mangsa jenayah tersebut. Di antara negara terawal adalah New Zealand yang telah memperkenalkan skim pampasan kecederaan jenayah pada tahun 1963, melalui *Victims of Offencer Act / Victims of Offences Amendment Act* (covering 1998-99), United Kingdom melalui *Criminal Injuries Compensation Scheme*, pada tahun 1964, Australia Selatan melalui *Criminal Injuries Compensation Act*, pada tahun 1969, Tasmania melalui *Criminal Injuries Compensation Act*, pada tahun 1976, Germany melalui *The Federal Act on State Compensation for Victims of Violent Crime* atau '*Opferentschadigungsgesetz*', pada tahun 1976 dan Belanda pada tahun 1980.⁵⁴⁰

⁵³⁸ David Blunkett, (2004), *Compensation and Support for Victims of Crime*, Home Office, Criminal Justice System, UK. David Beatty etc, (1999), *New Directions from the Field : Victims Rights and Services for the 21st Century*, US Department of Justice, New York.

⁵³⁹ R. Elias, (1986), *The Politics of Victimization : Victims, Victimology and Human Rights*, Oxford University Press, New York. Ian Freckelton., (2003), *Compensation for Victims of Crime*, XIth International Symposium on Victimology, South Africa. A Ashworth, (1993), *Victim Impact Statements and Sentencing*, Criminal Law Review.

⁵⁴⁰ Di negara-negara yang melaksanakan program ini terdapat agensi-agensi tertentu dari pihak kerajaan mahupun badan-badan bukan kerajaan yang membantu menyalurkan bantuan dan penerangan kepada mangsa-mangsa jenayah yang memerlukan sokongan dari pelbagai aspek yang berkaitan seperti Victims Referral and Assistance Service (Victoria), Victim of Crime Bureau (News South Wales), Lifeline, Tasmania – Victims of Crime Services (Tasmania), Victims Support Services di Queensland, South Australia dan Western Australia. Sementara di United Kingdom terdapat Victim Support Agency, National Justice Information Center dan National Center for Victims of Crime di Amerika Syarikat serta Badan Viktimologi Antarabangsa yang dinaungi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Sementara itu, Amerika Syarikat juga telah menjalankan skim pampasan mangsa jenayah ini melalui *State Specific Crime Victim Compensation*, tahun 1981⁵⁴¹ dan negara-negara Eropah yang lain melalui *European Convention on the Compensation of Victims of Violent Crimes* seperti Perancis, Norway, Austria, Denmark, Sweden dan Ireland sekitar tahun 1980-an. Sehingga kini terdapat sebanyak 37 buah negara yang melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini di seluruh dunia termasuklah di Asia yang meliputi Jepun, Korea Selatan, Hong Kong, Taiwan, Filipina dan China.⁵⁴²

a) Konsep Viktimologi

Viktimologi atau dalam bahasa Inggerisnya iaitu *victimology* berasal daripada perkataan Latin iaitu *victima* atau mangsa. Viktimologi adalah kajian sains mengenai pemangsaan atau *victimization*. Di dalam konteks sistem keadilan jenayah pada masa kini viktimologi dilihat dari segi kedudukan dan peranan mangsa di dalam sesuatu kejadian jenayah.⁵⁴³

Walaupun viktimologi secara luasnya atau *general victimology* melibatkan pemangsaan daripada kejadian alam sekitar dan eksploitasi mangsa melalui tindakan institusi tetapi dalam perbincangan ini ianya khusus kepada mangsa jenayah. Di dalam pelbagai jenis jenayah, terdapat bentuk jenayah yang tertumpu kepada pelakunya sahaja iaitu jenayah tanpa mangsa. Contohnya seperti pelacuran, pemabukan, pembunuhan diri dan lain-lain. Jenayah-jenayah ini tiada mangsa yang tertentu kerana pelaku itu adalah juga mangsanya. Ada jenayah yang melibatkan seseorang atau individu, barang-barang atau harta.⁵⁴⁴

⁵⁴¹ Hingga kini sebanyak 54 negeri telah melaksanakan program ini semenjak pengumuman President' Task Force berkenaan Mangsa Jenayah melalui Final Report 1982. David Beatty etc, (1999) *New Directions from the Field : Victims Rights and Services for the 21st Century*, US Department of Justice, New York.

⁵⁴² United Arab Emirates dikatakan satu-satunya negara Islam yang diketahui melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini. Office For Victims Of Crime, (2008), *Directory of International : Crime Victim Compensation Programs 2004 – 2005*, US Department of Justice, Washington. Office For Victims Of Crime, (1999), *International Crime Victim Compensation Programs Directory 1998 – 1999*, US Department of Justice, Washington, United Arab Emirates pada hlm. 59.

⁵⁴³ Zvonimir Paul Separovic, (1985), *Victimology : Studies of Victims*, Zagreb Samobor, Yugoslavia.

⁵⁴⁴ Mike Maguire and John Pointing, (1988), *Victims of Crime*, A New Deal, Open University Press, hlm. 1. Schafer, S, 1968, *The Victim and His Criminal*, A Study in Functional Responsibility, Random House.

Namun, kajian mengenai pemangsaan adalah merupakan pemerhatian yang diberikan ke atas mangsa. Pemangsaan ialah kajian ke atas mangsa-mangsa jenayah tentang segala jenayah yang telah dialaminya. Apabila sesuatu kejadian jenayah yang dilaporkan, pihak polis cuba mencari pelakunya, menangkap dan menghakimkan pelakunya. Untuk tujuan-tujuan ini mereka terpaksa menyiasat kepada mangsanya yang merupakan saksi kepada penjenayah itu. Mengikut Reckless, *victimology is a scientific reality which impresses itself on the human consciousness by its scientific reality*.⁵⁴⁵ Kajian pemangsaan tidak lagi dianggap sebagai salah satu daripada *criminology* tetapi kini ianya dianggap sebagai sesuatu yang berasingan yang disebabkan oleh struktur dan tujuannya yang berasingan.⁵⁴⁶

Secara umumnya mangsa-mangsa jenayah dapatlah dibahagikan dikalangan orang yang belum dewasa, orang perempuan, orang tua, pemabuk-pemabuk, orang yang lemah, ahli-ahli dalam kumpulan yang kecil dan lain-lain. Implikasinya ialah golongan-golongan di atas adalah mudah dilukai atau dianiayai kerana mereka adalah golongan yang lemah dan mudah dipergunakan oleh orang yang lebih kuat dan pandai daripada mereka.⁵⁴⁷

Konsep pemangsaan adalah amat berkaitan dengan jenayah. Kajian yang dilakukan adalah berkaitan dari segi jenayah. Jenayah menurut pandangan umum adalah merupakan perbuatan yang melanggar undang-undang jenayah seperti merompak, membunuh, mencuri, memeras ugut, menculik, rogol, penipuan dan lain-lain perbuatan yang melibatkan kecederaan atau penumpahan darah terhadap seseorang atau penjenayahan ke atas barang-barang dan harta yang melibatkan sesuatu kerugian.⁵⁴⁸

Jenayah merupakan suatu struktur kejadian dalam hubungan sosial di mana terjadinya perlakuan jenayah sebagai hubungan sosial di mana mangsa memainkan peranan yang lebih aktif.⁵⁴⁹ Menurut Barron Mays, *indictable offences* ialah jenayah-jenayah yang

⁵⁴⁵ Victimology adalah satu realiti saintifik yang mengesankan diri sendiri atas kesedaran manusia dengan realiti saintifik. Walter C. Reckless, (1973), *The Crime Problem*, Prentice Hall, Inc. New Jersey, hlm. 91.

⁵⁴⁶ J. Barron Mays, (1967), *Crime and the Social Structure*, Faber & Fab Ltd, London, Bab 5, hlm. 67.

⁵⁴⁷ Wolfgang, Savitz & Johnson, (1970), *The Sociology of Crime and Deliquent*, John Wiley Inc, hlm 74.

⁵⁴⁸ Zaliha Hj Hussin, (1975), *Pemangsaan (Victimisation) Fenomena Mangsa-Mangsa Jenayah Kawasan Nong Cik*, Johor Bahru, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, hlm. 13.

⁵⁴⁹ Walter C. Reckless, (1973), *The Crime Problem*, Prentice Hall, Inc. New Jersey, hlm. 92.

melibatkan pengadilan di mahkamah tinggi dan *non-indictable offences* ialah jenayah yang melibatkan pengadilan mahkamah rendah. Pada asasnya banyak *non-indictable crimes* yang berbentuk kecurian-kecurian kecil, yang mana penyelesaian boleh dilakukan dengan persetujuan penjenayah dan pihak hakim. *Indictables crimes* ialah jenayah-jenayah seperti membunuh, sex, penipuan, memecah rumah dan sebagainya.⁵⁵⁰

Jenayah juga merupakan satu perkara biasa dalam proses sosial. Perasaan sentimen dalam masyarakat secara kolektif menjadi kuat apabila berlakunya jenayah. Perasaan sentimen yang kolektif ini adalah perlu dalam kehidupan sosial. Ini akan mengikat individu-individu dalam masyarakat dan hubungan akan menjadi rapat di kalangan mereka kerana hasil daripada ketegangan yang mereka hadapi bersama. Oleh itu penjenayah mewujudkan fungsi-fungsi penyatuan secara sosial secara keseluruhannya. Kita tentu menyalahkan penjenayah kerana ketegangan yang diwujudkan tetapi pada masa yang sama wujud kesedaran betapa perlunya mewujudkan perpaduan sosial.⁵⁵¹

Jenayah di dalam lain-lain hal adalah satu perkara yang normal di dalam masyarakat tetapi ia tidak bermakna jenayah adalah baik. Ini mungkin wujud daripada hasrat seseorang untuk menambah kekayaan dan secara langsung wujud dengan secara semula jadi. Banyak kejadian jenayah yang berlaku kerana wujudnya pelbagai perbezaan dari segi bangsa, kelas dan status, kepercayaan agama, kebudayaan dan sebagainya. Ketiadaan norma-norma di dalam kelompok atau nilai-nilai yang serupa maka mewujudkan ketiadaan persefahaman dari segi perlakuan. Dengan ini peraturan-peraturan yang berbeza menyebabkan berlakunya kejadian-kejadian jenayah.⁵⁵²

⁵⁵⁰ J.Barron Mays, (1967), *Crime and the Social Structure*, Faber & Fab Ltd, London, Bab 5, hlm. 67.

⁵⁵¹ Walter C. Reckless, (1973), *The Crime Problem*, Prentice Hall, Inc. New Jersey, hlm. 94.

⁵⁵² Ibid.

b) Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

Konsep pampasan mangsa kecederaan jenayah ini juga adalah selaras dengan saranan Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Keadilan Asasi Bagi Mangsa Kecederaan Jenayah dan Penyalahgunaan Kuasa (*United Nations Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse of Power*). Resolusi 40/34 yang dibuat dan diterima dalam Persidangan Ketujuh Kongres Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Penghindaran Jenayah dan Penyalahgunaan Kuasa pada 26 Ogos hingga 06 September 1985,⁵⁵³ di antara lain menyatakan bahawa :

The declaration recommends measures to be taken at the international and regional levels to improve justice and fair treatment, restitution, compensation and social assistance for victims of crime, and it outlines the main steps to be taken to prevent victimization linked to abuses of power and to provide remedies for victims of such treatment.

Perisytiharan itu telah mencadangkan kepada negara-negara anggota agar mengambil langkah-langkah yang perlu sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa untuk meningkatkan keadilan dan rawatan yang adil, gantirugi, pampasan dan bantuan sosial bagi mangsa jenayah. Ia juga haruslah menggariskan langkah-langkah utama yang perlu diambil untuk mencegah penganiayaan yang dikaitkan dengan penyalahgunaan kuasa dan menyediakan ubat-ubatan untuk mangsa rawatan tersebut.

Melalui perkara 4 ⁵⁵⁴ deklarasi ini telah menyarankan kepada negara-negara anggota supaya mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menguatkuasakan peruntukan di dalam deklarasi ini demi membendung penganiayaan iaitu bertekad untuk :

⁵⁵³ Centre for International Crime Prevention, (1999) *Guide for Policymakers on the Implementation of the United Nations Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, United Nations Declaration pada 29 November 1985, UN Office for Drug Control and Crime Prevention, New York. Centre for International Crime Prevention, (1999) *Handbook on Justice for Victims on the Use and Application of the United Nation Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, UN Office for Drug Control and Crime Prevention, New York.

⁵⁵⁴ Perkara 4, *ibid*.

- i) *Melaksanakan gerak sosial, kesihatan, termasuk kesihatan mental, pendidikan dasar, ekonomi dan pencegahan jenayah untuk mengurangkan penganiayaan dan menggalakkan bantuan kepada mangsa dalam kesusahan.*
- ii) *Menggalakkan usaha-usaha masyarakat dan penyertaan orang awam di dalam pencegahan jenayah.*
- iii) *Mewujudkan dan mengukuhkan cara-cara mengesan, mendakwa dan menghukum mereka yang melakukan jenayah.*

Pada perkara 5 pula ⁵⁵⁵ resolusi ini mencadangkan supaya semua langkah-langkah ini perlu dilakukan sama ada di peringkat antarabangsa atau serantau bagi :

- i) *Menggalakkan aktiviti latihan yang direka untuk menggalakkan pematuhan kepada piawaian dan garis panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyekat kemungkinan penyalahgunaan.*
- ii) *Bekerjasama dalam penyelidikan mengenai cara-cara di mana pemangsaan boleh dikurangkan, mangsa dibantu dan menggalakkan pertukaran maklumat mengenai cara-cara yang paling berkesan untuk menanganinya.*
- iii) *Memberi bantuan secara langsung kepada suatu kerajaan untuk membantu mereka mengurangkan penganiayaan dan membela nasib mangsa.*
- iv) *Memajukan cara dan kaedah untuk menyediakan bantuan kepada mangsa-mangsa di mana saluran kebangsaan mungkin tidak mencukupi.*

Bantuan sokongan amat diperlukan oleh mangsa jenayah di dalam menjalani kehidupan seterusnya. Pelbagai usaha boleh dilakukan bagi membantu mangsa sebagaimana disarankan melalui perkara 14 bahawa mangsa akan menerima bantuan yang perlu dari segi perubatan, psikologi dan gerak sosial melalui kerajaan, badan-badan sukarela dan masyarakat. Resolusi tersebut juga mengiktiraf bahawa mangsa kecederaan jenayah adalah termasuk ahli keluarga, saksi dan orang yang membantu mangsa adalah mereka yang harus mendapat pembelaan sewaktu dan selepas suatu peristiwa jenayah.⁵⁵⁶


⁵⁵⁵ Perkara 5, *ibid.*

⁵⁵⁶ Perkara 14, *ibid.*

Negara-negara barat telahpun jauh ke hadapan dalam membela nasib mangsa kecederaan jenayah yang seharusnya dilindungi oleh pemerintah. Negara-negara barat telahpun mempunyai institusi dan undang-undang tersendiri yang menjamin dasar pampasan ke atas mangsa-mangsa kecederaan jenayah dapat dilaksanakan. Sebagai sebuah negara Islam contoh, seharusnya Malaysia menjadi pelopor ke arah pembelaan nasib mangsa kecederaan jenayah sebagaimana penubuhan institusi kewangan dan perbankan Islam.⁵⁵⁷

Justeru, adalah didapati bahawa kepentingan untuk membela mangsa kecederaan jenayah adalah sesuatu yang sangat disarankan melalui Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Penglibatan semua pihak terutamanya pihak pemerintah, badan-badan bukan kerajaan mahupun masyarakat adalah dituntut untuk melindungi dan membantu mangsa kecederaan jenayah bagi menjalani kehidupan seharian seterusnya.

Rajah 5 – Perbandingan Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Islam dan Barat.



⁵⁵⁷ Sila lihat Rajah 5 – Perbandingan Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Islam dan Barat

5.3 Undang-undang Pampasan Di Malaysia

Pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah di Malaysia belum diamalkan sepenuhnya di dalam sistem keadilan jenayah pada masa kini. Walaupun undang-undang pampasan telah mengalami perubahan dan perkembangan yang pesat di negara-negara barat dan seluruh dunia tetapi undang-undang jenayah di Malaysia masih lagi ketinggalan.

Peruntukan-peruntukan yang sedia ada telah memberikan gambaran bahawa konsep pampasan terhadap mangsakecederaan jenayah sememangnya telah ada. Ini menunjukkan bahawa suatu bentuk pembelaan terhadap mangsa telahpun diiktirafkan oleh masyarakat Malaysia. Namun, ketiadaan kesedaran yang serius terhadap hak-hak mangsa jenayah untuk mendapatkan pampasan yang sewajarnya telah menyebabkan pembelaan terhadap mereka seringkali dikesampingkan. Keadaan ini tidak berlaku di negara-negara barat di mana tuntutan kepada suatu badan tertentu yang bertanggungjawab menguruskan pampasan ini, tidak terikat sepenuhnya kepada sesuatu keputusan oleh pihak mahkamah bagi membolehkan pampasan diberi kepada mangsa kecederaan jenayah.

Ini menunjukkan bahawa perundangan sedia ada lebih memfokuskan kepada hukuman terhadap pelaku jenayah dan tidak kepada kebajikan mangsa jenayah. Peranan mangsa jenayah hanyalah sekadar pemberi maklumat atau saksi jika perbicaraan dijalankan di mahkamah. Setelah sesuatu hukuman itu dijatuhkan, maka kes jenayah itu telah dianggap selesai dan akan dilupakan oleh masyarakat. Mangsa jenayah pula terpaksa meneruskan kehidupan tanpa mendapat pembelaan sebagaimana keadaan asal sebelum berlakunya sesuatu kejadian jenayah tersebut. Hal ini akan menutup lagi ruang bagi pembelaan yang seharusnya kepada mangsa jenayah. Apabila berlakunya suatu tindakan jenayah, mangsa bukan sahaja dipengaruhi oleh keadaan emosi yang tidak stabil malah kecederaan yang dialami boleh menyebabkan ketidakstabilan dalam kehidupan mereka.⁵⁵⁸

⁵⁵⁸ Bagi mangsa rogol, mereka bukan sahaja akan mengalami tekanan emosi dan kecederaan fizikal malahan mewujudkan risiko jangkitan penyakit berjangkit dan mengalami kehamilan yang tidak sepatutnya. Sila lihat pembahasan Rozilawati bt Yacob, (2010), *Pampasan Kepada Mangsa Rogol Di Malaysia Menurut Perspektif Syariah*, Latihan Ilmiah Universiti Malaya, hlm. 67 – 80.

5.3.1 Sejarah Undang-undang Pampasan Di Malaysia

Undang-undang negara pada umumnya telah diasaskan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka melalui perlaksanaan Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Undang-undang ini banyak berasaskan kepada peruntukan-peruntukan syariah Islam menurut mazhab Syafi'i. Hal yang sama juga terdapat di negeri-negeri Melayu yang lain seperti Terengganu, Kelantan, Kedah dan Johor. Undang-undang ini bukan sahaja telah diamalkan di dalam perkara-perkara jenayah malahan kepada perkara-perkara lain juga.

Namun, keadaan ini telah berubah apabila negeri-negeri Melayu khususnya negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan) menerima Residen Inggeris di dalam pemerintahan negeri masing-masing. Sultan-sultan terpaksa menerima pandangan dan nasihat dari Residen-residen Inggeris termasuklah dalam perkara-perkara yang berkaitan perlaksanaan undang-undang Inggeris di Tanah Melayu.

Mahkamah-mahkamah yang diasaskan oleh pihak Inggeris sebahagian besarnya disertai oleh orang-orang Inggeris dan bukan Islam. Mahkamah Syariah pula telah dipinggirkan daripada sistem mahkamah dan perundangan yang dilaksanakan oleh Inggeris. Apa sahaja perkara yang menyentuh undang-undang selain daripada hukum kekeluargaan Islam adalah menjadi perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil (yang ditubuhkan oleh Inggeris) dan bersumberkan undang-undang Inggeris.⁵⁵⁹

Undang-undang selain daripada undang-undang *common law* dan undang-undang hakim Inggeris, tidak boleh dilaksanakan dan tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang melainkan ianya telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri di dalam bentuk akta ataupun enakmen. Dengan proses ini maka terpinggirlah sebahagian besar undang-

⁵⁵⁹ Selama hampir 200 tahun, pihak British di India telah mengkritik dan merendah-rendahkan undang-undang Islam sebelum menukar sistem perundangan Islam di sana kepada yang berasaskan kepada undang-undang Inggeris. Antara aspek undang-undang Islam yang telah dihapuskan di India ialah menuntut pampasan bagi kesalahan bunuh dan mencederakan anggota seperti mana yang ditiadakan di dalam peruntukan Indian Penal Code 1860. Di Malaysia, proses penukaran dari sistem peribumi Islam kepada sistem Inggeris berjalan dengan lebih licik dan tanpa menimbulkan polemik besar maka proses ini berjalan lebih mudah untuk mencapai matlamat yang sama seperti yang pernah dicapai di India.

undang Islam yang pada dasarnya dalam keadaan tidak bertulis iaitu berbentuk akta atau enakmen. Pada masa itu, undang-undang kekeluargaan Islam yang telah diluluskan akan dilaksanakan berdasarkan kepada Enakmen Pentadbiran Islam Negeri-Negeri.⁵⁶⁰

Pihak berkuasa Inggeris juga memperkenalkan Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah dalam sistem perundangan negara. Kanun Keseksaan diasaskan kepada undang-undang yang sama seperti yang dilaksanakan di India. Contohnya melalui seksyen 302 Kanun Keseksaan itu memperuntukan bahawa pembunuhan adalah perkara jenayah. Hak pendakwaan bagi kes pembunuhan terletak sepenuhnya kepada Pendakwaraya. Pihak Inggeris percaya sepertimana yang dilakukan di India, perkara ini lebih memudahkan mereka untuk menguruskan keselamatan dalam negeri agar ekonomi dan politik mereka tidak terganggu dan juga selaras dengan kedudukan undang-undang di England.

Di samping itu, Inggeris juga telah memperkenalkan undang-undang bagi kesalahan sivil iaitu kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan individu selain daripada yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan. Melalui undang-undang ini hanya individu berkenaan sahaja yang berhak mengambil tindakan terhadap pesalah.

Beberapa peruntukan di dalam Akta Undang-undang Sivil 1956 (pindaan) mengandungi peruntukan yang hampir serupa dengan yang wujud di dalam undang-undang England yang telah diperbaharui bagi memberikan hak kepada keluarga terdekat mangsa pembunuhan menuntut pampasan. Peruntukan-peruntukan yang ada di dalam akta ini khusus bagi pihak keluarga terdekat mangsa pembunuhan menuntut beberapa jenis pampasan bagi meringankan bebanan mereka kerana kematian tersebut.⁵⁶¹

⁵⁶⁰ Zainal Azam Abdul Rahman, (2003), *Pendakwaan Dan Penyiasatan Konsep Dan Amalan : Konsep Pampasan Di Dalam Undang-Undang Jenayah Islam dan Prospek Perlaksanaannya Di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 222.

⁵⁶¹ Selain daripada *common law* dan keputusan-keputusan mahkamah, sumber terpenting undang-undang sivil bolehlah dijelaskan bahawa Akta Undang-undang Sivil 1956 memperuntukkan bahawa jika tiada undang-undang bertulis mengenai sesuatu perkara maka hendaklah memakai undang-undang *common law* dan ekuti sepertimana yang ada di England pada 7 April 1956 dengan syarat setakat mana yang dibenarkan oleh keadaan yang ada di negeri-negeri di Malaysia dan penduduk negeri-negeri tersebut membenarkannya dan tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang perlu mengikut undang-undang tempatan.

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa hak ini dikanunkan di Malaysia mengikut perkembangan yang berlaku di England di dalam hal yang sama terutamanya selepas Lord Cambell's Act diluluskan (di sana) yang memberikan hak kepada ahli keluarga membuat tuntutan sedemikian. Sewajarnya ia amat diberi perhatian setelah sekian lama mahkamah-mahkamah di England tidak mempunyai kuasa memberikan pampasan di dalam kes-kes sebegini disebabkan tiada peruntukan di dalam undang-undang *common law* sehinggalah peruntukan undang-undang bertulis dibuat.

Telah diputuskan di dalam kes *Nepline Sdn Bhd vs Jones Lang Wootton* ⁵⁶² bahawa ketika memakai peruntukan seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956, pendekatan yang perlu diambil adalah mahkamah hendaklah melihat sama ada terdapat undang-undang bertulis yang terpakai di Malaysia mengenai perkara yang dibicarakan itu. Jika tidak, mahkamah hendaklah menentukan apakah undang-undang *common law* dan ekuiti yang terpakai di England pada tarikh 07 April 1956.⁵⁶³ Selepas itu mahkamah hendaklah menilai sama ada pemakaiannya boleh dibenarkan berdasarkan keadaan tempatan.⁵⁶⁴

Terdapat juga beberapa isu lain mengenai undang-undang pampasan sivil di Malaysia.⁵⁶⁵ Antaranya termasuklah pampasan yang terlalu tinggi dan tiada had, isu *no-fault liability compensation scheme*, isu premium yang tinggi, isu kesesuaian *common law* bagi situasi di Malaysia, isu kematian tidak diketahui pembunuhnya, isu kadar kemalangan jalan raya yang tinggi, isu kecuaian perubatan dan isu *causation* dalam menentukan pihak bersalah.

⁵⁶² (1995) 1 CLJ 865

⁵⁶³ Statut atau akta yang diluluskan dan dipakai di England selepas 1956 adalah tidak terpakai di Malaysia.

⁵⁶⁴ Jika didapati boleh dibenarkan, mahkamah hendaklah memakai kaedah *common law* dan ekuiti. Jika sebaliknya, mahkamah bebas untuk menolaknya secara keseluruhan atau memakai sebahagian yang sesuai dengan keadaan tempatan. Seterusnya jika mahkamah menolak secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan tidak terdapat undang-undang bertulis mengenai perkara itu, mahkamah adalah bebas untuk menentukan perkara itu mengikut *common law* Malaysia. Dalam hal ini mahkamah adalah bebas untuk memakai apa-apa sumber yang difikirkan perlu.

⁵⁶⁵ Secara umumnya selain daripada beberapa peruntukan di dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 seperti yang dijelaskan hanya ada satu statut mengenai sivil yang telah diluluskan di Malaysia iaitu Defamation Act 1957. Di Malaysia, dalam menafsirkan dan memberi huraian lanjut terhadap undang-undang ini, mahkamah masih merujuk kepada konsep fitnah dan syarat-syaratnya sebagaimana di dalam undang-undang Inggeris. Zainal Azam Abdul Rahman, (2003), *Pendakwaan Dan Penyiasatan Konsep Dan Amalan : Konsep Pampasan Di Dalam Undang-Undang Jenayah Islam dan Prospek Perlaksanaannya Di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 223.

5.3.2 Perkembangan Undang-undang Pampasan Di Malaysia

a) Undang-undang Kesalahan Membunuh & Mencederakan

Kesalahan pembunuhan dan kecederaan secara umumnya dapatlah dikategorikan sebagai undang-undang jenayah di bawah Kanun Keseksaan. Sementara Akta Undang-Undang Sivil 1956 (setakat yang menyentuh mengenai kematian dan kecederaan) hanya menyentuh sebahagian kecil daripada kesalahan-kesalahan sivil termasuk pampasan kerana kematian akibat kemalangan maut dan kesannya ke atas kausa-kausa tindakan,⁵⁶⁶ kecuaiian sertaan ⁵⁶⁷ dan gantirugi berkaitan kecederaan diri.⁵⁶⁸

Kesalahan-kesalahan sivil yang tidak diperuntukan di bawah akta tersebut atau mana-mana statut tempatan yang lain adalah tertakluk kepada pemakaian prinsip *common law* dan kaedah-kaedah ekuiti berdasarkan seksyen 3 kepada akta tersebut.

i) Kanun Keseksaan

Jenayah-jenayah pembunuhan dan kecederaan dibincangkan di bawah bab kesalahan-kesalahan mengenai tubuh manusia di mana pembunuhan dilabelkan sebagai kesalahan-kesalahan mengenai nyawa manakala kesalahan kecederaan dilabelkan sebagai cedera.

Kesalahan-kesalahan mengenai nyawa adalah menyentuh beberapa jenis pembunuhan yang masing-masing dibezakan oleh elemen niat, pengetahuan dan kecuaiian.⁵⁶⁹ Kesalahan mematikan orang dengan salah dan membunuh orang adalah memerlukan pembuktian niat jahat dan tindakan salah di mana hukuman kesiksaan yang diperuntukan untuknya adalah hukuman penjara dan denda bagi kesalahan pertama dan hukuman bunuh mandatori bagi kesalahan kedua.

⁵⁶⁶ Akta Undang-Undang Sivil 1956, Seksyen 7 – 8.

⁵⁶⁷ Akta Undang-Undang Sivil 1956, Seksyen 12.

⁵⁶⁸ Akta Undang-Undang Sivil 1956, Seksyen 28A.

⁵⁶⁹ Gaur, K.D., (1999), *Criminal Law : Cases And Materials*, Butterworths, India, hlm. 407.

Kesalahan yang menyebabkan kematian dengan cuai dan memerlukan pembuktian kecuai di pihak pesalah membawa kepada hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya sekali. Kesalahan-kesalahan penyubahatan dan percubaan membunuh juga disentuh di mana hukuman kesiksaannya merangkumi penjara dan denda.⁵⁷⁰

Penentuan kadar denda adalah terserah kepada budi bicara hakim berpandukan kes-kes terdahulu di bawah prinsip bahawa jumlah denda yang dikenakan kepada pesalah adalah tidak terhad tetapi hendaklah tidak berlebihan. Dalam konteks ini faktor kekayaan dan kemiskinan pesalah adalah diambil kira dalam menafsirkan denda.⁵⁷¹

Kesalahan kecederaan di bawah Kanun Keseksaan umumnya dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu kecederaan ringan dan berat berdasarkan tahap serangan yang dilakukan. Kecederaan-kecederaan tersebut hendaklah dibuktikan dilakukan oleh pesalah dengan sengaja walaupun disebabkan oleh bangkitan marah. Elemen *mens rea* memainkan peranan yang penting dalam pembuktian kesalahan-kesalahan kecederaan di bawah kanun tersebut. Secara keseluruhannya hukuman bagi kesalahan kecederaan meliputi penjara sehingga dua puluh tahun, sebatan dan denda. Sebahagian jenis kecederaan yang ditentukan jumlahnya adalah daripada lima ratus ringgit hingga empat ribu ringgit, sebahagiannya tidak dinyatakan jumlah dendanya.⁵⁷²

ii) Akta Undang-Undang Sivil 1956

Kesalahan-kesalahan yang mengakibatkan kematian dan kecederaan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956, peranannya dilihat tidak lebih daripada peruntukan sampingan dan pengecualian kepada prinsip-prinsip asal *common law*. Mahkamah di Malaysia masih lagi terikat dengan prinsip-prinsipnya selagi tidak terdapat peruntukan-peruntukan lain oleh mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.

⁵⁷⁰ Kanun Keseksaan, seksyen 304 - 309.

⁵⁷¹ Kanun Prosedur Jenayah, seksyen 283 (1) (a).

⁵⁷² Kanun Keseksaan, seksyen 323, 334 - 338.

Berdasarkan kepada seksyen 7 mengenai pampasan kepada keluarga mangsa akibat kemalangan maut, pihak terbabit diberikan hak untuk mengambil tindakan sivil bagi menuntut gantirugi di atas kehilangan yang dialami akibat kematian mangsa walaupun kematian yang berlaku menjadi suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Oleh itu dalam kes kemalangan maut, pesalah boleh didakwa di bawah Kanun Keseksaan dan juga boleh diambil tindakan di bawah undang-undang sivil.

Di bawah seksyen 304A Kanun Keseksaan (menyebabkan kematian dengan cuai) pesalah boleh dihukum penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Sementara di bawah seksyen 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956, dia dikehendaki membayar sejumlah gantirugi kepada keluarga mangsa.

Di bawah seksyen 28A pula adalah mengenai gantirugi akibat kecederaan. Namun, peruntukan ini dilihat sebagai prinsip-prinsip pengecualian kepada kaedah asal *common law*. Ia hanya membicarakan mengenai beberapa bayaran tertentu yang harus diambil kira dalam menilai gantirugi seperti bayaran di bawah kontrak insuran, pencen dan sebagainya. Jelaslah menunjukkan bahawa peruntukan ini digubal bagi menyesuaikan kaedah-kaedah *common law* kepada situasi dan kehidupan masyarakat tempatan yang kelihatan jauh berbeza daripada tempat asal di England.

Umumnya kedua-dua undang-undang jenayah dan sivil di Malaysia membicarakan kesalahan pembunuhan dan kecederaan. Namun terdapat beberapa perbezaan dalam konteks pengelasan kesalahan pembunuhan dan kecederaan⁵⁷³ iaitu :

- a) Kesalahan-kesalahan di bawah kanun keseksaan memerlukan pembuktian niat jahat bagi mensabitkan pesalah seperti kesalahan membunuh orang dan mematikan orang dengan salah kecuali sebilangan kecil peruntukan menyentuh kesalahan dengan cuai. Sementara itu, kesalahan-kesalahan sivil pula lebih tertumpu kepada kematian dan kecederaan akibat kecuai.

⁵⁷³ Norchaya Talib, (1997), *Tort In Malaysia*, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur, hlm. 5.

- b) Hukuman kesiksaan di bawah Kanun Keseksaan bersifat menghukum pesalah yang meliputi hukuman bunuh, penjara, sebat dan denda. Sementara itu, undang-undang sivil pula bertujuan memberikan gantirugi berbentuk wang atau pampasan kepada mangsa atau ahli keluarga.
- c) Prinsip-prinsip kesalahan pembunuhan dan kecederaan di bawah undang-undang jenayah ditadbir sepenuhnya oleh Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah namun di bawah undang-undang sivil kesalahan-kesalahan tersebut ditadbir menurut prinsip-prinsip *common law* dan kaedah-kaedah ekuiti kecuali setakat mana yang diperuntukan oleh undang-undang bertulis di Malaysia.⁵⁷⁴
- d) Undang-undang jenayah secara keseluruhannya adalah membincangkan mengenai kesalahan pembunuhan dan kecederaan dengan lebih meluas dan mendalam. Terdapatnya tajuk khusus kesalahan-kesalahan mengenai tubuh manusia di bawah Kanun Keseksaan dan pelbagai peruntukan mengenai prosedur penghukumannya di bawah Kanun Prosedur Jenayah. Berbanding dengan undang-undang sivil yang lebih menumpukan perhatian kepada prinsip-prinsip kecuaiian, kesalahan gangguan, fitnah, pencerobohan terhadap individu (seperti serang, serang-sentuh dan penahanan salah), tanah dan harta benda, jenis-jenis remidi dan sebagainya.

⁵⁷⁴ Akta Undang-undang Sivil 1956, seksyen 3.

b) Undang-undang Pampasan Mangsa Jenayah

Undang-undang pampasan terhadap mangsa jenayah sebenarnya telah wujud di dalam sistem perundangan negara sejak sekian lama lagi. Ia merupakan suatu bentuk pembelaan terhadap mangsa jenayah yang mengalami kecederaan mahupun kerugian dan sejumlah pampasan akan diberikan akibat daripada perbuatan jenayah yang berlaku.

Peruntukan mengenai pampasan ini telah diperuntukan melalui Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) bagi kesalahan-kesalahan jenayah. Di bawah seksyen 426 ⁵⁷⁵ iaitu perintah pembayaran kos pendakwaan dan pampasan yang menerangkan bahawa :

- 1) Mahkamah yang menyabitkan seseorang di atas sebarang kesalahan jenayah, pada budi bicaranya, boleh membuat sama ada salah satu atau kedua-dua perintah berikut terhadap orang itu, iaitu :
 - a) Suatu perintah pembayaran sebarang kos pendakwaan atau sebahagiannya sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.
 - b) Suatu perintah pembayaran olehnya sebanyak yang telah ditetapkan oleh Mahkamah secara pampasan kepada mana-mana juga orang, atau wakil mana-mana orang yang cedera dirinya, kelakuan atau hartanya oleh jenayah atau kesalahan yang mana hukuman itu telah dijatuhkan.
- 2) Mahkamah hendaklah menentukan kepada siapa hendak dibayar kos perbelanjaan atau pampasan seperti tersebut di atas, dan seksyen 432 (kecuali subseksyen 1 (d) itu) hendaklah dipakai bagi sebarang perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.
- 3) Mahkamah boleh mengarahkan suatu perintah untuk membayar sebarang kos atau perintah untuk membayar pampasan diutamakan, dan jika tidak diberi perintah sedemikian untuk pembayaran kos hendaklah diutamakan, daripada pembayaran pampasan.
- 4) Setakat jumlah wang telah dibayar kepada orang atau wakil orang itu, di bawah perintah bagi pembayaran pampasan, sebarang tuntutan orang itu atau wakil bagi kecederaan yang berlaku oleh sebab jenayah atau kesalahan itu hendaklah

⁵⁷⁵ Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, (2010), *Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)*, International Law Book Services, Selangor, hlm. 220.

disifatkan sebagai telah dijelaskan, tetapi perintah pembayaran tidak menjelaskan ganti rugi kerosakan-kerosakan yang lebih banyak daripada bayaran pampasan yang telah dibayar di bawah perintah itu.

- 5) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah seksyen ini bolehlah dirayu kepada Mahkamah Tinggi.

Ini menunjukkan bahawa undang-undang telah memperuntukan suatu akta yang jelas mengenai pampasan mangsa jenayah. Peruntukan ini memberikan kaedah pampasan dapatlah dilakukan melalui perintah mahkamah di mana prosiding itu dijalankan dan juga melalui tindakan sivil yang di bawa oleh mangsa jenayah. Mahkamah berkenaan boleh memerintahkan pembayaran dapat dilakukan sama ada pada salah satu atau kedua-duanya sekaligus oleh pesalah jenayah. Perintah ini boleh dibuat sama ada untuk menampung kos perbicaraan mahupun sebagai pampasan terhadap mangsa atau ahli keluarganya akibat daripada kecederaan yang dialami oleh mangsa jenayah. Perintah pembayaran ini boleh dilakukan selepas tertuduh disabitkan ke atas perbuatan jenayah yang dilakukan.⁵⁷⁶

Walaupun begitu kekurangan kes pampasan di mahkamah telah menyebabkan seksyen ini seolah-olah jarang digunakan. Apatah lagi kes-kes pampasan yang diperintahkan melalui mahkamah terlalu minimum yang menyebabkan ianya kurang diberi perhatian melalui penulisan undang-undang jurnal ilmiah. Contohnya, merujuk kepada bilangan kes yang diperintahkan berkaitan pampasan di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada tahun 2001 hanya berjumlah 8 kes sahaja atau hanya 0.13 % berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 6343 kes. Ini menunjukkan bahawa tidak sampai 1 % pun perintah mahkamah berkaitan dengan pampasan mangsa kecederaan jenayah telah diputuskan.⁵⁷⁷

⁵⁷⁶ Izawati Wook, (2010), *Compensation Order Provision By Criminal Courts In Malaysia And The United Kingdom*, Malayan Law Journal, (2010) 2 MLJ, hlm. lxii.

⁵⁷⁷ Kajian kes yang telah dijalankan oleh Hanum Abd Aziz mengenai *Restitution To Victims Of Crime*, di peringkat Sarjana Undang-undang, Universiti Malaya pada tahun 2003. Di antara lain beliau telah menerangkan permasalahan yang menyebabkan terjadinya perintah mahkamah yang terlalu minimum berkaitan dengan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah iaitu mengenai syarat-syarat peruntukan statutori yang lain, pra-syarat mahkamah dan sekatan-sekatan yang menghalang kes-kes pampasan diperintahkan oleh mahkamah. Hanum Abd Aziz, (2003), *Restitution To Victims Of Crime*, Latihan Ilmiah - Sarjana, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, hlm. 77 - 81.

Malahan jumlah pampasan yang dikenakan juga agak jauh kecil berbanding kes-kes sivil. Contohnya, kes seperti *Pendakwaraya vs Low Lu Keng* ⁵⁷⁸ di mana responden telah diperintahkan membayar pampasan iaitu hanya sebanyak RM 10,000.00 kepada balu mangsa. Responden sebelum ini telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Muar, Johor di atas kesalahan pembunuhan kerana telah menyebabkan kematian mangsa. ⁵⁷⁹

Kadar tersebut adalah dianggap kurang mencukupi apatah lagi sekiranya mangsa jenayah sebelum kejadian itu mempunyai pekerjaan tetap dan ahli keluarga yang ramai yang perlu ditanggung. Keadaan ini bertambah parah sekiranya isteri mangsa jenayah tidak bekerja dan hanya memberikan tumpuan kepada aspek rumahtangga sahaja. Justeru sekiranya kadar pampasan yang dikenakan mencapai tahap yang sewajarnya maka keadaan ini akan dapat membantu pemulihan kehidupan ahli keluarga mangsa jenayah. Namun, persoalan juga timbul sekiranya pelaku jenayah tidak mempunyai sejumlah harta yang secukupnya untuk diberikan kepada ahli keluarga mangsa. Begitu juga sekiranya harta-harta tersebut adalah hasil daripada perlakuan kejahatan-kejahatan yang dilakukan sebelum ini.

Di samping itu, pampasan melalui kesalahan jenayah juga hanya boleh dijalankan setelah mahkamah memutuskan tertuduh telah terbukti bersalah dan dikenakan sesuatu hukuman. Di dalam kes *Mohamad Johan Mutalib vs Pendakwaraya*, ⁵⁸⁰ Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa mangsa atau ahli keluarganya yang tercedera boleh menerima pampasan untuk gantirugi kecederaan jenayah tersebut dan hanya boleh diberi setelah tertuduh disabitkan dengan kesalahan serta dijatuhkan hukuman ke atasnya.

Pun begitu walaupun jelas wujud kelemahan di dalam proses perundangan sebelum ini iaitu di mana mangsa atau ahli keluarga tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya bagi menyokong kes jenayah yang dihadapinamun penambahbaikan undang-undang

⁵⁷⁸ Muar High Court Criminal, Appeal No. 42-8-1990.

⁵⁷⁹ (1992) 3 CLJ iii. G.F. Nelson, (1992), *Compensation Under Malaysia Criminal Law and The Principles of Diyat in Shariah Law* - A Case Note, CLJ Legal Network Sdn Bhd. Sila lihat juga kes *Pendakwaraya vs Arzo bin Abu & Dua Yang Lain* di dalam kes Kudat Criminal Trial No. 34 of 1987. Begitu juga kes *Raja Izzuddin Shah vs Pendakwaraya*, (1979) 1 MLJ 270. Kes *Yap Eu Leong Sunny vs Pendakwaraya*, (1994) 3 MLJ 434, (1994) 2 CLJ 118. Kes *Yeo Siow Yee vs Pendakwaraya*, (1974) 1 MLJ 54, (1972) 1 LNS 179.

⁵⁸⁰ (1978) 1 MLJ 213.

berkaitan pampasan ini telah dilakukan. Berdasarkan perkembangan pindaan terbaru yang telah diluluskan oleh parlimen iaitu penambahan seksyen 183A ⁵⁸¹ adalah berkenaan dengan pembelaan terhadap mangsa atau ahli keluarga mangsa jenayah.

183A - Victim's or a member of his family's impact statement.

Before the Court passes sentence according to law under section 183, the Court shall call upon the victim of the offence or a member of the victim's family, if any, to make a statement on the impact of the offence committed against the victim or his family.

Seksyen ini jelas menunjukkan bahawa sebelum mahkamah memutuskan sesuatu hukuman mengikut undang-undang di bawah seksyen 183, hakim mahkamah yang berkaitan adalah dikehendaki memanggil mangsa atau ahli keluarga mangsa kecederaan jenayah tersebut untuk membuat sebarang kenyataan, sekiranya ada, mengenai kesan kesalahan jenayah yang dilakukan terhadap mangsa atau keluarga mangsa.

Kenyataan ini tentunya memberikan ruang dan peluang sepenuhnya kepada mangsa atau keluarga mangsa untuk membela nasib dan kebajikan mereka. Undang-undang di bawah seksyen 183 ini adalah merupakan suatu ketetapan dan prosedur yang wajib dilaksanakan oleh hakim mahkamah berkaitan. Hal ini tidak berlaku berdasarkan undang-undang sebelum ini kerana mahkamah tidak dimestikan untuk memanggil mangsa sebelum sesuatu keputusan mengenainya dibuat. Ianya seolah-olah hanya memberikan pilihan kepada mahkamah sama ada untuk memanggil mangsa ataupun tidak.

Di samping itu penambahbaikan peruntukan undang-undang terhadap seksyen 426 juga turut dilakukan berdasarkan tambahan seksyen di atas iaitu :

- 1) Mahkamah yang di hadapannya tertuduh disabitkan ke atas suatu kesalahan boleh, mengikut budi bicaranya, membuat suatu perintah bagi pembayaran disabitkan tuduhan dengan kos pendakwaan atau mana-mana bahagiannya sebagaimana yang dipersetujui oleh pendakwa raya.

⁵⁸¹ Telah diluluskan pada 02 Jun 2010 dan telah digazetkan melalui berita pada 10 Jun 2010. Namun, seksyen ini belum dilaksanakan lagi. www.parlimen.gov.my/

Berdasarkan seksyen tambahan tersebut juga mahkamah boleh memerintahkan jumlah pampasan yang munasabah dapat diberikan kepada mangsa yang mengalami kesan-kesan tertentu akibat daripada kecederaan tersebut seperti kehilangan pendapatan atau hartanah atau lain-lain. Sekiranya seseorang yang menjadi mangsa kesalahan itu meninggal dunia, perintah pampasan hendaklah dibuat kepada wakil si mati. Sebelum membuat suatu perintah, pihak mahkamah akan mengambil kira faktor-faktor berikut iaitu :

- (a) jenis kesalahan
- (b) kecederaan yang dialami oleh mangsa
- (c) perbelanjaan yang ditanggung oleh mangsa
- (d) kerosakan pada, atau kehilangan, harta yang dialami oleh mangsa
- (e) kerugian pendapatan yang ditanggung oleh mangsa
- (f) keupayaan yang disabitkan tertuduh membayar dan
- (g) apa-apa faktor lain yang difikirkan oleh Mahkamah yang berkenaan.

Apa yang jelas berdasarkan peruntukan-peruntukan ini menunjukkan bahawa setiap perbuatan jenayah yang dilakukan ke atas mangsa akan mewujudkan suatu hak bagi mangsa tersebut untuk memperolehi sesuatu pampasan.⁵⁸² Pindaan undang-undang yang baru tersebut akan mewujudkan kepentingan keterangan mangsa kecederaan jenayah untuk mendapatkan pampasan secara terus daripada perintah mahkamah jenayah.

⁵⁸² Tuntutan ini boleh dibuat sama ada setelah mahkamah jenayah memerintahkan pesalah jenayah membayar sejumlah pampasan itu ataupun kes tersebut dibawa secara berasingan melalui tindakan sivil. Peruntukan itu bermaksud sesuatu remedi sivil boleh dituntut jika jumlah pampasan yang diperintahkan oleh mahkamah jenayah berkenaan tidak memadai untuk menampung kerugian yang dialami oleh mangsa. Justeru itu, tuntutan sivil tersebut boleh dilakukan bagi tujuan mendapatkan jumlah pampasan yang lebih baik. Namun begitu peruntukan itu hanya menyebut tentang pampasan dan remedi sivil secara umum. Kebiasaannya pampasan seumpama ini akan diberi keutamaan dalam kes-kes kemalangan jalan raya, kerosakan harta benda, serangan, serangan sentuh, kecuaian dan sebagainya yang melibatkan undang-undang sivil. Walaupun kesalahan rogol termasuk di dalam kesalahan secara serang sentuh (dari sudut undang-undang tort yang membolehkan mangsa mendapat pampasan) namun jarang didengari mangsa rogol tampil untuk menuntut pampasan akibat perbuatan jenayah tersebut. Ketiadaan kesedaran tentang hak-hak mangsa rogol mendapatkan pampasan menyebabkan pembelaan dalam bentuk pembayaran pampasan tidak dituntut. Sebaliknya mangsa hanya dibantu dengan pembelaan dalam bentuk yang lain-lain. Sila lihat pembahasan Rozilawati bt Yacob, (2010), *Pampasan Kepada Mangsa Rogol Di Malaysia Menurut Perspektif Syariah*, Latihan Ilmiah Universiti Malaya, hlm. 67 – 80.

5.4 Pelaksanaan Pampasan Melalui Takaful Di Malaysia

Pelbagai pihak dan pakar undang-undang di Malaysia seringkali menyuarakan pandangan mengenai kepentingan pampasan ini dilaksanakan terutamanya melalui *takaful*. Apatah lagi peruntukan pampasan ini sebenarnya sudah terkandung di dalam undang-undang jenayah. Mungkin disebabkan kekurangan hebahan dan pengetahuan yang mendalam mengenai peruntukan ini maka ianya kurang mendapat perhatian masyarakat.⁵⁸³

Pada hakikatnya pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia dapat dilaksanakan berdasarkan beberapa asas yang telah digariskan oleh undang-undang dan akta serta tabung dan bantuan sosial yang sedia ada pada ketika ini. Berdasarkan kepada peruntukan di dalam undang-undang jenayah dan sivil atau melalui peruntukan bidang kuasa Mahkamah Syariah ataupun mewujudkan peruntukan khas, skim pampasan mangsa kecederaan jenayah akan dapat dilaksanakan. Pampasan kepada pekerja melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja haruslah diperluas dan ditinjau kembali. Kewujudan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara haruslah dihebahkan kepada masyarakat keseluruhannya. Sementara, Program Kebajikan 1Malaysia (*Karisma*) di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat haruslah diperkasakan lagi agar pembelaan kepada mangsa kecederaan jenayah dapat dilaksanakan segera.

Walaupun demikian demi menjaga kebajikan dan hak mangsa jenayah adalah perlu kerajaan mengambil tanggungjawab dan tindakan progresif bagi mewujudkan suatu badan pampasan mangsa kecederaan jenayah sebagaimana konsep negara kebajikan yang dilaksanakan di negara-negara barat. Memandangkan Malaysia sebuah negara Islam yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa yang dipimpin oleh masyarakat Islam adalah sewajarnya pelaksanaan sesuatu undang-undang ataupun dasar-dasar pemerintahan yang baru dan memberi faedah kepada rakyat haruslah mendasari dengan konsep keIslaman.

⁵⁸³ Kajian temubual yang dijalankan ke atas pihak-pihak yang terkait dengan undang-undang dan kewangan Islam khususnya bidang insurans dan *takaful* telah menguatkan lagi keperluan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* di Malaysia. Kajian temubual ini telah melibatkan pihak pembuat dasar di dalam industri kewangan Islam, pihak industri insurans dan *takaful*, para akademik dan pengamal undang-undang. Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecelakaan Jenayah Melalui *Takaful* Di Malaysia..

Konsep ini haruslah difahami bahawa ia merupakan suatu konsep agama yang universal dan tidak menyampingkan kepentingan serta hak penganut-penganut agama lain sebagai warganegara. Justeru itu, negara mampu untuk menciptakan kestabilan dan keamanan yang turut melonjakan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh yang maju di rantau ini. Pada masa yang sama juga ianya akan turut menunaikan tanggungjawab dan hak-hak orang Islam itu sendiri di dalam memenuhi tuntutan agama Islam.

Tanpa formula kebersamaan ini, polimik persengketaan kaum dan agama di Malaysia akan terus dijaja dan dimainkan oleh pihak-pihak tertentu bagi meraih kepentingan peribadi yang sempit. Formula ini ternyata boleh dilaksanakan dengan inisiatif dan usaha yang berterusan oleh kerajaan dan agensi-agensi yang terkait di dalam pembangunan sistem kewangan Islam pada masa kini. Malahan sistem kewangan Islam di Malaysia telah menjadi contoh dan rujukan yang terbaik di dalam sistem kewangan Islam di dunia.

5.4.1 Pampasan Sebagai Dasar Kebajikan Negara

Sebuah negara seharusnya mempunyai skim pampasan tersendiri dalam memberikan jaminan pembelaan kepada mangsa jenayah. Konsep inilah yang memberikan justifikasi dan kepentingan wujudnya skim pampasan mangsa kecederaan jenayah. Kewujudan skim ini bukan sahaja bertujuan untuk membayar sejumlah pampasan sahaja malahan untuk membuktikan keperihatinan dan tanggungjawab kerajaan terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyat. Konsep ini sedikit sebanyak akan memulihkan semula keadaan dan kedudukan mangsa jenayah kepada keadaan asalnya semula sebelum berlakunya sesuatu tindakan jenayah. Paling tidak ianya dapat membantu meringankan beban kewangan di atas tanggungjawab yang ditanggung oleh mangsa jenayah selepas kejadian tersebut.

Justeru itu, pihak kerajaan haruslah memikul tanggungjawab ini berdasarkan faktor-faktor yang digariskan seperti berikut ⁵⁸⁴ iaitu :

⁵⁸⁴ Abdul Halim Sidek, (2004), *Persidangan Meja Bulat : Peranan Masyarakat Membasmi Jenayah Ragut*, Kuala Lumpur. D Miers, (2003), *Responses to Victimization : A Comparative Study of Compensation for Criminal Violence in Great Britain and Ontario*, Professional Books, Oxford.

- a) Sebagaimana amalan yang telah dilaksanakan di negara-negara barat yang berasaskan kepada *welfare* atau kebajikan maka kerajaan yang memerintah adalah bertanggungjawab ke atas kebajikan rakyat. Jika tidak dilakukan sesuatu maka rakyat akan terbiar dan melarat. Situasi ini akan memberikan suatu kesulitan dan yang akhirnya boleh menggugat kestabilan terhadap pemerintahan negara.
- b) Kerajaan telah mengambil alih hak rakyat untuk menggunakan kekerasan untuk melindungi keselamatan diri mereka daripada bahaya jenayah. Hal ini telah disalurkan melalui beberapa agensi keselamatan yang bertanggungjawab mengenai hal-hal keselamatan dan keamanan negara seperti polis, tentera, pertahanan awam dan sebagainya. Maka apabila rakyat dcederakan atau terbunuh oleh sesuatu tindakan jenayah maka boleh dikatakan bahawa pemerintah telah gagal dalam tugas mereka menjaga keselamatan dan keamanan rakyatnya.
- c) Kerajaan perlulah mengambil inisiatif melaksanakan skim pampasan ini memandangkan polisi awam yang kuat menyokong sikap prihatin dan penyayang kerajaan. Ini termasuklah memberi bantuan kepada mangsa jenayah yang tidak berdosa apabila ditimpa sesuatu musibah jenayah. Sebagai suatu usaha simbolik maka kerajaan harus menerajui polisi ini dengan harapan bahawa masyarakat juga akan turut membantu dari segi kewangan dan sumber-sumber yang lain.
- d) Kerajaan juga harus mencari pendekatan yang baru dan mengikut peredaran dan tuntutan zaman dunia pada masa kini di dalam menangani isu jenayah dengan menitikberatkan kepada kebajikan dan bantuan kepada mangsa kecederaan jenayah. Apa yang berlaku pada ketika ini adalah lebih terarah kepada penghukuman kepada pelaku jenayah di atas perbuatan jenayah yang dilakukan. Mangsa jenayah seolah-olah menjadi '*korban*' di atas sistem kehakiman yang sedia ada sedangkan mereka juga mempunyai hak-hak di atas perbuatan jenayah yang berlaku.

Justeru, di dalam proses mengawal keadaan tersebut, adalah menjadi suatu kepentingan yang utama bagi sesebuah negara untuk mempunyai skim pampasan tersendiri dalam memberikan jaminan pembelaan kepada mangsa jenayah. Kerajaan haruslah mengambil tanggungjawab untuk membantu mangsa jenayah dengan cara membayar sejumlah kadar pampasan yang setimpal dengan tindakan jenayah tersebut. Paling tidak, tindakan tersebut akan dapat membantu untuk meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh mangsa atau ahli keluarga mangsa kecederaan jenayah.

5.4.2 Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia

Selain daripada peruntukan undang-undang sedia ada di dalam negara, pampasan mangsa kecederaan jenayah juga wujud secara tidak langsung di dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1969). Pampasan ini akan dibayar adalah khusus kepada pekerja-pekerja yang mencarum di dalam Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi melindungi keselamatan sewaktu menjalankan tugas di dalam bidang pekerjaan masing-masing.

Pertubuhan Keselamatan Sosial merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Misi PERKESO adalah untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial dan meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Fungsi-fungsi yang dilaksanakan oleh PERKESO ialah mendaftar majikan dan pekerja, mengutip caruman majikan dan pekerja, memproses tuntutan dan membayar faedah kepada pekerja yang ditimpa malang dan orang tanggungannya. Di samping itu, PERKESO juga menyediakan faedah pemulihan jasmani dan vokasional serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan.⁵⁸⁵

⁵⁸⁵ Seorang pekerja adalah dikehendaki mendaftar dan mencarum dengan PERKESO. Ia penting bagi memastikan pekerja dan keluarga mereka diberi jaminan kebajikan termasuk menerima pampasan dan bantuan jika berlaku sebarang perkara tidak diingini seperti kematian atau kemalangan. Majikan yang mempunyai minimum seorang pekerja dan bekerja di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan diwajibkan mendaftar dan mencarum dengan PERKESO. Pekerja yang mendapat gaji RM3,000 sebulan atau kurang, layak mencarum dengan PERKESO. Namun, jika gaji pekerja melebihi RM3,000 sebulan, prinsip sekali layak terus layak adalah terpakai. Pertubuhan Keselamatan Sosial, (t.t), *Pendaftaran Dan Caruman*, Buku 1, PERKESO, Kuala Lumpur, hlm. 2 - 4. Sila rujuk www.perkeso.gov.my/

a) **Dasar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja**

Demi memastikan kesejahteraan sosial pekerja PERKESO beriltizam untuk menjadi sebuah organisasi yang sihat dan selamat berlunaskan prinsip keselamatan dan kesihatan adalah tanggungjawab semua. PERKESO adalah beriltizam untuk membentuk dan mengekalkan keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang selesa ke arah membendung kecederaan akibat pekerjaan di samping kerosakan harta benda dan nyawa.⁵⁸⁶

Organisasi ini menjamin kejayaan dasar ini dengan :

- i) Memperkembangkan program untuk melatih pekerja mengenai kesihatan dan pencegahan kemalangan.
- ii) Menyemai hemah untuk mengawal tindakan individu yang akan memudaratkan kesihatan dan keselamatannya serta orang lain.
- iii) Sentiasa merapati perubahan piawaian keselamatan dan kesihatan, tren serta teknik.
- iv) Memeriksa secara kerap kemudahan-kemudahan pejabat untuk mengenalpasti dan membetulkan apa-apa kelemahan dari segi keselamatan dan kesihatan.
- v) Mengulangkaji rancangan untuk loji baru atau yang dijangka, kemudahan kelengkapan pejabat supaya terjamin rekabentuk, pembinaan, pemasangan serta operasinya adalah mengikut peraturan-peraturan kerajaan.
- vi) Pengurusan adalah beriltizam untuk menjamin setiap orang dalam organisasi memahami serta menerima yang dia mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatannya sendiri dan juga persekitarannya.

⁵⁸⁶ Terdapat kategori pekerja yang dikecualikan untuk mencarum dengan PERKESO adalah seperti kakitangan kerajaan, pekerja khidmat rumah, bekerja sendiri, pekerja asing, tuan punya dan pasangan kepada syarikat persendirian atau perkongsian. Pertubuhan Keselamatan Sosial, (t.t), *Skim Insurans Dan Bencana Pekerjaan*, Buku 2, PERKESO, Kuala Lumpur, hlm. 2 - 16. Lihat juga Pertubuhan Keselamatan Sosial, (t.t), *Skim Insurans Dan Bencana Pekerjaan*, Buku 3, PERKESO, Kuala Lumpur, hlm. 2 - 20. Lihat juga Pertubuhan Keselamatan Sosial, (t.t), *Skim Insurans Dan Bencana Pekerjaan*, Buku 4, PERKESO, Kuala Lumpur, hlm. 2 - 12.

b) Piagam Pelanggan

- i) Membayar Faedah Hilangupaya Sementara (HUS) kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh 7 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima.
- ii) Membayar Faedah Hilangupaya Kekal (HUK) kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima.
- iii) Membayar Faedah Orang Tanggungan (FOT) kepada orang tanggungan dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima.
- iv) Membayar Faedah Pengurusan Mayat (FPM) kepada waris pekerja yang layak dalam tempoh 3 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima.
- v) Membayar Faedah Pencen Ilat (ILT) kepada pekerja yang layak dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima.
- vi) Membayar Faedah Pencen Penakat (PKT) kepada orang tanggungan di dalam tempoh 14 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan telah lengkap diterima.
- vii) Mendaftar majikan dan pekerja baru serta memberi nombor kod majikan PERKESO dalam tempoh 1 hari selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima.
- viii) Menyiasat dan menyampaikan maklumat ke atas setiap aduan mengenai tuntutan faedah dalam tempoh 3 hari dari tarikh aduan diterima.

Di bawah Skim Insuran Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat, sebagaimana yang diperuntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1969), pekerja-pekerja akan diberi perlindungan berkaitan bencana pekerjaan termasuk kemalangan semasa menjalankan pekerjaan, penyakit, keilatan dan kematian.⁵⁸⁷

⁵⁸⁷ Sila lihat Jadual 5 (xi) - Faedah-faedah Yang Disediakan oleh PERKESO.

5.4.3 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ⁵⁸⁸ adalah manifestasi pelaksanaan iltizam negara yang dibuat di Persidangan Sedunia Keempat Wanita di Beijing pada tahun 1995 seperti yang terkandung dalam dokumen Landasan Tindakan bagi memajukan wanita ke tahun 2000, iaitu :

"Pewujudan sebuah Kementerian yang lengkap menggambarkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk meningkatkan martabat wanita di negara ini."

Pada 27 Mac 2004, fungsi Kementerian Perpaduan Negara & Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan dan dipindahkan pada Kementerian Pembangunan Wanita & Keluarga. Selaras dengan itu ianya telah ditukar menjadi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kementerian ini mempunyai empat buah agensi ⁵⁸⁹ iaitu :

- Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM)
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
- Institut Sosial Malaysia (ISM)

Di antara lain dasar-dasar yang dijalankan di Kementerian adalah meliputi Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi Dan Sosial Kebangsaan, Dasar Sosial Negara, Dasar Wanita Negara, Dasar Wanita Negara 2009, Pelan Tindakan Wanita, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009, Dasar 30% Wanita Peringkat Pembuat Keputusan, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara, Dasar Warga Tua Kebangsaan, Dasar Kanak-Kanak Negara, Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara dan Dasar-Dasar ICT.

⁵⁸⁸ Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari 2001. Fungsi Kementerian kemudiannya telah diperluaskan dan ditukar namanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) mulai 15 Februari 2001. Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah diletakkan di bawah Kementerian. HAWA kemudiannya distruktur semula dan dikenali sebagai Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

⁵⁸⁹ Institut Pengupayaan Wanita bagi Anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NIEW) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Julai 2006 di bawah KPWK selepas Malaysia diberi mandat untuk menubuhkan sebuah institusi untuk wanita dari kalangan negara-negara Anggota NAM.

a) Peranan

Kementerian ini telah ditugaskan menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju. Hal ini penting untuk mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial. Ia bermatlamat untuk membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.

Di antara lain tugas-tugas menteri yang bertanggungjawab dalam kementerian ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya peranan golongan wanita dan institusi kekeluargaan untuk mencapai agenda pembangunan negara. Masyarakat juga diberi kesedaran dan bimbingan dalam aspek pembangunan sosial terutamanya kebajikan masyarakat, bagi mencapai matlamat ke arah mewujudkan masyarakat penyayang dan masyarakat maju selaras dengan Wawasan 2020.

b) Objektif & Strategi

Di antara lain objektif-objektif Kementerian ⁵⁹⁰ ini adalah :

- i) Meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara.
- ii) Memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi.
- iii) Memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.
- iv) Memantapkan institusi keluarga.
- v) Mempastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.

⁵⁹⁰ Sila lihat www.kpwkm.gov.my/

Strategi-strategi yang ditetapkan oleh Kementerian ini pula meliputi :

- i) Memastikan perspektif gender, keluarga dan kumpulan masyarakat diintegrasikan dalam penggubalan dasar dan perancangan serta pelaksanaan program.
- ii) Memantapkan penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan melalui kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.
- iii) Mengaudit dan mencadangkan perundangan baru bagi menjamin kelangsungan hidup, perlindungan dan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.
- iv) Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan dalam bidang gender, kependudukan, pembangunan keluarga dan masyarakat bagi memperkenalkan pendekatan-pendekatan inovatif dalam perancangan dan pembangunan program.
- v) Membangun dan memantapkan pangkalan data sosial yang bersepadu untuk tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian program-program untuk kumpulan sasaran.
- vi) Mempertingkatkan kemahiran, pengetahuan dan memperkasakan kumpulan sasaran bagi membolehkan penyertaan mereka yang berkesan dalam pembangunan negara.
- vii) Menambah dan mempelbagaikan peluang kumpulan sasaran untuk meningkatkan taraf sosioekonomi melalui program-program pembangunan.
- viii) Memperkukuhkan jaringan kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan tujuan berkongsi maklumat, pengalaman dan kepakaran.
- ix) Menubuhkan mekanisme pemantauan dan penilaian untuk menambah baik dasar dan pelaksanaan program.
- x) Memperluaskan akses teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada wanita, keluarga dan masyarakat.
- xi) Memantap dan memperkuat sistem penyampaian perkhidmatan di semua peringkat melalui pengurusan sumber manusia kewangan dan teknologi secara profesional dan optimum.
- xii) Menyebarkan maklumat mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di pelbagai agensi dan pertubuhan bagi membantu wanita, keluarga dan masyarakat mendapatkan perkhidmatan yang diperlukan.

c) Unit Kaunseling

Unit Kaunseling telah ditubuhkan pada 15 Oktober 2001. Bermula dengan seorang kaunselor pada awal penubuhannya, unit ini banyak menerima kes-kes aduan daripada masyarakat untuk meminta khidmat nasihat dan rundingcara. Kebanyakan mereka akan mendapatkan perkhidmatan melalui telefon dan temujanji. Rundingcara melalui telefon selalunya akan diikuti oleh temujanji jika mereka ingin meneruskan sesi kaunseling berserta mendapatkan saluran-saluran yang hendak dipanjangkan ke agensi-agensi tertentu yang berkaitan dengan masalah yang mereka hadapi.⁵⁹¹

Unit kaunseling ini menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk individu dan keluarga yang memerlukannya. Ia sentiasa bersedia membantu golongan wanita yang menghadapi masalah terutamanya berkaitan dengan keganasan rumah tangga, penderaan, perceraian, gangguan seksual, rogol, lari dari rumah, ketidakadilan majikan terhadap pekerja wanita serta golongan ibu tunggal yang memerlukan bantuan dan masalah perkahwinan.⁵⁹²

Perkhidmatan unit kaunseling juga memberi pertolongan yang bersistematik oleh seorang kaunselor yang menggunakan ilmu dan prinsip-prinsip psikologi kepada masyarakat yang menghadapi kecelaruan perasaan dan fikiran supaya lebih memahami dirinya dalam membuat keputusan serta menyelesaikan masalahnya. Perkhidmatan unit kaunseling dapat membantu ke arah kesejahteraan individu, keluarga dan masyarakat secara pendidikan, pencegahan, pemulihan dan pengembangan potensi. Individu yang mendapatkan perkhidmatan unit kaunseling akan menyedari bahawa mereka tidak keseorangan dalam menghadapi masalah dan sebenarnya banyak pihak yang boleh menghulurkan bantuan dalam menghadapi situasi sebegini.

⁵⁹¹ Pada 27 Mac 2004, segala urusan pentadbiran, pendaftaran kaunselordan penguatkuasaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, (2005), *Perangkaan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*, Putrajaya, hlm. 8.

⁵⁹² Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, (2010), *Perangkaan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*, Putrajaya, hlm. 58 – 62.

Di antara lain objektif-objektif perkhidmatan Unit Kaunseling untuk individu di bawah Kementerian ini adalah untuk :

- i) Membantu individu bermasalah menyelesaikan masalah.
- ii) Menggalakkan perubahan tingkah laku pada individu yang bermasalah dari tingkah laku yang negatif kepada tingkah laku yang positif.
- iii) Membantu individu yang bermasalah agar bersifat proaktif dan asertif.
- iv) Mencadangkan kepada individu agar bertindak mengikut logik dan rasional.
- v) Memberi semangat agar berani dan bersedia menghadapi cabaran.
- vi) Menggalakkan individu bermasalah agar sentiasa membuat refleksi diri.

Selain daripada itu, perkhidmatan Unit Kaunseling⁵⁹³ juga adalah untuk :

- i) Menjadi pusat setempat bagi penerimaan dan penyaluran aduan-aduan masyarakat (kaunseling saluran).
 - ii) Memberi perkhidmatan unit kaunseling individu kepada masyarakat.
 - iii) Merancang dan melaksanakan latihan-latihan kepada para kaunselor untuk memberi khidmat bimbingan.
 - iv) Merancang dan menyelaraskan program-program bimbingan untuk masyarakat.
- Selain itu, ia juga akan menilai keberkesanan program-program bimbingan dan mencadangkan penambahbaikan-penambahbaikan tertentu.

Unit ini juga memberikan perkhidmatan kepada semua kakitangan kerajaan. Penekanan kepada aspek psikologi ini adalah amat penting dan ianya selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia KeSembilan dan seterusnya yang menitikberatkan amalan pembangunan modal insan yang berterusan dan teratur. Oleh itu, unit ini senantiasa mengambil kira elemen psikologi dan kaunseling di dalam penyusunan program dan perkhidmatannya kepada masyarakat secara keseluruhannya.

⁵⁹³ Abd Rahim bin Mohd Mustiman, (2008), *Amalan Perkhidmatan Kaunseling Keluarga Di Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor*, Seminar Kaunseling Keluarga 2008, Johor Bahru, hlm. 117.

d) Program Kebajikan Rakyat 1 Malaysia (Karlisma)

Di bawah Tranformasi Kerajaan : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan telah meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi untuk meningkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Oleh yang demikian, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan program bantuan kemasyarakatan secara holistik melalui Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (Karlisma).⁵⁹⁴

DI bawah program ini, pelbagai perkhidmatan telah disediakan kepada kumpulan sasaran iaitu bantuan kewangan bulanan, perkhidmatan di institusi, pusat jagaan harian, program ziarah dan bantu, insentif Orang Kurang Upaya (OKU) produktif, *Job Coach*, latihan kemahiran kepada ibu tunggal dan wanita, pemeriksaan kesihatan dan mamogram, pusat aktiviti kanak-kanak dan perkhidmatan TASKA serta inisiatif kebajikan produktif. Karlisma ini juga merupakan usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan berpendapatan rendah serta memastikan tiada kelompok rakyat yang tercicir daripada menikmati faedah pembangunan dan kemakmuran negara.⁵⁹⁵

Pada tahun 2010, kerajaan telah membelanjakan peruntukkan sebanyak RM1.2 bilion untuk diberikan kepada seramai 424,526 orang penerima di bawah skim bantuan kebajikan masyarakat. Malahan pada tahun 2011, peruntukan ini telah dipertingkatkan kepada RM1.4 bilion untuk membantu seramai hampir 469,000 orang penerima di dalam melaksanakan program pembangunan kepada kumpulan sasaran tersebut. Di samping itu, satu skim baru turut diperkenalkan di bawah program Karlisma pada tahun 2012 iaitu skim bantuan kebajikan kepada balu anggota tentera dan juga polis. Skim ini juga telah memberi manfaat kepada 2,000 orang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM4.1 juta. Skim ini diperkenalkan sebagai pengiktirafan kerajaan ke atas jasa dan pengorbanan anggota tentera dan polis yang telah menjaga keamanan dan keselamatan negara.

⁵⁹⁴ Ucapan YB Senator Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil pada Majlis Perlancaran Program Kebajikan 1Malaysia (Karlisma) di Kuala Lumpur pada 24 Ogos 2011.

⁵⁹⁵ Sila lihat www.kpwkm.gov.my/

5.4.4 Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara

Mungkin ramai pihak yang tidak menyedari tentang kewujudan Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) yang ditubuhkan adalah juga untuk memberikan bantuan kepada orang awam yang menabur bakti kepada masyarakat. Ini dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad yang berkata selain membantu anggota pasukan keselamatan yang meninggal dunia atau cedera ketika bertugas, TAPPN turut menghulur bantuan kepada orang awam yang berjiwa perwira.⁵⁹⁶

"Kita turut mengiktiraf keberanian orang awam. Misalnya dalam kes ragut, sering kali orang yang terlibat meninggal dunia atau cedera. Jadi wajar kita beri bantuan. Inilah cara kita membalas jasa perwira dari kalangan masyarakat awam."

Pada hakikatnya, kerangka asas suatu badan pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia telahpun wujud melalui Tabung ini. Ianya telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 05 Oktober 1984 hasil cantuman Tabung Pertahanan Negara dan Tabung Amanah Derma Kebajikan Perwira Negara. Hal ini adalah berdasarkan Suratikatan Amanah yang ditandatangani pada 31 Oktober 1968 di antara Menteri Dalam Negeri, Ketua-ketua Pengarang dan Pengarang Utusan Malaysia, New Straits Times, Tamil Nesan, Sin Chew Jit Poh dan Nan Yang Siang Pau dengan Pemegang Amanah Raya Malaysia.⁵⁹⁷

Objektif utama Tabung ini adalah untuk memberi bantuan saguhati, nafkah, persekolahan dan anggota palsu / peralatan ortopedik kepada anggota-anggota tentera, polis dan awam yang telah terkorban atau mendapat kecederaan kekal ketika berkhidmat menjalankan tugas operasi termasuk tugas aktif demi mempertahankan negara. Ahli keluarga dan mereka yang di bawah tanggungan wira-wira ini adalah menjadi pewaris Tabung ini.

⁵⁹⁶ YB Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad, Timbalan Menteri Pertahanan memberikan kenyataan kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Penjawat Awam Kementerian Pertahanan Sabah, di Kota Kinabalu, Sabah. Utusan Malaysia, 30 Disember 2010, *Kerajaan Cadang Tingkat Kadar Bantuan TAPPN*, Kuala Lumpur, hlm. 14.

⁵⁹⁷ Majlis Perasmian Logo Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara pada 16 Jun 2004 di Sunway Hotel Resort, Selangor oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Secara amnya Tabung ini akan memberi bantuan kewangan untuk pelbagai keperluan sara hidup dan pendidikan melalui pembayaran terus atau dalam bentuk elaun tahunan.

Fungsi dan jenis-jenis bantuan Tabung telah dijalankan dengan pemberian bantuan saguhati, nafkah dan persekolahan kepada anggota-anggota tentera, polis dan awam yang telah terkorban atau tercedera akibat menjalankan tugas-tugas operasi termasuk tugas aktif. Bantuan saguhati disampaikan kepada waris-waris yang terdekat seperti balu dan ibu bapa untuk kes-kes meninggal dunia. Di samping itu, bantuan nafkah diberikan kepada bekas anggota tentera, polis dan orang awam yang hilang upaya atau kepada balu atau ibu bapa yang kehilangan suami dan anak-anak tersayang.⁵⁹⁸

Bantuan persekolahan dan nafkah akan diberi kepada anak-anak bekas anggota tentera, polis dan orang awam yang terkorban atau cedera semasa menjalankan operasi. Peralatan ortopedik dan prostetik dibekalkan kepada anggota-anggota tentera, polis dan pertubuhan keselamatan awam yang hilang upaya semasa menjalankan tugas masing-masing.⁵⁹⁹

Untuk menjamin ketelusan dan pentadbiran yang terbaik dana Tabung ini maka Amanah Raya Berhad telah dipilih untuk menjalankan tugas sebagai pemegang amanah bagi menguruskan dana ini agar objektif serta matlamat penubuhannya akan dapat dicapai dan pengagihan sumbangannya dapat disalurkan dengan sempurna.

⁵⁹⁸ Sila lihat Jadual 5 (xii) - Kadar Bantuan Kecederaan Dan Bantuan Kewangan TAPPN.

⁵⁹⁹ Kategori penerima sumbangan adalah pasukan polis iaitu Polis Diraja Malaysia, Polis Tambahan, Sukarelawan Simpanan Polis Diraja Malaysia, Polis Bantuan dan Polis Simpanan. Sementara daripada kalangan angkatan tentera adalah meliputi Tentera Darat, Tentera Laut, Tentera Udara, Askar Wataniah (Pasukan Simpanan Darat), Pasukan Simpanan Tentera Laut, Pasukan Simpanan Tentera Udara dan Tentera Simpanan, Pertahanan Awam, RELA, Rukun Tetangga, Unit Pencegah Penyeludupan, Jabatan Kastam & Eksais, Jabatan Imigresen dan Lembaga Padi Negara. Sumbangan dalam bentuk kewangan yang telah disampaikan kepada benefisari berjumlah sebanyak RM1,077,713.00. Bagi bantuan nafkah, penerimanya ialah seramai 362 orang, manakala bantuan persekolahan pula penerimanya ialah seramai 561 orang. Tabung ini telah berjaya mengumpul sebanyak RM6,001,099.00 (RM 6 juta) hasil daripada beberapa aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia termasuk derma orang awam serta syarikat-syarikat korporat yang prihatin. Majlis Persmian Logo Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara pada 16 Jun 2004 di Sunway Hotel Resort, Petaling Jaya, Selangor oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

5.4.5 Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah

a) Resolusi Persidangan Meja Bulat

Cadangan penubuhan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia telah bermula daripada resolusi yang dibentangkan pada Persidangan Meja Bulat mengenai Peranan Masyarakat Menangani Jenayah Ragut. Persidangan ini telah dianjurkan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bersama badan-badan bukan kerajaan dan pihak yang berkaitan. Persidangan meja bulat tersebut telah diadakan di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 12 Julai 2004.⁶⁰⁰

Persidangan sehari tersebut telah dihadiri oleh wakil daripada kementerian-kementerian seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Institut Sosial Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara, Jabatan Pertahanan Awam, Yayasan Pencegah Jenayah, para akademik daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT), pelajar-pelajar IPT, media, pertubuhan wanita, persatuan penduduk dan lain-lain seramai 120 orang.

Sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu :

- i) Kedudukan Jenayah Ragut Dalam Sistem Keadilan Jenayah Malaysia : Adakah Ia Mencukupi ? oleh Asst Profesor Dr Mohamad Ismail Hj Yunus, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak, Selangor.
- ii) Kuasa Tangkap Orang Awam : Suatu Penilaian Semula oleh Supt Ramli Mat Arshad, Polis Diraja Malaysia, Kuala Lumpur.
- iii) Kebajikan Mangsa dan Orang Awam Dalam Kes Ragut oleh Prof Madya Abdul Halim Sidek, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

⁶⁰⁰ Sila rujuk laporan-laporan media mengenai Persidangan tersebut pada 13 Julai 2004. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Noh bin Hj Omar, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri Malaysia. Utusan Malaysia, 13 Julai 2004, hlm 6.

Sebanyak tiga bengkel telah diadakan di mana setiap kertas kerja dibincangkan iaitu :

- i) Bengkel 1 : Kedudukan Jenayah Ragut Dalam Sistem Keadilan Jenayah Malaysia :

Adakah Ia Mencukupi ?

Moderator : Prof Madya Mohd Hanafiah Harun, UiTM, Shah Alam, Selangor.

- ii) Bengkel 2 : Kuasa Tangkap Orang Awam : Suatu Penilaian Semula.

Moderator : Prof Dato' Dr Ibrahim Bajunid, Universiti Tun Abdul Razak, Selangor.

- iii) Bengkel 3 : Kebajikan Mangsa dan Orang Awam Dalam Kes Ragut.

Moderator : Puan Nisah Haron, Peguam.

Di antara hasil daripada resolusi Persidangan Meja Bulat tersebut yang diterima sebulat suara ialah cadangan penubuhan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah.⁶⁰¹ Satu Jawatankuasa harus ditubuhkan bagi membuat kajian dan mendesak Kerajaan untuk melaksanakan skim pampasan ini di Malaysia.⁶⁰² Skim ini hendaklah diadakan sebagai suatu jaminan kepada ahli masyarakat yang peka terhadap kejadian jenayah dan ingin membantu menghalang kejadian jenayah yang berlaku. Persidangan tersebut juga telah mengambil kira pandangan-pandangan peserta yang hadir seperti berikut :

- i) Jika diadakan tabung / skim ini maka kerenah birokrasi hendaklah diminimumkan kerana tidak mahu seperti tabung penyakit kronik di mana terlalu banyak syarat sehingga terpaksa menanggung pembedahan kerana tidak memenuhi syarat.
- ii) Skop tugas Jawatankuasa yang hendak mengendalikan skim ini perlulah jelas.
- iii) Ada juga mencadangkan skim boleh dibuat dengan mengambil sedikit dari cukai pendapatan dan lebihannya melalui derma badan korporat (*corporate body as part of their social obligations*) dan dicadangkan mengutip RM 2.00 setiap orang.
- iv) Skim perlindungan termasuklah bantuan kaunseling dan sokongan moral kepada mangsa jenayah dan ahli keluarganya.

⁶⁰¹ Sila lihat Lampiran V, Resolusi Persidangan Meja Bulat oleh Prof Madya Noor Aziah Mohd Awal.

⁶⁰² Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pampasan Mangsa Kecederaan dan telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak pengendali takaful, agensi-agensi yang terkait pakar-pakar perundangan dan badan-badan bukan kerajaan serta pihak-pihak yang berkaitan. Mesyuarat di peringkat Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah diadakan pada 03 November 2004 dan 26 Januari 2005. Minit Mesyuarat Pertama dan Kedua, *Tabung Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah*, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri Malaysia, Putrajaya, 2004 / 2005.

b) Mekanisma Pelaksanaan

Skim pampasan mangsa kecederaan jenayah yang dicadangkan bolehlah dilaksanakan melalui dua pilihan mekanisma yang terbaik iaitu melalui :

- i) Penubuhan satu badan berkanun bagi menjalankan satu skim bantuan kepada mangsa kecederaan jenayah, atau ;
- ii) Pelaksanaan satu skim *takaful* khas oleh kerajaan melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

i) Penubuhan Badan Berkanun

Melalui pilihan pertama pelaksanaannya akan menyamai kaedah pelaksanaan di negara-negara barat yang telah menjalankan skim pampasan ini. Badan berkanun yang jika ditubuhkan akan berfungsi sebagai satu badan bantuan khas untuk membantu mangsa kecederaan jenayah dengan memainkan peranan berikut iaitu :

- a) Mengurus pengaliran bantuan (yang dispesifikasikan) kepada mangsa kecederaan jenayah mengikut prosedur yang ditetapkan.
- b) Mengurus dana termasuk pengaliran masuk dan keluar tunai serta pelaburan dana.
- c) Urusan-urusan pentadbiran skim dan dana.

Badan berkanun ini boleh ditubuhkan melalui satu Akta Parlimen khusus yang mana tata-urusan skim serta sumber kewangan skim akan diperuntukkan secara khusus. Penubuhan badan berkanun perlu melalui proses biasa pembentangan di Parlimen dan perlu menepati semua kehendak peraturan dan undang-undang pentadbiran sedia ada.

Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan dan cabaran-cabaran jika pilihan pertama ini hendak dilaksanakan iaitu :

- a) Birokrasi pentadbiran akan terwujud kerana sebagai badan kerajaan, ia perlu mengikut kelaziman prosedur kerajaan.

- b) Kos pentadbiran akan menjadi tinggi dan membazir kerana asas keperluan pentadbiran yang perlu dipatuhi dan tidak terdapatnya '*economies of scale*'.
- c) Proses penubuhan badan ini akan mengambil masa dan karenah birokrasi.
- d) Sebarang perubahan pada skim ini akan menjadi sukar dilaksanakan kerana mengikut keperluan birokrasi yang perlu dipatuhi. Dengan demikian skim ini akan menjadi statik dan tidak fleksibel bagi keperluan semasa.

ii) **Penubuhan Jawatankuasa Pampasan**

Pilihan kedua adalah mewujudkan suatu badan rasmi seperti Jawatankuasa atau Tribunal tertentu untuk menguruskan dana kewangan pampasan ini yang boleh dilaksanakan melalui suatu skim *takaful* khas. Ianya boleh dilaksanakan dengan penglibatan bersama agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jawatankuasa ini boleh dipengerusikan bersama oleh menteri-menteri yang berkenaan dan perlantikan Jawatankuasa ini hendaklah :

- a) Dilantik untuk suatu tempoh yang ditentukan.
- b) Dikalangan mana-mana orang yang layak dan sesuai bagi tujuan ini.

Tanggungjawab Jawatankuasa ini di antara lain adalah meliputi :

- a) Memantau keberkesanan perlaksanaan skim bagi pihak Kementerian.
- b) Membuat apa-apa cadangan dan memberi pandangan dari semasa ke semasa mengenai pelaksanaan skim ini kepada Kementerian.
- c) Menerima, mendengar dan memutuskan apa-apa permohonan atau tuntutan yang tidak terjumlah / termasuk dalam skim ini atau sebarang rayuan dari keputusan pengendali *takaful*, di mana semua keputusannya adalah muktamad dan tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah.

c) **Takaful Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah**

Skim *takaful* yang dicadang untuk dilaksanakan adalah “ *Takaful Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah* ” atau “ *Criminal Injuries Takaful Compensation Scheme* ”, iaitu suatu skim *takaful* khas yang akan melindungi dan memberi pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah. Walaupun perkhidmatan *takaful* yang dijalankan ketika ini lebih menumpukan kepada skim *takaful* am dan skim *takaful* keluarga namun pada asasnya perkhidmatan *takaful* mangsa kecederaan jenayah adalah sama dengan yang lain-lain.

Skim ini diwujudkan atas dasar sosial tanpa mengandungi unsur-unsur perniagaan yang lazimnya berteraskan keuntungan pada pengendali *takaful*. Ianya dilihat sebagai satu bentuk *insurans* yang disertai oleh kerajaan bagi melindungi setiap rakyat Malaysia. Justeru itu, apa yang diperlukan hanyalah peruntukan belanjawan untuk perbelanjaan *insurans* bagi skim tersebut. Skim *takaful* juga adalah lebih fleksibel untuk digubal dan boleh berubah mengikut keperluan semasa. Kos pentadbiran juga adalah minimum kerana pengendali *takaful* sudah sedia ada jentera pengurusan dan berpengalaman mengendalikan tuntutan skim. Ianya menjadi satu pilihan terbaik dan praktikal sekiranya kerajaan ingin melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia. Di antara lain skim *takaful* khas ini yang mempunyai ciri-ciri berikut iaitu :

i) **Konsep Pampasan**

Konsep skim “ *Takaful Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah* ” ini adalah berasaskan kepada pengurusan tabungan / skim oleh pengendali *takaful* bersandarkan satu kontrak *takaful* khas. Pemegang kontrak adalah kerajaan yang merupakan pemilik mutlak dana skim. Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk membayar premium *takaful* kepada pengendali *takaful* untuk seluruh warganegara Malaysia. Pengendali *takaful* hanyalah bertanggungjawab untuk menguruskan skim. Skim yang dicadangkan ini adalah skim tahunan dimana ianya akan diperbaharui pada setiap tempoh tahunan berakhir.⁶⁰³

⁶⁰³ Kontrak Takaful bagi skim ini secara terperinci adalah seperti Lampiran VI.

ii) Perlindungan Pampasan

Skim menyediakan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah yang mana takrif mangsa kecederaan jenayah, manfaat dan pampasan adalah dirumuskan oleh kerajaan. Perlindungan skim ini diberikan kepada semua rakyat Malaysia di atas kejadian jenayah yang berlaku di Malaysia sahaja. Perlindungan dan peruntukan skim *takaful* yang ditetapkan adalah boleh diubah oleh kerajaan mengikut keperluan dan keadaan semasa.⁶⁰⁴ Kerajaan juga akan diberi laporan bulanan dan tahunan mengenai semua urusan skim pampasan ini bagi tujuan pengawasan, statistik dan sebagainya.

iii) Pengurusan dan Pengendalian Dana

Pengendali *takaful* akan bertanggungjawab menguruskan semua pembayaran pampasan / tuntutan iaitu aliran keluar dana dan pelaburan dana tersebut. Garis panduan Bank Negara Malaysia yang sedia ada bagi pengurusan dana *takaful* akan terpakai bagi skim khas ini. Pengendali *takaful* perlu mengurus aliran tunai dana dan pelaburannya agar skim ini mendapat manfaat maksimum. Sesuai dengan perlaksanaan skim *takaful* berasaskan konsep *Mudharabah*, perkongsian keuntungan pelaburan dana terwujud antara pemilik skim (kerajaan) dengan pengendali *takaful*. Perkongsian *mudharabah* iaitu 80 : 20 di antara pihak kerajaan dan pengendali *takaful* adalah dilihat munasabah.⁶⁰⁵

Untung rugi skim boleh didefinisikan sebagai lebihan atau kekurangan dana skim setelah ditolak semua pembayaran manfaat, kos pengendalian serta dicampur (tolak) keuntungan (kerugian) pelaburan bersih. Jika berlaku lebihan dalam dana skim, kerajaan sebagai pemilik skim adalah berhak sepenuhnya kepada lebihan ini dan lebihan ini boleh dibawa ke tahun berikutnya. Ini akan membolehkan sumbangan *takaful* bagi tahun berikutnya dapat dikurangkan. Walaubagaimanapun, jika berlaku kekurangan, kerajaan sebagai pemilik dana dan skim, perlu menambah kekurangan yang ada.

⁶⁰⁴ Sila rujuk Lampiran VII - Manfaat & Perlindungan Takaful Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah.

⁶⁰⁵ Pengendali *takaful* bagi skim ini akan dibayar kos pengendalian skim yang minimum dan diasaskan kepada peratusan bajet kewangan. Anggaran kos pengendalian dalam industri *takaful* bagi skim khas ini adalah sekitar 10 % dan ia bergantung kepada manfaat yang akan diputuskan dan beban pelaksanaannya.

iv) Sumbangan dan Tuntutan Dana

Sumber dana skim diwujudkan melalui sumbangan *takaful* tahunan yang ditentukan melalui kajian anggaran saiz dana yang diperlukan berdasarkan unjuran manfaat yang perlu dibayar dan kos pengendalian. Kajian telah dijalankan berasaskan statistik kejadian jenayah Polis Diraja Malaysia ⁶⁰⁶ dan sumbangan *takaful* tahun pertama dan tahun-tahun seterusnya yang diperlukan bagi pelaksanaan skim ini berjumlah RM50,000,000.⁶⁰⁷ Cadangan sumbangan *takaful* ini adalah meliputi :

- a) Dibayar oleh kerajaan melalui peruntukan khas perbelanjaan insurans / *takaful* dibawah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Sumber Manusia.
- b) Sumbangan warga korporat. Usaha ini boleh dilakukan dan perlu dijalankan secara bersama oleh kerajaan dan pengendali *takaful*.
- c) Lain-lain sumber yang difikirkan sesuai dan boleh menampung perbelanjaan tahunan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah.

Prosedur tuntutan *takaful* akan digubal bagi memudahkan pembayaran dan mengikut *standard* yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia melalui Garis Panduan Pengurusan Tuntutan yang terpakai dalam industri *takaful*. Prosedur ini, antara lain adalah menetapkan tempoh maksimum sesuatu tuntutan itu perlu diselesaikan iaitu 7 hari dari tarikh dokumen lengkap dikemukakan kepada pengendali *takaful*. Semua tuntutan boleh dibuat oleh mangsa kecederaan jenayah di balai polis yang mengendalikan kes jenayah tersebut dan akan dikemukakan terus kepada pengendali *takaful* oleh pihak polis melalui Ketua Polis Daerah (OCPD). Mangsa jenayah yang mendapat kecederaan atau kematian maka mangsa atau waris mangsa haruslah menyertakan dokumen perubatan daripada hospital atau klinik-klinik kerajaan sebagai bukti pengesahan kecederaan atau kematian. Hal ini adalah untuk mengelakkan berlakunya penipuan dan penyelewengan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini dikalangan masyarakat. Bayaran manfaat pula akan dibayar terus kepada mangsa atau waris mangsa oleh pengendali *takaful*.

⁶⁰⁶ Sila lihat Jadual 5 (vi) - Statistik Jenayah Kekerasan 1999 - 2009.

⁶⁰⁷ Rujuk Lampiran VIII - Unjuran Kewangan Skim Pampasan Mangsa Kecelakaan Jenayah 1999 - 2003.

d) Analisa Rasional Cadangan

Berpandukan kepada data-data dan maklumat yang diperolehi, kemampuan *takaful* untuk dijadikan penghubung di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah telah diteliti. Kaedah temubual telah diadakan bersama individu-individu yang pakar di dalam undang-undang jenayah dan kewangan Islam khususnya *takaful*. Ianya telah dianalisa melalui kaedah SWOT iaitu *strengths*, *weaknesses*, *opportunity* dan *threats* untuk menghasilkan suatu kesimpulan dan dapatan mengenai kemampuan *takaful* di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia.


i) Faktor Kekuatan (*Strengths*)

Di antara asas rasionalisasi cadangan ini adalah melihat kepada kekuatan (*strengths*) iaitu faktor dalaman yang menyokong pelaksanaan *takaful* di Malaysia adalah sokongan yang berterusan oleh pihak kerajaan terhadap produk *takaful* itu sendiri. Perkembangan pesat ini juga telah didorong oleh perkembangan *takaful* tempatan dan antarabangsa. Tambahan pula instrumen kewangan Islam di Malaysia telah mendapat sokongan yang berterusan sama ada daripada pihak industri insurans dan masyarakat umumnya.

Industri *takaful* telah dilihat berkembang pesat seiring dengan perkembangan industri perbankan Islam negara sejak awal tahun 1980an. Menyedari akan hal ini pihak kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan yang proaktif dalam membangunkan industri *takaful* sehingga menjadi pemangkin dan peneraju kepada perkembangan sektor kewangan Islam di peringkat antarabangsa. Hal ini dapatlah dilihat kepada bilangan operator *takaful* yang semakin bertambah dari tahun ke tahun. Pada tahun 1984 sehingga tahun 2001, hanya 2 operator yang menawarkan produk *takaful* iaitu Takaful Malaysia dan Takaful Nasional. Namun pada tahun 2010, jumlah operator *takaful* di Malaysia telah bertambah kepada 12 operator. Begitu juga jumlah operator *takaful* di peringkat antarabangsa telah bertambah daripada 38 operator pada tahun 2001 kepada 181 operator pada tahun 2010.⁶⁰⁸


⁶⁰⁸ Sila lihat Rajah 5 (i) - Jumlah Operator Takaful 2001 – 2010.

Rajah 5 (i) - Jumlah Operator Takaful 2001 - 2010.



Peningkatan yang begitu tinggi ini telah mempengaruhi sektor kewangan insurans di peringkat global sehingga mencetuskan fenomena yang menguntungkan kepada imej kewangan Islam khususnya *takaful*. Hal ini dapat dilihat kepada peningkatan jumlah caruman *takaful* daripada RM 1.2 billion pada tahun 2005 kepada RM 3.2 bilion pada tahun 2009.⁶⁰⁹ Malahan produk *takaful* keluarga sahaja telah mendominasi pasaran


Rajah 5 (ii) - Pencapaian Perniagaan Takaful 2005 - 2009.



⁶⁰⁹Sila lihat Rajah 5 (ii) - Pencapaian Perniagaan Takaful 2005 - 2009.

dengan memiliki jumlah 67 % daripada sumbangan kasar pasaran pada tahun 2009, berbanding hanya 63% daripada sumbangan kasar pasaran untuk keseluruhan produk *takaful* pada tahun 1984. Sumbangan kasar pasaran di peringkat antarabangsa juga telah meningkat daripada USD 1.384 bilion pada tahun 2004 kepada USD 8.907 bilion pada tahun 2010 iaitu peningkatan purata 36 % pada tiap-tiap tahun.⁶¹⁰

Rajah 5 (iii) - Sumbangan Takaful Global 2004 - 2010.




Dengan penubuhan Akta Takaful (1984), ianya telah menjadi asas perundangan utama di dalam penyelenggaraan dan pelaksanaan operasi pengendali *takaful* di Malaysia. Terdapat juga beberapa undang-undang lain yang mengawal industri kewangan Islam ini secara tidak langsung seperti Islamic Banking Act (1983), Banking and Financial Institution Act (1989), Development Financial Institution Act (2002) dan Akta Bank Negara Malaysia (2009). Malahan industri ini juga telah mendapat sokongan dan perhatian daripada aspek infrastruktur perundangan di dalam kewangan Islam. Hal ini adalah merujuk kepada penubuhan mahkamah khusus di Bahagian Muamalat, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendengar kes-kes muamalat termasuklah *takaful*.

⁶¹⁰Sila lihat Rajah 5 (iii) - Sumbangan Takaful Global 2004 - 2010.

Di antara lain, Akta Takaful (1984) ini telah menumpukan kepada pengawalseliaan dan pelesenan sistem *takaful*. Ianya juga bertindak sebagai penjamin supaya industri ini dapat beroperasi tanpa menyalahi undang-undang kewangan Islam. Hal ini dapat dilihat daripada perancangan yang sentiasa disusun dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa seperti penubuhan Majlis Penasihat Syariah diperingkat Bank Negara Malaysia dan Majlis Pengawasan Syariah diperingkat institusi-institusi kewangan Islam. Malahan reformasi yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia juga telah mempercepat dan memajukan lagi industri kewangan Islam khususnya *takaful* di Malaysia. Misalnya Fasa Perkembangan Takaful 1 hingga 3 telah dirancang dan disusun atur untuk pembangunan dan perkembangan industri *takaful* di Malaysia selama hampir 30 tahun.⁶¹¹

Rajah 5 (iv) - Fasa Perkembangan Takaful 1982 – 2010.



⁶¹¹ Sila lihat Rajah 5 (iv) - Fasa Perkembangan Takaful 1982 - 2010.

Di samping itu, pelaksanaan skim pampasan melalui *takaful* ini juga adalah bertepatan dengan sikap prihatin dan penyayang kerajaan terhadap nasib yang menimpa mangsa kecederaan jenayah dan akan dapat meningkatkan sokongan rakyat terhadap dasar-dasar kerajaan. Amalan di negara-negara barat seperti Britain, Australia, Canada dan Amerika Syarikat adalah berasaskan kebajikan atau '*welfare*' semata-mata. Kerajaan yang memerintah merasakan mereka bertanggungjawab ke atas kebajikan rakyat mereka. Jika kerajaan tidak melakukan sesuatu maka rakyat akan hidup terbiar dan melarat. Ini akan menyulitkan lagi pentadbiran negara kerana rakyat yang sengsara akan sentiasa menaruh dendam kesumat terhadap sesiapa yang memegang kuasa pemerintahan.⁶¹²


Kerajaan dilihat juga sebagai harus memikul tanggungjawab menyediakan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah. Ini kerana kerajaan dilihat sebagai pihak yang layak untuk mengambil alih hak rakyat menggunakan kekerasan bagi melindungi keselamatan dan keamanan diri mereka daripada bahaya jenayah melalui agensi-agensi seperti polis dan tentera. Justeru itu, jika berlaku juga kekerasan jenayah, maka mangsa kecederaan jenayah seharusnya mengharapkan pampasan daripada pihak yang dilihat sebagai '*menjaga*' mereka. Pampasan yang diterima bukanlah sebagai balasan ganti rugi sepenuhnya kecederaan yang dialami tetapi sebagai '*sumbangan kerajaan*' sekadar untuk membantu mangsa kecederaan bagi meneruskan kehidupan selayaknya. Hal ini adalah selaras dengan konsep yang dianjurkan oleh Islam iaitu melalui *qisas*, *diyat* dan *aqilah* maupun konsep di negara-negara barat berdasarkan teori *viktimologi* serta selaras dengan Resolusi 40/34 (1985), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

⁶¹² Hasil perbincangan dan temubual bersama Professor & Dekan, Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (No. 5) dan Pengurus Besar Kanan, Bank Rakyat Malaysia Berhad (No. 2). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Melalui *Takaful* Di Malaysia.

ii) Faktor Kelemahan (*Weaknesses*)

Manakala faktor *weaknesses* pula adalah faktor kelemahan dalaman yang perlu diatasi di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* di Malaysia. Paling mengecewakan adalah kadar penembusan industri *takaful* di Malaysia pada ketika ini masih berada pada tahap rendah iaitu sekitar 8 % berbanding jumlah keseluruhan penduduk. Angka itu menunjukkan masih terdapat ramai penduduk di negara ini yang tidak memiliki perlindungan *takaful*.⁶¹³ Ini menunjukkan bahawa masih banyak perkara harus dilakukan untuk memastikan industri *takaful* berkembang kepada ummah. Namun, hal ini telah menyebabkan pertumbuhan industri *takaful* senantiasa menunjukkan peningkatan yang positif di mana jumlah keseluruhan caruman *takaful* telah mengalami kenaikan sekitar 17.6 % setiap tahun sejak tahun 2005 sehingga tahun 2009.⁶¹⁴

Rajah 5 (v) - Perbandingan Takaful dan Insurans (Umum) 2005 - 2009.



⁶¹³ Utusan Malaysia, 11 Disember 2010, *Masih Ramai Tiada Perlindungan Takaful*, Ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) YB Datuk Seri Jamil Khir Baharom ketika merasmikan Great Eastern Takaful Sdn. Bhd. pada 10 Disember 2010 di Kuala Lumpur.

⁶¹⁴ Sila lihat Rajah 5 (v) - Perbandingan Takaful & Insurans (Umum) 2005 - 2009.

Pelaksanaan skim *takaful* ini perlu dibuat bagi menangani masalah dan kesulitan yang dihadapi oleh mangsa kecederaan jenayah. Peningkatan jenayah di Malaysia pada ketika ini adalah amat membimbangkan. Kajian menunjukkan bahawa jenayah kekerasan di Malaysia telah meningkat sebanyak 93 % sejak tahun 1999 sehingga tahun 2009. Pada tahun 1999 sebanyak 21157 kes jenayah kekerasan telah dilaporkan dan ianya telah meningkat kepada 40378 kes pada tahun 2009. Sementara itu, jenayah kecederaan juga telah meningkat sebanyak 51 % sejak tahun 1999 sehingga tahun 2009. Pada tahun 1999 sebanyak 7355 kes jenayah kecederaan yang meliputi bunuh, rogol dan cedera telah dilaporkan. Jumlah ini telah meningkat kepada 11096 kes pada tahun 2009.⁶¹⁵

Jadual 5 (vi) - Statistik Jenayah Kekerasan 1999 – 2009.

Statistik Jenayah Kekerasan 1999 – 2009					
Bil	Jenayah Kekerasan	1999	2003	2007	2009
1	Bunuh	588	565	590	598
2	Rogol	1457	1471	3176	3816
3	Cedera	5310	4368	6793	6682
4	Samun Berkawan	2939	3391	10269	28339
5	Samun	12194	14344	17432	4991
6	Cuba Bunuh	52	77	-	-
	Jumlah	21157	22790	35159	40738
Sumber : Polis Diraja Malaysia					

Pelbagai kejadian jenayah yang berlaku telah mengakibatkan mangsa mengalami kecederaan atau kematian dimana risiko beban kewangan dan trauma mental terpaksa ditanggung oleh mangsa dan keluarga mangsa. Contohnya kes Saudara Rosli Mohamad Saad yang telah meninggal dunia akibat daripada perbuatan seorang penjenayah yang cuba meragut seorang wanita yang menunggu bas di tepi jalan di Ampang Jaya, Selangor

⁶¹⁵ Sila lihat Jadual 5 (vi) - Statistik Jenayah Kekerasan 1999 - 2009. Polis Diraja Malaysia, (2010), *Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia Tahun 2009*, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Lihat juga Polis Diraja Malaysia, (2009), *Laporan Tahunan Polis Diraja Malaysia Tahun 2008*, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

pada 29 Jun 2004. Perbuatan untuk membantu wanita tersebut telah berakhir dengan kematian Saudara Rosli yang ketika itu cuma bekerja sebagai seorang pemandu van. Seperti yang ditunjukkan Jadual 5 (vii), kes-kes jenayah yang berlaku bukan sahaja akan menyebabkan kecederaan dan kematian malahan memberi kesan trauma kepada mangsa dan keluarga mangsa. Beban risiko kewangan yang timbul pula akan terpaksa ditanggung oleh keluarga mangsa yang mengharapkan bantuan orang ramai dan kerajaan.⁶¹⁶

Jadual 5 (vii) - Senarai Kes-kes Jenayah 2000 – 2011.

Senarai Kes-kes Jenayah				
Bil	Kejadian Jenayah	Cedera	Trauma	Kematian
1	Kes Ragut			
	a) Pada 23 Mei 2004, Chin Wai Fun telah diragut di Brickfields, Kuala Lumpur, beliau mengalami cedera parah, koma dan meninggal dunia.	✓	✓	✓
	b) Pada 24 Jun 2004, Chong Fee Cheng telah diragut di Johor Bahru, Johor, beliau mengalami cedera parah, koma dan akhirnya meninggal dunia.	✓	✓	✓
2	Kes Rogol			
	a) Pada 07 Oktober 2000, Noor Suzaily Mukhtar telah dirogol dan dibunuh di dalam sebuah bas ekspres di Kelang, Selangor.	✓	✓	✓
	b) Pada 11 Ogos 2011, seorang wanita bujang telah dirogol, disamun dan disimbah asid di Wangsa Maju, beliau mengalami risiko buta dan cedera.	✓	✓	
3	Kes Simbah Asid			
	a) Pada 22 Disember 2009, Azri Abdullah telah disimbah asid di Tasek Gelugor, Pulau Pinang, beliau mengalami buta dan melecur badan.	✓	✓	
	b) Pada 08 Ogos 2011, Rafie Abdul Latif telah disimbah asid di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, beliau mengalami muka melecur parah.	✓	✓	
Sumber : Laporan akhbar-akhbar tempatan				

⁶¹⁶ Sila lihat Jadual 5 (vii) - Senarai Kes-kes Jenayah Kekerasan 2000 - 2011.

Adalah menjadi suatu permasalahan yang serius sekiranya mangsa kecederaan jenayah adalah terdiri daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Golongan ini biasanya tidak memiliki perlindungan insurans yang dapat membantu diri atau waris mereka sekiranya mangsa mendapat kecederaan akibat daripada perbuatan jenayah. Justeru itu, jika mangsa tersebut terbunuh dan beliau merupakan orang yang menyara keluarga maka ianya akan mengakibatkan kerugian kewangan yang besar kepada keluarga mangsa. Jika berlaku kecederaan, fizikal atau mental, kos perubatan yang terpaksa ditanggung akan juga menjadi beban kepada mangsa kecederaan jenayah. Oleh yang demikian, pampasan yang akan dibayar oleh skim ini akan pasti dapat meringankan beban kewangan mangsa atau waris mangsa kecederaan jenayah.⁶¹⁷

Di samping itu, kekurangan pengendali *takaful* berdaftar juga boleh menyebabkan kurangnya daya saing *takaful* untuk menembusi pasaran dan memberi pendedahan kepada masyarakat. Walaupun terdapat peningkatan pengendali *takaful* pada masa kini namun jumlah tersebut tidak dapat menandingi pengendali insurans konvensional. Hal ini perlu diberi perhatian serius bagi membolehkan *takaful* mendapat sambutan yang setanding dengan insurans konvensional yang telah lama bertapak.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 (viii), sehingga tahun 2011 hanya terdapat 12 syarikat Pengendali Takaful, 4 syarikat Pengendali Retakaful dan sebuah syarikat Pengendali Takaful Antarabangsa berdaftar yang menjalankan operasi di Malaysia. Sedangkan bagi sektor insurans pula terdapat 6 syarikat Perniagaan Insurans Hayat dan Am, 9 syarikat Perniagaan Insurans Hayat dan 21 syarikat Perniagaan Insurans Am. Sementara itu, bagi Perniagaan Insurans Semula Hayat pula ialah sebuah syarikat, sebuah syarikat Perniagaan Insurans Semula Hayat dan 5 syarikat Perniagaan Insurans Semula Am. Ini menunjukkan bahawa pengendali *takaful* hanya mempunyai 17 syarikat sahaja (28 %) yang menjalankan perniagaan ini berbanding terdapat 43 buah syarikat (72 %) pengendali insurans berdaftar yang beroperasi di Malaysia.

⁶¹⁷ Hasil perbincangan dan temubual bersama Mantan CEO Etiqa Group, Maybank Berhad (No. 1), Peguam dan Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (No. 9) dan Pensyarah INCEIF dan ISRA (No. 7). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Melalui *Takaful* Di Malaysia.

Jadual 5 (viii) - Pengendali-pengendali Takaful & Insurans Di Malaysia 2011.

TAKAFUL

Pengendali Takaful

- i) Syarikat Takaful Malaysia
- ii) CIMB Aviva Takaful Berhad
- iii) Etiqa Takaful Berhad
- iv) Hong Leong MSIG Takaful Berhad
- v) HSBC Amanah Takaful (M) Sdn Bhd
- vi) MAA Takaful Berhad
- vii) Prudential BSN Takaful Berhad
- viii) Takaful Ikhlas Sdn Bhd
- ix) AIA AFG Takaful Berhad
- x) AmFamily Takaful Berhad
- xi) Great Eastern Takaful Sdn Bhd
- xii) ING PUBLIC Takaful Ehsan Berhad

Pengendali Retakaful

- i) ACR Retakaful Berhad
- ii) MNRB Retakaful Berhad
- iii) Munchener Ruckversicherungs - Gesellschaft (Munich Re Retakaful)
- iv) Swiss Reinsurance Company Ltd (Swiss Re Retakaful)

Pengendali Takaful Antarabangsa

- i) AIA Takaful International Berhad

SUMBER : BANK NEGARA MALAYSIA

INSURANS

Perniagaan Insurans Hayat & Am

- i) American International Assurance Bhd
- ii) Etiqa Insurance Berhad
- iii) ING Insurance Berhad
- iv) MCIS Zurich Insurance Berhad
- v) Prudential Assurance Malaysia Berhad
- vi) Zurich Insurance Malaysia Berhad

Perniagaan Insurans Hayat

- i) Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
- ii) AmLife Insurance Berhad
- iii) AXA Affin Life Insurance Berhad
- iv) CIMB Aviva Assurance Berhad
- v) Great Eastern Life Assurance (M) Berhad
- vi) Hong Leong Assurance Berhad
- vii) Manulife Insurance Berhad
- viii) Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad
- ix) Uni.Asia Life Assurance Berhad

Perniagaan Insurans Am

- i) ACE Jerneh Insurance Berhad
- ii) Allianz General Insurance Company (M) Bhd
- iii) AmG Insurance Berhad
- iv) AXA Affin General Insurance Berhad
- v) Berjaya Sampo Insurance Berhad
- vi) Chartis Malaysia Insurance Berhad
- vii) Danajamin Nasional Berhad
- viii) Kurnia Insurances (Malaysia) Berhad
- ix) Lonpac Insurance Berhad
- x) MSIG Insurance (Malaysia) Berhad
- xi) MUI Continental Insurance Berhad
- xii) Multi-Purpose Insurans Berhad
- xiii) Oriental Capital Assurance Berhad
- xiv) Overseas Assurance Corporation (M) Berhad
- xv) Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
- xvi) Pacific Insurance Berhad. The
- xvii) Progressive Insurance Berhad
- xviii) QBE Insurance (Malaysia) Berhad
- xix) RHB Insurance Berhad
- xx) Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
- xxi) Uni.Asia General Insurance Berhad

Perniagaan Insurans Semula Hayat & Am

- i) Hannover Rueckversicherungs AG

Perniagaan Insurans Semula Hayat

- i) Malaysian Life Reinsurance Group Berhad

Perniagaan Insurans Semula Am

- i) Asia Capital Reinsurance Malaysia Sdn Bhd
- ii) Malaysian Reinsurance Berhad
- iii) Munchener Ruckversicherungs-Gesellschaft
- iv) Swiss Reinsurance Company
- v) Toa Reinsurance Company Ltd. The

Malahan sektor insurans masih lagi menguasai 90 % pasaran industri ini. Walaupun mengalami penurunan penguasaan sebanyak 2.9 % daripada tahun 2005 iaitu 94.5 % kepada 91.6 % pada tahun 2009 namun jumlah perniagaan insurans juga mengalami peningkatan kepada 5.3 % dengan nilai perniagaan melebihi RM11.5 bilion.⁶¹⁸

Justeru itu, pertambahan pengendali *takaful* adalah penting bagi mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pengendali *takaful*. Ini kerana setiap pengendali akan menawarkan produk yang terbaik dan berkualiti serta menambah produk-produk yang sedia ada bagi menarik orang ramai menyertai skim *takaful* yang ditawarkan. Secara tidak langsung, orang ramai mempunyai banyak pilihan di dalam memastikan skim *takaful* yang disertai benar-benar dapat memberi manfaat perlindungan yang maksimum dan memuaskan hati.

Walaupun begitu, pelaksanaan pampasan mangsa kecederaan jenayah ini juga tidak dapat dilakukan sepenuhnya di Malaysia. Ini kerana perkhidmatan *takaful* yang ditawarkan pada masa kini hanya meliputi skim *takaful* am dan *takaful* keluarga sahaja. Belum ada suatu kaedah pampasan melalui *takaful* yang ditawarkan kepada mangsa kecederaan jenayah secara khusus. Hal ini tentunya memerlukan perhatian dan penelitian yang mendalam daripada pihak institusi *takaful* terutamanya daripada segi impak pelaksanaan dan implikasi kewangan tabung *takaful* sebelum ianya dapat dijalankan.⁶¹⁹

Situasi ini tentunya dapat dilihat kepada pelaksanaan skim *takaful* itu sendiri yang tidak boleh menyelesaikan sepenuhnya, akan tetapi sebahagiannya sahaja pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah. Jika dilakukan maka ianya akan membebankan tabung *takaful* kerana tuntutan pampasan mangsa kecederaan jenayah adalah tinggi. Pernyataan ini adalah merujuk kepada pembayaran pampasan skim *takaful* yang sepatutnya diberikan kepada sebab utama (*proximate cause*) iaitu perbuatan jenayah itu sendiri dan bukannya kepada kecederaan yang dialami oleh mangsa kecederaan jenayah iaitu kemalangan yang

⁶¹⁸ Sila lihat Rajah 5 (xv) - Perbandingan Takaful & Insurans (Umum) 2005 - 2009.

⁶¹⁹ Hasil perbincangan dan temubual bersama Pengurus Kanan, CIMB Berhad (No. 12) dan Eksekutif, Prudential BSN Takaful (No. 13). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecelakaan Jenayah Melalui *Takaful* Di Malaysia.

menimpa mangsa.⁶²⁰ Bagaimanapun, ianya dapat diatasi dengan kajian yang mendalam dan spesifik mengenai statistik mangsa-mangsa yang mengalami kecederaan atau meninggal dunia akibat daripada perbuatan jenayah yang berlaku.

Hal ini adalah merujuk kepada kiraan unjuran kewangan berdasarkan statistik kejadian-kejadian jenayah yang berlaku pada tahun 1999 - 2003. Unjuran kewangan tersebut adalah meliputi kos pengurusan, manfaat kematian, manfaat kecederaan kekal penuh, manfaat kecederaan kekal separuh, manfaat rawatan dalam hospital, manfaat rawatan luar hospital, manfaat kecemasan tambahan dan juga hasil pelaburan. Hasil unjuran kewangan tersebut telah menunjukkan bahawa skim pampasan mangsa kecederaan jenayah sememangnya boleh dilaksanakan melalui caruman *takaful* di Malaysia. Ianya bukan sahaja menunjukkan keuntungan daripada segi pelaburan malahan terdapat lebih dana kewangan sekitar 20 % yang boleh menampung perbelanjaan caruman *takaful* pada tahun-tahun seterusnya. Situasi ini tentunya akan memberikan keyakinan yang berterusan kepada masyarakat tentang kemampuan pengendalian risiko dan kekuatan daya saing yang ditawarkan oleh pengendali-pengendali *takaful* di Malaysia.⁶²¹

Dengan petunjuk yang sedia ada, ianya telah memberikan keyakinan bahawa industri ini mempunyai prospek yang cerah untuk terus berkembang maju. Hasil pengembelian usaha semua pihak yang turut disokong oleh peningkatan kesedaran orang ramai terhadap produk *takaful*, ditambah pula dengan pelbagai inovasi yang diberikan oleh pengendali *takaful* sendiri khususnya saluran pengagihan yang lebih efisien, membolehkan kadar penembusan pasaran yang lebih luas kepada segenap lapisan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana ke bawah pada masa hadapan.⁶²²

⁶²⁰ Hasil perbincangan bersama Konsultan Takaful dan Insurans, MAA Takaful Berhad (No. 11). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecelakaan Jenayah Di Malaysia.

⁶²¹ Sila lihat Jadual 5 (ix) - Unjuran Kewangan Skim Pampasan Mangsa Kecelakaan Jenayah 1999 - 2003.

Sila rujuk Lampiran VIII - Unjuran Kewangan Skim Pampasan Mangsa Kecelakaan Jenayah 1999 - 2003.

⁶²² Hasil perbincangan dan temubual bersama Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (No. 8). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecelakaan Jenayah Melalui *Takaful* Di Malaysia.

Jadual 5 (ix) - Unjuran Kewangan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah 1999 - 2003.

a	b	c	d=b+c	E	f	g	h	i	j	k	l=e+f+g+h+i+j+k	m	n
Tahun	Dana Di Awal Tahun	Caruman Tambahan	Caruman Tahunan	Kos Pengurusan	Manfaat Kematian	Manfaat Kecederaan Kekal - Penuh	Manfaat Kecederaan Kekal - Separuh	Manfaat Rawatan Dalam Hospital	Manfaat Rawatan Luar Hospital	Manfaat Kecemasan Tambahan	Jumlah Besar Manfaat & Kos	Pelaburan	Dana Di Akhir Tahun
1999	0	50,000,000	50,000,000	5,000,000	5,880,000	11,972,500	5,230,500	6,468,500	1,744,905	5,444,461	41,740,866	1,019,258	9,278,392
2000	9,278,392	40,721,608	50,000,000	5,000,000	5,510,000	12,444,900	5,410,080	6,322,950	1,767,750	5,468,352	41,924,032	1,016,709	9,092,677
2001	9,092,677	40,907,323	50,000,000	5,000,000	6,080,000	11,683,400	5,109,180	6,001,850	1,664,220	5,330,798	40,869,448	1,031,382	10,161,934
2002	10,161,934	39,838,066	50,000,000	5,000,000	5,160,000	12,156,500	5,318,100	5,973,650	1,699,305	5,296,133	40,603,688	1,035,079	10,431,391
2003	10,431,391	39,568,609	50,000,000	5,000,000	5,650,000	13,500,700	5,904,360	6,251,050	1,840,890	5,722,050	43,869,050	989,648	7,120,598

Sumber : Etiqa Maybank Berhad

Nota :

- Unjuran kewangan di atas adalah berdasarkan andaian-andaian seperti yang tertera dibawah.
Ianya merupakan simulasi sekiranya skim ini dilaksanakan sejak dari tahun 1999 hingga ke tahun 2003.
Ia berdasarkan cadangan RM2.00 bagi caruman ke atas setiap rakyat Malaysia yang berjumlah 25 juta orang (2003).
- Statistik asas dan kelas jenayah diambil dari Polis Di Raja Malaysia.
- Caruman Tahunan = Caruman Tambahan + Dana di Awal Tahun.
Lebih dana pada akhir tahun digunakan untuk caruman tahun berikutnya.
- Kos Pengendalian adalah 10% Caruman Tahunan. (Kos biasa yang dikenakan ialah sebanyak 15%).
- Manfaat-manfaat tahunan diambil daripada jadual 4 mengikut tahun-tahun yang berkenaan.
- Pelaburan adalah dikira selepas kadar *mudharabah*.
- Lebih yang diunjurkan dalam kajian diperlukan sebagai *contingencies* peningkatan tuntutan apabila skim ini dilaksanakan.

iii) Faktor Peluang (*Opportunities*)

Sementara itu, faktor *opportunities* adalah peluang-peluang yang perlu diambil kira di dalam menganalisa kemampuan *takaful* sebagai kaedah melaksanakan pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia. Hal ini merujuk kepada saluran-saluran tertentu yang membolehkan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah seperti undang-undang berkaitan dengan pampasan mangsa kecederaan jenayah. Contohnya di dalam seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Melalui perkara 1, Seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah ini telah menetapkan :

Mahkamah yang menyabitkan seseorang di atas sebarang kesalahan jenayah, pada budi bicaranya, boleh membuat sama ada salah satu atau kedua-dua perintah berikut terhadap orang itu, iaitu :

- a) Suatu perintah pembayaran sebarang kos pendakwaan atau sebahagiannya sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.*
- b) Suatu perintah pembayaran olehnya sebanyak yang telah ditetapkan oleh Mahkamah secara pampasan kepada mana-mana juga orang, atau wakil mana-mana orang yang cedera dirinya, kelakuan atau hartanya oleh jenayah atau kesalahan yang mana hukuman itu telah dijatuhkan.*

Ini menunjukkan bahawa undang-undang telah memperuntukkan suatu akta yang jelas mengenai pampasan mangsa jenayah. Kaedah pampasan dapat dilakukan melalui perintah mahkamah di mana prosiding itu dijalankan dan melalui tindakan sivil yang dibawa oleh mangsa jenayah. Mahkamah boleh memerintahkan pembayaran dilakukan sama ada pada salah satu atau kedua-dua sekaligus oleh pesalah jenayah. Walaupun terdapat halangan undang-undang ini yang memerlukan kepada penambahbaikan seperti seksyen 183A, Kanun Prosedur Jenayah, namun setidak-tidaknya ia menjadi permulaan awal dan garis panduan kepada tindakan pembelaan nasib mangsa kecederaan jenayah sepenuhnya.⁶²³

⁶²³ Hanum Abd Aziz, (2003), *Restitution To Victims Of Crime*, Sarjana, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, hlm. 77 - 81. Sila lihat Jadual 5 (x) - Senarai Kertas Pembaharuan Undang-undang Tahun 2007.

Jadual 5 (x) - Senarai Kertas Pembaharuan Undang-Undang 2007.

Senarai Kertas Pembaharuan Undang-Undang 2007		
Nombor Siri	Tajuk	Kategori
IP 1/2003	<i>Kedudukan Anak tak Sah Taraf Anak Luar Nikah (Syariah) yang beragama Islam di Malaysia di bawah Undang-Undang Syariah</i>	Kertas Isu
IP 6/2003	Empowering Victims – “Bringing Victims into the Court Room” – Victim Impact Statement	Kertas Isu
PIP 1/2006	Speedy Trial in Criminal Matters	Kertas Isu Awal
PIP 2/2006	Whether Jury System can be reintroduced into the Malaysian Legal System	Kertas Isu Awal
DP 10/2003	Parole System	Kertas Perbincangan
DP 11/2004	Security Guards and The Private Agencies Act 1971 (Act 27)	Kertas Perbincangan
IR 1/2002	Modernizing Criminal Procedures	Laporan Awal
IR 3/2003	Proposed Reforms to the Provisions of the Criminal Procedure Code	Laporan Awal
FR 1/ 2003	Modernizing of the Criminal Procedure Code (pertaining to sections 2,10, 89 to 98,99 to 102,173,254,303,304,307,325,353,399,402A, 415, 416,427,428, 430 and 438)	Laporan Akhir
FR 2/2003	Modernizing of the Criminal Procedure Code (Part ii) (pertaining to sections 13,14,256,329,331,332,334 and 335)	Laporan Akhir
FR 3/2005	Laporan Cadangan Skim Pampasan Bagi Mangsa Jenayah	Laporan Akhir
LO 3/2003	Further consideration of modernizing criminal procedure	Pendapat Undang-Undang
LO 14/2005	<i>Ulasan/Maklumbalas Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia</i>	Pendapat Undang-Undang

Sumber : Jabatan Peguam Negara

Sementara itu, pembelaan terhadap mangsa kecederaan jenayah juga wujud secara tidak langsung melalui seksyen 23 - 25, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1969). Seksyen ini adalah tidak menyatakan secara jelas kepada perbuatan sesuatu jenayah namun sekiranya berlaku sesuatu kemalangan iaitu mendapat kecederaan atau kematian di dalam masa pekerjaannya maka pekerja tersebut atau tanggungannya adalah layak menerima sejumlah pampasan dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).⁶²⁴

⁶²⁴ Seksyen 23 hingga 25 adalah mengenai kemalangan yang berlaku semasa pekerjaan, Akta 4, Akta Keselamatan Sosial Pekerja (1969) - pindaan sehingga 01 Januari 2006.

Terdapat dua jenis keselamatan sosial yang telah dikuatkuasakan oleh PERKESO terhadap pekerja yang mencarum melaluinya iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat. Skim Insurans Bencana Pekerjaan adalah skim perlindungan pekerja yang melindungi daripada sebarang bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan. Skim Ilat pula adalah skim yang memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilangan atau kematian akibat sebarang sebab.⁶²⁵

Objektif kedua-dua skim keselamatan ini adalah untuk menjamin pembayaran faedah tunai kepada pekerja dan orang tanggungannya apabila berlaku kejadian luar jangka yang menimpa pekerja berkenaan. Ini termasuklah perkhidmatan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan vokasional. Kemudahan pemulihan adalah bertujuan untuk membolehkan pekerja yang mengalami bencana kembali aktif dalam kehidupan seharian dan kembali bertugas secepat yang mungkin. Namun, terdapat beberapa kategori pekerjaan yang dikecualikan untuk mencarum dengan PERKESO iaitu meliputi kakitangan kerajaan, pekerja khidmat rumah, bekerja sendiri, pekerja asing dan tuannya serta pasangan kepada syarikat persendirian atau perkongsian.⁶²⁶

Di samping itu, skop penerima bantuan kebajikan untuk Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara dan program Kebajikan 1Malaysia (Karlisma) atau Insurans 1Azam juga boleh melengkapkan struktur kaedah pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia. Tabung-tabung ini sebenarnya boleh membantu membela nasib mangsa kecederaan jenayah. Contohnya, terdapat peruntukan di dalam Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara yang membolehkan masyarakat awam memohon peruntukan bagi kes-kes kecederaan dan kematian yang dialami sewaktu mereka berusaha membantu dan menghalang kejadian jenayah yang berlaku di dalam masyarakat. Mereka ini telah menjadi wira masyarakat yang seharusnya mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada pengorbanan dan jasa yang diberikan.

⁶²⁵ Sila lihat Jadual 5 (xi) - Faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO.

⁶²⁶ Pertubuhan Keselamatan Sosial, (t.t), *Skim Insurans Dan Bencana Pekerjaan*, Buku 1, PERKESO, Kuala Lumpur, hlm. 5.

Jadual 5 (xi) - Faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO meliputi :

Skim Insurans Bencana Pekerjaan

Memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami bencana kerja iaitu bencana yang berlaku ke atas pekerja disebabkan kemalangan atau sesuatu penyakit khidmat yang terbit daripada dan ketika menjalankan pekerjaan dalam sesuatu perusahaan terhadapnya.

(i) Faedah Perubatan

- Perlindungan kepada pekerja yang ditimpa bencana pekerjaan berhak menerima rawatan perubatan percuma di klinik panel Perkeso atau klinik / hospital kerajaan.

(ii) Faedah Hilang Upaya Sementara

- Jumlah hari cuti sakit yang disahkan oleh doktor iaitu sekurang-kurangnya empat hari akan dibayar.

(iii) Faedah Hilang Upaya Kekal

- Tuntutan dibuat oleh Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya yang berkekalan sehingga mengurangkan upaya mencari nafkah akibat Bencana Kerja.
- Tempoh tuntutan dalam masa 12 bulan dari tarikh perakuan akhir sijil cuti sakit.

(iv) Elaun Layanan Sentiasa

- Layak jika disyorkan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan bagi taksiran Hilang Upaya Kekal 100 peratus.
- Elaun akan diberi kepada penjaga yang menjaga Orang Berinsurans dengan kadar 40 peratus daripada kadar hilang upaya langsung kekal.

(v) Faedah Orang Tanggungan

- Tuntutan akan dibayar kepada orang tanggungan pekerja yang meninggal dunia akibat Bencana Pekerjaan.

(vi) Faedah Pengurusan Mayat

- Bayaran sebanyak RM1,500 kepada tanggungan yang layak atau bayaran sebenar perbelanjaan tertakluk kepada RM1,500.

(vii) Faedah Pemulihan

- Kemudahan pemulihan jasmani dan vokasional secara percuma kepada pekerja yang mengalami hilang upaya kekal.
- Segala perbelanjaan akan ditanggung oleh Perkeso mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan.

(viii) Faedah Pendidikan

- Anak-anak penerima faedah pencen/berkala boleh membuat permohonan ini.

Skim Pencen Ilat

Keilangan adalah merupakan suatu keuzuran yang serius, kekal atau tidak boleh atau tidak mungkin akan sembuh yang mana mengakhibatkan seseorang pekerja itu tidak mampu mencari nafkah sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan seseorang pekerja yang normal.

(i) Pencen Ilat

- Perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilangan akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan pekerjaan seperti sakit jantung, masalah buah pinggang, barah dan sebagainya.
- Disahkan telah mengalami keilangan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan.

(ii) Bantuan Ilat

- Disahkan telah mengalami keilangan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan tetapi tidak layak menerima Pencen Ilat kerana tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan caruman.
- Telah membuat caruman sekurangnya 12 bulan dan amaun bantuan adalah sama banyak dengan jumlah caruman yang telah dibayar oleh pekerja.

(iii) Elaun Layanan Sentiasa

- Orang Berinsurans yang disahkan alami keilangan & perlukan penjagaan orang lain layak menerima Elaun Layanan Sentiasa seperti yang disyorkan oleh Jemaah Doktor atau Jemaah Doktor Rayuan.
- Diberikan kepada penjaga yang menjaga Orang Berinsurans dengan kadar elaun 40 peratus daripada kadar faedah Pencen Ilat.

(iv) Pencen Penakat

- Dibayar kepada orang-orang tanggungan pekerja yang mati akibat sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan.
- Pekerja yang meninggal dunia sebelum umur 55 tahun dan memenuhi syarat kelayakan caruman, waris layak menerima faedah ini.
- Pekerja yang menerima Pencen Ilat yang meninggal dunia tanpa mengira had umur.

(v) Faedah Pengurusan Mayat

- Bayaran RM1,500 kepada tanggungan yang layak / bayaran perbelanjaan tertakluk kepada RM1,500

(vi) Faedah Pemulihan

- Kemudahan pemulihan jasmani dan vokasional percumakepada pekerja menghidap keilangan.
- Segala perbelanjaan ditanggung oleh Perkeso mengikut kadar, syarat-syarat yang ditetapkan.

(vii) Faedah Pendidikan

- Anak-anak penerima faedah

Pada dasarnya Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara ini ditubuhkan adalah untuk membantu anggota pasukan keselamatan yang meninggal dunia atau cedera ketika bertugas,⁶²⁷ namun pada masa yang sama ia turut menghulurkan bantuan kepada orang awam yang berjiwa perwira. Ini adalah jelas berdasarkan Perkara (iii) Instrument Of Trust For The National Heroes And Defence Trust Fund⁶²⁸ iaitu :

Orang awam sama ada yang telah dibunuh atau dimatikan oleh pengganas sewaktu menjalankan tugas mereka, ianya difahami bahawa "pengganas" membawa maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 ; butir-butir yang diberikan dalam Bahagian I Jadual bersama dan untuk isteri-isteri mereka, anak-anak dan orang tanggungan lain serta-merta orang itu yang disebutkan tadi dalam mukadimah ini Surat Ikatan Amanah (selepas ini dipanggil waris).

Peruntukan sebanyak RM12 juta oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Skim Insurans 1Azam untuk melindungi 100,000 ketua isi rumah dengan insurans membuktikan secara tidak langsung bahawa pembiayaan tersebut boleh diperuntukkan bagi kes-kes jenayah.⁶²⁹ Ketua isi rumah dan keluarga yang layak dan berdaftar di bawah e-Kasih telah diberi perlindungan insurans nyawa dan kemalangan. Ia bertujuan untuk membantu isi rumah untuk menerima pampasan kewangan sekiranya terjadi kematian, kecacatan seumur hidup, penyakit atau hilang upaya untuk bekerja. Begitu juga peruntukan RM1.4 bilion yang disalurkan melalui program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (Karlisma). Peruntukan ini telah memberi manfaat kepada kira-kira 500,000 penerima bantuan yang meliputi RM455 juta kepada warga emas, RM332 juta kepada orang kurang upaya, RM303 juta untuk program kemasyarakatan komuniti, RM290 juta untuk kanak-kanak dan RM4.1 juta untuk balu polis dan tentera.⁶³⁰

⁶²⁷ Sila lihat Jadual 5 (xii) - Kadar Bantuan Kecederaan Dan Bantuan Kewangan TAPPN.

⁶²⁸ Sila rujuk Lampiran X - Instrument Of Trust For The National Heroes And Defence Trust Fund.

⁶²⁹ Majlis Perlancaran Skim Insurans 1Azam oleh YB Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 25 Mei 2011 di Kuala Lumpur. Utusan Malaysia, *100,000 KIR Dilindungi Insurans*, Kuala Lumpur, 26 Mei 2011, hlm. 14.

⁶³⁰ Majlis pelancaran Karlisma bagi membela golongan kurang bernasib baik oleh YAB Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 24 Ogos 2011 di Putrajaya. Utusan Malaysia, *Karlisma Dapat Peruntukan RM 1.4 Bilion*, Kuala Lumpur, 25 Ogos 2011, hlm. 1.

Jadual 5 (xii) - Kadar Bantuan Kecederaan Dan Bantuan Kewangan TAPPN.

Bil	Kecederaan	Kadar Bantuan
1	Meninggal dunia.	RM 18,000.00
2	Cedera parah yang mengakibatkan kehilangan pandangan kedua-dua mata menyebabkan kesukaran untuk mencari mata pencarian, kudung kedua-dua belah kaki atau lumpuh dari paras pinggang ke bawah.	RM 21,000.00
3	Cedera parah mengakibatkan ' <i>permanent disablement</i> ' dan terpaksa diberhentikan daripada perkhidmatan.	RM 9,000.00
4	Cedera parah kekal tetapi masih berkhidmat.	RM 6,500.00
5	Cedera parah.	RM 4,000.00
6	Cedera ringan.	RM 600.00
Bil	Bantuan	Kadar Bantuan
1	Bantuan sara hidup anggota / balu yang menerima pensen kurang dari RM 450.00	Dibayar perbezaan dari pensen dengan kadar RM 450.00 sebulan
2	Bantuan sara hidup bagi anak-anak balu.	Anak 1 – RM 60.00 / bulan Anak 2 – RM 45.00 / bulan Anak 3 – RM 45.00 / bulan Anak 4 – RM 30.00 / bulan Dan seterusnya
3	Bantuan sara hidup bagi ibu / bapa / waris ke atas anggota bujang yang terkorban.	Dibayar perbezaan dari pensen dengan kadar RM 2250.00 sebulan
4	Bantuan persekolahan :	
	i) Tadika	RM 90.00 setahun
	ii) Tahun 1	RM 120.00 setahun
	iii) Tahun 2	RM 140.00 setahun
	iv) Tahun 3	RM 160.00 setahun
	v) Tahun 4	RM 190.00 setahun
	vi) Tahun 5	RM 230.00 setahun
	vii) Tahun 6	RM 260.00 setahun
	viii) Tingkatan 1	RM 300.00 setahun
	ix) Tingkatan 2	RM 340.00 setahun
	x) Tingkatan 3	RM 380.00 setahun
	xi) Tingkatan 4	RM 420.00 setahun
	xii) Tingkatan 5	RM 460.00 setahun
	xiii) Tingkatan 6 (Bawah)	RM 540.00 setahun
	xiv) Tingkatan 6 (Atas)	RM 600.00 setahun
	xv) Diploma Tahun 1	RM 540.00 setahun
	xvi) Diploma Tahun 2	RM 600.00 setahun
	xvii) Diploma Tahun 3	RM 650.00 setahun
	xviii) Lanjutan	RM 800.00 setahun
	xix) Ijazah Tahun 1	RM 840.00 setahun
	xx) Ijazah Tahun 2	RM 900.00 setahun
	xxi) Ijazah Tahun 3	RM 960.00 setahun
	xxii) Ijazah Tahun 4	RM 1,020.00 setahun
	xxiii) Ijazah Tahun 5	RM 1,500.00 setahun
Sumber : Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara		

Justeru itu, pihak kerajaan haruslah memainkan peranan dan tanggungjawab yang lebih besar untuk menubuhkan suatu organisasi rasmi bagi membela nasib mangsa kecederaan jenayah terutamanya daripada golongan berpendapatan rendah dan miskin.⁶³¹ Apatah lagi negara telahpun mempunyai beberapa asas dan landasan kepada penubuhan sebuah organisasi rasmi yang meliputi akta, undang-undang dan tabung kebajikan yang berkaitan dengan pampasan mangsa kecederaan jenayah. Yang diperlukan hanyalah penyelarasan dan penambahbaikan ke atas akta, undang-undang dan tabung kebajikan yang berkenaan untuk membolehkan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini.⁶³²

Rajah 5 (xiii) - Asas-asas penubuhan sebuah organisasi rasmi Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah di Malaysia.



⁶³¹ Hasil perbincangan dan temubual bersama Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia (No. 3). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Melalui *Takaful* Di Malaysia.

⁶³² Sila lihat Rajah 5 (xiii) - Asas-asas penubuhan sebuah organisasi rasmi Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah di Malaysia.

Hal ini adalah bertepatan dengan konsep yang dianjurkan oleh Islam berkaitan dengan *qisas*, *diyat* dan *aqilah*. Malahan perkara ini telah dilaksanakan sejak awal zaman pemerintahan Islam lagi yang dimulai oleh Saidina Umar al-Khattab. Beliau telah mengasaskan penubuhan *diwan* iaitu sebuah organisasi rasmi kerajaan yang bertindak sebagai landasan untuk membela nasib mangsa kecederaan jenayah terutamanya mereka yang terlibat dalam perjuangan menjaga keamanan dan keselamatan negara.⁶³³

Keadaan ini juga adalah selaras dengan konsep *viktimologi* di barat dan Pengisytiharaan Prinsip Asas Pencegahan Jenayah dan Penyalahgunaan Kuasa pada tahun 1985 pada Persidangan Ke-VII Kongres Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Deklarasi 40 / 34 yang dikeluarkan itu bukan sahaja memberikan penekanan kepada pemberian pampasan tetapi juga tanggungjawab kerajaan sesuatu negara untuk menyediakan kewangan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah jika sekiranya pampasan tidak diperolehi daripada pesalah jenayah atau daripada sumber-sumber yang berkaitan. Hal ini adalah berdasarkan deklarasi tersebut⁶³⁴ yang menyatakan bahawa :

Apabila pampasan tersebut tidak didapati sepenuhnya daripada pesalah atau daripada sumber lain maka kerajaan sesuatu negara hendaklah berusaha untuk menyediakan kewangan pampasan kepada :

- e) Mangsa iaitu pihak yang menanggung penderitaan kecederaan atau penderitaan secara fizikal atau mental hasil daripada jenayah yang serius.*
- f) Keluarga iaitu khusus yang menanggung kematian seseorang atau secara fizikal hilang upaya hasil daripada pemangsaan tersebut.*

⁶³³ Anwarullah, (1997), *The Criminal Law Of Islam*, A.S.Noordeen, Kuala Lumpur, hlm. 92 – 100.

⁶³⁴ Resolusi Perkara 12 bab Compensation, *Guide for Policymakers*, hlm 26. *Handbook on Justice for Victims*, United Nation, New York, hlm 117. Sila rujuk Lampiran I.

iv) Faktor Ancaman (*Threats*)

Faktor *threats* pula ialah ancaman luaran yang perlu perhatian dan diambilkira di dalam menganalisa kemampuan *takaful* sebagai kaedah untuk melaksanakan pampasan mangsa kecederaan jenayah. Hal ini adalah merujuk kepada pemerintahan dan perundangan di Malaysia yang masih lagi menggunakan sistem dwi fungsi di dalam pelaksanaannya. Ianya dapat dilihat kepada undang-undang Islam seperti undang-undang kewangan dan perbankan Islam khususnya *takaful* yang dilaksanakan walaupun dasar pemerintahan dan perundangan yang masih lagi memakai sistem peninggalan penjajahan barat.

Sistem penjajahan barat ini telah meninggalkan Perlembagaan Persekutuan yang menjadi undang-undang tertinggi di Malaysia. Ianya mengandungi perkara-perkara seperti kuasa kerajaan persekutuan dan negeri, tugas Yang Di Pertuan Agong, parlimen, kabinet, badan kehakiman, peruntukan kewarganegaraan, kedudukan agama rasmi, bahasa kebangsaan, kedudukan hak istimewa, perkhidmatan awam, hak asasi dan pilihanraya. Ianya juga meliputi undang-undang jenayah dan sivil yang dilaksanakan dalam sistem pemerintahan dan menjadi teras kepada sistem keadilan dan keamanan di dalam negara.⁶³⁵

Malangnya, undang-undang pampasan yang sedia ada masih di takuk lama. Pemakaian undang-undang daripada sistem penjajahan barat seperti seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah amat memerlukan perubahan dan penambahbaikan yang berterusan bagi membela nasib mangsa kecederaan jenayah. Ini kerana sejak peninggalan penjajahan, negara-negara barat telahpun ke hadapan di dalam usaha-usaha mengiktiraf dan membela nasib mangsa kecederaan jenayah sepenuhnya. Contohnya, undang-undang di negara-negara barat telah menyerahkan kembali hak menuntut pampasan kecederaan jenayah kepada mangsa dan keluarga mangsa di dalam perbicaraan mahkamah. Ini menyebabkan pihak mangsa mendapat perhatian dan pembelaan secara terus daripada perbicaraan jenayah yang dihadapi di dalam mahkamah sebelum sesuatu keputusan ditetapkan.

⁶³⁵ Abdul Aziz Bari, (2008), *Perlembagaan Nalaysia, Asas-Asas dan Masalah*, DBP Kuala Lmpur, hlm 28. Shamsul Amri Baharuddin, (2007), *Modul Hubungan Etnik*, UiTM Shah Alam, hlm. 92.

Walaupun terdapat pembelaan terhadap mangsa kecederaan jenayah melalui seksyen ini, namun ianya tidak memberikan keutamaan kepada pembayaran pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah sepenuhnya. Malahan pampasan melalui kesalahan jenayah ini hanya boleh dijalankan setelah mahkamah memutuskan tertuduh telah terbukti bersalah dan dikenakan sesuatu hukuman. Maka ianya akan memberikan kesukaran dan penderitaan yang berpanjangan kepada mangsa kecederaan jenayah sekiranya mereka terpaksa pula menunggu keputusan perbicaraan yang mengambil masa.⁶³⁶

Di samping itu, kes-kes pampasan mangsa kecederaan jenayah di mahkamah juga kurang kedengaran. Contohnya, merujuk kepada bilangan kes di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur pada tahun 2001 hanya terdapat 8 kes sahaja perintah mahkamah yang berkaitan dengan pampasan mangsa kecederaan jenayah atau hanya 0.13 % berbanding jumlah keseluruhan sebanyak 6343 kes. Ini menunjukkan bahawa tidak sampai 1 % pun perintah mahkamah berkaitan dengan pampasan mangsa kecederaan jenayah telah diputuskan.⁶³⁷

Jadual 5 (xiv) - Sebutan Kes Di Mahkamah Tinggi Jenayah Kuala Lumpur 2001.

Courts	Cases Heard	Convictions		Compensation	
		No.	%	No.	%
Sessions	234	108	46.1	-	-
Magistrates	7198	6343	88.1	8	0.13
Total	7432	6451	86.8	8	0.12

⁶³⁶ Hasil perbincangan bersama Peguam (No. 10). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Di Malaysia.

⁶³⁷ Kajian kes yang telah dijalankan oleh Hanum Abd Aziz mengenai *Restitution To Victims Of Crime*, di peringkat Sarjana Undang-undang, Universiti Malaya pada tahun 2003. Di antara lain beliau telah menerangkan permasalahan yang menyebabkan terjadinya perintah mahkamah yang terlalu minimum berkaitan dengan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah iaitu mengenai terdapatnya syarat-syarat peruntukan statutori yang lain, pra-syarat mahkamah dan sekatan-sekatan yang menghalang kes-kes pampasan diperintahkan oleh mahkamah. Hanum Abd Aziz, (2003), *Restitution To Victims Of Crime*, Latihan Ilmiah - Sarjana, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, hlm. 77 - 81. Sila lihat Jadual 5 (xiv) - Sebutan Kes Di Mahkamah Tinggi Jenayah Kuala Lumpur 2001.

Oleh yang demikian, seksyen ini sedang dilakukan pindaan dengan penambahan seksyen 183A, Kanun Prosedur Jenayah. Penambahbaikan di dalam peruntukan seksyen 426 dan penambahan seksyen 183A telah memberi ruang pembelaan bukan sahaja kepada mangsa tetapi juga keluarga mangsa kecederaan jenayah.⁶³⁸ Malahan penyataan ahli keluarga mangsa turut diambil kira di dalam keputusan hakim terhadap sesuatu pertuduhan jenayah. Hal ini telah ditegaskan melalui peruntukan seksyen 183A iaitu :

Sebelum mahkamah memutuskan hukuman mengikut undang-undang di bawah seksyen 183, Mahkamah hendaklah memanggil mangsa kesalahan itu atau ahli keluarga mangsa, jika ada, untuk membuat kenyataan mengenai kesan kesalahan yang dilakukan terhadap mangsa atau keluarganya.

Perkara ini sememangnya telah dinyatakan dengan jelas oleh Chief Judge of Malaya iaitu Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinuddin⁶³⁹ bahawa :

Satu pindaan lanjut kepada Kanun Keseksaan pada tahun lepas yang diperkenalkan adalah tawar-menawar pengakuan, persidangan sebelum perbicaraan, kenyataan saksi, pengurusan kes dan kesan kenyataan mangsa.

Pengkajian dan penelitian yang tepat harus dilakukan terlebih dahulu sebelum instrumen kewangan Islam seperti *takaful* dapat dilaksanakan di sistem pemerintahan negara. Berdasarkan kepada undang-undang kewangan yang sedia ada termasuklah Akta Bank Islam (1983) dan Akta Bank dan Institusi Perbankan (1989) adalah jelas menunjukkan bahawa Malaysia belum lagi mempunyai undang-undang khusus untuk kewangan Islam iaitu undang-undang berkaitan *muamalat*. Justeru itu, operasi institusi kewangan Islam masih lagi perlu mengikuti undang-undang prosedur di mahkamah sivil dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.⁶⁴⁰ Ianya tidak boleh dijalankan melalui mahkamah syariah walaupun undang-undang Islam ditadbir melaluinya.

⁶³⁸ Hasil perbincangan bersama Penasihat Undang-undang Negeri Sarawak (No. 4). Sila rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Di Malaysia. Sila lihat Jadual 5 (x) - Senarai Kertas Pembaharuan Undang-Undang tahun 2007.

⁶³⁹ New Straits Times, (2011), *Amendments Passed to Enhance Criminal Justice System*, Kuala Lumpur, 22 Oktober 2011, hlm 11.

⁶⁴⁰ Zulkifli Hasan, (2007), *Perlaksanaan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia : The Development of Economics and Muamalat Practices*, USIM, Nilai, hlm. 125.

Undang-undang Islam di Malaysia hanya meliputi perkara-perkara tertentu dan melalui bidang kuasa yang terhad sahaja. Namun, perkara ini seharusnya memberi ruang kepada peruntukan undang-undang sivil Islam termasuklah pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah. Ia seharusnya boleh dituntut melalui bidang kuasa harta pusaka Islam menerusi Mahkamah Syariah.⁶⁴¹ Malangnya, perkara ini tidak dapat dilaksanakan pada ketika ini kerana perlembagaan telah meletakkan kes-kes yang melibatkan perbankan dan kewangan Islam di bawah bidang kuasa mahkamah sivil walaupun prinsip *muamalat* termasuk di bawah undang-undang syariah yang sepatutnya berada di bawah bidang kuasa negeri. Ini memandangkan urusan kontrak, perniagaan dan perbankan terletak di dalam senarai persekutuan.⁶⁴² Semua prosedur adalah menurut peruntukan undang-undang sivil seperti Akta Bankrupsi 1967, Akta Syarikat 1965, Peraturan Mahkamah Tinggi 1980, Peraturan Mahkamah Rendah 1980, Peraturan Mahkamah Persekutuan 1995 dan sebagainya.

Namun begitu, melalui kaedah penyeragaman semula sebenarnya undang-undang baru tidak perlu digubal di Parlimen. Ia hanya perlu diselaraskan untuk memastikan kelicinan pembangunan kewangan dan perbankan Islam dapat dilaksanakan secara menyeluruh di Malaysia. Peruntukan undang-undang sivil yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah dapat digunapakai manakala aspek-aspek yang berlawanan perlu diubahsuai dengan peruntukan undang-undang yang dibenarkan oleh hukum syarak.

Justeru, perkembangan ini memerlukan sokongan kerajaan pusat dan juga kerajaan negeri bagi memastikan perkembangan *muamalat* ini dapat bergerak dengan lebih pantas dan efisien. Kerajaan negeri kebiasaannya tidak mempunyai sumber-sumber kewangan yang mencukupi dan hanya memiliki bidang kuasa yang terhad iaitu hanya meliputi hal ehwal agama Islam, adat dan tanah. Dengan penglibatan kerajaan pusat pastinya akan membantu memberikan kesan yang maksimum terhadap sumber kekuatan ekonomi dan melebarkan bidang kuasa di dalam bidang *muamalat* dengan lebih meluas.⁶⁴³

⁶⁴¹ Hasil temubual bersama Professor INCEIF & ISRA (No. 6). Rujuk Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Di Malaysia.

⁶⁴² Jadual 9 Senarai 1 Perlembagaan Persekutuan.

⁶⁴³ Ahmad Ibrahim, (t.t.), *Legal Framework Of Islamic Banking in Malaysia*, IKIM, vol.1 (1), hlm 1.

Walaupun Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan namun perancangan mengenai pelaksanaan sistem kewangan Islam perlu ditangani secara berhemah agar ianya dapat dijalankan dengan lancar di dalam sistem pemerintahan negara. Situasi ini akan bertambah rumit sekiranya umat Islam di Malaysia tidak dapat bersatu dan seia-sekata di dalam persoalan yang membabitkan kepentingan ummah. Apatah lagi perbezaan pendapat yang wujud telah membawa kepada perpecahan umat Islam di dalam agenda politik masing-masing sehingga tidak membawa keuntungan dan kebaikan kepada perkembangan dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia.

Hal ini berasaskan kepada pemerintahan di Malaysia yang merangkumi masyarakat yang berbilang bangsa, budaya dan agama. Persoalan masyarakat majmuk ini sememangnya mempengaruhi suasana politik pemerintahan yang berteraskan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan di dalam negara. Apatah lagi kebanyakan parti-parti politik di Malaysia pada asasnya telah ditubuhkan berdasarkan kaum masing-masing. Keadaan ini dapat dilihat sama ada daripada parti pemerintah, pembangkang dan lain-lain.⁶⁴⁴

Contohnya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA) adalah parti-parti di kalangan orang Melayu. Persatuan Cina Malaysia (MCA), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Demokratik Malaysia (MDP) adalah merupakan parti-parti dikalangan orang Cina. Kongres India Se-Malaysia (MIC), Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (AMIPF) dan Parti Makkal Sakti Malaysia (MMSP) pula adalah parti-parti dikalangan orang India. Sementara itu, ada lagi parti-parti lain yang berteraskan bangsa dan budaya terutamanya di Sabah dan Sarawak seperti Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO), Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan sebagainya. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi agenda dan matlamat perjuangan parti masing-masing untuk mendapat pengaruh di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan agama di Malaysia.

⁶⁴⁴ Sila lihat Jadual 5 (xv) - Senarai Parti-parti Politik Di Malaysia 2011.

Jadual 5 (xv) - Senarai Parti-parti Politik Di Malaysia 2011.

Senarai Parti-parti Politik Di Malaysia	
Barisan Nasional	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Persatuan Cina Malaysia (MCA) Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) Kongres India Se-Malaysia (MIC) Parti Progresif Rakyat (PPP) Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Parti Bersatu Sabah (PBS) Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP) Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRBS) Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) Parti Rakyat Sarawak (PRS)
Pakatan Rakyat	Parti Tindakan Demokratik (DAP) Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Parti Keadilan Rakyat (PKR)
Parti-parti lain	Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA) Parti Pekerja Malaysia (PPM) Parti Demokratik Malaysia (MDP) Barisan Kemajuan India Se-Malaysia (AMIPF) Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) Kongres Penyatuan Masyarakat (CCC) Parti Punjabi Malaysia (PPM) Parti Sosialis Malaysia (PSM) Parti Makkal Sakti Malaysia (MMSP) Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Parti Reformasi Negeri (STAR) Parti Demokratik Setiahati Kuasa Rakyat Bersatu Sabah (SETIA) Parti Maju Sabah (SAPP) Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (BERSEKUTU) Pertubuhan Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (PASOK)
Parti-Parti yang dibubarkan	Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM) Parti Komunis Malaya (PKM) Parti Rakyat Malaysia (PRM)
	Sumber : Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia

e) **Perbincangan & Temubual**

Kaedah perbincangan dan temubual yang telah diadakan bersama individu-individu yang mempunyai kepakaran di dalam undang-undang jenayah dan kewangan Islam telah menunjukkan bahawa kesemua mereka telah bersetuju bahawa skim pampasan mangsa kecederaan jenayah boleh dilaksanakan melalui *takaful* di Malaysia.⁶⁴⁵ Pampasan yang diberikan lebih merupakan ‘ *sumbangan kerajaan* ‘ yang amat diperlukan oleh mangsa kecederaan jenayah terutamanya di kalangan keluarga yang berpendapatan sederhana ke bawah. Pada masa yang sama, kerajaan bukan sahaja dapat menunaikan amanat kepada masyarakat berasaskan kepada sikap prihatin dan penyayang kerajaan malahan slogan *janji ditepati* dan *rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan* dapat dilaksanakan.

Pihak kerajaan juga haruslah menubuhkan sebuah badan rasmi bagi menguruskan sebuah dana kewangan yang boleh diselaraskan melalui tabung-tabung kebajikan yang sedia ada seperti Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Insurans 1Azam atau Karlsma yang diuruskan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Malahan akta dan undang-undang yang sedia ada seperti seksyen 426 dan pembaharuan undang-undang seksyen 183 A, Kanun Prosedur Jenayah boleh dijadikan garis panduan di dalam pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia.

Justeru itu, pihak kerajaan haruslah mengambil peranan yang besar dan tanggungjawab yang utama untuk melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* di Malaysia sebagaimana yang disarankan oleh ajaran Islam melalui *qisas*, *diyat* dan *aqilah* serta sebagaimana pelaksanaan di barat melalui konsep *viktimologi* dan saranan Deklarasi 40/34, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pampasan yang diberikan pastinya akan dapat membela nasib dan mengurangkan beban kewangan kepada mangsa dan keluarga mangsa yang mengalami penderitaan akibat daripada perbuatan jenayah.

⁶⁴⁵ Sila lihat Jadual 5 (xvi) iaitu Hasil Kajian Secara Temubual dan Email : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Melalui Takaful Di Malaysia.

Jadual 5 (xvi) - Kajian Secara Temubual dan E-Mail : Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Melalui Takaful Di Malaysia.

Bil	Jawatan & Kepakaran Tarikh Temubual / E-Mail	Temu	E-Mail	Setuju	Perbincangan Utama & Ulasan
1	Mantan CEO Etiqa Group Maybank Berhad (Insurans dan Takaful) 9 Oktober 2011 - Shah Alam	✓	✓	✓	Pampasan yang diberikan akan mengurangkan beban kewangan kepada mangsa dan keluarga yang mengalami kecederaan akibat perbuatan jenayah.
2	Pengurus Besar Kanan Bank Rakyat Malaysia Berhad (Kewangan dan Insurans) 2 Oktober 2011 - Kuala Lumpur	✓		✓	Kerajaan harus menyediakan suatu skim pampasan kepada mangsa kecederaan dengan dana kewangan yang khusus dan ianya mudah dikendalikan.
3	Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia & Pensyarah UIAM (Undang-undang Takaful) 17 Oktober 2011 - Kuala Lumpur	✓		✓	Suatu organisasi rasmi untuk mengurus Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah harus ditubuhkan oleh kerajaan terutamanya untuk membantu mangsa kecederaan jenayah daripada golongan miskin.
4	Penasihat Undang-undang Negeri Sarawak (Undang-undang Jenayah) 3 Oktober 2011 - Kuala Lumpur	✓		✓	Pembaharuan undang-undang di dalam Kanun Prosedur Jenayah melalui seksyen 183A - CPC, telah memberikan ruang yang lebih luas kepada pembelaan mangsa kecederaan jenayah.
5	Professor & Dekan Fakulti Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (Kriminalogi dan Viktimologi) 29 Sept 2011 - Kuala Terengganu	✓		✓	Mangsa kecederaan jenayah harus mendapat pembelaan dan pampasan daripada dasar kewangan kerajaan seperti yang berlaku di negara-negara barat.
6	Professor INCEIF & ISRA Bank Negara Malaysia (Undang-undang Jenayah dan Sivil Islam) 30 Sept 2011 - Kuala Lumpur	✓		✓	Pampasan untuk mangsa kecederaan jenayah boleh dilakukan melalui Mahkamah Syariah kerana ianya terletak dibawah undang-undang sivil Islam, boleh dituntut menerusi bidang kuasa harta pusaka.

7	Pensyarah INCEIF & ISRA Bank Negara Malaysia (Viktimologi & Kewangan Islam) 30 Sept 2011 - Kuala Lumpur	✓	✓	✓	Mangsa kecederaan jenayah amat memerlukan pampasan kerana mereka telah mengalami kerugian dari segi kewangan, masa, emosi, sosial dan fizikal.
8	Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Undang-Undang Kewangan & Perbankan Islam) 16 Sept 2011 – Gombak	✓		✓	Pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah boleh dilakukan sama ada melalui pembayaran takaful, kos-kos rawatan perubatan, sesi khidmat kaunseling dan sebagainya.
9	Peguam &Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia (Undang-undang Keluarga) 22 Oktober 2011 - Bangi	✓		✓	Skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui takaful akan membantu membela nasib mangsa dan keluarga mangsa kecederaan jenayah yang sering diabaikan.
10	Peguam & Sarjana Undang-undang Universiti Malaya (Undang-undang Pampasan) 18 Sept 2011 - Kuala Lumpur		✓	✓	Menerusi seksyen 426 - CPC, mahkamah haruslah memainkan peranan yang lebih besar bagi melindungi dan membela nasib mangsa kecederaan jenayah.
11	Konsultan Takaful & Insurans MAA Takaful Berhad (Takaful & Insurans) 17 Oktober 2011 - Kuala Lumpur		✓	✓	Perlaksanaan takaful boleh menyelesaikan sebahagian sahaja tuntutan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah kerana tuntutan pampasan yang tinggi akan membebankan tabung takaful.
12	Pengurus Kanan CIMB Berhad (Takaful & Insurans) 7 Oktober 2011 - Kuala Lumpur	✓	✓	✓	Pembiayaan takaful kepada mangsa kecederaan jenayah harus diteliti dan dikaji dengan lebih mendalam agar perlaksanaannya benar-benar membantu dari sudut kewangan mangsa kecederaan jenayah.
13	Eksekutif Takaful& Insurans Prudential BSN Takaful (Takaful & Insurans) 22 Oktober 2011 - Petaling Jaya	✓		✓	Pembiayaan kewangan pampasan bukan sahaja dapat membantu membela nasib mangsa kecederaan jenayah malah kerajaan kerana sumber modal telah diinsurankan melalui pembiayaan takaful.

5.5 Kesimpulan


Berdasarkan penulisan di atas dapatlah disimpulkan bahawa skim pampasan mangsa kecederaan jenayah boleh dilaksanakan di Malaysia tanpa melalui proses yang panjang. Ia juga dapat dijalankan tanpa melibatkan akta dan undang-undang yang baru. Paling tidak, proses pelaksanaan skim ini dapat dilaksanakan melalui penubuhan sebuah badan rasmi tertentu untuk mengurus dan mengendalikannya dengan mengambil alih fungsi-fungsi Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara dan Insurans 1Azam atau program Kebajikan Rakyat 1Malaysia. Proses ini memerlukan penglibatan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat. Justeru itu, pelaksanaan skim ini akan dapat merangkumi pampasan kepada anggota keselamatan, para pekerja dan masyarakat awam.⁶⁴⁶

Pelaksanaan skim pampasan ini tentunya akan memberi manfaat dan impak yang besar kepada mangsa kecederaan jenayah. Apatah lagi sekiranya mangsa kecederaan jenayah ini adalah terdiri daripada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Golongan ini biasanya tidak memiliki perlindungan *takaful* atau insurans yang dapat membantu diri mereka atau waris. Jika sekiranya mereka merupakan orang yang menyara keluarga dan meninggal dunia, ianya akan mengakibatkan kerugian kewangan yang besar kepada ahli keluarga. Justeru, kewujudan skim pampasan ini pastinya dapat membantu meringankan beban kewangan yang terpaksa dihadapi oleh keluarga mangsa kecederaan jenayah.

Sementara itu, bagi golongan pekerja yang mencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, pihak PERKESO akan memberikan pampasan sekiranya mereka mendapat apa-apa juga kemalangan sewaktu menjalankan perkerjaan termasuklah di dalam kes-kes kecederaan jenayah. Misi PERKESO di antara lain adalah untuk memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka dan meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan menerusi menerusi skim-skim yang sedia ada seperti di bawah Skim Insuran Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat.

⁶⁴⁶ Sila lihat Jadual 5 (xviii) - Carta Cadangan Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah.

Jadual 5 (xviii) - Carta Cadangan Pelaksanaan Skim Pampasan Mangsa Kecederaan Jenayah Melalui Takaful Di Malaysia.



Bagi anggota keselamatan pula, mereka dapat menuntut sejumlah pampasan sekiranya mendapat kecederaan sewaktu menjalankan tugas-tugas keselamatan. Sekiranya mereka terkorban sewaktu menjalankan tugas pelbagai jenis bantuan melalui Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara telah disediakan dengan meliputi pemberian bantuan saguhati, nafkah, persekolahan dan lain-lain. Bantuan akan disampaikan kepada waris-warisan yang terdekat seperti balu dan ibu bapa untuk kes-kes meninggal dunia.

Pada masa yang sama juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat akan dapat membantu mangsa-mangsa jenayah ini terutama daripada kalangan wanita dan ahli keluarga yang berpendapatan rendah. Ianya juga adalah menjadi dasar dan objektif Kementerian yang memberikan keutamaan kepada kebajikan masyarakat awam. Menerusi Unit Kaunseling seharusnya ia dapat dijadikan platform untuk menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi membantu memulihkan kembali kesan psikologi mangsa kecederaan jenayah seperti keadaan asal. Walaupun mungkin tidak dapat memulihkan kembali sepenuhnya apa yang sedia ada sebelum berlakunya sesuatu kejadian jenayah namun proses kaunseling ini sedikit sebanyak akan dapat membantu membina kembali kekuatan dan motivasi individu terbabit untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Dengan demikian, keseluruhan anggota masyarakat yang terdiri daripada anggota keselamatan, pekerja dan masyarakat awam akan menerima pampasan yang diuruskan oleh pengendali *takaful* yang dilantik oleh kerajaan. Dengan pengalaman dan kepakaran serta struktur operasi yang sedia ada, pengendali *takaful* akan mampu untuk menyediakan prasarana yang cukup untuk mengendalikan proses pembayaran pampasan mangsa kecederaan jenayah ini dengan cepat dan efisien. Apatah lagi mekanisme pengurusan dan jentera syarikat *takaful* yang sedia ada sudah cukup bersedia supaya pengagihan pampasan ini dapat disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan. Proses ini haruslah menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan terutamanya laporan kejadian jenayah daripada pihak polis dan pengesahan status kecederaan daripada hospital atau klinik kerajaan. Keadaan ini amat diperlukan bagi memastikan sesuatu proses pembayaran pampasan ini tidak dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pelaksanaan skim ini boleh dijalankan dengan mana-mana pengendali *takaful* yang berdaftar di Malaysia. Kerajaan boleh sama ada untuk memilih salah satu syarikat atau menggabungkan sebahagian atau semua syarikat pengendali *takaful* yang ada. Ini juga tertakluk kepada kesanggupan kepada pengendali *takaful* kerana skim pampasan ini lebih merupakan gerak kerja sumbangan sosial korporat mereka ke arah bersama-sama kerajaan dan masyarakat untuk membasmi kegiatan jenayah daripada meraih keuntungan semata-mata. Tambahan pula skim pampasan ini hanya berteraskan kepada skim *takaful*

mudharabah iaitu perkongsian keuntungan yang amat minimum dan kos pengendalian yang kompetitif. Sekiranya wujud lebih wang yang tidak digunakan maka ianya kembali dimasukkan ke dalam akaun kewangan tahun seterusnya. Hal ini akan membantu mengurangkan bajet kewangan kerajaan yang menanggung premium *takaful* untuk seluruh rakyat Malaysia bagi skim pampasan ini bagi tahun-tahun seterusnya.

Pemilihan syarikat *takaful* juga akan membantu kearah perkembangan industri *takaful* negara. Saiz dan skala industri *takaful* pada hari ini menunjukkan pengiktirafan dan potensi besar yang ditawarkan perniagaan kewangan Islam ini. Penyertaan pengendali *takaful* juga akan memperkukuh hubungan dengan pasaran antarabangsa. Justeru, potensi institusi kewangan Malaysia dapat ditingkatkan bagi meraih manfaat daripada sektor pertumbuhan ini secara global. Lebih-lebih lagi industri *takaful* telah mencapai kemajuan yang memberansangkan sejak tertubuhnya syarikat *takaful* pertama pada tahun 1984.⁶⁴⁷

Semua perkembangan ini tentunya akan memberikan manfaat kepada kestabilan dan keamanan di dalam negara. Sekaligus peranan Malaysia di pentas global akan diiktiraf sebagai sebuah negara Islam contoh dalam arus perkembangan ekonomi dunia dan hasrat Malaysia untuk menjadi Pusat Kewangan Islam Antarabangsa akan tercapai.

⁶⁴⁷ Pada 01 September 2010, empat lesen *takaful* keluarga baru telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan lagi perkembangan industri *takaful* keluarga. Lapan entiti bergabung yang berjaya memperoleh lesen tersebut ialah American International Assurance Bhd. (70%) dan Alliance Bank Malaysia Bhd. (30%) serta AMMB Holdings Bhd. (70%) dan Friends Provident Group plc, UK (30peratus). Turut menerima lesen tersebut iaitu ING Management Holdings (M) Sdn. Bhd. (60peratus), Public Bank Bhd. (20%) dan Public Islamic Bank Bhd. (20%) serta The Great Eastern Life Assurance Company Ltd. (70%) dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Bhd. (30%). Pengeluaran lesen baru bertujuan mempercepatkan kadar pengembanganperniagaan *takaful* domestik dan global dengan mewujudkan pengendali *takaful* yang berkelayakan, kukuh dan mempunyai sumber yang mencukupi, kepakaran yangsesuai dan jaringan perhubungan antarabangsa yang luas. Keadaan ini akan menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan industri *takaful* negara dan melengkapkan usaha-usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka. Utusan Malaysia, 02 September 2010, *Kerajaan Lulus Empat Lesen Takaful Keluarga*, Laporan Ekonomi, Kuala Lumpur.

BAB 6

KESIMPULAN DAN SARANAN IMPLEMENTASI SKIM PAMPASAN MANGSA KECEDERAAN JENAYAH MELALUI TAKAFUL DI MALAYSIA

6.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan kesimpulan kajian di mana kajian ini akan mengemukakan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak-pihak yang berwajib agar dapat membantu di dalam proses pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah berdasarkan proses perundangan yang sedia ada di Malaysia. Di samping itu, pelaksanaan di negara-negara barat boleh dijadikan panduan oleh pihak kerajaan di dalam melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini. Instrumen kewangan Islam iaitu *takaful* boleh diguna pakai sebagai saluran penyelesaian dan pembahagian pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah dan ahli keluarganya berdasarkan sistem perundangan Islam.

Dasar perundangan di Malaysia pada masa kini juga tidak menghalang implementasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah yang dapat dilaksanakan melalui *takaful*. Walaupun mungkin pampasan melalui *takaful* tersebut tidak dapat memenuhi dan mengganti sepenuhnya apa yang dialami oleh mangsa jenayah tetapi sekurang-kurangnya akan dapat membantu dan meringankan beban kewangan kepada mereka. Hal ini pastinya dasar kebajikan negara ke arah masyarakat yang penyayang dan saling bantu-membantu di antara anggota masyarakat akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

6.2 Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan adalah mengenai bagaimana implementasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* dapat dijalankan di Malaysia. Pembahasan ini meliputi pelbagai aspek undang-undang jenayah, pentadbiran dan kewangan Islam berdasarkan pelaksanaan di negara-negara barat dan perundangan di Malaysia.

Kajian mengenai skim pampasan mangsa kecederaan jenayah menerusi Islam telah diutarakan secara terperinci dalam pembahasan pada bab dua. Ianya adalah meliputi pengertian jenayah, tujuan hukuman jenayah dan bahagian-bahagian jenayah. Konsep pampasan dalam Islam pula telah diterangkan dengan penjelasan yang sebaik mungkin agar pembahasan ini mendapat memberikan maklumat yang tepat berkaitan dengannya. Keadaan ini adalah tentu berkait rapat dengan konsep *qisas*, *diyat* dan *aqilah* yang merupakan penghubung yang sangat penting kepada mangsa kecederaan jenayah.

Konsep *qisas*, *diyat* dan *aqilah* ini dapat dilaksanakan berdasarkan mekanisme yang telah diterapkan oleh Saidina Umar. Beliau telah meluaskan pendekatan tafsiran *aqilah* daripada prinsip *asabah* (kaum keluarga) kepada konsep *diwan* (jabatan/kementerian). Hal ini adalah merujuk kepada tanggungjawab yang harus dipikul oleh pemerintah bagi melindungi keselamatan rakyat. Konsep ini akan mewujudkan keadilan Islam yang bukan sahaja menjaga kepentingan mangsa jenayah malahan pelaku jenayah itu sendiri.

Keadaan ini juga berasaskan kepada beban tanggungan yang terpaksa dipikul oleh pelaku jenayah sekiranya berlaku sesuatu perbuatan jenayah. Jika perbuatan jenayah itu berlaku sama ada dengan sengaja apatah lagi sekiranya tidak disengajakan, situasi ini akan menyebabkan ketidakadilan yang amat sangat. Ini kerana pembayaran *diyat* amatlah tinggi dan sekiranya ia tidak mampu ditanggung oleh pelaku jenayah maka mangsa jenayah yang seharusnya dibela akan teraniaya. Disinilah perlunya peranan pemerintah berdasarkan konsep *diyat* dan *aqilah* untuk mengambil tanggungjawab untuk membela dan mengembalikan keadaan asal sebelum kejadian pada mangsa kecederaan jenayah.

Justeru, konsep pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah di dalam sistem undang-undang jenayah Islam dapat diperjelaskan dengan lebih luas. Ini akan memberikan ruang yang secukupnya kepada manusia untuk menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan lebih berkesan dalam urusan *muamalah* sesama mereka. Kajian yang dijalankan dapat membuktikan bahawa konsep sistem undang-undang jenayah di dalam Islam dapat menjaga kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam urusan pampasan mangsa kecederaan jenayah. Situasi ini akan mampu untuk menyediakan suatu pandangan dan implikasi yang positif kepada masyarakat terhadap kemampuan hukum-hukum *muamalah* Islam sebagai alternatif terbaik untuk dilaksanakan di dalam sistem undang-undang jenayah pada masa kini sama ada di Malaysia khasnya dan dunia amnya.

Skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat khususnya di United Kingdom, Australia, Canada dan Amerika Syarikat telah disimpulkan pada bab ketiga. Sejarah perkembangan pampasan di negara-negara tersebut telah berlangsung dan mengalami beberapa perubahan perundangan yang agak ketara semenjak tahun 1950an lagi. Melalui konsep yang dicadangkan oleh Margaret Fry, negara-negara barat mula melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini. Melalui kempen-kempen yang dijalankan, beliau telah menggesa masyarakat dan pihak berkuasa untuk melaksanakan skim pampasan ini demi kepentingan dan ketenteraman masyarakat amnya dan mangsa jenayah khasnya. Usaha-usaha ini haruslah diberi perhatian yang serius oleh pihak berkuasa kerana merekalah yang bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam demi keamanan sesebuah negara.

Pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di United Kingdom telah berlaku melalui *Criminal Injuries Compensation Scheme* semenjak tahun 1964. Pada masa tersebut, skim ini tidak menjadi sesuatu undang-undang tetap. *Criminal Injuries Compensation Board* akan membuat suatu keputusan berdasarkan kepada asas kesalahan undang-undang melalui mahkamah sivil sedia ada. Namun, skim pampasan ini telah mengalami perubahan dengan mempunyai undang-undang sendiri berdasarkan *Criminal Injuries Compensation Act 1995* yang berkuatkuasa pada 01 April 1996.

Melalui akta ini *Criminal Injuries Compensation Authority* telah diberi kuasa dan tugas untuk melaksanakan pembayaran pampasan kepada pemohon-pemohon berkeelayakan yang menjadi mangsa kecederaan jenayah. Pampasan yang diberikan adalah berdasarkan kepada kadar-kadar tertentu yang telah ditetapkan oleh undang-undang bagi setiap jenis kecederaan. Pada ketika ini terdapat lebih daripada 400 jenis kecederaan dengan meliputi 25 spesifikasi kadar pembayaran pampasan bermula dari £1,000 sehingga £250,000. Namun, berdasarkan keadaan-keadaan tertentu pampasan sebanyak £500,000 boleh dibayar kepada mangsa kecederaan jenayah di United Kingdom.

Pada ketika ini, kesemua negeri dan wilayah di Australia telah menyediakan pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah. Pelaksanaan skim pampasan ini telah diurus dan di bawah kuasa pihak negeri dan wilayah-wilayah terbabit melalui pentadbiran Jabatan Peguam Negara. Skim pampasan kecederaan jenayah pertama yang telah diperbadankan ialah di New South Wales pada tahun 1967. Skim yang asal ini telah memberikan tanggungjawab pembayaran pampasan kepada mangsa jenayah adalah terletak pada pesalah atau pelaku jenayah itu sendiri. Dalam keadaan demikian, mangsa jenayah terpaksa menunggu pembayaran pampasan melalui keputusan mahkamah.

Selepas itu, Queensland telah melaksanakan skim pampasan ini pada tahun 1968, diikuti oleh South Australia pada 1969 dan Western Australia pada 1970. Walau bagaimanapun pada awalnya, skim yang diperkenalkan ini tidak digunakan sepenuhnya oleh mangsa-mangsa jenayah. Sehingga tahun 1972, Victoria telah memperkenalkan pendekatan yang lebih inovatif mengenai akta pampasan mangsa keganasan. Ia telah menubuhkan sebuah Tribunal yang bergerak secara tidak formal tetapi boleh memberikan pampasan kepada mangsa jenayah apabila memenuhi kehendak undang-undang bahawa mangsa telah dcederakan atau telah terbunuh oleh perbuatan jenayah. Sementara itu berpandukan pada dasar, tujuan, struktur dan operasi pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara lain pula kajian telah mengambil pendekatan pelaksanaan di Canada khususnya di British Columbia dan Amerika Syarikat khususnya di California.

Penulisan bab keempat ini adalah mengenai sistem pemerintahan dan undang-undang di Malaysia yang meliputi perlembagaan, struktur pentadbiran kerajaan, sistem kehakiman, perkembangan undang-undang dan *takaful*. Penulisan ini amatlah penting kerana ianya menjadi asas kepada pemahaman pengkajian bagi menjawab persoalan implementasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* di Malaysia.

Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi di Malaysia. Perlembagaan sangat penting sebagai panduan dan arah tuju sesebuah negara bagi memastikan pemerintahan negara diurusadbir dengan saksama dan berkesan. Perlembagaan telah digubal sebagai suatu garis panduan yang akan memberi jaminan perlindungan dan keharmonian kepada seluruh rakyat. Ia akan menjamin keamanan dan ketenteraman awam, kestabilan politik, perpaduan rakyat, kemajuan negara serta memandu kepada sistem pemerintahan yang cekap dan sistematik. Di Malaysia, tiada satu institusipun yang mengatasi Perlembagaan. Yang Di Pertuan Agong dan badan utama kerajaan tertakluk di bawah Perlembagaan. Parlimen mendapat kuasa daripada Perlembagaan tetapi tidak boleh membuat undang-undang yang diluar bidang kuasanya. Mahkamah berkuasa membatalkan sesuatu undang-undang yang diluluskan oleh parlimen namun ianya juga tertakluk pada Perlembagaan. Jika suatu undang-undang yang digubal itu bercanggah dengan Perlembagaan maka undang-undang tersebut akan terbatal setakat mana yang bercanggah.

Perkembangan undang-undang di Malaysia telah mengalami beberapa fasa perubahan yang mencorakan struktur dan pentadbiran undang-undang negara termasuklah undang-undang yang berkaitan jenayah dan kewangan Islam. Sejarah perundangan Malaysia telah melalui tempoh-tempoh peristiwa selama lebih enam ratus tahun. Tiga zaman penting yang telah membentuk sistem perundangan Malaysia pada hari ini iaitu pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka, penjajahan oleh negara-negara barat terutamanya kolonial British yang membawa bersamanya kerajaan berperlembagaan dan sistem "*common law*" serta peristiwa perubahan undang-undang selepas daripada kemerdekaan sehingga kini.

Undang-undang *takaful* dan insuran di Malaysia juga telah mengalami perkembangan yang pesat seiring dengan perubahan ekonomi semasa. Pengkajian telah dijalankan meliputi pengertian *takaful* dan insurans, sejarah *takaful* di dunia Arab dan Islam serta perkembangan di negara-negara barat. Ia memberi gambaran bahawa industri *takaful* telah bergerak maju ke hadapan di Malaysia sejak tahun-tahun 1980-an selaras dengan perkembangan perbankan Islam. Malahan industri *takaful* telah menjadi sektor yang penting dan pelengkap di dalam struktur kewangan dan perbankan Islam. Menyedari akan hal ini kerajaan khususnya Bank Negara Malaysia dan pemain-pemain industri kewangan telah mengambil tindakan yang proaktif di dalam membangunkan industri *takaful* sehingga menjadi pemangkin kepada perkembangan sektor kewangan Islam global.

Pembahasan pada bab kelima pula adalah merupakan kerangka yang penting di dalam penulisan berkaitan dengan implementasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* di Malaysia. Undang-undang pampasan mengenai pembelaan terhadap mangsa jenayah sebenarnya telah wujud di dalam sistem perundangan negara sejak sekian lama lagi. Ia merupakan suatu bentuk pembelaan terhadap mangsa jenayah yang mengalami kecederaan mahupun kerugian dan sejumlah pampasan akan diberikan akibat daripada perbuatan jenayah yang berlaku. Hal ini terkandung di dalam undang-undang pampasan yang dikaji melalui Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) serta Akta Undang-Undang Sivil (1956).

Prinsip-prinsip kesalahan pembunuhan dan kecederaan di bawah undang-undang jenayah ditadbir sepenuhnya oleh Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah sementara di bawah undang-undang sivil kesalahan-kesalahan tersebut ditadbir berdasarkan prinsip-prinsip *common law* dan kaedah-kaedah ekuiti. Bagi hukuman keseksaan di bawah Kanun Keseksaan adalah bersifat menghukum pesalah yang meliputi hukuman bunuh, penjara, sebat dan denda. Sementara undang-undang sivil pula bertujuan memberikan ganti rugi berbentuk wang atau pampasan kepada mangsa atau ahli keluarga.

Kajian yang dilakukan telah memperhalusi persamaan dan perbezaan yang wujud di antara skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di dalam Islam khususnya *qisas*, *diyat* dan *aqilah* dengan pelaksanaan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di negara-negara barat. Ianya bukan sahaja dapat mempertingkatkan kefahaman berkaitan dengan sistem undang-undang kewangan dan jenayah Islam malahan meluaskan pengetahuan terhadap konsep-konsep yang berkaitan. Hal ini adalah amat berguna bagi keperluan dan kepentingan kerajaan Malaysia untuk mengambil tanggungjawab dalam melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui saluran undang-undang yang sedia ada mahupun lain-lain kaedah yang bersesuaian seperti pendekatan teori *viktimologi*.

Di antara lain implementasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini dapat dilaksanakan menerusi dua pilihan sama ada menerusi penubuhan sebuah badan berkanun melalui sistem demokrasi berparlimen ataupun penubuhan sebuah badan rasmi tertentu bagi melaksanakan suatu skim *takaful* khas. Ianya dapat mengambil alih tabung-tabung yang sedia ada seperti Tabung Amanah Perwira & Pertahanan Negara dan Insurans 1Azam atau program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (*KarIsma*). Di samping itu, fungsi, dasar dan peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam turut serta menjaga kebajikan masyarakat awam⁶⁴⁸ termasuklah mangsa-mangsa jenayah haruslah dilibatkan bersama terutamanya peranan unit kaunseling dan lain-lain.

Kajian temubual yang dilakukan bersama pakar-pakar telah memberi pertunjuk bahawa kemampuan sistem kewangan Islam khususnya konsep *takaful* dapat bertindak sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam pelaksanaan skim pampasan tersebut. Hal ini dapatlah dilihat bahawa konsep *takaful* boleh bertindak sebagai suatu pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah mengikut keadaan dan perubahan sosial masyarakat serta kemampuan kerajaan di dalam melaksanakan skim ini. Ia akan mengembangkan lagi kesedaran dan kefahaman masyarakat awam tentang konsep sebenar *takaful* di dalam memberikan keadilan kepada mangsa-mangsa jenayah.

⁶⁴⁸ Utusan Malaysia, 26 Mei 2011, *Kerajaan Peruntukan RM 12 Juta Bagi Manfaat 500,000 Ahli Isi Rumah Miskin : 100,000 KIR Dilindungi Insurans*, Kuala Lumpur, hal. 16. Lihat juga Utusan Malaysia, 25 Ogos 2011, *KarIsma Dapat Peruntukan RM 1.4 Bilion* , Kuala Lumpur, hal. 3.

6.3 Saranan

Pampasan mangsa kecederaan jenayah merupakan suatu skim yang dituntut di dalam Islam bagi menjaga kemaslahatan umat. Negara-negara Islam pula telah ketinggalan di dalam usaha untuk melaksanakan skim ini walaupun ianya terkandung di dalam prinsip undang-undang jenayah dan kewangan Islam. Memandang hal tersebut Malaysia haruslah berani tampil ke hadapan melaksanakan skim pampasan ini. Apatah lagi Malaysia telah memiliki dasar di dalam pelaksanaan undang-undang kewangan dan perbankan Islam khususnya sektor *takaful*. Industri ini juga bukan sahaja digunapakai oleh orang Islam malahan masyarakat bukan Islam juga turut menerima dan menikmati keuntungannya. Situasi ini telah membantu melonjakan peranan dan impian Malaysia untuk menjadi pelopor dan pusat kewangan Islam serantau dan antarabangsa.

Proses dan tindakan untuk mengimplementasikan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful* berdasarkan konsep *diyat* adalah sesuatu yang praktikal dan tidak mustahil untuk dilaksanakan. Pelaksanaannya adalah dilihat tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan mana-mana polisi perundangan negara yang berjalan pada ketika ini. Ia hanya memerlukan pengubahsuaian beberapa akta-akta tertentu bagi melengkapkan proses tersebut. Ini memandangkan konsep *diyat* adalah terpakai kepada semua warganegara sama ada yang beragama Islam ataupun sebaliknya.

Sementara itu, institusi *aqilah* boleh diwujudkan menerusi sistem *takaful* yang sedang dijalankan pada masa ini. Kerajaan boleh mengambil inisiatif dengan mewajibkan setiap warganegara mengambil polisi *takaful*. Penguatkuasaan keatasnya boleh dijalankan dengan menambah dan mengubahsui peruntukan tersebut sama ada ke dalam Kanun Keseksaan, Kanun Prosedur Jenayah mahupun Akta Undang-Undang Sivil 1956. Hal ini amat diperlukan supaya dalam proses pelaksanaannya nanti ia dapat dilihat tidak memihak dan berat sebelah kepada mana-mana pihak. Situasi dan keadaan ini pastinya akan memberi keadilan bukan sahaja kepada pelaku jenayah namun kebajikan kepada mangsa jenayah juga akan dapat dipelihara dan dibela dengan sepenuhnya.

Oleh itu, peranan pihak kerajaan amatlah penting di dalam mengambil peranan dan tanggungjawab dalam melaksanakan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah melalui *takaful*. Perancangan yang berterusan dan tersusun haruslah dirangka bersama-sama oleh kerajaan melalui agensi-agensi yang berkenaan supaya di dalam pelaksanaannya tidak bertindih di antara satu dengan yang lain. Perancangan ini haruslah meliputi sama ada perancangan jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.

Melalui perancangan jangka masa pendek, pihak kerajaan boleh menggunakan dan mengubahsuai saluran undang-undang yang sedia ada supaya bersesuaian seperti mana pendekatan *viktimologi* demi kebaikan dan keadilan kepada setiap warganegara. Contohnya Seksyen 426, Kanun Prosedur Jenayah haruslah diperkemaskan lagi agar memberikan ruang penguatkuasaan dan implikasi kewangan yang lebih besar kepada mangsa jenayah. Undang-undang sedia ada masih longgar dan wujud kekurangannya sehingga mangsa jenayah tidak mempunyai banyak pilihan untuk menuntut keadilan di mahkamah pada masa kini. Mangsa jenayah terpaksa melalui proses perundangan yang membebankan apatah lagi sekiranya mereka daripada kalangan masyarakat yang berpendapatan dan berpendidikan yang rendah. Keadaan ini akan diburukan lagi apabila pelaku jenayah juga daripada kalangan mereka yang tidak mempunyai harta kekayaan dan pendapatan yang tetap sebagaimana kes Rosli Mohd Saad dan lain-lain.

Implimentasi skim pampasan mangsa jenayah ini melalui *takaful* adalah pendekatan yang terbaik yang harus dilaksanakan segera oleh kerajaan daripada tindakan bersifat *ad hoc* semata-mata. Ia dapat menyegerakan pelaksanaan skim ini dengan kaedah pengurusan yang tertatur dan efisien bagi mencapai matlamat menyegerakan bantuan kepada mangsa kecederaan jenayah. Kerangka asas implementasi skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini telahpun tersedia ada. Seharusnya pihak yang berwenang dapat mengambil peranan masing-masing di dalam menangani kes-kes jenayah yang tiada penghujungnya. Melalui Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara beserta penglibatan agensi-agensi yang terbabit, proses ini boleh dikembangkan sehingga dapat diadakan dan melengkapkan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah di Malaysia.

Sementara itu, perancangan masa panjang pula haruslah diteliti dan dibuat penyelidikan-penyelidikan yang perlu dijalankan secara lebih terperinci dan praktikal melalui proses perundangan yang ada. Ianya perlu dijalankan bagi memperbaiki kaedah pelaksanaan dan menggerakkan usaha-usaha awal untuk menubuhkan sebuah badan berkanun pada masa akan datang. Kerajaan juga bolehlah mewujudkan suatu akta yang tersendiri bagi mengawal dan mengendalikan skim pampasan mangsa kecederaan jenayah ini seperti Criminal Injuries Compensation Authority di United Kingdom.

Pada ketika itu, kerajaan boleh mencadangkan di parlimen supaya pembayaran pampasan kepada mangsa kecederaan jenayah diperbanyak, ditambah dan diambil daripada cukai-cukai tertentu atau daripada harta-harta rampasan jenayah dan sebagainya. Perlindungan dan manfaat yang dicadangkan mengikut kaedah *takaful* ini adalah merupakan manfaat awalan pelaksanaan. Ia merupakan manfaat asas yang mencukupi bagi pelaksanaan ini segera dilakukan. Kajian yang berterusan berasaskan pengalaman daripada skim *takaful* ini akan memungkinkan manfaat dan perlindungan dapat dikembangkan agar ia lebih komprehensif dan menepati semua keperluan pada masa hadapan.

Justeru itu, Malaysia seharusnya bersama-sama masyarakat antarabangsa melaksanakan Deklarasi 40 / 34, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak sekian lama lagi untuk melindungi mangsa kecederaan jenayah. Semangat *wira* yang ditunjukkan oleh setiap warganegara yang tercedera atau terkorban semasa membantu membentaras jenayah tidaklah harus dipersia-siakan sahaja. Mereka tidak seharusnya dibiarkan keseorangan. Kesungguhan dan keberanian mereka haruslah dibela sepenuhnya. Pampasan yang sewajarnya harus diberikan sebagai penghargaan di atas pengorbanan yang ditunjukkan oleh mereka untuk turut sama-sama menjaga keamanan dan keselamatan negara.

BIBLIOGRAFI

RUJUKANDALAM BAHASA MELAYU

- Ab Mumin Ab Ghani, (1999), *Sistem Kewangan Islam & Perlaksanaannya Di Malaysia*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur.
- Abd Jalil Borhan, (2002), *Pengantar Perundangan Islam*, Penerbit UTM, Skudai, Johor.
- Abdul Aziz Bari, (2008), *Perlembagaan Nalaysia, Asas-Asas dan Masalah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Hussin, (2010), *Panduan Umum Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Sidek, (2004), *Persidangan Meja Bulat : Peranan Masyarakat Membasmi Jenayah Ragut*, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.
- Abdullah @ Alwi Haji Hassan, (2008), *Akta Takaful 1984 : Satu Analisis, Sistem Takaful Di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Nasih Ulwan, (1989), *Pengenalan Syariah Islamiyyah : Fiqh dan Sumber-sumbernya*, Pustaka Salam, Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali, (1996), *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu 1942-1945*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdullah Zakaria Ghazali, (1997), *Pasir Salak : Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Yayasan Perak, Ipoh.
- Abdullah Zakaria Ghazali, (2004), *Campur Tangan British Dan Perubahan Struktur Pemerintahan Melayu Sebelum Merdeka*, IKIM, Kuala Lumpur.
- Abu Bakar Abdullah, (1986), *Ke Arah Perlaksanaan Undang-Undang Islam Di Malaysia : Masalah dan Penyelesaiannya*, Pustaka Damai, Kuala Terengganu.
- Afzalur Rahman, (1995), *Doktrin Ekonomi Islam*, (terj.) PT Dana Bhakti Wakaf, Yogyakarta, Indonesia.
- Ahmad Hidayat Buang, (1996), *Takaful : Akad Insurans atau Mudarabah ?*, Jurnal Syariah, 4 (1), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim, (1985), *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Ahmad Ibrahim, (1987), *Ke Arah Penyelarasan Undang-undang Islam di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim, (1997), *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim, (2009), *Mendekati Sejarah Undang-Undang Di Malaysia dan Singapura*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, (1986), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Badan Kehakiman Malaysia, (2007), *Laporan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Atasan dan Rendah Malaysia 2006/2007*, Putrajaya.
- Bank Islam Malaysia Berhad, (2009), *Laporan Tahunan 2008/2009*, BIMB, Kuala Lumpur.
- Bank Islam Malaysia Berhad, (1983), *Laporan Tahunan 1992*, BIMB, Kuala Lumpur.
- Bank Islam Malaysia Berhad, (1984), *Bank Islam, Penubuhan dan Operasi*, BIMB, Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia, (2004), *Laporan Bank Negara Malaysia 2003*, BNM, Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia, (2006), *Buletin Tahunan : Ucaptama Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz pada Dialog Pengawalselia MIFC dengan Industri Kewangan pada 01 November 2006*, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia, (2006), *Perniagaan Takaful Am Di Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia, (2010), *Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2009*, Kuala Lumpur.
- Fadillah Mansor dan Azman Ismail, (2006), *Konsep Takaful dan Amalannya Di Malaysia : Dinamisme Kewangan Islam Di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fadillah Mansor & Nor ‘Azzah Kamri, (2006), *Dinamisme Kewangan Islam Di Malaysia*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur.
- Farid Sufian Shuaib, (2007), *Memperkasakan Sistem Perundangan Malaysia : Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Financial Mediation Bureau, (t.t), *Saluran Bagi Mendapatkan Pembelaan*, FMB, Kuala Lumpur.
- Hailani Muji Tahir, (1991), *Sistem Ekonomi Islam dan Dasar Belanjawan*, al-Rahmaniah, Selangor.
- Hamka, (1965), *Sejarah Umat Islam*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur.
- Hashim Yeop Sani, (1983), *Perlembagaan Kita*, Malaysian Law Publ., Kuala Lumpur.
- Islamic Banking and Finance Institute Malaysia, (2007), *Buku Panduan Asas Takaful*, IBFIM, Kuala Lumpur.
- Jomo K.S., (1996), *Alternatif Ekonomi Islam*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Joni Tomkin Borhan, (2008), *Sistem Takaful Di Malaysia : Prinsip Syariah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kementerian Kewangan Malaysia, (2010), *Laporan Ekonomi 2010/2011*, Putrajaya.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, (2010), *Perangkaan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat*, Putrajaya.
- Khairi Ariffin, (2009), *Dasar Kolonial British Terhadap Pendidikan Melayu di Tanah Melayu 1900 – 1957*, Tesis PhD Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khairul Azmin Mokhtar, (2007), *Badan Perundangan Sebelum dan Selepas Merdeka : Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kuat Ismanto, (2009), *Asuransi Syaria'ah : Tinjauan Asas-asas Hukum Islam*, Pustaka Pelajar, Yogyakarta, Indonesia.
- Mahfodz Mohamed, (1983), *Undang-Undang Jenayah Islam Mengenai Jenayah Qisas & Bunuh*, Dewan Pustaka Fajar, Kuala Lumpur.
- Mahmood Nazar Mohamad, (1992), *Pengantar Psikologi : Satu Pengenalan Asas Kepada Tingkah Laku Manusia*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid, (1995), *Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia :Jurnal Syariah*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid, (1997), *Pengantar Undang-Undang Islam Di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Mahmud Saedon A. Othman, (2003), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang Dan Kehakiman Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mat Saad Abd Rahman,(1989), *Undang-Undang Jenayah Islam – Jenayah Qisas*, al-Rahmaniah, Petaling Jaya, Selangor.
- Mohd Fadzli Yusof, (1996), *Takaful : Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mohd Fadzli Yusof, (2006), *Mengenali Takaful*, IBS Buku Sdn Bhd, Petaling Jaya.
- Mohd Isa Othman, (1992), *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu 1942-1945*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Isa Othman, (2001), *Pengalaman Kedah & Perlis Zaman Penjajahan British*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Mohd Majid Konting, (1994), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd Radzi Abdul Hamid, (2009), *Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu dan Borneo*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohamad Sharif Abu Samah & Asidah Mohd Ali, (2008), *Amalan Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, International Law Books Services, Kuala Lumpur.
- Mohammad Muslehuddin, (1969), *Insurans dan Hukum Islam (Insurance and Law)*, Diterjemahkan oleh Izuddin Hj. Mohamed & Abdul Rahman Rukaini, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohammad Yusoff Hashim, (1986), *Seminar Sejarah Melaka : Undang-Undang Pada Masa Kesultanan Melaka 1400-1511*, Kerajaan Melaka.
- Mohammad Yusoff Hashim,(1989), *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohammad Yusuf Hashim, (1992), *The Malay Sultanate*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhamad Husain Haekal, (1994), *Sejarah Hidup Muhammad*, Litera Antar Nusa, Jakarta.
- Muhamad Salim al-Awwa, (t.t),*Hukuman Dalam Undang-Undang Islam : Satu Kajian Perbandingan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Muhammad Kamil Awang, (1998), *The Sultan & The Constitution*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi, (1998), *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, (terj.) Md Sharit Baharuddin dan Akidah Abu Hassan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mustafa Dakian, (2005), *Sistem Kewangan Islam : Instrumen, Mekanisme dan Perlaksanaannya di Malaysia*, Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho, Ali as-Syarbaji, (2005), *Kitab Fiqh Imam Shafi'i*, Prospecta Printers, Kuala Lumpur.
- Nik Anuar Nik Mahmud, (1994), *Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam 1907-1912*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Noor Aziah Mohd Awal, (2003), *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*, ILBS, Petaling Jaya.
- Noor Inayah Yaakub, (2007), *Perkembangan Undang-Undang Perbankan Islam Sejak Merdeka : Persidangan Undang-undang Tuanku Ja'afar 2007*, UKM, Bangi.
- Nor Asiah Mohamad, (2007), *Sistem Perundangan Malaysia : Perkembangan Penggunaan Prinsip Ekuiti*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Norbani Mohamed Nazeri & Jal Zabdi Mohd Yusoff, (2007), *Perkembangan Kanun Keseksaan Di Malaysia : Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nurhidayah Hashim, (2006), *Perceraian Secara Fasakh di Malaysia*, UPENA, Selangor.
- Paizah Ismail, (1991), *Undang-Undang Jenayah Islam*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saad Shukri Hj Muda, (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bahru, Kelantan.
- Salleh Abas, (1984), *Sejarah Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Salleh Abas, (1997), *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Salleh Abas, (2006), *Prinsip Perlembagaan Dan Pemerintahan Di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Shamsul Amri Baharuddin, (2007), *Modul Hubungan Etnik*, UiTM Shah Alam.
- Shellabear, W.G., (1896), *Sejarah Melayu*, Publishing House Limited, Singapore.
- Simon C Smith, (1995), *British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan Independence 1930 – 1957*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Siti Zaharah & Datin Nor Aini, (2010), *Undang-Undang Jenayah Di Malaysia*, MDC Publishers, Petaling Jaya.
- Sobri Salamon, (1989), *Ekonomi Islam, Pengenalan Sistem & Kemungkinan*, Ar-Rahmaniah, Badan Dakwah & Kebajikan Islam Malaysia, Selangor.
- Sudin Haron, (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Berita Publishing, Kuala Lumpur.
- Syed Naquib al-Attas, (1972), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur.
- Syed Othman al-Habshi, (1989), *Islam, Ekonomi dan Pengurusan*, Hizbi, Shah Alam, Selangor.
- The Palace Of Justice, (2005), *Laporan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Atasan dan Rendah Di Malaysia 2004/2005*, Putrajaya.
- The Palace Of Justice, (2004), *Inaugural Report of the Superior and Subordinate Courts in Malaysia*, Putrajaya.
- Wan Junaidi Tuanku Jaafar, (2010), *Evolusi Parlimen Dan Evolusi Speaker Parlimen Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin Abdul Wahid, (1983), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhd Hashim, (2008), *Isu-Isu Syariah Di Malaysia*, Siri 1, UiTM Shah Alam, Selangor.
- Zainal Azam Abdul Rahman, (2003), *Pendakwaan Dan Penyiasatan Konsep Dan Amalan : Konsep Pampasan Di Dalam Undang-Undang Jenayah Islam dan Prospek Perlaksanaannya Di Malaysia*, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Zeti Akhtar Aziz, (2006), *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa melancarkan The Internasional Centre for Education in Islamic Finance*, Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Zeti Akhtar Aziz, (2006), *Ucapan Gabenor Bank Negara Malaysia semasa “The Second International Conference on Islamic Banking: Risk Management, Regulation and Supervision- Building a Robust Islamic Financial System”* di LeMeridien Hotel, Kuala Lumpur.

Zulkifli Hasan, (2007), *Perlaksanaan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia : The Development of Economics and Muamalat Practices*, USIM, Negeri Sembilan.

RUJUKAN DALAM BAHASA INGGERIS

A Ashworth, (1993), *Victim Impact Statements and Sentencing*, Criminal Law Review.

Abdul Halim Ismail, (1983), *Bank Islam Malaysia Berhad : Structure and Functions : Seminar on Current Trends & Development of the Banking Industry in Malaysia*, Public Bank Berhad, Kuala Lumpur.

Abdul Qadir Audah, (1999), *Criminal Law of Islam*, Terj. S. Zakir Aijaz, New Delhi.

Ahmad Ibrahim,(1975), *Islamic Law in Malaya*, Malaysian Sociological Research Institute Ltd., Kuala Lumpur.

Ahmad Ibrahim, (t.t), *Legal Framework Of Islamic Banking in Malaysia*, vol.1 (1), IKIM, Kuala Lumpur.

Albert Lau, (1991), *The Malayan Union Controversy 1942 – 1948*, Oxford University Press, Singapore.

Anwar A.Qadri, (1981), *Islamic Jurisprudence in the Modern World*, Ashraf Printing, Lahore.

Anwarullah, (1997), *The Criminal Law Of Islam*, A.S. Nordeen, Kuala Lumpur.

Attorney General’s Department, (2007), *Auditor - General Report to Parliament 2007 Volume Five*, New South Wales Government.

Attorney General’s Department, (2009), *Victim Support and Rehabilitation Act 1996*, New South Wales Government.

Azizan Abdul Razak, (1985), *The Law in Malacca Before and After Islam*, Muzium Negara, Kuala Lumpur.

- Bank Muamalat Malaysia Berhad, (t.t), *A Quick Guide on Bank Muamalat Products and Services*, BMMB, Kuala Lumpur.
- Brian, E. Colles, (1969), *Persian Merchants & Missionaries in Medieval Malaya*, JMBRAS.
- British Columbia, (2006), *Information for Victims of Crime*, Ministry of Public Safety and Solicitor General.
- Canadian Resource Centre for Victims of Crime, (2006), *Research – Criminal Injury Compensation*, Canadian Resource Centre for Victims of Crime, Ottawa.
- Canadian Resource Centre for Victims of Crime, (2006), *Victims' Right in Canada*, Canadian Resource Centre for Victims of Crime, Ottawa.
- Carl A. Trocki, (1979), *Princes of Pirates : The Temenggong and The Development of Johor and Singapore 1784 – 1885*, Singapore University Press, Singapore.
- Carol Stone, (2007), *The Response to Victim of Major Incidents : A review of the Criminal Injuries Compensation Authority's response to the applicants after the 7 July 2005 London bombings, and recommendations for future major incident planning*, CICA, Glasgow.
- Centre for International Crime Prevention, (1999), *Guide for Policymakers on the Implementation of the United Nations Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, United Nations Declaration pada 29 November 1985, UN Office for Drug Control and Crime Prevention, New York.
- Centre for International Crime Prevention, (1999), *Handbook on Justice for Victims on the Use and Application of the United Nation Declaration of Basic Principles of Justice for Victims of Crime and Abuse Power*, UN Office for Drug Control and Crime Prevention, New York.
- Cook, B, David, F & Grant, A, (1999), *Victims' Need, Victims' Right : Policies and Programs for Victim of Crime in Australia*, Australia Institute of Criminology, Canberra.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *An Award : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *Appendix 1 - Claiming for a personal injury : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *Appendix 2 - Claiming after a period of abuse : Criminal Injuries Compensation Scheme (2008)*, Glasgow.

- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *Appendix 3 – Fatal Injuries : Criminal Injuries Compensation Scheme* (2008), Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *Appendix 4 – Loss of Earning And Special Expenses : Criminal Injuries Compensation Scheme* (2008), Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *Applying For Compensation : Criminal Injuries Compensation Scheme* (2008), Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *The Criminal Injuries Compensation Scheme* (2008), Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *Payment of Awards : Criminal Injuries Compensation Scheme* (2008), Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2008), *Review and Appeals : Criminal Injuries Compensation Scheme* (2008), Glasgow.
- Criminal Injuries Compensation Authority, (2009), *Annual Report And Accounts 2008-09*, The Stationery Office, London.
- David Blunkett, (2004), *Compensation and Support for Victims of Crime*, Home Office, Criminal Justice System, United Kingdom.
- David Beatty etc, (1999), *New Directions from the Field : Victims Rights and Services for the 21st Century*, US Department of Justice, New York.
- David C. Buxbaum, (1964), *Family Law and Customary Law in Asia*, Singapore.
- Eunice Thio, (1969), *British Policy in the Malay Peninsula 1880 – 1910*, University of Malaya Press, Singapore.
- Forer, L.G., (1980), *Criminal And Victims : A Trial Judge Reflects On Crime And Punishment*, Newton, New York.
- Gaur, K.D., (1999), *Criminal Law : Cases And Materials*, Butterworths, India.
- Geoffrey Sawer, (1965), *Law of Society*, OUP.
- G.F. Nelson, (1992), *Compensation Under Malaysia Criminal Law and The Principles of Diyat in Shariah Law - A Case Note*, CLJ Legal Network Sdn Bhd.
- Hamid Jusoh, (1991), *The Position of Islamic Law in the Malaysian Constitution with Special Reference to the Conversion Case in Family Law*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Haldane, J. & Harvey, A., (1993), *The Philosophy of Compensation*, In Report of an Independent Working Party, Compensating Victims, AppendixA, Victim Support, UK.
- Harding, J., (1982), *Victims and Offenders*, Bedford Square Press, London.
- Hashim Mehat, (1986), *Islamic Criminal Law And Criminal Behaviour*, ABIM, Kuala Lumpur.
- Ian Freckelton,(2003), *Compensation for Victims of Crime*, XIth International Symposium on Victimology, South Africa.
- Izawati Wook, (2010), *Compensation Order Provision By Criminal Courts In Malaysia And The United Kingdom*, *Malayan Law Journal*, (2010) 2 MLJ.
- J.Barron Mays, (1967), *Crime and the Social Structure*, Faber & Fab Ltd, London.
- Jagjit Singh Sidhu, (1980), *Administration in The Federated Malay States 1896 – 1920*, Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari, (2003), *The Principle of al-Takaful (Collective Responsibility) in Islam and Its Practice in the Operations of Syarikat Takaful Malaysia Berhad*, Bil. 17 :Julai 2003, *Jurnal Usuluddin*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Karmen, A., (1996), *Crime Victims : An Introduction To Victimology*, Wadsworth, Belmont, California.
- Kirchhoff, G., (1994), *Victimology : History and Basic Concept*, International Debate of Victimology, Monchengladbach, WSVN.
- Liaquat Ali Khan Niazi,(t.t),*Islamic Law of Tort*, Research Cell Dayal Singh Trust Library, Lahore.
- Liaw Yock Fang, (t.t),*Malacca Law*, Martinus Nihoff, The Hague.
- M. Umer Chapra, (1992), *Islam and the Economic Challenge*, The International Institute of Islamic Thought (IIIT), Herndon, USA.
- M.B Hooker, (1970), *Reading in Malay Adat Laws*, University Malaya Press, Kuala Lumpur.
- M.B Hooker, (1976), *The Personal Laws Of Malaysia*, Oxford University Press, Petaling Jaya, Selangor.

- M.B Hooker, (1984), *Islamic Law in South East Asia*, Oxford University Press, Petaling Jaya, Selangor.
- Majul, C.A. (1962), *Theories on the Introduction and Expansion of Islam in Malaysia*, International Association of Historian of Asia, Taiwan.
- Masudul Hassan, (1995), *History of Islam*, Adam Publishers, India.
- Michael O'Connell, (2003), *Criminal Injuries Compensation – Revisiting the Rationale for State Funded Compensation for Crime Victims*, A National Conference, Canberra, 23 – 24 Jun, 2003, University House, ANU, Australia.
- Miers, D., (1980), *Victim Compensation as a Labelling Process*, *Victimology : An International Journal*, London.
- Miers, D., (1990), *Compensation for Criminal Injuries*, Butterworths, London.
- Miers, D., (1997), *State Compensation for Criminal Injuries*, Blackstone Press, London.
- Miers, D., (2003), *Responses to Victimization : A Comparative Study of Compensation for Criminal Violence in Great Britain and Ontario*, Professional Books, Oxford.
- Mike Magiure and John Pointing, (1988), *Victims of Crime*, A New Deal, Open University Press.
- Mohamad Jajuli A. Rahman, (1995), *The Malay Law Text*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohamad Hashim Kamali, (1998), *Principles of Islamic Jurisprudence*, Ilmiah Publishers Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Mohammad Yusoff Hashim, (1982), *Legal Position of Traditional Malay Sultanate : A Comparative Study of Legal Codes of the Sultanate of Malacca, Johore, Perak and Kedah Prior to 1990 : International Colloquium on Malay Sultanate*, UNESCO, Kuala Lumpur.
- Mohd Ma'sum Billah, (2003), *Islamic and Modern Insurance*, Ilmiah Publisher, Selangor.
- Molly Cheang, (1990), *Criminal Law of Malaysia & Singapore*, Profesional Law Books Publisher, Petaling Jaya.
- Mouly, G.J., (t.t.), *The Science of Educational Research*, D.Van Nostrand, New York.
- Norchaya Talib, (1997), *Tort In Malaysia*, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur.

- Office For Victims Of Crime, (1999), *International Crime Victim Compensation Programs Directory 1998 – 1999*, US Department of Justice, Washington
- Office For Victims Of Crime, (2008), *Directory of International : Crime Victim Compensation Programs 2004 – 2005*, US Department of Justice, Washington.
- Paterson, H.S., (1924), *An Early Malay Inscription from Trengganu*, JMBRAS.
- PJ Fitzgerald, (1962), *Criminal Law And Punishment*, The Clarendon Press, London.
- R Elias, (1986), *The Politics of Victimization : Victims, Victimology and Human Rights*, Oxford University Press, New York.
- Ratanlal & Dhirajlal's, (1998), *Law of Crimes*, Bharat Law House, India.
- Reid-Howie Associates, (2006), *Provision of Support to Victims and Witnesses of Crime in Scotland*, Crime and Criminal Justice Research Program, United Kingdom.
- Reynold Nicholson, (1987), *The History of Arabic Culture*, Oxford University Press, Oxford.
- RJ Wilkinson, (1922), *Papers on Malay Subject, Law Part I*, Kuala Lumpur.
- Rowena Johns, (2002), *Victim of Crime : Plea Bargains, Compensation, Victim Impact Statement and Support Services*, Briefing Paper No. 10/02, NSW Parliamentary Library.
- Rupert Cross, (1975), *The English Sentencing System*, 2nd Edition, Butterworth, London.
- Sayed Sikandar Shah Haneef, (2000), *Homicide In Islam Legal Structure and The Evidence Requirements*, AS Noordeen, Kuala Lumpur.
- Schafer, S, (1968), *The Victim and His Criminal*, A Study in Functional Responsibility, Random House.
- Schmutz, J.F., (1971), *Compensation for the Criminally injured revisited : An Emphasis on the victim ?* Notre Dame Lawyer.
- Shapland, J., Willmore, J & Duff, P., (1985), *Victims in the Criminal Justice System*, Gower, Aldershot, United Kingdom.
- State Library of New South Wales, (2008), *Domestic Violence*, Hot Topics : Legal Issues in Plain Language, Legal Information Access Centre.
- Smith & Hogan, (1996), *Criminal Law*, 8thed, Butterworths.

- Steven Hope, (2006), *Scottish Crime and Victimisation Survey 2004 – Calibration Exercise*, Crime and Criminal Justice Research Program, United Kingdom.
- Syed Ahmad al-Sagoff, (2006), *al-Diyat As Compensation For Homicide And Wounding in Malaysia*, International Islamic University, Kuala Lumpur.
- Syed Muhammad Naquid al-Attas, (1966), *Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Talina Drabsch, (2005), *No Fault Compensation*, Briefing Paper No. 6/05, NSW Parliamentary Library.
- The Shopfront Youth Legal Centre, (2007), *Victims Compensation*, Darlinghurst, NSW.
- Victim Compensation and Government Claims Board, (2008), *Annual Report Fiscal Year 2007 – 2008*, Sacramento, California.
- Victim Compensation and Government Claims Board, (2009), *Crime Hurts Everybody - We Can Help*, Sacramento, California.
- Victim Compensation and Government Claims Board, (2010), *Statutes & Regulation – California Victim Compensation Program 2010 Edition*, Sacramento, California.
- Wade, J., (1996), *Using Technology to Provide Best Effective Access to Justice*, Victorians Bar News.
- Walklate, S., (1989), *Victimology : The Victim And The Criminal Justice Process*, Unwin Hyman, London.
- Walter C. Reckless, (1973), *The Crime Problem*, Prentice Hall, Inc. New Jersey.
- Winstedt, R.O. & Josselin de Jong, (1956), *The Maritime Laws of Malacca*, JMBRAS.
- Wolfgang, Savitz & Johnson, (1970), *The Sociology of Crime and Deliquent*, John Wiley Inc.
- Wu Min Aun, (2005), *The Malaysian Legal System*, Pearson Malaysia, Petaling Jaya.
- Zvonimir Paul Separovic, (1985), *Victimology : Studies of Victims*, Zagreb Samobor, Yugoslavia.

RUJUKAN DALAM BAHASA ARAB

- Al-Bahnasi, (1989), *al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Shuruq, Kaherah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, (1937), *al-Mustashfa mim Ilmi al-Usul*, Maktabah al-Tijariyah, Kaherah.
- Al-Ghazali, (1979), *Kitab al-Wajiz fi Fiqh Mazhab Imam al-Shafi'i*, Dar Makrifah, Beirut.
- Al-Jaziri, (t.t), *Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arba'ah*, Dar al-Irshad, Kaherah.
- Al-Kasani, Aladin Abi Bakr bin Mas'ud, (1982), *Kitab Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Sharai'*, Dar al-Kitab Arabi, Beirut.
- Al-Khawarizmi, Abu Abdullah ibn Ahmad ibn Yusuf al-Khatib, (t.t.), *Mafatih al-Ulum*, Matba'ah al-Sharq, Misr.
- Al-Marghiani, (t.t), *al-Hidayah fi Sharh Bidayah al-Mubtadi*, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut .
- Al-Mawardi, (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyah wa Wilayat al-Diniyyah*, Dar Ibn Qutaibah, Kuwait.
- Al-Nawawi, (1995), *Kitab al-Majmu'*, Dar Ihya al-Turath al-Arabi, Jeddah.
- Al-Nawawi, (1996), *al-Majmu'*, Disusun Dr Mahmud al-Matraji, Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Qurtubi, (t.t), *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, Dar al-Makrifah, Beirut.
- Al-Ramli, (1992), *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*, Dar Ihya al-Turath, Beirut.
- Al-Sarakhsi, (1986), *al-Mabsut*, Dar al-Makrifah, Beirut.
- Al-Shafi'i, (1993), *al-Umm*, Dar al-Khutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Al-Sharbani, (1989), *Fiqh al-Manhaji*, Dar al-Ulum al-Insaniah, Damsyik.
- Al-Shaukani, (1979), *Nailul Authar*, Maktabah Dhar al-Thurat, Kaherah.
- Al-Shaybani, (1983), *Kitab al-Hujjah ala Ahl al-Madinah*, Alam al-Kutub, Beirut.
- Al-Shirazi, (t.t), *al-Muhadhdhab*, Isa al-Halabi, Kaherah.
- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad, (1988), *al-Fil al-Dar Wa al-Daman*, Dar al-Qalam, Damsyik.

- Al-Zarqa, Mustafa Ahmad, (1994), *Nizam al-Ta'min*, Muassasah al-Risalah, Beirut.
- Abdul Qadir Audah, (1968), *Tasyri al-Jinaai al-Islami*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut.
- Abdul Wahab Muhammad Mustafa, (2002), *al-Nazariyah al-Ammah lil Iltizam al-Daulah*, Dar al-Fikr, Kaherah.
- Abu al-Barakat Sayyidi Ahmad al-Dardir, (t.t.), *al-Sharh al-Kabir*, Kaherah.
- Abu al-Muati Hafiz Abu al-Futuh, (1976), *al-Nizam al-Iqab al-Islam Dirasat al-Muqaranah*, Muassasah Dar al-Ta'awun.
- Abu Bakar Ahmad ibn al-Husain al-Baihaqi, (1994), *Sunan al-Kubra*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Abu Daud Sulayman, (1974), *Sunan Abi Dawud*, Dar Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah, Kaherah.
- Abu Zayd Shalabi, (1986), *Tarikh al-Hadarah al-Islamiyyah wa al-Fikr al-Islami*, Maktabah Wahbah, Kaherah.
- Ahmad al-Husari, (1973), *al-Qisas, al-Diyat, al-Isiyan al-Musallih fi al-Fiqh al-Islami*, Maktabah al-Kuliyyah Al-Azhariyah, al-Azahar, Kaherah.
- Ahmad Fathi Bahnasi, (1967), *al-Diyah fi al-Shariah al-Islamiah*, Maktabah al-Anjalu al-Misriah.
- Ahmad Ibn Ali al-Jassas, (t.t.), *Kitab Ahlam al-Quran*, Dar Ihya al-Turath, Beirut.
- Ahmad Raisuni, (1995), *Nazariyyah al-Maqasid Inda Imam al-Syatibi*, Ma'had al-Alami al-Fikri al-Islami, Virginia, USA.
- Hasan Ibrahim Hasan, (1991), *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa Ijtimai'*, Dar al-Jai, Beirut.
- Hilal Farghali Hilal, (1990), *al-Nizam al-Islami*, Dar al-Nashr, Riyadh.
- Ibn Abidin, (1979), *Hashiyah Rad al-Mukhtar*, Dar al-Fikr, Beirut.
- Ibn Abidin, (1994), *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar*, Dar al-Ilmiyyah, Beirut.
- Ibn Humam, (1970), *Syarh Fath al-Kadir*, Maktabah wa Matba'ah Mustafa, Mesir.
- Ibn Khaldun, (t.t.), *Muqaddimah ibn Khaldun*, Dar Nahdah, Kaherah.
- Ibn Qudamah, (1983), *al-Mughni wa al-Sharh al-Kabir*, Dar al-Kitab al-Arab, Beirut.

- Ibn Qudamah, (1984), *al-Mughni*, Dar al-Hadith, Kaherah.
- Imam Malik bin Anas, (1985), *Kitab al-Muwatta*, Dar al-Afaq al-Jadidah, Beirut.
- Jawwad Ali, (t.t), *Tarikh al-Arab Qabl al-Islam*, Maktabah al-Majma al-Ilmi, Iraq.
- Mahmassani, S. (1961), *Falsafat al-Tashri fi al-Islam*, Beirut.
- Muhamad Rida, (1983), *al-Faruq Umar bin al-Khattab Yhani al-Khulafa al-Rashidin*, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut.
- Muhammad Ahmad Siraj, (t.t), *Daman al-Udwan fi al-Fiqh al-Islami*, Muassisat al-Jamiat al-Azhar, Kaherah.
- Muhammad al-Sharbini al-Khatib, (1985), *Mughni al-Muhtaj*, Maktabah wa Matba'ah Mustafa, Kaherah.
- Muhammad Fawzi Faydullah, (1986), *Nazariyat al-Daman fi al-Fiqh al-Islami*, Maktabah Dar al-Shuruq, Kuwait.
- Muhammad Rawwas Qal'aji, (1988), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*, Dar al-Nafis, Beirut.
- Muhammad Rawwas Qal'aji & Hamid Sadiq Qunaybi, (1988), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*, Dar al-Nafais, Beirut.
- Muhammad Sahlat al-Jundi, (1990), *Daman al-Aqd aw al-Masulliyah al-Aqdiyyah fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Dar al-Nahdah al-Arabiyah, Kaherah.
- Muhammad Salam Madkur, (t.t), *al-Qada fi al-Islam*, Dar al-Nahdah, Mesir.
- Nazih Hammad, (1981), *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyah*, IIIT, Virginia.
- Sayyid Sabiq, (1983), *Fiqh Sunnah*, Dar al-Fikr, Beirut.
- Sheikh Khalil Ma'mun Shiha, (t.t), *Sunan Ibn Majah*, Kitab Diyat, Beirut.
- Umayrah, Shahab al-Din Ahmad al-Barlisi, (1965), *Hashiyah*, Mustafa al-Halabi, Kaherah.
- Wahbah Az-Zuhaili, (1996), *Fiqh Islam Wa Adillatuhu*, Darul al-Fikr, Beirut.
- Wahbah al-Zuhaili, (1996), *Nazariyyah al-Daman*, Dhar al-Fikr, Damsyik.
- Zayn al-Din Ibn Ibrahim, (1986), *al-Ashbah wa al-Nazair*, Dar al-Fikr, Damsyiq.

RUJUKAN MELALUI INTERNET& AKHBAR

www.bnm.gov.my/microsites/financial/0201_fi_list.htm

www.boc.ca.gov/restitution/default.aspx

www.cicap.gov.uk

www.cicb.gov.on.ca/en

www.fmb.org.my

www.gov.bc.ca

www.iclc.org.au/fs_victcomp.html

www.lawlink.nsw.gov.au/vs

www.mifc.com

www.ojp.usdoj.gov/ovc/publications/infores/intdir2005/unitedstates.html

www.parlimen.gov.my/

www.pssg.gov.bc.ca/victim_services/cva/

www.spr.gov.my/

www.victimsupport.org/.

BERNAMA,15 Oktober 2010,*Laporan Takaful dan Perbankan 2010*, Kuala Lumpur.

Utusan Malaysia, 02 September 2010, *Kerajaan Lulus Empat Lesen Takaful Keluarga*,
Laporan Ekonomi, Kuala Lumpur.

Utusan Malaysia, 30 Disember 2010, *Kerajaan Cadang Tingkat Kadar Bantuan TAPPN*,
Kuala Lumpur.

Utusan Malaysia, 26 Mei 2011, *Kerajaan Peruntukan RM12 Juta Bagi Manfaat 500,000*
Ahli Isi Rumah Miskin : 100,000 KIR Dilindungi Insurans, Kuala Lumpur.

Utusan Malaysia, 25 Ogos 2011, *Karlisma Dapat Peruntukan RM1.4 Bilion*, Kuala
Lumpur.